DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008

bersamaan

16, 17, 18, 19 DAN 20 ZULHIJJAH 1429

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI AHAD, 14 DISEMBER 2008

Hari AHAD,
14 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 1]
2.	Doa.	[Muka 5]
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	[Muka 5]
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	[Muka 7]
5.	Pelantikan Ahli Dewan Negara.	[Muka 9]
6.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: (i) Soalan-soalan Bertulis. (ii) Soalan-soalan Lisan.	[Muka 13]
7.	Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara Lain.	[Muka 43]
8.	Rang Undang-Undang: (i) Enakmen Perbekalan (2009) 2008	[Muka 44]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama-tamanya marilah bersama-sama kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Insya Allah, persidangan kali ini adalah Mesyuarat Yang Ketiga Bagi Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas yang akan diadakan selama 5 hari, pada 14, 15, 16, 17 dan 18 haribulan Disember 2008. Persidangan Dewan kali ini diadakan selama 5 hari memandangkan persidangan ini adalah merupakan Persidangan Pembentangan Bajet Negeri Terengganu 2009 dan kita juga mempunyai sebanyak 6 enakmen untuk dibahas dan diluluskan dan juga dua Usul. Jadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menggunakan masa yang diperuntukkan ini dengan berhemah dan bijaksana.

Pada hari ini, 14 Disember 2008, sebaik sahaja selesai membentangkan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-Laporan, Tertib Pekerjaan seterusnya ialah Pelantikan dua orang Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu ke Dewan Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan diberi masa untuk meneliti Ucapan Bajet 2009 yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu serta akan diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Bajet tersebut. Selesainya Tertib Pekerjaan berkaitan dengan Bajet, Dewan Undangan Negeri akan meneruskan dengan Tertib Pekerjaan lain yang telah ditetapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengingatkan bahawa sesi bagi Soalan-soalan Lisan diperuntukkan masa selama satu jam seperti biasa bagi setiap hari dan soalan-soalan tambahan bagi satu-satu Soalan Lisan hanya dibenarkan tiga soalan sahaja. Perjalanan bagi Soalan-soalan Lisan saya akan buat secara pusingan, pusingan pertama bagi semua Yang

Berhormat hanya dibenarkan mengemukakan satu soalan dan seterusnya kepada pusingan berikut juga satu soalan sahaja bagi setiap pusingan. Memandangkan ramai Yang Berhormat mengemukakan Soalan Lisan dan sekiranya pada hari yang pertama dan hari-hari berikutnya Soalan Lisan yang dikemukakan Yang Berhormat tidak dapat diselesaikan kesemuanya, maka bagi Soalan Lisan hari yang kedua akan dimulakan dengan soalan selepas daripada Yang Berhormat yang mana Soalan Lisannya berakhir semalam. Cara pelaksanaan ini akan dilaksanakan pada hari persidangan yang berikutnya.

Saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman kita ini. Jadi saya harapkan semua Yang Berhormat mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan kali ini dengan mencetuskan idea-idea yang bernas yang boleh membangunkan Negeri Terengganu serta mengubahkan pemikiran rakyat Negeri Terengganu supaya bertaraf global demi kesejahteraan kita semua. Semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, bertertib dan harmoni.

Kepada Ahli-ahli yang mengemukakan soalan, bertanya dan tambahlah soalannya dengan ikhlas ingin tahu, jangan ingin bergaduh, berbalah dan sebagainya. Kepada pihak Kerajaan jawablah soalan dengan tepat dan berilah penerangan supaya jelas kepada Ahli dan juga rakyat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat marilah kita tunaikan tanggungjawab kita ini dengan bijaksana dan sempurna, insya Allah.

Sebelum saya menyelesaikan ucapan saya pada pagi ini kita maklum Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita telah kehilangan sahabat kita dalam perjuangan iaitu Almarhum Yang Berhormat Datuk Razali Ismail, bagi kerusi Parlimen Kuala Terengganu, jadi saya mengambil kesempatan ini mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang hadirin sekalian marilah kita dengan ikhlas sedekahkan Al-Fatihah kepada roh beliau mudah-mudahan ditempatkan oleh Allah S.W.T. bersama dengan orang-orang yang soleh. Insya Allah. Al-Fatihah. Amin.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga mengambil kesempatan ini kerana dalam tempoh terdekat ini juga Al-marhumah bonda kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita juga telah kembali ke rahmatullah dan saya mengambil kesempatan ini mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mari kita sedekahkan dengan ikhlas Doa Al-Fatihah mudah-mudahan Allah S.W.T. menempatkan roh Allahyarhamah di sisi bersama-sama dengan orang-orang yang soleh. Insya Allah. Al-Fatihah. Amin.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan yang telah dibentangkan berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu:-

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2009.

   (D.U.N. Bil. 10/2008)

2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2009.

   (D.U.N. Bil. 11/2008)

3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2009.

   (D.U.N. Bil. 12/2008)

4. Peruntukan Tambahan Pertama Anggaran Perbelanjaan 2008. (D.U.N. Bil.13/2008)

5. Penyata Kewangan Tahun 2007 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 14/2008)

6. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Daerah Setiu.

   (D.U.N. Bil. 15/2008)

7. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Daerah Dungun.

   (D.U.N. Bil. 16/2008)

8. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil. 17/2008)

9. Penyata Tahunan Tahun 2007 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 18/2008)

10. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2007 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 19/2008)

11. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2007.

(D.U.N. Bil. 20/2008)

12. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2007 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 21/2008)

13. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2007 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 22/2008)

PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja bahawa terdapat dua kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini ialah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan kedua-dua Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih dua orang Ahli Dewan Negara yang baru. Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja meminta supaya diadakan pemilihan dua orang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki memilih dua orang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan memohon untuk mencadangkan:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih semula YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN AHMAD FARID BIN WAN SALLEH sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengisi kekosongan."***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan pelantikan Ahli Dewan Negara ini adalah bagi kali yang kedua, maka saya tidak bercadang untuk menyampaikan latar belakang beliau untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara. Saya mohon mencadangkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Tapi saya terima laporan, Wan Ahmad Farid bukan Wan Mat Farid, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Betul Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Haji Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada sokongan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Satu lagi cadangan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengemukakan pemilihan seorang lagi calon dan memohon mencadangkan:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih HAJAH FATIMAH BINTI HAMAT sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin juga menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

Maklumat Peribadi

Nama	:	Hajah Fatimah binti Hamat
Alamat	:	676J, Taman Dato' Abd. Rahman 21700 Kuala Berang Terengganu
Tarikh Lahir	:	13 Jun 1950
Tempat Lahir	:	Kuala Berang, Terengganu.
Pekerjaan	:	Pesara Pendidikan (Jun 2006)
Status	:	Berkahwin / Mempunyai anak 4 orang. (2 lelaki dan 2 perempuan)

Latar Belakang Pendidikan

Diploma Pendidikan Maktab Perguruan Perempuan
Melayu Melaka (1972)

Pengalaman Kerja

15 tahun sebagai Guru Penolong
19 tahun sebagai Guru Besar

Jawatan Dalam Parti

Naib Ketua Pergerakan UMNO Negeri Terengganu
Ketua Wanita UMNO Bahagian Hulu Terengganu
Naib Pengerusi Penyelaras DUN Kuala Berang
AJK Biro Keahlian Wanita UMNO Malaysia
AJK UMNO Cawangan Kuala Berang

Jawatan Dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga Parlimen Hulu Terengganu
Naib Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri Terengganu
Naib Pengerusi (W) PEMADAM Daerah Hulu Terengganu
Naib Pengerusi (W) Bekas Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Daerah Hulu Terengganu
Naib Pengerusi SURIANITA Daerah Hulu Terengganu
Penasihat Juvana Daerah Hulu Terengganu
AJK LKPI Daerah Hulu Terengganu
Ahli Seumur Hidup WI

Anugerah /Pingat Yang Diperolehi

Anugerah Guru Cemerlang
Anugerah Guru Besar Cemerlang
Anugerah Tokoh Peringkat Negeri Terengganu 2007

Anugerah Sekolah Terakhir (1998 - 2006)
Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang

Sekolah Cemerlang UPSR Peringkat Negeri
Sekolah Harapan Negara Dalam Bandar Ketiga
Peringkat Kebangsaan (2003)
Johan Kawad Kaki Badan Beruniform Peringkat Kebangsaan (2003)
Naib Johan Lanskap Peringkat Negeri
Pengurusan Kurikulum Terbaik Peringkat Negeri (2005)

Pingat

Pingat Jasa Kebaktian (PJK) - 1995
Pingat Pangku Negara (PPN) - 1998
Anugerah Ahli Mangku Terengganu (AMT) - 2005
Anugerah Ahli Mangku Negara (AMN) - 2007

Saya mohon mencadang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memilih dua orang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan kepada Dewan untuk undian.

Cadangan ini dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya isytiharkan bahawa:

1. Yang Berhormat Dato' Haji Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, dan

2. Puan Hajah Fatimah binti Hamat

telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada.

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan-soalannya adalah daripada 12 orang Ahli Yang Berhormat:

1. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
2. Yang Berhormat Wakil Manir
3. Yang Berhormat Wakil Batu Burok
4. Yang Berhormat Wakil Jabi
5. Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang
6. Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam
7. Yang Berhormat Wakil Tepoh
8. Yang Berhormat Wakil Ladang
9. Yang Berhormat Wakil Sura
10. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
11. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
12. Yang Berhormat Wakil Bukit Payung

Bagi pihak rakyat saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan dan dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Hulu Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya menyampaikan soalan saya, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya membawa balik wang royalti rakyat ke Negeri Terengganu. Soalan saya, soalan 1-

> *Bermula tahun 2009, Persatuan Belia akan dipimpin oleh mereka yang berumur 40 tahun ke bawah, apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan Terengganu untuk menarik golongan muda menyertai Persatuan Belia?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Pemerhati-pemerhati.

Soalan Wakil Hulu Besut, berbunyi: Bermula tahun 2009, Persatuan Belia akan dipimpin oleh mereka yang berumur 40 tahun ke bawah, apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan Terengganu untuk menarik golongan muda menyertai Persatuan Belia?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang banyak langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ini untuk menarik golongan belia menyertai Persatuan Belia dan antara langkah-langkahnya ialah:

i. Menganjurkan program-program promosi bergerak sepanjang tahun seperti mengaktifkan kembali Program Rakan Muda dengan memperkenalkan Kad Keahlian Rakan Muda, Go-Mobile Rakan Muda dan mewujudkan Skuad Sukarelawan Remaja Rakan Muda di seluruh daerah sebagai platform para pelajar dan remaja khususnya golongan muda seawal 15 tahun untuk bergiat aktif dalam aktiviti persatuan dan sukarelawan.

ii. Memfokus dan memperkasakan pembangunan belia kepada tiga aspek kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh generasi muda hari ini iaitu Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan atau dikenali sebagai 3K. Ianya penting bagi menjana ketrampilan Modal Insan untuk menjadi 'towering personality' kepada para pelajar dan remaja di Negeri Terengganu.

iii. Menyalurkan Bantuan Pengupayaan Persatuan Belia di setiap daerah di mana bantuan kewangan sebanyak RM3,000.00 bagi setiap persatuan.

iv. Menganjurkan Program Gerak Pendaftaran Persatuan Belia dan Program Jom Daftar di peringkat daerah dan negeri untuk membolehkan para belia di Negeri Terengganu mendaftar dan menubuhkan persatuan belia yang baru serta memperbaharui persatuan belia yang sedia ada.

v. Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan bersama Majlis Belia Negeri Terengganu juga telah melaksanakan Sambutan Hari Dan Minggu Belia Negeri Terengganu serta Anugerah Belia Negara pada setiap tahun sebagai dorongan dan galakan persatuan-persatuan belia bersaing secara sihat untuk mendapat anugerah terbaik peringkat negeri ke arah memartabatkan golongan belia.

vi. Kerajaan juga melaksanakan beberapa siri Kursus Kepimpinan Belia peringkat daerah dan negeri, Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional dan seminar serta bengkel untuk memberi pendedahan, bimbingan dan latihan yang sewajarnya di dalam aspek pengurusan dan kepimpinan persatuan kepada para belia yang ingin berpersatuan dalam usaha memantap dan mengaktifkan Persatuan Belia di seluruh Negeri Terengganu.

vii. Menjalinkan perkongsian pintar (smart partnership) dengan rakan-rakan strategik belia dan sukan dalam sektor kerajaan, swasta dan NGO-NGO untuk tujuan pendanaan/penajaan/ pembiayaan dan lain-lain bagi melengkapkan para pelajar dan remaja dengan kemahiran, kepimpinan, vokasional dan keusahawanan.

viii. Mulai tahun 2009 juga, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan akan melaksanakan Program Satu Persatuan, Satu Komuniti. Melalui program ini lebih banyak persatuan belia yang baru akan ditubuhkan selain mengupayakan pemimpin dan persatuan belia yang sedia ada.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita juga ingin tahu kalau Kerajaan mengatakan iaitu untuk memperkasakan belia Kerajaan menumpukan kepada 3K dan menarik sayanya ialah keusahawanan. Apakah Kerajaan Negeri menyediakan tabung ataupun peruntukan kepada belia untuk membuat pinjaman untuk keusahawanan, kalau ada, berapakah jumlahnya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam memperkenalkan 3K tadi, Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan, satu daripada tiga perkara itu ialah keusahawanan. Dan selain daripada memperkasakan belia dari segi aspek kemahiran, tentunya juga melalui program-program keusahawanan, peruntukan ataupun bantuan bersesuaian akan disediakan bagi kepentingan pembangunan keusahawanan belia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan bahawa Persatuan-Persatuan Belia sekarang ini kalau boleh dikategorikan sebagai malap bukan tidak bermaya tetapi malap walaupun telah diberi peruntukan sebanyak lebih kurang RM3,000.00 kepada setiap persatuan tapi masih juga tidak aktif. Apakah sebab-sebabnya persatuan ini tidak begitu aktif seperti tahun-tahun sebelumnya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara pendekatan bagi tahun 2009 kepada Persatuan Belia ialah Persatuan Belia ini akan dipimpin oleh mereka yang berumur 40 tahun ke bawah. Dan rasional kepada keputusan ini ialah supaya Persatuan Belia ini dipimpin oleh mereka yang dekat dengan belia, mereka yang memahami belia, kehendak dan kemahuan belia semasa dan usaha-usaha bantuan keupayaan Persatuan Belia sebanyak

RM3,000 ini ialah antara pendekatan yang telah diambil dan setelah bantuan ini diberi mungkin dari segi pengupayaannya perlu dibuat di peringkat itu termasuklah pemantauan di peringkat Pejabat-pejabat Belia di daerah-daerah yang setakat ini mungkin kekurangan tenaga dan sebagainya. Dan dari segi modul ke arah pengupayaan Persatuan Belia ini juga perlu dilihat semula. Saya bersetujulah dengan pandangan Wakil Jabi maknanya kita juga kena melihat *overhaul* secara keseluruhan dengan izin, tentang pendekatan kita kepada Persatuan-Persatuan Belia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai. Soalan tambahan saya berhubung dengan Kes Persatuan Belia: Sehingga kini berapakah jumlah Persatuan-Persatuan Belia di seluruh Negeri Terengganu yang didaftarkan dan berapa yang aktif, berapa yang *dormant* (yang tak bergerak) dan berapa yang mati terus dan dibatalkan pendaftaran? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam soalan pokok ni?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat, soalan *detail* perlu kepada notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya ingat kena, kena .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada satu lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tiga Yang Berhormat. Terima kasih. Saya menjemput Wakil Manir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, soalan saya yang pertama -

> *Berapakah jumlah pelajar-pelajar Negeri Terengganu yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti pada tahun ini?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Manir, soalannya berkait dengan: Berapakah jumlah pelajar-pelajar Negeri Terengganu yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti pada tahun ini?

Data bilangan pelajar Terengganu yang berjaya memasuki universiti yang terkini bagi tahun 2008 berdasarkan rekod pemberian bantuan persediaan adalah berjumlah 13,412 orang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jumlah 13,000 itu berapa ramaikah yang berjaya atau diterima memasuki universiti-universiti yang ada di Negeri Terengganu, khususnya seperti UDM, UMT, UiTM dan lain-lain?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Berkait dengan soalan tersebut saya perlukan notis awal sebab perkara ini saya rasa ada berkait dengan soalan pokok. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih pasal notis, kalau kata tidak berkait dengan soalan pokok itu tak betul, sebab daripada jumlah itu kita ada universiti di Terengganu khususnya UDM, berapa anak Terengganu yang boleh belajar di situ? Kalau saya sebut awal-awal tak guna soalan tambahan, ini soalan itu untuk Exco yang berkenaan bersedia dengan soalan-soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah takdok soalan-soalan tambahan Yang Berhormat? Takdok tambahan dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada, dia takmboh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sebenarnya universiti di negara kita ini banyak Yang Berhormat. Jadi, kalau nak khusus begitu Yang Berhormat patutnya tambah selalu dalam soalan Yang Berhormat untuk universiti-universiti yang berada dalam Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak tahu, pertama saya buat contoh, UDM. Sebab dia daripada KUSZA jadi universiti, apa manfaat secara langsung yang didapati oleh rakyat Negeri Terengganu kalau diberi jumlah bilangan yang disediakan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Sebab itu saya kata tadi soalan biarlah betul-betul ingin nak tahu dan jawapannya saya rasa dah kemas, betul-betul menjawab. Jadi, saya jemput Yang Berhormat ketiga daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan yang pertama–

> *Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi negara serta membantu rakyat negeri ini berhadapan kemelut ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi mengatasi kesan kemelesetan ekonomi negara serta membantu rakyat berhadapan dengan kemelut ini, beberapa langkah telah diambil antaranya:

i. Kempen Bumi Hijau Peringkat Negeri telah dilancarkan dengan tujuan untuk menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran dan lain-lain untuk keperluan sendiri di sekeliling rumah dan kalau ada lebihan bolehlah dijual.

ii. Menggalakkan rakyat berbelanja secara berhemah dengan mengelakkan pembaziran. Berbelanja bila perlu menerusi kempen-kempen yang diadakan.

iii. Kempen menurunkan harga oleh Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu di mana telah disertai oleh Pasaraya The Store, Mydin Hypermarket dan Giant bagi menurunkan harga barangan keperluan pengguna.

iv. Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga telah memberi kebenaran dan mengalu-alukan premis-premis perniagaan mengadakan jualan murah bagi meringankan beban rakyat.

v. Mengadakan pemeriksaan yang menyeluruh di negeri bagi memastikan harga bekalan barangan keperluan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dan mencukupi untuk rakyat dan harga ini adalah pada kadar harga yang munasabah.

vi. Bantuan tunai sektor nelayan dan bot penumpang sungai kepada pemilik dan pekerja vesel rakyat Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan diberi RM200 sebulan dan pemilik vesel rakyat Malaysia berdaftar dengan Jabatan Perikanan diberi RM0.10 setiap 1 kilogram hasil ikan.

Dengan penurunan harga minyak yang berterusan, dijangkakan harga barangan akan juga turun secara beransur-ansur mulai tahun 2009. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Persoalan kemelesetan ekonomi negara ini memang memberi kesan yang besar kepada seluruh rakyat bukan sahaja di negeri-negeri lain tetapi terutamanya dalam konteks Negeri Terengganu. Apa yang menjadi perhatian kepada kita adalah bagaimana kita nak mengatasi serta membantu rakyat Negeri Terengganu kita sendiri dalam konteks menghadapi terutamanya kenaikan harga barang, inflasi yang sekarang ini para penganalisis ekonomi menyatakan kenaikannya lebih daripada 2½ peratus kenaikan dari segi gandanya kenaikan kadar inflasi yang berlaku. Begitu juga beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat. Jadi, bebanan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang bagaimana kita melaksanakan *prudent budget,* perbelanjaan yang telus, perbelanjaan yang dapat menepati kehendak rakyat di negeri kita ini sendiri. Kebimbangan saya ini ialah dalam beberapa bulan selepas perubahan pucuk pimpinan Negeri Terengganu ini, Kerajaan Negeri lebih banyak *internal politicking* dengan izin, daripada membincangkan persoalan kepentingan rakyat. Yang jelas baru-baru ini ialah isu banjir, di mana rakyat dahlah terbeban dengan kenaikan harga barang, terbeban pulak dengan projek-projek pembangunan yang struktur tidak teratur dan rakyat menanggung bebanan kenaikan, banjir, bah yang berlaku di Negeri Terengganu akibat pembangunannya yang tidak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Fokus soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Fokus terus.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya fokus terus. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok macam nak pergi Parlimen aje. Ya, sila, sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dahpun sebut tadi bahawa langkah-langkah untuk mengurangkan beban rakyat dan soal banjir soal yang berbeza. Kebetulan kita menghadapi musim banjir dan kita percaya bahawa ini berlaku akibat hujan yang lebat yang turun di bumi Terengganu. Jadi, kita tidak boleh nak hubungkaitkan antara masalah ekonomi yang disebutkan tadi dengan masalah banjir. Saya rasa ADUN Batu Burok faham dan cuba mencari helah dan cuba untuk mencari publisiti dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi peluang satu lagi soalan tambahan. Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tadi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada menyebutkan bahawa Kempen Menurunkan Harga Barang ini buat di Giant, di Mydin tapi kebanyakan orang miskin ini dia tidak pergi ke Giant, ke Mydin. Kalau orang Batu Enam, padan ke Pasar Batu Enam sahaja, takdok kenderaan dia untuk pergi ke sana, maka harga barang di pasar-pasar Bukit Tunggal, Batu Enam tetap mahal macam biasa jugak. Dikatakan ada pihak-pihak Penguatkuasaan? Nampaknya harga tidak pernah turun walaupun dikatakan minyak telah turun itupun harga barang masih lagi tidak terkawal.

Yang keduanya, masalah Bumi Hijau. Orang miskin ini tanahpun tak ada, sebahagian tanah hak lulus dulupun telah dirampas balik. Jadi, nak bertanam dekat mana? Tapak rumahpun tumpang tanah orang. Jadi, masalah kepada orang-orang miskin ini khusus nelayan okeylah RM200

tetapi yang buruh? Macam di Batu Enam, Kilang Plywood ditutup sekarangpun tak ada peluang pekerjaan lagi ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dan banyak lagi di .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. Soalan itu biar fokus dan ikhlas Yang Berhormat, jangan lanjut-lanjut, sila. Kalau takpun saya tak benarkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini saya menyatakan bahawa kesusahan rakyatnya bukan hanya boleh selesai dengan harga murah di Mydin ataupun di Giant tetapi kena, perlu dilihat di tempat di mana rakyat miskin yang berbelanja harian mereka sama ada di Pasar Batu Enam, saya sebut Pasar Batu Enam kerana saya dari Bukit Tunggal, Pasar Bukit Tunggal sendiri dan yang menjual dari rumah ke rumah ini. Inilah yang dibeli oleh rakyat kampung harian mereka, sedangkan pendapatan mereka tidak meningkat, peluang pekerjaan tidak ada di kampung-kampung. Ini supaya Kerajaan boleh melihat bagaimana golongan ini yang mendapat manfaat daripada usaha-usaha Kerajaan bagi meringankan beban dengan harga barang yang meningkat sekarang ini khususnya di luar bandar. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau bercakap soal golongan termiskin, mereka ini sebahagiannya menerima bantuan daripada Kerajaan. Kita bercakap mengenai golongan orang ramai, yang biasa. Jadi, janganlah kita cuba memanipulasikan keadaan. Saya yakin sebagai seorang yang bijak pandai, kalau kita ikhlas dapat melihat pertambahan pendapatan rakyat, memang bertambah. Soal sekarang kenaikan harga yang menyebabkan mereka terbeban sedikit dan insya Allah Kerajaan akan mencari jalan bagi mengurangkan bebanan/masalah golongan yang termiskin sebagaimana yang disebutkan tadi. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Jadi Yang Berhormat sekalian, saya yang pentingnya biar soalan kita itu boleh dijawab oleh pihak Kerajaan dengan baik sebab kita ini *online.* Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian terutamanya saya pesan dulunya dalam sidang ini jangan tidur sebab kita ini *online* ke seluruh dunia. Saya pergi ke luar negara berjumpa dengan pelajar-pelajar Terengganu, dia kata: Terima kasih Dato' Speaker, Dewan

kita ini dinanti-nantikan. Sayapun tengok yang rakaman mereka memang ramai di antara kita yang tidur. Jadi, begitu jugak soalan biar ada nampak kita ini Yang Berhormat bukan kita Yang Menyusahkan, bukan saya kata ke Yang Berhormat Bukit Tunggal tadi, tidak. Saya ingatkan kepada Ahli-ahli Dewan sekalianlah. Saya menjemput Jabi, tambah selalu hak yang nak sabit tadi. Sila, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan 1 -

> *Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengisi program akademik di Taman Ilmu yang hampir siap dibina di Besut dan berapakah kos sebenar pembinaannya itu?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Berkait dengan soalan daripada Wakil Jabi. Kerajaan Negeri akan meneruskan konsep asal Taman Ilmu iaitu gabungan penempatan beberapa kampus Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) secara berpusat dengan menggunakan kemudahan asas secara bersama. Kos sebenar pembinaan adalah RM21,478,869.64. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan, mungkin ramai di kalangan masyarakat kita belum tahu, apakah jenis-jenis program yang akan dilaksanakan di Taman Ilmu tersebut, jadi saya mahu penjelasan jenis program dan universiti mana yang akan memasuki di Taman Ilmu tersebut?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Jabi. Jadi, konsep yang akan dilaksanakan di Taman Ilmu yang hampir siap yang dibina di Besut ini ialah yang pertama sekali, universiti (IPTA) yang akan berada di situ ialah UDM (Universiti Darul Iman Malaysia). Dan di samping itu, konsep dia ada beberapa universiti IPTS yang kita sekarang sedang menunggu dan salah satu kawasan yang telah dipohon ialah daripada International College University Twintech (ICUTT) dan kita dimaklumkan sekarang ICUTT ini

dalam menyediakan perancangan terperinci bagi pembinaan kampusnya di Taman Ilmu. Dan insya Allah, untuk tahun hadapan kita difahamkan ada beberapa lagi universiti, insitut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang ingin memohon dan kita akan mempertimbangkan untuk kita tempat di Taman Ilmu tersebut. Walau bagaimanapun, kita sedang menunggu apabila Taman Ilmu ini siap sepenuhnya barulah pelaksanaan secara yang dirancang itu akan dapat kita laksanakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada RM410 juta lebih yang dikatakan kos sebenar pembinaan tu, berapa yang telah dibelanjakan dan universiti yang dikatakan nak jadi *anchornya* ialah UDM dan ICUTT ni, berapa keluasan yang diberikan dan bila dijangka dia akan memulakan operasi?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Berkait dengan perbelanjaan yang telah kita belanjakan setakat ini, jumlah yang kita bayar pada tahun 2007 ialah RM89,793,197.74. Cuma saya nak perbetulkan balik, dia bukannya RM410 juta tapi RM401,478,869.64 kos sebenar pembinaan. Jumlah dibayar pada tahun 2008 ialah RM60,784,021.41. Jadi, jumlah perbelanjaan bagi tahun 2007 dan 2008 ialah sebanyak RM150,577,219.15. Berkait dengan ICUTT itu tadi, International College University Twintech ini, seperti yang saya maklum tadi, ICUTT ini dalam menyediakan perancangan terperinci bagi pembinaan kampusnya. Kita masih menunggu lagi perancangan yang diberi, dan insya Allah selepas daripada ini pihak kerajaan akan membuat keputusan berasas kepada permohonan daripada pihak ini. Jadi, kita masih menunggu keputusan yang akan diberi oleh pihak ICUTT. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya tadi sebahagiannya tidak dijawab. ICUTT itu tadi berapa luas kawasan yang diperuntukkan untuk dia, berapa luas kawasan?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dah saya beritahu tadi, kita masih lagi menunggu disebabkan dia hanya memohon dan kita masih belum lagi dan disebabkan College University Twintech ini baru menyediakan perancangan terperinci. Jadi, kita masih menunggu asas daripada pihak ini berapa keluasan yang diperlukan. Jadi, cumanya pada dasarnya dia baru saja buat permohonan dan dia hanya memberitahu program-program yang hendak dilaksanakan tapi dari segi keluasannya belum lagi kita dapat secara *detail,* macam saya sebut tadilah pihak dia masih lagi menyediakan perancangan terperinci bagi pembinaan kampusnya termasuk dari segi kos dan sebagainya itu belum lagi kita terima, kita masih menunggu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Wakaf Mempelam untuk mengemukakan soalan asal dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama.

> *Berapakah jumlah royalti yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2000 hingga 2008 dan setakat ini berapakah jumlah yang telah dibayar oleh PETRONAS?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hasil royalti yang sepatutnya diterima masih belum diketahui kerana Kementerian Kewangan dalam proses menentusahkan amaun Dana Khas yang sepatutnya diterima sebagai royalti. Sehingga kini Kerajaan Negeri menerima secara tidak langsung sebanyak RM5.81 bilion dan dicampur dengan premium yang terakhir semalam RM408.6 juta menjadikan sehingga kini diterima sehingga 14.2.2008 sebanyak RM6,218,000,000.00 yang telah disalurkan terus kepada akaun Kerajaan Negeri. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini merupakan soalan rakyat yang tertunggu-tunggu sejak tahun 2000 sehingga 2008 setelah dinafikan royalti kepada Negeri Terengganu, mereka tertanya-tanya jumlah sebenar yang sepatutnya kita terima. Soalan sayanya ialah kalau ikut Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen pada 2006, Laporan 2005. Ada Kementerian-Kementerian, Negeri-Negeri, Syarikat-syarikat Kerajaan, Badan-badan Berkanun diagihkan duit royalti ini. Jadi, saya nak tahu apakah usaha kita untuk nak tahu jumlah, maklumat jumlah yang telah digunakan yang sepatutnya jadi hak kita yang diagihkan ke negeri-negeri lain dan jugak kepada Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi lain?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kini Kerajaan sedang menunggu senarai perbelanjaan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan duit royalti sebagaimana disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam itu tadi setakat ini yang telah disahkan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM700,000,000.00 digunakan untuk membina rumah SPMB di negeri lain selain Terengganu. Dan yang kedua, sebanyak RM800,000,000.00 telah dibelanjakan di negeri-negeri lain. Ini menjadi RM1.5 bilion ini akan dituntut kembali oleh

Kerajaan Negeri setelah beberapa senarai lain yang kita kehendaki masih lagi tidak dapat disahkan oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ada tambahan lain?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya: Daripada RM6.218 bilion yang kita terima royalti atau bentuk Dana Khas, saya nak tahu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berapa yang telah dibelanjakan untuk menjayakan, melaksanakan projek-projek Kerajaan Pusat di Negeri Terengganu, adakah diguna sebahagian RM6.21 bilion ini ataupun duit Pusat bukan duit Terengganu, mintak penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, kita sedang menunggu senarai lengkap daripada Kementerian Kewangan dan adalah diakui bahawa sebahagian daripada RM6.28 bilion juga digunakan untuk projek-projek tertentu dan disalurkan menerusi Kerajaan Negeri. Insya Allah, setelah kita mendapat senarai ini, rundingan terakhir dengan Kerajaan Pusat untuk menuntut kembali hak kita atau terbaki yang ada ini dapat dilaksanakan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketiga, ya? Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kenapa wang royalti itu disimpan oleh Kerajaan Persekutuan yang sepatutnya wang itu masuk secara langsung kepada Geran Kerajaan Negeri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebab itulah proses saman menyaman berlaku dan kita merundingkannya dan alhamdulillah, Kerajaan Pusat bersetuju untuk menyerahkan kembali kepada kita dan rundingan masih lagi berjalan untuk menyelesaikan beberapa perkara dan sebab itulah sehingga kini kita belum lagi menarik balik saman tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Wakil Tepoh mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Apakah perancangan yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi memastikan status Lapangan Terbang Sultan Mahmud dapat terus beroperasi sebagai sebuah 'Lapangan Terbang Antarabangsa?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tepus yang telah menanyakan mengenai perancangan-perancangan ....

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh Yang Berhormat bukan Tepus.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Minta maaf.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Tepus ni di Hulu Dungun.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tersalah, tak minum air lagi Yang Dipertua pagi ni, lepas ni kita kena minum air. Perancangan yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi mempastikan status Lapangan Terbang Sultan Mahmud ialah:

i Merancang mengadakan penerbangan terus secara berjadual ke destinasi luar negara dengan menjadikan lapangan terbang ini sebagai hub pintu masuk Pantai Timur Semenanjung. Di antara syarikat-syarikat penerbangan yang berpotensi besar menggunakan lapangan terbang ini sebagai hub antarabangsa ialah Air Asia X yang sedang merancang untuk membuat penerbangan terus ke Indochina, Singapura, Sabah dan juga Sarawak. Syarikat penerbangan Firefly yang akan menjadi Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebagai hub penerbangan Pantai Timur yang akan membuat penerbangan terus ke Bandung dan Utara Thailand.

ii. Merancang untuk menjadikan lapangan terbang ini sebagai pintu masuk kargo udara ke Pantai Timur dengan mengadakan penerbangan berjadual operasi kargo udara oleh pihak Maskargo,

Federal Express dan Evergreen. Secara terus dari luar negara dan dihantar terus ke kawasan Pantai Timur yang mana dapat menjimatkan masa penghantaran melalui jalan darat iaitu sejauh 150 kilometer dari lapangan terbang ini seiring dengan perancangan 'Economic Eastern Region (ECER)' yang telah dilancarkan.

iii. Merancang untuk mengadakan penerbangan *'Chartered Flight'* untuk tujuan industri pelancongan dan pakej mengerjakan umrah untuk Wilayah Pantai Timur Semenanjung melalui lapangan terbang ini.

iv. Menjadikan lapangan ini sebagai Hub Penerbangan Haji Pantai Timur yang telahpun bermula dengan jayanya untuk pengendalian operasi Penerbangan Haji 2008 secara terus ke Jeddah.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Tadi tersalah sebut acap-acap, dia kena langgar, 'Tepoh'. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Apakah Kerajaan sedar bahawa kedapatan banyak tempat-tempat ataupun yang dilihat atap di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dilihat sebagai bocor yang menyebabkan berlakunya ataupun kesulitan kepada pengguna-pengguna dan kalau Kerajaan sedar demikian, apakah tindakan yang akan diambil?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Memang kita sedia maklum dan Kerajaan Negeripun memang dah tahu dan kita telahpun membuat kerja-kerja terperinci untuk mengatasi masalah tersebut. Insya Allah, pada awal tahun hadapan kita akan dapat selesaikan masalah bocor dan sebagainya dan bukan sahaja setakat bocor bahkan dari segi aspek kebersihan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, semenjak lapangan terbang ini pada dasarnya disiapkan dan ada kaitan dengan soal berlakunya banjir baru-baru ini dan di antara kawasan ataupun perumahan yang terlibat adalah

yang berdekatan dengan lapangan terbang itu sendiri. Saya tidak kata bahawa punca utama ialah kerana pembinaan lapangan terbang tetapi adakah Kerajaan bercadang oleh kerana kawasan-kawasan yang berhampiran dengan lapangan terbang khususnya dengan izin, *lighting area* tu, kawasan pencahayaan tersebut berlakunya banjir, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil balik tanah-tanah milik yang ada di persekitaran tersebut sebagai contohnya tanah Taman Desa Pusu Tiga, Taman Haji Embong yang menyebabkan banjir, air bertakung lebih daripada seminggu. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil balik tanah tersebut kerana saya lihat antaranya ialah terdapat pokok-pokok yang besar di sekitar taman perumahan tersebut jugak dipotong ataupun ditebang bagi maksud untuk memudahkan pendaratan. Saya melihat ini satu masalah di samping kawasan tersebut terlibat dengan banjir, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil balik kawasan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh, saya ucap tahniah Tepoh yang terperinci dan mewakili rakyat sebenarnya itu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih, terima kasih. Bagus sebenarnya Tepoh ni, bagi kawasan dia, dia nak suruh jadi comel. Sebenarnya Kerajaan Negeri sedang membuat kajian terperinci untuk mengkaji sejauh mana dari segi cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak Tepoh dan memang kita bersedia untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terperinci saja Tepoh ni, kita harap selesailah masalah rakyat ni. Saya beri peluang satu lagi kepada Tepoh ni .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri peluang kepada Tepoh sekali lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Takkan ketiga-tiga Tepoh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan banjir kawasan dia.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan saya, soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Takkan ketiga-tiga Tepoh Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, soalan dia bagus Yang Berhormat, saya bagi dia peluang satu lagi. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin tanya soalan tambahan sayalah yang ketiga: Semenjak lapangan ini beroperasi khususnya dalam pengendalian Jemaah Haji baru-baru ini, sebenarnya banyak kekurangan-kekurangan yang lain sebagai contohnya ialah tidak wujudnya dikatakan sebagai tempat penyajian ataupun peralatan penyajian untuk penerbangan langsung ke antarabangsa sebagai contohnya yang melibatkan antaranya ialah seperti LSG Skychef tidak ada terpaksa dibawa daripada Kuala Lumpur jentolak untuk menolak kapal terbang yang begitu besarpun hanya sebuah sahaja, itupun dah hampir *expired* dah. Apakah Kerajaan dalam erti kata tidak melihat perkara ini dengan serius dan bagi maksud untuk memastikan lapangan terbang tersebut segala kemudahannya dapat disediakan dengan baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kerajaan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Memang dah, kita mula-mula ni memanglah takkan semua nak molek selalu, ke guana? Jadi, hak mula-mula *test* ni kita buat cara *test* dulu, lepas itu kita baikilah hak mana silap kita. Dato' Yang Dipertua, kita akan baiki kelemahan-kelemahan yang berlaku. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan lagi mengenai ini.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan banjir yang disebut tadi dan berkaitan dengan pembesaran lapangan terbang kita yang berlaku sekarang ini. Jadi, persoalan yang ditimbulkan adalah persoalan rakyat, Dato' Yang Dipertuapun sebut persoalan rakyat. Jadi, saya mintak supaya Kerajaan Negeri Terengganu mengambil langkah-langkah yang wajar terutamanya terhadap kajian-kajian awal yang dibuat, kenapakah ini boleh berlaku,

kebanjiran boleh berlaku di kawasan-kawasan perumahan yang berada di sekitar lapangan terbang itu. Yang keduanya, tanggungjawab pihak kontraktor sendiri. Mereka perlu mengambil tanggungjawab untuk membayar terus pampasan kepada penduduk-penduduk sekitar. Apa yang berlaku adalah kebanyakan yang terlibat itu adalah buat pertama kalinya berlaku kepada mereka bila berlaku pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Jadi, saya mintak penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri bagaimanakah langkah-langkah untuk kita memberikan bantuan *compensation hundred percent* saya mintak diberikan kepada mereka-mereka yang terlibat dan kontraktor yang mendapat untung besar di atas pembinaan Lapangan Terbang Sultan Mahmud itu perlu bertanggungjawab untuk memberikan dengan izin, *compensation hundred percent* (100%) kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, soalan panjang biasanya jawapan dia pendek. Jadi oleh kerana soalan panjang tu, saya ucap terima kasihlah kepada Wakil Batu Burok di atas nasihat tu dan kita akan cuba menyelesaikan masalah-masalah itu di masa-masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sahabat-sahabat sekalian. Soalan nombor 1-

> *Mengapakah Kerajaan Negeri masih terlibat dengan penganjuran Kejohanan Monsoon Cup dan apakah kapal layar yang digunakan itu disediakan sendiri oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan Wakil Ladang: Mengapakah Kerajaan Negeri masih terlibat dengan penganjuran Kejohanan Monsoon Cup dan apakah kapal layar yang digunakan itu disediakan sendiri oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri masih lagi terlibat dengan penganjuran Monsoon Cup 2008 kerana masih terikat dengan

perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan T-Best Event Sdn. Bhd. sehingga tahun 2012, bagi tahun 2008 adalah bagi kali yang keempat. Kapal layar yang digunakan disediakan oleh penganjur T-Best Event dan ianya dimiliki oleh Kerajaan Negeri di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Boleh diberitahu berapakah harga kapal layar yang telah dibeli oleh Lembaga Amanah tadi. Berapa sebutir dan berapa ada kesemuanya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak silap saya ada 12 butir tapi harga kena mintak notis Yang Berhormat, minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak diberi Yang Berhormat. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. HAJI SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tadi telah disebut tentang ikatan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan T-Best Event. Saya telah berkali-kali telah bertanya di Dewan yang mulia ini tentang perkaitan, hubungan perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan T-Best Event. T-Best Event ini Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada pemimpin-pemimpin Umno Terengganu dan sebahagiannya adalah Exco Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi, ini suatu *conflicting interest* yang berlaku yang melibatkan wang Kerajaan Negeri berjuta-juta ringgit Dato' Yang Dipertua, jadi kita perlu bertanggungjawab ikatan perjanjian itu kalau kita boleh kaji kembali untuk kita hapuskan terus perjanjian itu untuk kepentingan rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu. Kita tidak tolak sukan di Negeri Terengganu ini tetapi kalau ianya tidak memberikan kepentingan kepada rakyat Negeri Terengganu yang sedang menghadapi keadaan ekonomi yang begitu meleset, keadaan kenaikan harga barang dan sebagainya, ini memberikan bebanan yang besar. Minta maaf Yang Dipertua, saya ulangkan balik siapa yang bertanggungjawab tentang persoalan ini sedangkan T-Best Event ini adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin Umno Negeri Terengganu yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah mereka bersama-sama dengan beberapa orang Tycoon yang berada di Kuala Lumpur yang telahpun saya sebut di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasihlah kerana saya bimbanglah tadi takut pihak Pembangkang ini tidak bersetuju dengan

penganjuran sukan yang bertaraf dunia ini kerana memangpun Monsoon Cup merupakan satu daripada kejohanan bertaraf dunia di Terengganu dan kita telah berjaya setakat ini sehingga tahun 2008 menganjurkan, menjadi *host* kepada Kejohanan Monsoon Cup ini dan saya menafikan kalau kata tidak ada kelebihan khususnya kepada orang ramai rakyat Terengganu daripada penganjuran Kejohanan Monsoon Cup itu sendiri kerana tentunya daripada soal mengantarabangsakan Terengganu memangpun kita berjaya melalui kejohanan ini telahpun mengantarabangsakan Terengganu. Tapi dalam masa yang sama juga pendekatan kita di peringkat awal supaya dalam musim tengkujuh yang dulunya di Terengganu memang musim tengkujuh bilik-bilik hotel dan perniagaan terus tiada kerana ramai orang bimbang untuk datang ke Terengganu musim tengkujuh dan tentunya semasa penganjuran Monsoon Cup hampir 4 tahun sudah sehingga sekarang hotel penuh dan walaupun tumpuan-tumpuan tidak disebut tetapi bagi yang berniaga seperti songket, batik dan sebagainya dan juga perniagaan-perniagaan yang lain termasuk yang ada di Kedai Payang dan sebagainya tentunya dengan kehadiran ramai orang pengunjung semasa penganjuran Monsoon Cup ini jadinya bukan sahaja bilik hotel penuh tapi perniagaan-perniagaan sampingan yang sekaligus menguntungkan rakyat Terengganu dapat diadakan.

Dan tahun ini juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hasil daripada pandangan-pandangan yang telah diberi dan hasrat kita juga untuk mempertahankan kepentingan negeri, kita telahpun membuat pengubahsuaian kepada program-program sampingan dari segi Monsoon Cup ini termasuklah sebagai contohnya telah ditiadakan Gala Dinner yang sebelum ini memang hebat diperkatakan dan kita jugak bersedia dan penganjur ataupun T-Best Event selaku Event Manager dalam ini dengan izin, telah meniadakan Gala Dinner walaupun dari segi keputusan itu kita telah kehilangan ataupun penganjur telah kehilangan *sponsorship* daripada termasuk Air Asia, Master Card dan lain-lain. Program Gala Dinner ini untuk lebih merakyatkan pelancongan dan sebagainya, antara lainnya kita telah buat pengubahsuaian dari segi event-event ini termasuklah kita adakan Jamuan Rakyat, Perahu Panjang dan sebagainya. Dan dari segi kos penganjuran ini jugak bagi tahun 2008 kos penganjuran Monsoon Cup bagi tahun 2008 ditanggung oleh Persekutuan keseluruhannya melalui Kementerian Belia Dan Sukan dan juga Kementerian Pelancongan. Itulah maknanya kesungguhan kita untuk tidak membebankan penganjuran sukan berprestij ini yang kita nak di Terengganu dan telahpun memberi kesan yang baik. Saya akui mungkin ada beberapa kelemahan-kelemahan yang masih ada yang perlu kita baiki. Dan terima kasihlah kerana kesanggupan ataupun sokongan khususnya Pembangkang dalam hal ini dalam kita terus menganjurkan sukan-sukan berprestij di Terengganu kita ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang disebut tadi biayaannya dari Persekutuan. Satu lagi Yang Berhormat, panjang tadi, pendek kalau boleh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyatakan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya melangsungkan Monsoon Cup dengan baik dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana banyak sumbangan yang diberi dalam menganjurkan Monsoon Cup ini. Sebab kita tahu *the multiplier effect* dengan izin, kepada rakyat negeri terutama dalam keadaan yang susah, ekonomi susah ini telah memberi bantuan banyak, ramai pembantu-pembantu hotel dapat kerja, pembekal-pembekal bertambah bila hotel kita penuh, peniaga-peniaga di Kedai Payangpun gembira. Cuma saya mintak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukan soalan ni, dahlah Exco tak jawab soalan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya tak habis lagi bang, sabar, sabar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Soalan saya ialah berapakah anggaran hasil *multiplier effect* ini dengan izin kepada Negeri Terengganu? Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadinya saya sebut tentang hotel yang penuh, peluang-peluang perniagaan dan sebagainya. Tentunya dengan izin, *multiplying factor* dari segi itu ialah sesuatu yang saya tak sebut satu *subjective* tapi nak menyatakan angka yang tepat memang tak ada angka yang tepat tetapi juga tidak dinafikan bahawa penganjuran kejohanan ini telah bukan sahaja tadinya mengubah pendirian orang ramai tentang musim tengkujuh dan sekaligus memberi peluang baru kepada pendapatan dan sebagainya dalam masa tengkujuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah Yang Berhormat, harga yang paling mahal ialah perubahan persepsi itu Yang Berhormat, persepsi terhadap Terengganu pada musim tertentu. Saya cukup Yang Berhormat untuk soalan ini, lebih dah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lebih dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita nak jemput soalan asal kepada Yang Berhormat Sura. Orang kita jugak, kita beri peluang kepada Sura. Manir, ya? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

> *Berapakah jumlah kos perbelanjaan sempena pemasyhuran Majlis Perbandaran Dungun dan apakah kriteria yang melayakkan sesebuah Majlis Daerah dinaik taraf ke Majlis Perbandaran?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah kos perbelanjaan sempena pemasyhuran Majlis Perbandaran Dungun adalah sebanyak RM2.5 juta iaitu kos yang melibatkan pemasangan lampu hiasan, menanam pokok-pokok perhiasan dan teduhan dan juga lain-lain perhiasan serta acara sambutan itu sendiri.

Kriteria-kriteria yang melayakkan sesebuah Majlis Daerah dinaik taraf ke Majlis Perbandaran adalah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagaimana berikut:-

Kriteria 1 - Jumlah penduduk tidak kurang daripada 100,000.

Kriteria 2 - Pendapatan tahunan melebihi RM10 juta.

Kriteria 3 - Mempunyai kemudahan infrastruktur bagi kebajikan penduduk seperti kemudahan sistem pengangkutan, perumahan, pelajaran, pusat kesihatan, hiburan dan rekreasi, prasarana perindustrian dan sebagainya.

Kriteria 4 - Merupakan sebuah bandar ibu negeri atau bandar yang setaraf dengannya.

Kriteria 5 - Keperluan penduduk lebih kepada perkhidmatan perbandaran.

Walau bagaimanapun, bermula 1 Julai 2008 kriteria ini telah dipinda oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kriteria baru adalah seperti berikut:-

(i) Merupakan bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah.

(ii) Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang.

(iii) Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sesebuah perbandaran.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sebahagian daripada kos perbelanjaan sempena pemasyhuran Majlis Perbandaran Dungun ini melibatkan sumbangan kepada Wakil-wakil Rakyat, jadi amat malang sebagai ADUN Sura dalam kawasan saya sendiri, saya tidak mendapat sumbangan, itu satu. Yang kedua ialah tidak dijemput ke Majlis Upacara Pemasyhuran Majlis Perbandaran ini atas alasan mungkin kerana dari Wakil Pembangkang. Itulah ada suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku, soal kita hadir tak hadir itu satu soal yang lain tapi soal jemputan mestilah dijemput kepada Wakil Rakyat tempatan. Kemudiannya ialah berkaitan dengan kriteria yang melayakkan sebuah Majlis Perbandaran itu dinaikkan taraf daripada Majlis Daerah, di antaranya ialah keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersil. Sangat malang, dalam bulan Ramadan, bulan September, satu tapak perniagaan kedai tayar yang telah dibuat permohonan kepada Majlis Daerah, semua jabatan telah meluluskan tapi Ahli Majlis Daerah atas dasar sentimen politik telah mengambil perjalanan dan akhirnya dirobohkan dalam kawasan tapak yang tak sepatutnya berlaku kerana ini adalah kriteria yang sangat penting di dalam kenaikan taraf Majlis Daerah. Saya mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tiga dalam satu Yang Berhormat tu. Tiga soalan selalu. Sila Yang Amat Behormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tidak faham tentang sumbangan tadi. Apakah yang dimaksudkan Wakil Rakyat, adakah dia mintak duit daripada Wakil Rakyat. Yang kedua, kalau sekiranya benar bahawa jemputan tidak dihantar kepada Wakil Rakyat, saya mintak maaf kerana ini tidak sepatutnya berlaku. Yang ketiga, kriteria-kriteria yang diberikan itu adalah secara umum, jadi kalau disebut mengenai sebuah kedai tayar secara spesifik mungkin ada isu-isu lain yang perlu dipenuhi daripada CF, daripada kelulusan dan sebagainya. Jadi, saya tak dapat memberikan jawapan terperinci mengenai kes spesifik seperti ini setelah saya mengkajinya Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Kepada Wakil Jabatan yang ada, kalau takut tak sampai surat kita hantar kepada Yang Berhormat ni tapi maklum situlah. Sila hantar surat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat ni dan salinannya kepada Pejabat Dewan. Insya Allah, pejabat kita akan panjangkan. Tiga dah Yang Berhormat, soalan tiga dalam satu, Yang Berhormat dah kumpulkan tu. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Sejak pembinaan Empangan Tasik Kenyir Hulu Terengganu, sila nyatakan jumlah cukai taksiran tahunan yang dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu mengikut tahun?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah keseluruhan yang dibayar oleh TNB setakat ini kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu sebanyak RM10,248,000.00. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan dah banyak tahunlah TNB tidak menjelaskan cukai taksiran tahunan tersebut kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu. Saya bagi pihak rakyat Hulu Terengganu merasakan bahawa ini telah memberikan impak yang besar kepada rakyat Hulu Terengganu khususnya dalam soal pembangunan fizikal di dalam kawasan Majlis Daerah terutamanya dan apa lagi kita sendiri sebenarnya telah mengalami kerugian hasil daripada takungan air di Tasik Kenyir. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bayaran ini berakhir sehingga 30 Jun 2004. Selepas itu TNB tidak membayar bayaran ini menyebabkan kita membawa kes ini ke mahkamah dan ianya di dalam proses perbicaraan. Mengenai pendapatan air telahpun dibayar oleh TNB, iaitu isu yang berasingan daripada cukai taksiran, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang, kita jemput Bukit Tunggal, soalan asal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ada dua soalan tetapi saya pilih soalan nombor 2 -

> *Berapakah jumlah baki dalam Tabung Darul Iman (TDI) sehingga 30 November 2008. Apakah usaha-usaha pihak Kerajaan atau pengurusan TDI bagi menambah pendapatan Tabung?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nombor 2.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nombor 2, Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan Pemerhati sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya berkenaan dengan Tabung Darul Iman. Untuk jawapannya sehingga ini Tabung ini masih lagi mempunyai dana yang berjumlah RM132,535.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dah seput-seput masa Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan itu tidak dijawab dengan penuh, ada bahagian kedua itu, usaha Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, duduk dulu Yang Berhormat. Saya bagi cepat-cepat tadi untuk beri peluang Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan asal, Yang Berhormat pilih soalan kedua dan telah dijawab oleh kerajaan. Dah habis jawapan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ooh, ada lagi. Ingat terima kasih dah tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, usaha Kerajaan bagi menambah Tabung ini ialah melalui penggalakan dan sumbangan oleh syarikat-syarikat milik Kerajaan, syarikat-syarikat swasta, institusi-institusi kewangan, badan korporat serta ahi-ahli usahawan. Setakat ini sumbangan yang paling besar bagi Tabung ini melalui usahawan-usahawan yang terlibat dalam sektor pembalakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua kali terima kasih dah ni, saya jadi *confused.* Minta maaflah Yang Berhormat, saya ingat Wakil Kerajaan dah habis untuk dijawab. Pertamanya, kita dah sejam, yang saya tadi kita dah laju-laju, kita dah 11.00, 10 orang Yang Berhormat dapat bertanya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Satu saja soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis sesi Soalan Lisan, besok pulak Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih dan saya berharap, sebab itulah Bukit Tunggal dah tak rasa berpuas hati, saya harap Yang Berhormat sama ada Soalan Tambahan yang dibuat jangan meleret sangat kita fokus, kalau perlu panjang Yang Berhormat dijemput untuk berucap dalam bahasan Ucapan Bajet nanti, boleh sentuh banyak perkara.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana Soalan-soalan Lisan telahpun selesai saya memohon cadangan, memohon izin dan mencadangkan untuk mengemukakan satu Usul Di Bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan ditangguh bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara yang saya maksudkan ialah:

> *Cadangan Untuk Menubuhkan Satu Jawatankuasa Khas Bagi Menyediakan Kertas Putih Laporan Perbelanjaan Dan Kajian Projek-Projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan Di Negeri Terengganu Dari Tahun 2000 – 2008.*

Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mintak dulu ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... rompakan dan jugak pernah mendedahkan projek-projek Dana Khas .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat mintak dulu kan? Jangan berucap lagi, Yang Berhormat mintak dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak bagi sinopsis aje sikit. Boleh baca sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, kita ambil apa yang Yang Berhormat nak bangkitkan itu. [Bentara mengambil Kertas Usul daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam untuk diserahkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker].

Fasal 30, sila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya baca sikit sinopsisnya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Pembangkang dan jugak rakan-rakan daripada Parti Kerajaan, pernah mendedahkan projek-projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan di negeri ini dilaksanakan tidak ikut peraturan dan perbelanjaan tidak dikemukakan untuk diaudit seperti dilaporkan di dalam Buku Laporan Ketua Audit Negara, sepertimana Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2005, dia sebut. Diulangi

pada tahun 2006 dan Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah mengaku wujud salah guna dan penyelewengan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kementerian dan juga negeri-negeri lain. Tadipun telah disebut tadi sebahagiannya, jumlahnya. Banyak projek yang dijalankan tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri, tidak mengambil kira keperluan dan keutamaan sebenar rakyat negeri ini dan jelas membazir. Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyediakan Kertas Putih dan dibentangkan ke Dewan Undangan Negeri yang mulia ini dan hasil kajian terperinci semua projek-projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan di negeri ini untuk kita sama-sama membuat penilaian dan ini perkara mustahak yang melibatkan kepentingan awam dan kepentingan Kerajaan Negeri dan kepentingan rakyat Negeri Terengganu. Saya mencadangkan, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima cadangan Usul Di Bawah Fasal 30 daripada Wakaf Mempelam ini, sayugia dengan masa sesuai untuk kita minum pagi, Yang Berhormat Pengkalan Berangan tadi tak minum lagi. Jadi, saya ambil peluang untuk tangguhkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam ini ke selepas rehat. Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.20 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.05 PAGI.

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar tadi sebelum kita rehat tadi saya telah menerima satu Usul Tergempar daripada Yang Berhormat Wakaf Mempelam Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dan saya telah meneliti perkara sebagaimana yang dibentang oleh beliau sebentar tadi dan mengambil ketetapan di bawah fasal ini di mana mengikut tiga perkara iaitu tertentu, perkara ini ialah tertentu. Keduanya, soal kepentingan orang ramai, memang perkara ini soal kepentingan orang ramai, rakyat Negeri Terengganu khususnya. Dan yang ketiga, adakah ianya perlu disegerakan? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telahpun berbincang dengan pihak Kerajaan dan dimaklumkan malah di Dewan inipun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat bahawa urusan yang berkaitan dengan perkara ini sedang dirunding oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kerajaan Pusat di peringkat kerja tertinggi maksudnya Jawatankuasa Tertinggi Kerajaan dan tidak ada masalah oleh kerana urusannya panjang maka ianya perlu ditelitikan. Jadi, saya telah meneliti dan tidak perlulah perkara ini menjadi kesegeraan untuk menubuhkan jawatankuasa untuk menyediakan Kertas Putih bagi tujuan ini. Jadi dengan itu, saya menolak Usul yang dicadangkan itu. Terima kasih.

CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16(3), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan enam Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain iaitu:

(i) Enakmen Perbekalan 2009.

(ii) Enakmen Perbekalan Tambahan 2008.

(iii) Enakmen Majlis Perbandaran Dungun 2008.

(iv) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2008.

(v) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2008.

(vi) Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu 2008.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya ingat disebut enakmen yang keenam itu, Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan Di Raja Terengganu **(Pindaan)** 2008. Sebab dalam notis yang asal ini Yang Berhormat tidak ada pindaan. Jadi, saya mintak ditambah perkataan '(Pindaan)' selepas perkataan 'Terengganu 2008'.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16(3), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Untuk Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan untuk undian –

> CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN, KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN (2009) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu,** dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, Rang Enakmen ini dibaca kali yang pertama.

> **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu,** dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, saya dapat membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2009. Pembentangan Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan 2009 ini adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan yang mulia, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri bagi tahun 2009. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2009 ini adalah sepertimana yang terkandung dalam Buku

Bajet Negeri Tahun 2009 (Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 10/2008).

Saya ingin mengucap syukur di atas keizinan Allah S.W.T. membolehkan saya memimpin Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu dan untuk pertama kalinya membentangkan Bajet Negeri Terengganu Darul Iman bagi tahun 2009. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya rakyat Negeri Terengganu yang telah memberi mandat baru, memastikan kemenangan kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke 12 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Perkembangan Ekonomi Semasa – Senario Antarabangsa

Dunia kini sedang berdepan dengan krisis ekonomi. Negara-negara yang menghadiri Persidangan APEC di Lima, Peru sepakat menjangkakan kemelut ekonomi ini akan berlarutan sehingga 18 bulan akan datang. Amerika Syarikat sedang mengalami krisis ekonomi terburuk selepas 1930an. Krisis sub-prima gadai janji menyebabkan peningkatan dalam hutang tidak berbayar yang akhirnya membawa kemuflisan kepada beberapa bank dan institusi kewangan terkemuka di negara itu. Selepas institusi pelaburan Merill Lynch dan gergasi insuran kumpulan AIG serta industri automobil Ford, kini giliran Citibank Group pula terpaksa diselamatkan.

Krisis kewangan juga berlaku di beberapa negara lain seperti Iceland, Ukraine dan Hungary sehingga terpaksa mendapatkan pinjaman berbilion US$/Euro untuk menyelamatkan ekonomi masing-masing. Negara-negara yang bermatawang Euros dan Jepun diancam kemelesetan secara teknikal dan Amerika Syarikat sendiri memerlukan USD7 trilion sebagai langkah mengekang krisis kewangan dalam menyelamatkan institusi kewangan dan mengimbangi defisit akaun hasil mereka. Sementara itu gergasi ekonomi Asia lain, China, India dan Korea Selatan sedang berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan.

Situasi Dalam Negara

Sebagai sebuah negara yang mengamal perdagangan terbuka sudah tentu tsunami kewangan dunia akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kesukaran pasaran eksport, kejatuhan harga petrol dan minyak kelapa sawit serta berkurangnya pelaburan terus asing (FDI) pasti akan menggugat kesihatan ekonomi negara. Indeks komposit BSKL telah merosot

hampir 45%. KLCI menjunam kepada 845.75 mata pada 2 Disember 2008 berbanding dengan keadaannya di awal tahun 2008 bilamana pernah mencecah 1,500 mata.

Pertumbuhan ekonomi negara telah dikaji semula oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk setengah tahun kedua menjadi antara 4.0% - 4.5% sahaja. Pada tahun 2009, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meramalkan pertumbuhan ekonomi sekitar 3.0%, manakala Malaysia Rating Corp. Bhd (MARC) meramalkan pada kadar 3.5% sahaja. BNM yang membuat unjuran sekitar 5.0% sebelum ini juga telah mengubah pendirian dengan mensasarkan hanya sekitar antara 3.5% - 4.0% sahaja pada tahun hadapan.

Pendapatan perkapita negara dijangka mencapai RM24,749 pada tahun 2008 berbanding RM23,115 pada 2007. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia masih bertahan dengan jumlah RM345.5 bilion pada 31 Oktober 2008 berbanding ketika akhir tahun 2007 yang mana berjumlah RM335.6 bilion. Kedudukan rizab ini mampu membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan 3.7 kali hutang luar negara jangka pendek. Kendatipun begitu Defisit Akaun Semasa dijangka cenderung kepada pertambahan akibat suasana ekonomi semasa yang kian condong ke arah kemelesetan. Defisit ini diramal naik sehingga 4.8% KDNK pada 2008 berbanding 3.2% pada 2007.

Keadaan Dalam Negeri

Persekitaran ekonomi negara yang tidak sihat turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu. Sasaran awal pertumbuhan KDNK Negeri sebanyak 5.8% dalam tahun 2008 telah diubah kepada 4.8% sahaja. Namun, beberapa sektor dalam negeri masih mampu menunjukkan pertumbuhan positif kerana faktor unik tersendiri. Di antara sektor yang dikenal pasti termasuklah pertanian (5.3%), pembinaan (4.2%), perkhidmatan (4.0%), perlombongan (3.4%) dan pembuatan (2.7%).

Tanda-tanda perkembangan ekonomi yang perlahan kian jelas. Kebimbangan inflasi telah bertukar menjadi stagflasi. Keadaan lesu ekonomi dijangka berlarutan hingga ke akhir tahun 2009. Meskipun kita berusaha mewujudkan suasana fiskal yang menggalakkan, namun pertumbuhan KDNK Negeri hanya dijangka mencapai 3.4% sahaja pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Kedudukan Kewangan Negeri

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2007 telah mengalami sedikit kemerosotan berbanding tahun 2006 iaitu dari RM1.04 bilion kepada RM492 juta.

Penurunan hasil ini telah mengubah kedudukan Akaun Hasil Disatukan kepada defisit sebanyak RM278 juta pada akhir tahun 2007. Tahun 2006 akaun ini mengalami lebihan sebanyak RM5.9 juta.

Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan juga telah mencatat defisit RM79.16 juta pada 31 Disember 2007 berbanding baki sebanyak RM154.12 juta pada tahun 2006. Sebaliknya, kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air telah bertambah sebanyak RM7.92 juta kepada RM134.72 juta pada 31 Disember 2007, dengan peningkatan sebanyak 5.99% dari RM127.10 juta pada tahun sebelumnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Hasil Dan Peruntukan Bajet 2009

Meskipun kita sedar tentang ketidaktentuan ekonomi dunia dan harga minyak mentah belum lagi stabil; tetapi kita perlu merancang dan membuat peranggaran sebaik mungkin. Oleh itu, dengan mengambil kira faktor-faktor yang jelas pada waktu ini, adalah dianggarkan kita dapat, memungut sebanyak RM1.799 bilion. Anggaran ini diduga meningkat sedikit iaitu sebanyak RM126.85 juta atau 7.58% berbanding Anggaran Hasil 2008.

Seperti yang pernah diumumkan sebelum ini mulai tahun 2009 di bawah Terimaan Bukan Hasil iaitu peruntukan Dana Khas akan diganti dengan hasil cukai Royalti Minyak. Perbincangan peringkat pegawai sedang berjalan. Insya Allah, hasil yang selama ini dikawal oleh Kerajaan Persekutuan akan diperolehi terus dari Petronas. Inilah perjuangan Kerajaan Negeri untuk rakyat Terengganu. Inilah juga hasil kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi,
Perdana Menteri Malaysia
Terima kasih Dato' Seri Najib Tun Razak,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia, merangkap Menteri Kewangan
Kerana mengembalikan wang royalti,
Kerana memahami perasaan rakyat Negeri Terengganu.

Disebabkan perubahan punca pendapatan, maka pada tahun 2009, Kerajaan Negeri menjangka komponen pungutan hasil cukai akan bertambah banyak pada tahun hadapan, manakala punca hasil Terimaan Bukan Hasil akan merosot dengan ketara.

Daripada sejumlah hasil yang dijangka dapat dikutip itu, sebanyak RM1.576 bilion atau 87.59% adalah diunjurkan diperolehi dari hasil cukai iaitu royalti, sebanyak RM111.14 juta atau 6.18% lagi adalah dari hasil bukan cukai dan sebanyak RM112.11 juta atau 6.23% pula adalah Terimaan Bukan Hasil.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Agihan Bajet 2009

Bagi menjamin keadaan fiskal yang stabil dalam negeri, maka saya memilih untuk membelanjakan kesemua hasil yang diperolehi. Dasar Pengurusan Bajet yang seimbang diteruskan sekalipun akan menghadapi sedikit kesulitan. Kita perlu berkorban. Bak kata P. Ramlee: "Berkorban apa saja, harta ataupun nyawa".

Maka dengan ini saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, RM1.799 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2009. Peruntukan ini disediakan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Pembangunan.

Bagi Bajet 2009, sebanyak RM1.799 bilion diagihkan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus. Dari jumlah ini, sebanyak RM43.02 juta disediakan untuk Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan RM1.756 bilion dicadangkan untuk Perbelanjaan Bekalan.

Di dalam Perbelanjaan Bekalan, sebanyak RM219.47 juta adalah untuk Emolumen, RM155.69 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM42.04 juta untuk Aset, RM1.338 bilion untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1.16 juta untuk Lain-lain Perbelanjaan.

Sebagaimana biasa peruntukan yang ketara dikhaskan bagi Perbelanjaan Bekalan ialah untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap. Komponen-komponen utama yang terkandung di dalamnya termasuklah caruman-caruman kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan sebanyak RM750 juta, Kumpulan Wang Bekalan Air sebanyak RM5.4 juta dan caruman kepada Penguasa-Penguasa Tempatan dan agensi-agensi Kerajaan sebanyak RM200 juta. Penyediaan belanjawan yang besar ini adalah semata-mata untuk menjamin terlaksananya projek dan program yang boleh memberi impak besar serta dapat memberi faedah langsung kepada rakyat selain cuba untuk mengimbangi kesan kemelesetan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Mengurus Bajet

Kita baru saja merayakan Hari Raya Aidil Adha yang mana kita sama-sama lebih mengenalinya sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban. Hari Raya yang mempunyai seribu peristiwa teladan dalam sejarah Islam; sejarah pengorbanan seorang anak yang patuh kepada permintaan bapanya; kisah seorang bapa yang amat taat kepada agamanya sehingga sanggup mengorbankan anak yang dikasihi dan cerita ketabahan seorang ibu mencari air demi menghilangkan kehausan bayinya.

Kita boleh mengambil pedoman dari peristiwa-peristiwa tersebut. Pengorbanan dan kesabaran adalah antara elemen penting untuk mengurus kewangan dalam keadaan ekonomi yang genting. Kita yakin pegawai dan kakitangan Kerajaan dapat mengurus bajet dengan cekap dan berhemah. Kemampuan pengurusan kewangan terbukti lagi apabila untuk ke sekian kalinya kita muncul negeri pertama menyiapkan Penyata Kewangan Tahun 2007. Begitu juga dengan semua Penguasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri boleh menyediakan Penyata Akaun dan Kewangan masing-masing menjelang 29 Februari 2008. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan.

Saya berharap budaya kerja cemerlang dapat digarap terus. Jangan sekali-kali guna BAS (Buat Asal Siap), sebaliknya gunalah MAS (Memberi Akauntabiliti Selalu). Carilah kesempurnaan. Sewajarnya marilah kita praktikkan seloka ini:

Biarlah kerja itu satu ibadat,
Kelak kita mendapat rahmat;
Biarlah cari rezeki penuh berkat,
Kelak kita menjadi selamat;

Buatlah yang terbaik dalam berkhidmat,
Kelak kita disenangi rakyat;
Buatlah pahala menjadi sarat,
Kelak kita menghuni Syurga Akhirat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Asal Laut Balik Ke Laut, Asal Darat Balik Ke Darat

Ungkapan di atas "Asal Laut Balik Ke Laut, Asal Darat Balik Ke Darat" sudah sinonim dengan seni budaya tarian ulit mayang. Sesekali kita perlu menoleh ke belakang, perlu melihat tapak mula kita, perlu mengukur pendekatan kita dan perlu muhasabah agar kita tidak tersalah langkah. Dengan tolehan ke belakang kita dapat memastikan haluan kita tidak kecundang; memastikan kedudukan atas landasan; barulah kita boleh memandang ke hadapan, barulah kita dapat melangkah dengan penuh keyakinan.

Kalau merenung bintang di langit,
Jangan lupa rumput di bumi,
Ekonomi merudum bertambah sengit,
Marilah bersama cekal menangani.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Tema Dan Strategi

Bagi membolehkan kita menghadapi cabaran pada tahun hadapan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu, Bajet 2009 disediakan dengan objektif utama untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu, saya dengan ini memilih slogan **'Merakyatkan Pembangunan'** sebagai tema bagi Bajet Negeri Terengganu Tahun 2009.

Slogan 'Merakyatkan Pembangunan' ini membawa maksud, Kerajaan Negeri akan memastikan sebelum mengambil tindakan untuk menjayakan sebarang perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri, syarat utama yang akan diperhalusi ialah, ianya mestilah mengutamakan kepentingan dan memberi keuntungan secara total kepada rakyat di Negeri Terengganu Darul Iman.

Rakyat sebagai paksi dan keutamaan,
Merakyatkan Pembangunan,
Merakyatkan Pentadbiran dan Pelaksanaan.

Merakyatkan dengan tujuan utama,
Agar negeri bergerak ke mercu jaya,
Rakyat merasa nikmat dan manfaatnya.

Justeru, bagi menjayakan segala agenda pembangunan yang berlandaskan Merakyatkan Pembangunan ini, maka empat strategi pelaksanaan dicadangkan.

Strategi Pertama : Penerusan tumpuan agenda pendidikan dan latihan sebagai paksi modal insan.

Strategi Kedua : Pemantapan usaha menyelesaikan isu kemiskinan.

Strategi Ketiga : Memaksimumkan penggunaan faedah kemajuan sains, teknologi dan komunikasi dan;

Strategi Keempat : Membina daya tahan mengharungi krisis ekonomi tempatan.

Strategi Pertama - Penerusan tumpuan agenda pendidikan dan latihan sebagai paksi modal insan

Agenda pendidikan dan latihan akan terus diberi tumpuan. Pelaburan modal insan bukanlah dapat dilihat hasilnya secara serta merta sebaliknya akan memakan masa yang panjang. Oleh yang demikian, ianya perlu diteruskan dengan penuh kesabaran. Mobiliti sosial dalam kehidupan yang lebih baik akan banyak bergantung kepada pendidikan dan latihan. Berapa ramai anak-anak petani, nelayan dan anak orang miskin akhirnya mampu mengubah nasib keluarga. Kita tidak perlu pergi jauh untuk mencari contoh. Ramai antara kita (termasuk diri saya sendiri) di dalam Dewan ini tergolong dalam kategori ini.

Tokoh cendekiawan terbilang negara, Profesor DiRaja Ungku Aziz pernah menyatakan bahawa "tanpa ilmu tiada masa depan". Jadi, tindakan untuk mendidik dan melatih anak-anak, para pelajar dan orang-orang muda adalah langkah yang betul. Oleh itu, wajarlah peruntukan yang agak besar disediakan bagi sektor ini.

Kali ini sebanyak RM149.11 juta diperuntukkan kepada bidang pelajaran dan latihan. Di antara peruntukan khusus untuk Bantuan Pelajar di Sekolah Elit dan Premier, RM2 juta; Bantuan Memasuki IPT, RM8 juta; Bantuan Pakaian dan Peralatan Sekolah, RM6.0 juta serta Bantuan Pelajar Tingkatan 6 Atas yang baru diperkenalkan tahun ini sebanyak RM1,000 setiap pelajar. Kita Merakyatkan Pendidikan supaya semua yang memerlukan bantuan akan terbela. Kita tidak akan lupa kebajikan pelajar, pewaris kepimpinan di masa hadapan.

Melentur Buluh Biarlah Dari Rebung

Jika sistem prasekolah dianggap sebagai mata air yang jernih di hulu sungai, maka eloklah perjalanan air dalam sungai yang berliku itu jernih hingga ke muara. Bagi memastikan keadaan ini dapat dicipta, Kerajaan Negeri telah memberi perhatian terhadap pendidikan prasekolah lagi. Natijahnya nanti, kalaulah titik permulaan pendidikan tidak diberi penekanan, maka kemungkinan berlaku lambakan ketempangan dan himpunan kekurangan anak negeri, tidak dapat dinafikan. Kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya. Dan peribahasa inilah yang sedang kita amalkan di masa ini dalam pembinaan modal insan.

Kejayaan UPSR Sebagai Bukti

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan pencapaian UPSR yang terus cemerlang. Bukti usaha keras kita membuahkan hasil yang membanggakan rakyat dan Negeri Terengganu. Tahniah kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu kerana kejayaan ini berkat usaha guru-guru serta doa dari ibu bapa yang tidak pernah jemu. Justeru itu, kita mengekalkan kecemerlangan UPSR untuk tahun yang ke-8 berturut-turut.

Program Pintar Al-Quran

Program Pintar Al-Quran juga terus menunjukkan peningkatan. Bermula dengan hanya 937 orang yang khatam Al-Quran dalam tahun 2006; bilangan itu terus meningkat menjadi 2,010 dalam tahun 2007 dan sehingga 17 September 2008, kini seramai 2,677 orang kanak-kanak telah berjaya khatam Al-Quran 30 juzuk. Mereka ini terdiri dari kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu, KEMAS dan Prasekolah Jabatan Pelajaran Terengganu. Bagi memastikan kesinambungan serta kejayaannya sebanyak RM2.2 juta akan diperuntukkan.

Program Cemerlang TB-Kids

Dengan pencapaian yang cemerlang kanak-kanak yang berusia antara 5 hingga 6 tahun menerusi Program Tadika Cemerlang, Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan program baru yang dinamakan TB-Kids dengan menggunakan kepakaran tempatan. Mereka yang melakar 'content' dengan izin, ini merupakan bekas graduan yang dilatih melalui Program M2Farm. Langkah ini diambil supaya taraf pendidikan kanak-kanak tadika terus meningkat dan persediaan untuk memasuki alam persekolahan akan menjadi lebih berkesan. Bukan sahaja Bahasa Inggeris yang akan diberi penekanan, tetapi juga mata pelajaran yang lain. Untuk membiayai program ini sebanyak RM5.1 juta adalah dicadangkan.

Program Buku Elektronik

Kemajuan dalam bidang pendidikan masa kini diwarnai dengan pelbagai cabaran baru. Cabaran yang paling ketara ialah perkembangan pesat dalam ilmu sains dan teknologi. Sekiranya kita tidak bergerak seiring dengan rentak teknologi terkini, maka kita akan terus ketinggalan. Teknologi pula berfungsi melalui peralatan tertentu seperti komputer. Namun kita sedar, tidak semua rakyat mampu memilikinya. Justeru, Kerajaan Negeri akan 'merakyatkan' program Buku Elektronik (e-Book) dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi membekal komputer riba kepada seramai 25,000 orang pelajar tahun lima dalam tahun 2009, supaya setiap pelajar tersebut dapat memiliki sebuah e-Book masing-masing. Dengan pendedahan ini para pelajar akan diperkenalkan kepada asas teknologi maklumat pada usia yang lebih awal. Usaha ini juga dijangka dapat merapatkan jurang digital di kalangan pelajar luar bandar dan bandar. Perjanjian Persefahaman bagi melaksanakan program ini baru sahaja ditandatangani dengan pihak Intel dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1 Disember lepas. Perkakasan yang dipasang di kilang di Kawasan Perindustrian Gong Badak akan dipasarkan ke seluruh Asia Tenggara. Ini merupakan kali pertama sebuah syarikat Multinational Corporation (MNC) dengan izin, mengadakan kerjasama untuk mengeluarkan komputer mini (e-Book) dengan sebuah Kerajaan Negeri di dunia.

Program-program peneguhan dalam pendidikan tetap diteruskan kerana telah membuahkan hasil yang positif. Program Confratute dan Program ETA (English Teaching Assistant) akan disambung. Pada tahun 2009, pihak MACEE (Malaysia American Commission on Educational Exchange) telah bersetuju untuk menghantar seramai 24 orang 'full bright student' dari Amerika Syarikat untuk ditempatkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri. Sekolah Elit dan Premier akan terus dibantu, manakala

Sekolah Imtiaz akan diperluaskan pembinaannya ke semua daerah. Dalam tahun 2009, Daerah Kemaman akan menjadi daerah yang kelima mempunyai Sekolah Imtiaz. Selain itu, seramai 14 orang Guru Bahasa Arab dari Syria dan Sudan akan diambil untuk mengajar Bahasa Arab di 14 buah Sekolah Agama Kerajaan Negeri bermula tahun depan. Kerajaan Negeri positif dengan prestasi Bahasa Arab yang akan dicapai oleh pelajar-pelajar negeri ini apabila mendapat tunjuk ajar daripada guru-guru dari Timur Tengah tersebut kerana mereka berupaya mengajar dengan pertuturan Bahasa Arab yang lebih asli. Malah, didapati 5 orang daripada guru-guru tersebut mempunyai kelulusan PhD.

Meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan

Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk 'merakyatkan pentadbiran', akan memperkemaskan sistem kaunter pentadbiran Kerajaan, selain turut menyediakan khidmat layanan yang lebih cepat dan mesra kepada rakyat. Permohonan yang diterima bagi apa juga bantuan, akan diselesaikan seberapa segera yang mungkin. Setiap permohonan oleh rakyat yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan akan mendapat kelulusan, hak dan pembelaan yang sewajarnya akan diberikan. Bagi memastikan kelancaran setiap proses permohonan ini, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada sistem penyampaian kakitangan awam dengan menyediakan latihan dari semasa ke semasa kepada kakitangan yang terlibat supaya prestasi pentadbiran Kerajaan Negeri akan terus meningkat.

Pembangunan Fizikal

Pembangunan fizikal projek-projek utama diteruskan seperti Taman Ilmu RM30 juta, TATI RM8 juta, TESDEC RM2 juta serta Pusat Sains dan Kreativiti RM8 juta. Insya Allah, Pusat Latihan Antarabangsa (ITC) di Teluk Kalong, Kemaman akan dapat beroperasi tahun hadapan. Rakyat akan mendapat manfaat besar dari segi latihan modal insan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Strategi Kedua – Pemantapan usaha menyelesaikan isu kemiskinan

Meskipun pelbagai program membasmikan kemiskinan telah dilancarkan, namun isu kemiskinan terus menjadi igauan. Mungkin apa yang pernah dikatakan oleh Pendeta Zaa'ba dalam tahun 1923 perlu direnung kembali:

> "Adapun kemiskinan orang Melayu bukan hanya miskin pada wang ringgit dan harta benda tapi lebih dahsyat dari itu; miskin pada hemah dan cita-cita, miskin pada pelajaran, miskin pada alat-alat kelengkapan otak, miskin perangai yang tinggi dan miskin syarat-syarat untuk menjadi maju."

Oleh kerana itulah faktor kecemerlangan; yakin usaha perlu diteruskan. Kemiskinan minda perlu diubah menjadi kekuatan minda untuk melonjakkan rakyat Terengganu ke arah kegemilangan.

Meskipun disedari matlamat untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2% dan mensifarkan kemiskinan tegar menjelang 2010 akan terganggu dengan keadaan ekonomi semasa; namun pendekatan penyesuaian sedang diambil oleh pihak Kerajaan. Tindakan untuk menyelaras kriteria kemiskinan di bawah Sistem Profail Rakyat Miskin (SPRT) dengan Sistem e-Kasih sedang dibuat. Perbezaan bancian 21,797 keluarga di bawah SPRT akan diseimbangkan dengan 10,328 keluarga mengikut e-Kasih.

Program Pemantapan

Program penjanaan pendapatan akan terus diberikan keutamaan memandangkan ianya merupakan antara pendekatan berkesan untuk mengurangkan kemiskinan. Program latihan kemahiran turut diperluaskan khususnya dalam bidang yang banyak menyediakan peluang pekerjaan seperti pelancongan dan teknologi maklumat. Usaha ini sekali gus akan mempercepatkan usaha Kerajaan untuk membantu golongan miskin keluar dari belenggu kemiskinan.

Program kemudahan dan kesejahteraan rakyat seperti bantuan rumah dan kemudahan asas akan diteruskan. Ini penting bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk memastikan golongan miskin di negeri ini hidup dalam keadaan selesa dan selamat selain meringankan beban mereka.

Program berbentuk motivasi akan direncana semula agar ianya memberi kesan yang lebih mendalam kepada golongan miskin. Dalam hal ini, tumpuan perubahan pemikiran kepada generasi kedua menjadi penting. Program penerangan ini akan memakan masa yang lama. Bukannya senang untuk meyakinkan masyarakat di negeri ini agar meninggalkan budaya negatif; mereka suka jadi miskin dan sentiasa mengharapkan bantuan kerana mereka mendapati mudah mendapat simpati dan subsidi.

Bagi meneruskan usaha murni merealisasikan hasrat untuk mengurangkan kadar kemiskinan, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM230.5 juta bagi tahun 2009, bertambah sebanyak RM33 juta dari tahun lalu. Peningkatan peruntukan ini adalah bukti nyata hasrat Kerajaan Negeri untuk 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu' di mana Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan khas kepada projek yang boleh meningkatkan pendapatan dan meringankan beban rakyat. Pelaksanaan program-program ini akan diurus secara terancang dan lebih berfokus demi untuk memastikan faedah serta manfaat diperolehi terus oleh golongan sasar terbabit. Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada pelaksanaan Ladang Rakyat, pembahagian tanah untuk projek penanaman padi dan program penanaman kelapa sawit di sekeliling rumah. Peruntukan ini meliputi Projek Ladang Kelapa Sawit untuk rakyat termiskin sebanyak RM100 juta, Projek Jelapang Padi sebanyak RM50 juta, bina rumah baru PPRT RM40 juta, baiki rumah RM20.5 juta dan peruntukan khas bagi mengganti atap-atap rumah yang bocor RM20 juta.

Mengubah Persepsi Sektor Pertanian

Pertanian adalah satu perniagaan. Oleh kerana terdapat 9/10 rezeki dalam aktiviti perniagaan maka adalah wajar tanggapan terhadap sektor pertanian diubah. Nilai import sehingga RM130 juta bagi hasil-hasil pertanian yang dibawa masuk ke Terengganu jelas menjanjikan masa depan yang cerah untuk aktiviti pertanian. Penggunaan teknologi maklumat bioteknologi dan hasil penyelidikan akan menambahkan lagi impak kepada golongan sasaran dan ekonomi negeri. Apa yang pasti perubahan persepsi akan membawa perubahan besar dalam usaha Kerajaan membantu rakyat Negeri Terengganu yang sebahagian besarnya terlibat dalam sektor pertanian.

Pembangunan kawasan tanaman padi akan diberi perhatian yang serius melibatkan seluruh daerah di Negeri Terengganu. Peruntukan sebanyak RM50 juta akan disediakan pada tahun 2009 bagi penyediaan infrastruktur yang sempurna. Selain memberi tumpuan kepada kawasan padi terbiar, beberapa kawasan baru juga akan diwujudkan. Pembangunan Jelapang Padi di Daerah Setiu yang meliputi Kampung Jelapang, Kampung Bukit Layat serta Kampung Mak Jintan seluas 600 hektar akan dimulakan seberapa segera. Hasil pengeluarannya dijangka bukan sahaja dapat menampung keperluan penduduk negeri tetapi juga boleh dieksport ke tempat lain. Untuk itu, semua usahawantani yang terlibat dikehendaki menyertai Skim Ladang Baik Malaysia atau Skim Organik Malaysia bagi ladang organik agar kualiti dan keselamatan produk dapat dijamin.

Kerajaan Negeri amat komited untuk meneruskan Program Pembangunan Ternakan. Di antaranya termasuklah Program Kambing Kaprima Bestari dan Lembu Pedaging, Program Kambing dan Lembu Tenusu, Program Unggas dan Program Pengeluaran Makanan Ternakan.

Di sektor Perikanan, peningkatan pendapatan nelayan, pemuliharaan sumber perikanan pantai dan peningkatan pendaratan ikan merupakan matlamat utama yang ingin dicapai. Terengganu sememangnya terkenal dengan aktiviti penangkapan ikan terutamanya vesel penangkapan ikan laut dalam dan juga pesisir pantai yang hampir kesemuanya adalah nelayan dan pengusaha bumiputera. Industri pemprosesan ikan pula telah tersohor dengan produk utama seperti ikan dan sotong kering serta keropok lekor dan lain-lain makanan ringan snek. Kejayaan T'Lekor dan T'Dagang yang memasuki pasaran Lembah Klang perlu dicontohi. Aktiviti akuakultur di negeri ini pula sangat berpotensi untuk dibangunkan dan sekali gus dapat membantu industri perikanan rekreasi yang mula menambat hati pelancong. Pembangunan Santuari Kelah di Tasik Kenyir adalah antara contoh terbaik.

Jelaslah bahawa sektor pertanian juga mampu memberi keselesaan dan kesejahteraan hidup kepada pengusahanya. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan!

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Strategi Ketiga – Memaksimumkan penggunaan faedah kemajuan sains, teknologi maklumat dan komunikasi

Dalam usaha untuk menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri bestari, pembangunan sains, teknologi maklumat dan komunikasi (SICT) akan terus diberikan penekanan dengan tumpuan terhadap pembangunan ICT untuk faedah rakyat, menambahbaik tadbir urus Kerajaan menerusi implementasi ICT serta penggalakan penggunaan sains dan kreativiti dalam pembelajaran. Bagi mencapai matlamat ini, adalah dicadangkan peruntukan sebanyak RM36.2 juta untuk maksud pembangunan fizikal dan RM27.6 juta untuk pembinaan perisian dan pengurusan.

Penubuhan Pusat Komuniti Bestari, Bestari.Comm telah mendapat pengiktirafan daripada MAMPU di samping mendapat sambutan positif dari berbagai golongan masyarakat; baik pelajar sekolah mahupun warga emas. Sehingga bulan Oktober tahun ini, seramai 120,091 orang telah menggunakan khidmat Bestari.Comm. Dengan kejayaan yang menggalakkan ini Kerajaan telah menambah bilangan Pusat Bestari.Comm daripada 32 kepada 45 buah dalam tahun 2008, selain mengekalkan peruntukan sebanyak RM4.6 juta.

Bagi memperluaskan ruang dan meningkatkan mutu perkhidmatan sistem penyampaian Kerajaan kepada rakyat, aplikasi Terengganu e-Government (T-eG) telah dibangunkan dan mula digunapakai pada tahun ini. Menerusi T-eG, rakyat kini boleh membuat urusan dan berkomunikasi terus dengan Kerajaan Negeri secara online. Mereka boleh membuat maklum balas melalui e-Aduan, mengendalikan urusan zakat dan mengemukakan permohonan berkahwin melalui internet. Portal T-eG ini juga akan dilengkapkan dengan aplikasi perkhidmatan tambah nilai yang seperti modul pemantauan projek, sistem perkhidmatan data berpusat, modul penyelarasan pendaftaran dan perolehan secara elektronik dan komponen pembayaran secara elektronik (online payment).

Pembangunan infrastruktur jalurlebar tanpa wayar akan diperkasakan dengan laluan yang dijamin keselamatannya. Untuk ini Kerajaan akan memastikan hanya syarikat yang mempunyai tauliah pelesenan dari Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia sahaja yang dibenarkan menjadi penyedia WiMax di seluruh Negeri Terengganu. Pembinaan ini akan menjadi pelengkap kepada projek Terengganu Wireless Area Network (T@Wan) sedia ada. Langkah ini adalah perlu kerana aplikasi kewangan memerlukan jaminan keselamatan yang tinggi, berpiawai dan dapat memberi keyakinan kepada pengguna. Dengan adanya prasarana ini, teknologi 3G akan dapat dilaksanakan sepenuhnya tidak lama lagi dan akan menjadi daya tarikan perniagaan dan perdagangan terutamanya dalam industri perkhidmatan. Buat permulaan peruntukan sebanyak RM6 juta dicadangkan disediakan.

Penyediaan latihan kemahiran dalam ICT merupakan satu lagi bukti kepekaan Kerajaan terhadap rakyatnya. Setakat Oktober 2008, program e-Farm telah melatih seramai 1,665 orang graduan belia dalam bidang multimedia, animasi, web dan pengaturcaraan Java. Mereka ini telah memainkan peranan penting dalam membina aplikasi prasekolah, aplikasi tuisyen rakyat, kandungan pembelajaran dan yang terbaru Program TB-Kids. Malahan ada juga di antara mereka yang terlibat dengan produksi cerita-cerita animasi yang akan ditayangkan melalui stesen TV tempatan.

Di dalam bidang pembangunan aplikasi, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada aktiviti berpotensi bagi kegiatan penyumberan luar (outsourcing). Pusat-pusat inkubator dicadang diwujudkan bagi membolehkan usahawan-usahawan tempatan dipupuk. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi MDeC dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) serta syarikat swasta yang terlibat di dalam pembangunan Projek ICT di Negeri Terengganu. Bagi menjayakan program ini syarikat-syarikat berkenaan digalakkan merangka program pembangunan usahawan tempatan seperti Program SPIKE, D3D dan animasi 2D.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Strategi Keempat – Membina daya tahan mengharungi krisis ekonomi tempatan

Rasanya tidak akan lengkap kalau dalam Bajet ini kita tidak menyediakan diri untuk mengharungi krisis ekonomi yang sedang berlaku. Meskipun tidak banyak yang dapat dilakukan kerana faktor penyebab di luar kawalan, tetapi kita perlu berusaha membina daya tahan mengurangkan kesan negatif yang mungkin menimpa. Kesan-kesan kemelesetan perlulah dipantau dan diurus dengan bijaksana di samping meminimumkan impak kesusahan kepada rakyat tempatan.

Seperti yang dinyatakan di awal pembentangan tadi, kita tidak mengurangkan belanjawan sekalipun pungutan hasil akan menjadi semakin sukar. Peruntukan Pembangunan kita cadangkan sebanyak RM900 juta. Dari segi nisbah dengan Bajet Pengurusan RM924 juta ianya menjadi 50.66%: 49.34%. Perbelanjaan pembangunan akan mengaktifkan kitaran ekonomi dan dapat mewujudkan rantaian ekonomi yang boleh meredakan keadaan. Dengan adanya peruntukan projek-projek kecil akan memastikan kontraktor kecil tidak gulung tikar dan usahawan kecil terus mendapat tempahan.

Pembinaan Dan Projek-Projek Kecil

Sektor pembinaan akan diberi sokongan berterusan dan merupakan segmen terbesar dalam peruntukan pembangunan. Masalah pengangguran akan dipantau. Syarat 60% pekerja tempatan diambil bekerja perlu dipastikan oleh pihak pentadbiran Negeri Terengganu. Projek-projek kecil hendaklah ditawarkan kepada kontraktor tempatan dan di mana boleh aktiviti-aktiviti bekalan barangan dan perkhidmatan berkaitan diserahkan kepada usahawan setempat. Untuk menjayakan hasrat ini peruntukan Pejabat-Pejabat Daerah yang mengurus projek kecil ditambah menjadi RM25 juta, peruntukan penyelenggaraan jalan disediakan sebanyak RM66 juta, parit dan longkang dalam bandar RM25.5 juta dan lain-lain infrastruktur sebanyak RM85 juta.

Perumahan

Penyediaan perumahan yang mencukupi dan bersesuaian dengan kehendak dan kemampuan masyarakat adalah penting bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa. Golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana akan dipastikan berpeluang memiliki kediaman sendiri. Dalam tahun 2008 sahaja, Kerajaan telah membina

sebanyak 1,586 unit rumah kos rendah yang melibatkan 7 buah lokasi. Insya Allah, pada tahun 2009 pula, sebanyak 10 tapak perumahan lagi akan dilaksanakan.

Dengan kerjasama Kerajaan Pusat sebanyak 1,200 unit rumah lagi di bawah Program Perumahan Rakyat (PPRT) akan didirikan di Bandar Kuala Terengganu. Walaupun harga pasaran bahan-bahan pembinaan terus meningkat dari masa ke semasa, Kerajaan tetap meneruskan program PPRT ini demi kecaknaan terhadap rakyat miskin. Bermula tahun hadapan, kos yang diperuntukkan bagi pembinaan setiap unit rumah PPRT dinaikkan dari RM18,000 ke maksimum RM33,000 beserta RM3,000 yang turut disediakan sebagai peruntukan tambahan bagi membiayai kes-kes luar jangka (kos pemasangan air, elektrik dan sebagainya). Bagi bantuan membaiki rumah pula, kos yang diperuntukkan juga telah dinaikkan dari RM8,000 ke RM11,000. Selain itu, 280 unit pangsapuri kos sederhana dan mampu milik di Pusat Bandar Kuala Terengganu iaitu di Ladang Gemilang akan dapat disiapkan menjelang akhir tahun depan.

Pembangunan Bandar

Isu-isu pembangunan seperti kesesakan lalu lintas, keadaan kawasan penempatan yang tidak teratur dan ruang niaga yang berselerak serta perparitan yang tidak terurus juga akan diberi keutamaan dan perhatian oleh Kerajaan. Kawasan Kampung Ladang di Bandar Kuala Terengganu akan disusun atur semula. Pembangunan yang terancang ini akan diurus oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan. Pusat-pusat pertumbuhan di daerah lain akan didirikan ruang niaga yang bersesuaian. Untuk membiayai projek-projek berkenaan sebanyak RM103 juta disediakan bagi maksud Kerajaan Tempatan, sebanyak RM86 juta untuk tujuan pembangunan dalam bandar dan luar bandar dan RM40 juta untuk bayaran pampasan pengambilan balik tanah.

Pelancongan Dan Penganjuran Acara

Tahun Melawat Terengganu 2008 telah berlalu. Namun, aktiviti promosi dan publisiti akan diteruskan dalam usaha menarik pelancong untuk menikmati bumi 'di mana alam semulajadi memayungi warisan'.

Kerajaan Negeri akan mengeksploitasi dan memanfaatkan keindahan alam semulajadi, pulau-pulau, tasik dan pantai yang ada untuk dibangunkan dan dipelihara sebagai aset yang berharga supaya sektor pelancongan akan menjadi penyumbang utama pendapatan Negeri Terengganu pada masa hadapan.

Bagi memastikan perancangan pembangunan sektor pelancongan ini berjalan lancar dan diuruskan dengan teliti, Kerajaan Negeri akan mengkaji untuk mewujudkan Lembaga atau Perbadanan Pelancongan Negeri Terengganu pada tahun 2009.

Penganjuran berbagai acara bertaraf dunia dan peringkat nasional juga memberi banyak manfaatnya. Selain membuktikan kita mampu menjadi tuan rumah yang baik bagi FEI – Kejohanan Endurance Dunia 2008, Monsoon Cup 2008 dan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-50, secara tidak langsung kita telah berjaya melakar Terengganu di pentas dunia. Menjadi juara bagi SUKMA Ke-12 juga telah mencatat sejarahnya yang tersendiri. Kegiatan sukan bukan lagi hobi semata, tetapi boleh dijadikan profesion kerjaya. Pameran 3 Abad Kesultanan Terengganu sempena Persidangan Majlis Raja-Raja Kali Ke-215 pula mengingatkan kembali kepada peranan dan jasa pemerintahan Raja-Raja Melayu.

Di sini saya ingin merakamkan lagi keikhlasan ucapan syabas dan tahniah di atas kejayaan menjadi juara serta terima kasih di atas kecemerlangan yang dicapai sebagai penganjur dan tuan rumah kepada semua pihak yang terlibat. Kepada para wartawan dan penulis acara terima kasih juga diucapkan kerana telah mewarnakan pelbagai sambutan dengan meriah.

Sebenarnya industri pelancongan turut memberi impak langsung kepada aktiviti seharian rakyat di dalam negeri. Angka kedatangan pelancong seramai 3.1 juta orang telah meningkat sebanyak 24% berbanding dengan tahun lalu. Malahan aktiviti mereka telah merancakkan suasana perniagaan pengusaha kecil kita; dari penjual keropok, usahawan batik, pemilik tempat penginapan, kedai dan gerai makanan serta minuman, hinggalah kepada peniaga-peniaga lain semuanya tersenyum lebar. Pertambahan agensi pelancongan dari 76 buah ke 102 buah dengan sendirinya membuktikan potensi besar sektor ini.

Melihatkan perkembangan positif ini, usaha untuk memastikan ianya tidak terhakis oleh kemelesetan ekonomi yang melanda telah diatur. Pembangunan prasarana pelancongan akan terus diberi perhatian. Kemudahan di tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti lapangan terbang, kawasan rekreasi, pusat penerangan pelancongan dan lain-lain destinasi pelancongan akan dipertingkatkan.

Salah satu pencapaian gemilang Negeri Terengganu ialah apabila pesawat Boeing 747-400 telah membuat pendaratan pertama di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu pada 11 Oktober 2008. Seluruh rakyat

Negeri Terengganu telah menyaksikan penerbangan yang penuh bersejarah itu apabila pesawat Boeing 747-400 tersebut membuat penerbangan khas di ruang udara Bandaraya Kuala Terengganu sebelum membuat pendaratan. Penerbangan itu juga telah menjadi titik mula bagi penerbangan antarabangsa yang lain seperti penerbangan haji terus dari Kuala Terengganu - Jeddah baru-baru ini. Lapangan Terbang Sultan Mahmud kini akan menjadi Gerbang Pelancongan di Pantai Timur bagi memastikan momentum pembangunan Negeri Terengganu terus berkembang untuk jangka masa panjang.

Penjenamaan semula produk pelancongan seperti pewujudan pakej 'Kenyir Island Hopping' yang bakal memperkenalkan pulau-pulau unggas, orkid, herba, Santuari Kelah dan Santuari Gajah di Tasik Kenyir akan dipergiatkan. Untuk itu, saya mencadangkan RM77.47 juta diperuntukkan kepada sektor pelancongan.

Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

ECER ditubuhkan untuk merangsang dan mempromosi Wilayah Pantai Timur sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan tempat untuk bermastautin. Empat teras utama pembangunan yang menjadi fokus ialah Pendidikan, Pelancongan, Pertanian dan Minyak, Gas & Petrokimia.

Sebagaimana yang kita ketahui, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Taman Industri Plastik Kerteh pada 2 Disember 2008 yang lalu. Aktiviti pembinaan infrastruktur dan penambunan tanah untuk fasa pertama seluas 27 hektar sedang giat dilaksanakan. Apabila siap ia bakal menyumbang pelaburan sehingga RM125 juta. Tiga pelaburan telah diluluskan di dalam kawasan ini dan perancangan untuk membina kilang mereka sedang dibuat. Adalah diharapkan projek-projek yang akan memberi impak yang besar kepada rakyat negeri ini akan diteruskan. Selain dapat mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi penduduk setempat, ia juga dapat menjana peluang-peluang setempat, ia juga dapat menjana peluang-peluang baru perniagaan; sekali gus dapat membantu mengurangkan tekanan kemelut ekonomi.

Peruntukan yang dicadangkan untuk sektor industri termasuk industri kecil sederhana bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM26.73 juta.
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Tahun Baru, Azam Baru

Tidak lama lagi kita akan menyambut tahun baru; bukan satu, bukan dua, tetapi tiga. Tahun Baru Hijrah 1430, Tahun Baru Masihi tahun 2009 dan Tahun Baru Cina tahun Lembu Tanah.

Tahun baru Hijrah boleh dijadikan satu titik tanda untuk mengatur langkah kerana perlakuan Hijrah itu sendiri sarat dengan peristiwa yang boleh dijadikan teladan.

Manifestasi penghijrahan Rasulullah S.A.W. ke Kota Madinah Al-Munawwarah mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan dan jalinan kerjasama antara golongan Muhajirin dan Ansar. Mereka telah sepakat kata dan dari situ terbina ikatan saudara. Kekuatan yang tercipta membuahkan hasil yang kita semua tahu akan kesudahannya.

Allah S.W.T. menggesa umat manusia agar kembali kepada bimbingan-Nya sebagaimana dalam Surah Ali Imran (ayat 103) yang bermaksud:

> ***"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu; ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara."***

Saya yakin ramai orang akan memperbaharui tekad dan azam, menyusun matlamat dan impian baru yang ingin dicapai sempena ketibaan tahun baru. Oleh itu, marilah kita buang yang keruh, kita ambil yang jernih. Biarlah teguh peribadi agar kita tidak mudah dipengaruhi.

Sama-sama kita perhati,
Kita hayati sepenuh hati,
Agar rakyat tidak terus menanti,
Segala pembelaan dan pembangunan
yang dihajati selama ini.

Sama-samalah kita berganding bahu, bekerjasama, saling mendokong dan memberi sokongan supaya agenda Kerajaan Negeri untuk 'Merakyatkan Pembangunan' akan memberi kesan positif kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu ke arah pencapaian yang lebih gemilang di masa-masa yang akan datang.

Dengan harapan yang tinggi menggunung dalam membawa Negeri Terengganu ke puncak kejayaan, Insya Allah dengan sokongan padu dan semangat jitu kita akan dapat mencapai wawasan Negeri Terengganu Maju menjelang tahun 2020. Semoga strategi yang dicadangkan dapat membuahkan hasil demi membawa bersama rakyat Terengganu mengharungi tahun 2009 dari kancah krisis ekonomi.

Bersamalah kita berusaha dan istiqamah untuk menjaga kebajikan rakyat. Penyelesaian isu kemiskinan perlu diteruskan agar jurang menikmati kehidupan dapat dirapatkan. Tumpuan agenda pendidikan dan latihan perlu diteruskan agar generasi kita selepas ini adalah insan yang berpengetahuan dan mampu menyaingi cabaran globalisasi. Mereka dapat dengan bijaksana memaksimumkan penggunaan faedah kemajuan sains, teknologi dan komunikasi.

Justeru itu, marilah kita bina daya tahan, daya kekuatan mengharungi krisis ekonomi tempatan. Kita tanamkan sikap positif dan proaktif. Kita kuburkan tabiat negatif tanpa sebarang tanda dan batu nesan. Biarlah rakyat negeri dapat mengecapi nikmat pembangunan berlandaskan pendekatan 'Merakyatkan Pembangunan', merakyatkan segala pelan pelaksanaan bagi menjamin kejayaan, kesejahteraan serta kemakmuran Negeri Terengganu Darul Iman. Semoga kesinambungan usaha murni ini mendapat restu Allah S.W.T. Insya Allah. Amin.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, Rang Enakmen telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan ini ke hari esok. Oleh yang demikian, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini pada pukul 9.30 pagi esok, 15 November 2008 dan marilah sebelum kita beredar dari Dewan ini sama-sama membaca dan kita sudahi dengan bacaan Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 15 DISEMBER 2008

Hari ISNIN,
15 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 65]

2. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: [Muka 69]

   (i) Soalan-soalan Lisan.

3. Rang Undang-Undang:

   (i) Enakmen Perbekalan (2009) 2008. [Muka 94]
   [Perbahasan Enakmen]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, mesyuarat kita pada hari ini disambung semula. Sebelum kita mulakan Persidangan Dewan kita pada pagi ini marilah kita dengan penuh ikhlas sama-sama membaca Ummul Kitab untuk mengambil keberkatan dan insya Allah mendapat restu daripada Allah S.W.T. - Al-Fatihah. Terima kasih.

Mesyuarat kita pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan dan kita peruntukkan masa 1 jam untuk soalan dan juga jawapan daripada pihak Kerajaan. Saya memulakan untuk menjemput Yang Berhormat daripada Bukit Payong untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan saya yang pertama -

> *Nyatakan tarikh yang ditetapkan dan jumlah subsidi bajak tanah untuk tanaman padi yang diberikan kepada petani-petani mengikut kategori daerah pada tahun 2007 dan 2008?*

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Payong atas soalan yang pertama. Ingin mengetahui berkaitan dengan tarikh yang ditetapkan berkaitan dengan subsidi bajak tanah tanaman padi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bantuan upah bajak tanah sawah padi yang mula diperkenalkan melalui insentif pengeluaran padi yang dilancarkan pada Februari 2007. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan kalau ada Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya. Baru-baru ini berlaku satu kes khususnya di Bukit Payong, khususnya di Kampung Undang, Kampung Tok Dir, Surau Haji Yaakob, Ketua Unit tidak membahagikan baja ataupun subsidi bajak ini kepada peserta-

peserta dan penama-penama sehingga penama-penama melaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah. Adakah maklumat ini dalam pengetahuan Kerajaan ataupun tidak?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Setakat ini belum ada sebarang maklumat daripada pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada tambahan lagi Yang Berhormat? Okey, saya jemput Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 saya ditolak, soalan nombor 2 -

> *Mengikut laporan media, ramai pelancong merungut kerana harga makanan di negeri ini agak mahal berbanding dengan negeri-negeri lain. Adakah Kerajaan menyedari perkara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya?*

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Merujuk kepada soalan nombor 2 daripada Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal iaitu rungutan ramai pelancong dilaporkan oleh media tentang harga makanan di Negeri Terengganu ini yang agak mahal berbanding dengan negeri-negeri yang lain dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

Pertamanya, saya ingin mengingatkan di sini bahawa soalan ini adalah hampir sama dengan soalan tambahan yang pernah ditanyakan dahulu oleh Yang Berhormat Wakil Hulu Besut pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Terengganu Kali Yang Kedua, 13 Ogos 2008 yang lalu. Di antara lainnya bermaksud; harga barang makanan di Pasir Puteh, Kelantan lebih murah daripada harga di Besut, Terengganu dan harga barangan makanan di Kuantan, Pahang lebih murah daripada harga di Kemaman, Terengganu. Jadi bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bukit Tunggal ini suka saya memaklumkan bahawa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah sentiasa memantau harga barangan di negeri ini setiap hari. Walau bagaimanapun, harga makanan di restoran ataupun di kedai-kedai makan bukanlah di bawah kawalan Kerajaan. Memanglah diakui terdapat rungutan tentang harga makanan tetapi perkataan agak mahal

yang dilaporkan itu adalah terlalu subjektif. Secara keseluruhannya, harga barangan di Negeri Terengganu adalah agak setanding dengan negeri-negeri lain. Malah ada harga di Terengganu lebih murah berbanding dengan Kelantan dan Pahang. Contohnya, perbandingan harga sayur kobis bulat, di mana kita lebih murah daripada Kelantan dan Pahang. Manakala ada juga harga di Terengganu agak mahal sedikit berbanding dengan harga di Kelantan, di Pahang, contohnya perbandingan harga ikan aya/ikan tongkol tempatan, kita lebih mahal sedikit. Perbezaan ini mungkin kerana dengan izin, *demand* atau keperluan kepenggunaan ikan aya ataupun ikan tongkol tempatan di Negeri Terengganu ini adalah agak banyaklah di dalam lauk Nasi Dagang yang mana keperluannya adalah lebih tinggi kalau dibandingkan dengan Kelantan dan Pahang. Dan ini adalah bersesuaian dengan kemasyhuran Nasi Dagang Negeri Terengganu yang mendapat sambutan yang menggalakkan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam perkara rungutan harga makanan yang dikatakan agak mahal ini, suka saya mengingatkan di sini bahawa kebijaksanaan pengguna adalah dituntut supaya membuat perbandingan harga serta membuat keputusan dengan bijak. Pihak Pegawai-pegawai Penguatkuasa juga sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan supaya semua peniaga meletak tanda harga yang akan membantu pengguna membuat pemilihan sebelum membeli. Kerajaan juga telah melancarkan Kempen Penurunan Harga Barang di peringkat Kebangsaan telah dilancarkan 11 November baru-baru ini oleh Timbalan Perdana Menteri, manakala di peringkat Negeri, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melancarkan kempen secara besar-besaran pada 30 November yang lalu. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, apa yang dirungutkan oleh pelancong ini bukan masalah harga bahan mentah, sebab kebanyakan yang mari sekejap, melancong dan berhenti untuk makan makanan siap. Yang jelas di sini daripada beberapa laporan akhbar ada yang milo ais RM1.80, ada yang kata di Kuala Lumpur dia makan nasi campur RM4.00, di sini sampai RM6.00 dan kita juga berpengalaman jugak kalau kita makan sekeluarga dalam hampir RM100 tetapi di Kota Bharu RM50 - RM60 sahaja. Ini jelas yang dimaksudkan oleh pelancong ialah harga makanan siap. Jadi, kalau nak pergi suruh pilih kedaipun, mereka mari sekejap melancong kalau nak pilih-pilih kedaipun kerana nak makan tak munasabah. Bila masuk kedai dan nampak harga mahal tapi dah masuk terpaksa makan jugak. Biasanya kita pergi kedai kita order makan lepas itu bayarlah, itu kebiasaan pelanconglah, saya ingat orang lain buat macam mana tak tahulah takut survey semua kedai baru beli makanan. Cuma saya nak persoalkan di sini yang pertama,

apakah punca sebenarnya yang menyebabkan harga di Terengganu ini menjadi rungutan pelancong dan yang keduanya adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu tempat ataupun *Food Court* dengan izin, Taman Selera yang di sana Kerajaan boleh kawal sepenuhnya harga untuk memberi imej baru kepada Terengganu kepada pelancong-pelancong luar. Dan kita sebagai orang di sini apabila kawan kita bertanya di mana tempat makan yang sedap dan murah, kita boleh beritahu tempatnya di situ. Jadi, timbullah dia pergi cari rata-rata tempat yang akhirnya dia terperangkap dengan harga yang mahal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi seperti mana yang saya beritahu tadi bahawa harga yang sudah siap di kedai-kedai makan mahupun di restoran tidak di bawah kawalan Kerajaan, itu mengikut kedai ataupun restoran itu sendiri yang mana mereka perlu mempamerkan di kedai masing-masing menu makanan dan nilai harga barang-barang. Jadi, kita sentiasa melaksanakan kempen dan memanggil pekedai-pekedai ini supaya mereka menurunkan harga barang-barang terutamanya bila harga minyak sudah turun beberapa kali sejak akhir-akhir ini dan insyaAllah pada masa-masa yang akan datang jabatan akan memanggil mereka yang terlibat dengan restoran dan kedai-kedai makanan ini untuk membincangkan isu yang dibangkitkan ini. Saya tak tahulah sebab soalan itu adalah mengatakan pelancong yang merungut, saya bimbang jugak takut pelancong ini mari dengan pakaian yang begitu segak, dengan begitu indah, jadi kadang-kadang pekedai mengambil kesempatan menaikkan harga dan kebetulan pada tahun ini kita banyak *national event* yang berlaku, banyak pelancong-pelancong luar jadi bimbang takut pekedai kita sendiri mengambil kesempatan di atas perkara ini. Cuma yang saya maklumkan tadi bahawa kalau mengikut barangan asas yang dijual di hypermarket, supermarket harganya adalah berpatutan. Jadi, kita juga telah memberi galakan kepada kedai-kedai yang menetapkan harga murah, yang menjual dengan harga murah untuk menghebahkan kepada orang ramai supaya kita dapat memberi satu nilai tambah kepada mereka, mereka adalah kedai atau restoran yang menjual harga barangan patut. Dan kita jabatan akan sentiasalah melaksanakan aktiviti-aktiviti ini supaya pihak-pihak pengusaha kedai makan mahupun restoran akan lebih beretika dan tidak mengambil kesempatan kepada pelancong luar mahupun kepada rakyat tempatan. Sekian, Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat molek, Yang Berhormat ya, Bukit Tunggal cadang, Kerajaan dah jawab. Kita hari ini

Dewan dah setuju mulai hari ini, maksud saya keputusan hari usahawan Terengganu, peniaga kedai makan Terengganu Dewan dah setuju makanan di Terengganu murah dan sedap. Kepada orang luar mari dan kepada wartawan hebahkan, sebarkan. Setuju Bukit Tunggal ya, okey. Tepoh?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita ketahui bahawa tidak berapa lagilah, awal tahun hadapan akan diadakan Pilihan Raya Kecil khususnya di Parlimen Kuala Terengganu. Apakah tindakan (awal) dan jaminan Kerajaan bagi maksud memastikan peniaga-peniaga ataupun pengusaha restoran ini tidak menaikkan harga makanan dengan sewenang-wenangnya sebab ini imej kita sebenarnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Kerajaan kempen dah bermula, sila jawab?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Jadi dalam bab harga makanan ini, bagi saya ini adalah merupakan kesedaran dan profesionalism peniaga itu sendirilah dan dia juga adalah merupakan hak kepada pengguna. Jadi, kepada sahabat-sahabat kita yang daripada luar negeri Terengganu yang mahu datang ke Negeri Terengganu sempena kempen pilihan raya akan datang mahupun kepada kita-kita ini di dalam Negeri Terengganu, saya mengesyorkan supaya apa yang saya katakan tadi sebelum kita masuk ke kedai-kedai, kita perhatikan tanda harga yang telah dipamerkan dan kalau jelas tanda harga di kedai tersebut adalah lebih tinggi daripada harga kebiasaan, saya rasa kita perlu keluar sajalah, kita boikot sajalah kedai yang mempamerkan harga tinggi. Itu sajalah dan saya berharap supaya insya Allah Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam musim, masa yang terdekat ini cuba memantau sebanyak yang mungkin kedai-kedai makan yang terlibat di dalam kawasan pilihan raya akan datang. Mudah-mudahan harga yang ditawarkan akan lebih berpatutan dan kita mengharapkan supaya peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan di kesempatan ini untuk mengaut keuntungan yang begitu banyak pada musim pilihan raya yang akan datang. Sekian sajalah yang dapat saya maklumkan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang ketiga ni, soalan yang ketiga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila. Untuk Kuala Terengganu ni kita benarkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Pasal nak pilihan raya ini punya pasal ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan asal ni mengatakan ramai pelancong yang merungut tapi hakikatnya bukan sahaja pelancong tetapi rakyat tempatanpun sekarang ini teruk akibat daripada kenaikan harga barang. Saya tak tahulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Exco ini turun ke pasar ke dok? Sekarang ikan selayang RM8.00 sekilo, kelmarin RM10.00. Ayam RM8.00 sekilo. Kalau sekadar kubis bulat yang murah daripada Kota Bharu, itu suatu contoh yang saya rasa memang jelas Exco dok turun ke pasar. Jadi itu sebabnya soal harga barang, nak kata kawalan daripada Kementerian Hal Ehwal Pengguna, pegawai tak cukup. Nak salahkan peniaga jual mahal, peniagapun dia kata diapun beli barang yang mahal. Jadi ini satu rangkaian, penawaran dan permintaan, *supply and demand* dengan izin, Yang Berhormat Yang Dipertua. Pokoknya saya nak tanya Kerajaan, pasal perkara ini bukan sekarang bahkan dah lama dah sampai sekarang tidak boleh selesai. Apa perancangan Kerajaan yang menyeluruh jangka pendek dan jangka panjang supaya kita ni jangan lagi terkena rakyat dan juga pelancong yang mari terkena dengan bebanan harga barang yang daripada dulu sampai sekarang tidak boleh selesai. Antaranya mungkin dari segi semua barang makanan kita import, sayur import, beras import, ikanpun hak molek-molek hantar ke luar, kita duk makan ikan selayang, mahal jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya dah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi, saya nak mintak perancangan Kerajaan jangka pendek dan jangka panjang nak menyelesaikan masalah harga barang di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam ni dia bersungguh lebih sikit. Sila jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak pilihan raya ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada turun ke pasar meninjau harga barang tapi bukanlah tiap-tiap harilah. Jadi maklumat yang saya terima, saya bagi contohnya:-

	Pahang	Kelantan	Terengganu
Kembung Hijau Tempatan	RM12.00	RM10.00	RM11.00

Jadi kita di tengah-tengah, kita lebih murah daripada di Pahang.

	Pahang	Kelantan	Terengganu
Kerisi Tempatan	RM10.00	RM10.00	RM10.00

Sama aje. Tongkol saya dah beritahu tadi kita mahal sebab nasi dagang kita banyak production hari-hari, *demand* tinggi dengan izin;

	Pahang	Kelantan	Terengganu
Tongkol	RM8.00	RM8.00	RM9.00

Jadi, kalau ada satu statistik yang jelas Yang Berhormat boleh berikan kepada saya yang betul-betul membandingkan harga di antara Terengganu, Kelantan dan Pahang, insya Allah kita akan ambil tindakan yang wajar untuk menangani masalah ini. Cuma harga-harga yang dikawal oleh jabatan dia ada siling dia maknanya harga terendah dengan harga yang mahal. Jadi, selagi dia masih di dalam lingkungan siling itu kita tidak dapat bertindak banyaklah, setelah harga siling antara RM7.00 hingga RM10.00. Jadi, kalau dia jual RM8.00 ataupun yang dijawab RM9.00 masih lagi mengikuti peraturan. Jadi, itulah yang saya dapat jelaskan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Jawapan betul tu Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Kuala Besut beritahu pagi tadi dia pergi ke pasar, harga hari ini Yang Berhormat, ya.

Saya minta maaf, saya terpaksa ke atas balik, kita jemput Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Projek Pertanian Fertigasi dan Projek Kambing Kaprima. Berapakah perbelanjaan yang terlibat dan berapakah peserta yang mendapat faedah mengikut daerah-daerah di Terengganu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama, soalan yang pertama ini peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pertanian sebagai agensi pelaksana Projek Fertigasi adalah sebanyak RM15.5 juta yang melibatkan seramai 249 orang peserta dari pelbagai golongan. Lebih kurang 90% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan bagi menyediakan infrastruktur dan selebihnya adalah untuk perolehan input pertanian.

Sementara peruntukan Projek Kambing Kaprima pula adalah sebanyak lebih kurang yang diperuntukkan oleh Kementerian sebanyak RM50 juta. Projek ini bermula daripada 2006 sehingga 2010. Dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 juta setahun dan jumlah peserta yang dijangka mendapat faedah yang langsung dan tidak langsung setelah keseluruhan projek ini berjalan lebih kurang seramai 1,267 orang. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Pertamanya, kebetulan kawasan saya ada Projek Fertigasi di Kampung Cegar Batang dan hari ininya bila saya berjumpa dengan peserta mereka katakan Kerajaan Negeri seolah-olah menyuruh mereka berdikari, tidak ada lagi bantuan. Pada pandangan merekanya oleh kerana projek ini projek yang pertama tidak ada pengalaman, penyakit-penyakit baru tidak diketahui sendiri oleh Pegawai Pertanian, kesimpulannya mereka katakan projek ini tak berapa berjaya. Jadi, apakah langkah Kerajaan untuk mempastikan perbelanjaan yang melibatkan hampir RM16 juta, yang melibatkan hampir 249 peserta kalau dikira di situ hampir RM300,000.00 satu peserta dibelanjakan untuk Projek Fertigasi. Jadi, kalau Kerajaan kata supaya berdikari, tidak lagi mengambil perhatian terhadap projek ini akhirnya perbelanjaan RM15 juta lebih ini akan jadi sia-sia sebagaimana projek Roselle dulu. Jadi, saya ingin tahu apakah masa depan Projek Fertigasi ini?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Projek Fertigasi ini merupakan satu amalan pertanian secara moden. Kita perlu merubah sikap petani-petani dan kita

menerima hakikat bahawa ini adalah pertanian yang menguntungkan tapi ianya memerlukan banyak teknikal-teknikal yang perlu dipelajari oleh petani-petani kita. Berkaitan dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM15 juta itu bukanlah semata-mata kita beli anak benih, sebagaimana yang saya beritahu tadi bahawa peruntukan tersebut dengan penyediaan infrastruktur sebahagian besarnya dan Kerajaan akan komited bahawa projek ini boleh berdaya saing dan berdaya maju sekiranya ada kesungguhan dan juga minat yang sangat mendalam di kalangan para peserta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita ada juga projek-projek yang berjaya, Projek-projek Fertigasi kita yang berjaya sebagaimana di Kampung Pla, Ajil, Hulu Terengganu dan juga Kampung Darau, Besutpun ada, TKPN untuk DUN Besutpun masih berjalan sehingga sekarang. Tapi dalam masa yang sama projek pertanian ini memang saya akuilah ada yang gagal dan ada juga yang berjaya. Tapi saya nak memaklumkan kepada Dewan bahawa projek pertanian secara fertigasi ini merupakan satu amalan pertanian moden yang boleh menguntungkan petani-petani kita untuk jangka masa yang panjang. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak ucap terima kasih kepada Exco yang menyatakan dan mengaku ada yang berjaya projek-projek pertanian ni, ada yang gagal tapi yang saya nak katanya banyak yang gagal daripada berjaya sehingga kita terpaksa mengimport untuk memenuhi keperluan bahan makanan dalam negeri, banyak perkara yang kita import. Nak tanya soalan sayanya, adakah kerana kes terpaksa kita import bahan makanan yang mahal kerana kegagalan projek-projek pertanian untuk membekalkan bahan makanan ini yang menyebabkan harga barang keperluan harian sepertimana yang disebutkan tadi menjadi tinggi?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat, sebenarnya berkaitan dengan bekalan makanan ini memanglah kita dari masa ke semasa kita cuba mengeluarkan produk pertanian kita supaya mencukupi untuk Negeri Terengganu tapi dalam jangka masa yang sama masih ada barang-barang yang perlu diimport kerana tidak cukup pengeluaran di dalam negeri kita. Contohnya, sebagaimana yang kita ketahui hari ini keadaan beraspun masih lagi kita import dalam negara kita. Berkaitan dengan harga kalau kita importpun Kerajaan tetap beri subsidi jugak, takdok makna jugak, bukan disebabkan tu, sebab hari ini jadi dah semakin meningkat dah taraf ekonomi kalau nak banding hari ini dengan tahun '90, '80 dulu jauhlah bezanya. Kerana peningkatan ekonomi dari segi penduduk kita sendiripun telah meningkat dan harga inipun bukannya harga di Negeri Terengganu melambung daripada negeri-negeri lain. Negeri Terengganupun

sama jugak dengan Negeri Kelantan hak PAS memerintahpun, lebih kurang sama aje harganya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan mengenai Projek Kambing Kaprima. Ramai di kalangan penternak-penternak kambing mengadu bahawa masalah besar mereka ialah kenaikan harga makanan kambing, jadi apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membuka industri hiliran untuk buat makanan kambing atau makanan binatang yang lain di negeri kita ini?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Jabi. Sebenarnya, Kerajaan telah menyedari hakikat bahawa kenaikan harga makanan kambing kerana peningkatan tersebut kalau kita beli makanan kambing ini daripada luar peningkatannya lebih daripada 24% daripada harga asal. Itulah yang menyebabkan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk memasukkan kambing-kambing kita ke dalam gok-gok kambing yang sudah lama telah siap. Tapi oleh kerana kalau kita masukpun dengan keadaan harga yang tidak baik menyebabkan hari ini Kerajaan terpaksa memikirkan untuk menanam rumput semula di kawasan-kawasan Lembah Kaprima yang kita wujudkan di seluruh Negeri Terengganu. Insya Allah, pada awal tahun 2009 ini, ada empat Lembah Kaprima yang sudah bersedia untuk dimasukkan kambing kerana kita cuba bangunkan rumina ini di kawasan-kawasan tersebut terutamanya:-

(i) Lembah Kaprima Kampung Cabang, Kemaman
(ii) Lembah Kaprima Kampung Payang Kayu, Hulu Terengganu
(iii) Lembah Kaprima Segading, Besut
(iv) Lembah Kaprima Seladang, Setiu

Jadi, keempat-empat Lembah Kaprima ini kita boleh masukkan dulu selain daripada empat Lembah Kaprima yang lain yang masih lagi kita menghadapi masalah berkaitan dengan makanan ternakan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, saya menjemput .....

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, di kawasan saya iaitu di Kampung Cabang, di kawasan Kemasik ada satu Lembah Kaprima, jadi apa yang saya ingin utarakan soalan adalah berkenaan dengan kategori pemilihan peserta untuk mengisi program contoh yang khususnya di sini adalah di Kampung Cabang di kawasan Kemasik, kategori pemilihan peserta?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kategori pemilihan peserta adalah kebanyakannya PPRT dan sekiranya Yang Berhormat ataupun Pejabat Daerah boleh selaraskan nama tersebut bolehlah hantarkan kepada Pejabat Haiwan untuk diberikan pertimbangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah rasional Kerajaan Negeri mengambil alih hak Kelab Teluk Warisan Pulau Duyung – Heritage Bay Club (HBC) dan berapakah jumlah kerugian terkumpul yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebelum ia diambil alih?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, soalan Wakil Batu Burok tentang rasional Kerajaan Negeri mengambil alih hak Kelab Teluk Warisan Pulau Duyung?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal pengambilalihan pentadbiran ataupun pengurusan Kelab Teluk Warisan ini tidak timbul kerana Kelab Teluk Warisan itu adalah hak Kerajaan Negeri dan apabila ia telah disiapkan diserah kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang saya tanya itu jawapannya adalah tidak tepat yang diberikan oleh Exco. Saya ingin merujuk terus kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 22hb Oktober, dengan izin Dato' Yang Dipertua saya baca: "Dulu Kerajaan Negeri suruh kontraktor terbabit bina satu bangunan tetapi selepas bangunan itu siap mereka tidak menyerahkan bangunan tersebut kepada Kerajaan Negeri. Bila dia (kontraktor) itu tidak serah dia buat resort dan dinamakan Kelab Teluk Warisan yang beroperasi tanpa pengetahuan rasmi Kerajaan Negeri Terengganu sepatutnya selepas siap dia (kontraktor) serahkan kepada kita kerana dia menggunakan Dana Khas." Jadi, ini yang perlu dilihat secara serius, jawapan yang diberikan seolah-olah untuk menutup sesuatu. Apa yang berlaku Kelab Heritage Bay ini dibina di atas wang Dana Khas lebih daripada RM250 juta dan apa yang kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri

Besar adalah suatu yang tepat dan saya perlu kepada penjelasan dalam Dewan yang mulia ini kenapa ia berlaku. Kalaulah 3 tahun lebih Kerajaan Negeri, kalau bahasa Terengganu *dok stabuk hama,* hujung pangkal dok tahu apa yang berlaku kepada Kelab Teluk Warisan ini, ini suatu yang serius, bermakna ada suatu penyelewengan dalam pentadbiran Kelab Teluk Warisan. Tiga tahun ditadbir dan digunakan oleh beberapa orang Exco, ada anak Exco kahwinpun dibuat di situ .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini persoalannya, bila tidak ada jawapan yang jelas dan bercanggah dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kedudukan dan status Kelab Teluk Warisan ini, saya anggap ini suatu yang mengecewakanlah, saya mintak penjelasan lagi tentang hal ini.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kontraktor yang dilantik bagi pembinaan resort dan marina di Pulau Duyung adalah secara reka dan bina (design and build) pada harga RM272,530,000.00 dan dalam tempoh ada kerja-kerja V.O. yang dibuat sehinggakan sekarang ini setelah maknanya resort dan marina itu disiapkan dengan sepenuhnya dan sekarang ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Dan kalaupun ada majlis-majlis termasuklah yang disebut majlis perkahwinan tentulah majlis itu majlis yang dibayarlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu saja lagi Yang Berhormat, fokus dan pendek saja, ya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya. Saya ingin mendapat jawapan yang tepat. Bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan 3 tahun lebih kelab ini, Kerajaan Negeri tidak tahu *stabuk hama*, dok tahu hujung pangkal, 3 tahun lebih Kerajaan Negeri tidak tahu dari segi pengurusan dan pentadbiran, jadi siap yang betul di sini? Kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 23hb. Oktober, ataupun kenyataan Yang Berhormat Exco dalam Dewan ini, siapa yang *berlebong* ni, bahasa Terengganulah, minta maaf? Wallahua'lam.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin membuat penjelasan bahawa Yang Berhormat Rantau Abang menjawab benda yang benar bukan *lebong.* Iaitu sebagaimana yang saya sebutkan dulu bahawa projek ini adalah

dibina oleh Kerajaan Persekutuan kepada satu kontraktor secara *design and build* dan jumlah keseluruhannya melebihi RM272 juta sebagaimana disebutkan tadi. Setelah projek ini siap sepatutnya kontraktor ketika itu menyerahkan kepada Kerajaan Negeri kerana duit ini menggunakan Dana Khas dan dia bukanlah sebagai pemaju projek itu tetapi kontraktor. Tapi malangnya dalam tempoh 3 tahun tersebut, kata orang Terengganu dia *wat dek* aje, bila siap hotel apa semua, dia urus sendiri tanpa Kerajaan Negeri mendapat satu senpun. Sebab itulah apabila saya diberi amanah, dilantik sebagai Menteri Besar, saya membangkitkan perkara ini dan akhirnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri kembali sebagai hak negeri dan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat ADUN Rantau Abang sebentar tadi. Jadi soal *lebong* tidak timbullah, masalahnya sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa iaitu dan sebagaimana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Burok rasional pengambilalihan? Jadi, soal pengambilalihan itu tidak timbul, ia memang hak kita, hak kita, cumanya baru-baru ini saja diserahkan balik bila kita timbulkan masalah ini kepada pihak pemaju dan pihak Kerajaan Pusat kerana kita berpuas hati tentang apa yang dibuat. Malahan saya pernah meminta supaya pihak pengurusan membuat laporan Polis kerana ada peralatan-peralatan termasuk komputer yang dicabut, dibawa lari oleh pengusaha asal sedangkan saya dapati bahawa peralatan-peralatan ini adalah termasuk dalam kos pembinaan projek tersebut. Inilah keadaan sebenar yang berlaku jadi tidak timbul masalah percanggahan jawapan antara Ahli Exco, Wakil Rantau Abang dengan apa yang saya sebutkan beberapa kali dulu, ini nak saya tegaskan bahawa soal pengambilalihan tidak timbul tapi kita ambil hak kita dan hari ini kita uruskan secara profesional oleh satu pengurusan yang memberi pulangan kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan. Ini bermakna iaitu hotel dan kemudahan-kemudahan di Pulau Duyung adalah kepunyaan Kerajaan Negeri di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Saya jemput ADUN Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tambah ke tak lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita beralih ke Jabilah. Panjang dah ni, dua Wakil Kerajaan dah menjawab, saya rasa dah puas hati dah. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Pembalakan haram dan pencerobohan Hutan Simpan semakin menjadi-jadi sekarang ini. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membasmikannya?*

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal pembalakan haram yang didakwa berlaku secara menjadi-jadi ini adalah agak subjektif walaupun kita sedar bahawa kes-kes kecurian balak sentiasa berlaku dan sukar dikawal dari masa ke semasa. Namun mengikut rekod yang ada pada kita sehingga 20 November 2008, hanya terdapat 4 kes yang diambil tindakan undang-undang oleh pihak Jabatan Hutan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan. Maksud menjadi-jadi tidak seterusnya jadi hari-hari, mungkin bulan ini jadi, mungkin bulan depan jadi tetapi realitinya ramai di kalangan penduduk terutamanya di tempat saya memang berlaku kecurian balak dan balak dirampas oleh Pihak Berkuasa. Tetapi ada setengah-setengah orang-orang tertentu yang mencuri balak tetapi terlepas, ini seolah-olah bilis kena, jerung terlepas. Jadi, kadang-kala saya melihat juga ada tempat-tempat yang ada mesin pembelah kayu balak yang telah dibeli, diberi untuk membelah kayu-kayu balak yang dicuri dan Penguatkuasa telah datang dan kadang-kala disita tapi walaupun disita tapi masih juga menjalankan aktiviti ini.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedar masalah ini berlaku sebab itu kita tidak mahu berlakunya 'Harapkan pagar, pagar makan padi'. Sebab itu saya sentiasa mengharapkan orang kampung, orang ramai, kalau perkara ini terus berlaku laporkan kepada BPR, dan baru-baru ini saya sendiri terus menelefon BPR untuk mengambil tindakan hasil maklumat yang saya terima tapi sehingga hari ini saya tidak tahu apakah tindakan BPR sendiri tentang hal ini. Dan saya sedar memang saya mengalami sendiri masalah kecurian balak ini kadang-kadang susah nak jawab, pegawai pergi tengok balik takdok cerita apa, senyap jugak. Saya akuilah perkara ini berlaku, sebab itu saya mintak BPR mengambil tindakan proaktif apabila mendapat maklumat daripada kes-kes kecurian balak kerana melibatkan Pegawai-pegawai Perhutanan di setengah-setengah tempat. Maaf kerana saya sebutkan ini Yang Dipertua, ini hakikat yang berlaku dalam sektor pembalakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, nanti, nanti kita perhabis dulu, kita kongsi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Jabi dululah sambung sikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya nak menarik satu kes di kawasan Hutan Simpan Bintang dalam Daerah Besut. Dalam kawasan tersebut digazet kawasan hutan tetapi sekarang ini sudah menjadi kawasan yang terang benderang dan penduduk ingin menjadikan kawasan tersebut lebih kurangnya dalam 100 ekar untuk dijadikan kawasan padang ragut. Tapi oleh kerana dalam pelannya masih lagi digazet kawasan simpanan hutan tapi hutannya tak ada. Apa status sebenarnya ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai kes Kampung Bintang, saya telah memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Hutan untuk dibuat siasatan dan saya masih ingat ketika Yang Berhormat memaklumkan kali kedua kepada saya, saya terus menelefon Pegawai BPR untuk dibuat siasatan kerana saya dimaklumkan Pegawai Hutan pergi siasat tapi balik begitu sahaja tidak diambil tindakan. Sebab itu saya masih menunggu laporan tindakan BPR terhadap kes ini dan kita tidak mahu melindungi sesiapa dan orang mengambil kesempatan ke atas kelemahan kita. Sebab itu saya nyatakan dan saya mengalu-alukan Pegawai BPR dan membuka fail apa sahaja melibatkan penyelewengan di Negeri Terengganu. Saya tegaskan kita tidak akan melindungi sesiapapun yang melakukan rasuah dan penyelewengan di bumi Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Wakaf Mempelam, Wakaf Mempelam tadi kata ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Tadi dinyatakan ada 4 kes yang disebut berlaku pembalakan haram dan pencerobohan Hutan Simpan, saya rasa lebih tapi tak apalah hak 4 kes itu tolong khabar gok kat mana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi saya sependapat dengan

ADUN Wakaf Mempelam, memang banyak kes, pengalaman saya menjaga balak memang banyak, kes-kes begini tetapi 4 kes yang disebutkan ialah:

i. Pembalakan haram di luar Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa II di Hutan Simpan Bukit Bauk, Daerah Dungun pada Januari 2008.

ii. Pembalakan haram di Kompartmen 5, HS Bukit Kesing, Daerah Setiu bulan Oktober, 2008.

iii. Melibatkan tebangan pokok di Hutan Kerajaan di Kampung Payong, Mukim Hulu Nerus pada bulan Januari 2008.

iv. Tebangan tanpa lesen di tanah Kerajaan Bukit Pinang, Mukim Hulu Telemong bulan Januari 2008.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, maknanya limalah campur di Jabi tu, satu, ya. Dah diberitahu tadi. Saya jemput Yang Berhormat Wakaf Mempelam untuk soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Bilakah tarikh sebenar penyerahan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pelajaran di bawah SABK dan berapakah jumlah guru-guru yang menerima tawaran untuk diserapkan kepada Kementerian Pelajaran?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia serta Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Sebenarnya berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, sebenarnya tidak ada penyerahan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri ataupun singkatannya SMAN kepada Kementerian Pelajaran di bawah SABK dan jumlah guru-guru yang menerima tawaran untuk diserapkan kepada Kementerian Pelajaran adalah seramai 358 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ialah saya guna istilah penyerahanlah walaupun Kerajaan mengatakan tidak ada penyerahan tapi guru-gurunya semua sekali akan diserapkan kepada Kementerian. Persoalannya sekarang ini ialah siapa yang mula bertanggungjawab untuk nak menjaga sekolah-sekolah ini, Pejabat Agama ke, Kementerian? Jadi, hak ni kata serah, hak ni

kata dok serah, guru dah hantar ke Kementerian, sekolah hak kita. Yang timbul persoalan ini dan saya katakan begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana baru-baru ini ada satu kes seorang Pengetua atas arahan Dato' Pesuruhjaya ditukarkan walaupun dikatakan pentadbiran telah diambil alih oleh pihak Kementerian, daripada Pengetua tukar ke jadi Cikgu biasa, jadi berkecamuk dari segi pentadbiran.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam, jadi saya sendiripun tidak mendapat maklumat berkait yang diberitahu oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi berkait dengan pertukaran. Saya rasa pertukaran Pengetua ataupun guru-guru serta kakitangan ini adalah satu kebiasaan. Seperti yang saya sebut tadi dari segi penyerahan Sekolah Menengah Agama ini sebenarnya tidak berlaku sebab itu kita maklumkan hari ini apabila berlaku pertukaran dan sebagainya inipun dia berlaku dalam sekitar Negeri Terengganu ini sahaja sebab itu saya katakan tadi walau bagaimanapun Sekolah Menengah Agama Negeri Terengganu ini masih lagi di bawah Pejabat Agama Negeri cuma dari segi untuk mendapatkan bantuan guru, kakitangan, kewangan, biasiswa, penyelenggaraan dan lain-lain kemudahan itu sahaja yang diambil alih oleh Kementerian Pelajaran. Itu sahaja, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, persoalan yang timbul sekarang ini saya difahamkan Bahagian Pendidikan Pejabat Agama, Timbalan Pesuruhjaya Bahagian Pendidikan buka sekolah ini bulan satu akan turun jadi cikgu biasa, dok serah tetapi siapa yang nak mentadbir? Dan dalam Buku Bajet ini pulak semalam Yang Amat Berhormat menyebut bahawa seramai 14 orang Guru Bahasa Arab dari Syria dan Sudan akan diambil untuk mengajar Bahasa Arab di 14 buah Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Jadi, guru yang kita ada kita serah kepada Pusat lepas itu kita ambil pulak, jadi bawah siapa dia? Jadi, itu yang saya nak tanya mintak penjelasan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat dah jelas tadi, Kerajaan dah jawab tidak ada penyerahan tetapi ada kerjasama. Saya ingat Ahli-ahli Dewan semua faham. Jadi, kalau ada soalan tambahan lagi satu. Tak payah jawab dah Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak payah jawab dah, Speaker tolong jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab kita dah faham dah tu. Kalau tak ada soalan tambahan, kita jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Berapakah jumlah Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang ada di seluruh Negeri Terengganu. Sila nyatakan kedudukan mengikut pecahan daerah-daerah?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah JKKK di seluruh Negeri Terengganu adalah sebanyak 981. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum tu yang kedua - kedudukan mengikut pecahan daerah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua:-

Kuala Terengganu	-	295
Hulu Terengganu	-	116
Marang	-	99
Kemaman	-	119
Besut	-	174
Dungun	-	98
Setiu	-	80
JUMLAH	-	981

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baru soalan tambahan 1, ya? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ini baru soalan tambahan yang pertama ni, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan saya. Apakah syarat-syarat pelantikan JKKK sebagaimana syarat-syarat terdahulu dikekalkan ataupun sebaliknya? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini syarat-syarat terdahulu masih diterima pakai.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua, ya?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan kedua. Maksud saya apakah syarat ataupun proses pelantikan itu bermula daripada DUN dan sebagaimana yang asal ataupun ada perubahan dari segi syarat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Kalau ada perubahan kita akan beritahu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi soalan?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan saya yang terakhirlah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan elaun JKKK khususnya Pengerusi, Setiausaha dan Elaun Mesyuarat JKKK dan saya nak selit satu lagi saya nampak Kuala Terengganu ini 295 banyak sangat ni, tak nak pecah ke daerah ni? ....(Dewan Gelak) ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita nampak dah soalan Tepoh ni, dia nak gi situ tapi insya Allahlah sebagaimana yang saya sebut dulu bahawa kajian sedang dibuat untuk mewujudkan satu daerah baru di Kuala Nerus. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Elaun Yang Amat Berhormat, mustahak jugak tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Elaun tu kita tengok keadaan semasalah, tengok dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Puas hati Tepoh, ya. Kita jemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah status Kompleks Aquatik yang dibina di Pantai Batu Burok. Berapakah kos pembinaannya?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Soalan Wakil Ladang yang ingin mengetahui apakah status Kompleks Aquatik yang dibina di Pantai Batu Burok dan berapakah kos pembinaannya?

Kompleks Aquatik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang mula dibina pada 3 Januari 2007 telah siap pada 31 Mei 2008. Tanggungan kecacatan adalah selama dua tahun dan akan berakhir pada 30 Mei 2010. Kos kontrak adalah sebanyak RM18,980,364.85.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tinjauan yang dibuat di kompleks ini nampaknya tidak dibuka, belum dibuka kepada umum. Apakah sebenarnya sudah dibuka ataupun belum dibuka dan saya tak tahu macam mana sebab nampaknya tutup sokmo, apakah ia sudah dibuka untuk kegunaan orang ramai?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut tadi tentang tempoh tanggungan kecacatan yang akan berakhir pada 30 Mei dan Kompleks Aquatik ini akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu selewat-lewatnya Februari, 2009, ada kerja-kerja kecacatan yang sedang dibuat dan berkemungkinan selepas Kompleks Aquatik ini diserahkan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang selewat-lewatnya Februari, 2009 ini urusan pembukaan dan penggunaannya akan diurus oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada cacat besar ataupun macam mana tu sedangkan sudahpun diguna baru-baru ini, selepas guna untuk SUKMA tu cacat atau macam mana? ... (Dewan Gelak) .... Ataupun sengaja tak buka ataupun tak tahulah, dan seterusnya apakah polisi penggunaan kolam ini ataupun kompleks ini ataupun apakah dia diasingkan antara lelaki dan wanita ataupun bagaimana?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Tanggungan kecacatan ini bergantunglah ada yang perlu dibaiki dan sebagainya dan ada tempoh tanggungan kecacatan ini dan dari segi polisi tentunya akan ditentukan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya Yang Berhormat Februari tahun depan Pengurus baru dilantik, sekarang ini barangkali yang kecacatan itu tadi mungkin Y.B. Pengkalan Berangan boleh jawab. Ada soalan tambahan lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tadi Yang Dipertua kata Pengkalan Berangan boleh jawab?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud saya kecacatan itu kita faham semua soal kerja-kerja kontrak ni kan, cumanya soal pengurusan tadi ....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, biar saya jawab, sedap, syok pulak soalan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dah kalau sebut cacat, biasa dia dah jenis OKU, ada hak cacat kekal, ada hak tak kekal, jadi hak dok kekal tu kita kena baikilah. Jadi hak dok kekalpun kita kena baiki jugak, jadi kita memerlukan masa sedikit, tempoh kita, edah kitapun sampai 2010, mintak sabar sikitlah *"Assobarulminnaliman"*. Boleh saya duduk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Pengkalan Berangan, dalam kontrak lagilah tu. Soalan tambahan yang lainlah Ladang, kita faham tadi. *Doksoh* panjangkan yang kita dah faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maknanya masa SUKMA pakai tu tak cacat ke macam mana kalau cacat macam mana SUKMA boleh pakai?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Pengkalan Berangan tadi tempoh yang diberi, tempoh guaranteelah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tapi masa SUKMA pakai tu tak cacatlah masa tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak cacat, tak cacatlah tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Speaker jawab banyak dah tu, padanlah tu, kalau banyak cerita lainlah pulak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak laju ni nak beri peluang kepada semua. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, soalan saya yang kedua -

> *Berapakah jumlah penerima Dana Khas Bantuan Hari Raya mengikut pecahan daerah sepanjang tahun 2008 dan nyatakan sebab-sebab sesuatu permohonan tersebut ditolak?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan seterusnya para pemerhati yang saya hormati sekalian. Soalan yang dikemukakan oleh ADUN Sura agak mengelirukan saya kerana kita ada 3 hari raya sebenarnya, yang mana satu dimaksudkan oleh ADUN Sura?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi soalan dalam soalan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Hari Raya yang dimaksudkan adalah Hari Raya Puasa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hari Raya Puasa, Yang Berhormat. Aidil Fitri.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada ADUN Sura atas penjelasan yang diberi. Jawapannya penerima Bantuan Hari Raya Aidil Fitri bagi 2008 mengikut daerah:-

Besut	-	25,680 orang
Dungun	-	19,000 orang
Hulu Terengganu	-	14,623 orang
Kemaman	-	23,261 orang
Kuala Terengganu	-	48,055 orang
Marang	-	14,475 orang
Setiu	-	11,196 orang

Sebab-sebab sesuatu permohonan itu ditolak? Memanglah permohonan itu akan ditolak apabila tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Di antaranya:-

i. Pemohon suami-isteri memohon secara bersama
ii. Pernah menerima bantuan Bakti Remaja
iii. Pendapatan pemohon melebihi syarat iaitu RM1,500.00
iv. Berumur kurang daripada 65 tahun (bagi kategori warga emas)
v. Pemohon seorang bujang yang layak memohon bantuan yang lain.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tambahan Dato' Yang Dipertua, mengikut laporan akhbar Sinar Harian yang berlaku di Dungun ada kategori yang sepatutnya menerima bantuan ini tetapi telah tidak menerimanya yang disebutkan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mengapa berlakunya ketidaksampaian sumbangan ini kepada golongan yang sepatutnya menerimanya. Sebagai contoh, seorang yang bernama Pak Awang di dalam DUN Sura di Kampung Sungai Buaya sudahlah buta kemudian cacat, kemudian mendapat bantuan JKM RM200.00 sebulan tapi tak menerima bantuan ini, ramai lagi saya hanya menyebut sebagai contoh satu kes. Jadi, saya nak tahu sebab-sebabnya, sebab syarat-syarat yang dikehendaki itu sudah cukup tapi mengapa tidak sampai jugak bantuan kepada pihak yang sepatutnya menerimanya?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada ADUN Sura. Memang selalu timbul di dalam surat-surat khabar semasa proses bantuan itu dikendalikan tetapi apa kes yang disebut oleh ADUN Sura itu tadi kita tidak tahu adakah permohonannya dikemukakan dan setakat mana sebenarnya permohonan itu. Kadang-kadang bersungut sahaja di kampung tapi permohonan tidak dikemukakan atau ada lagi benda-benda lain dari segi teknikalnya tidak disempurnakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Okey, untuk makluman .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan kedua, ya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sebelum tambahan kedua, untuk makluman iaitu penerima ini biasa menerimanya, biasa menerimanya, tahun lepas terima jadi mengapa tahun ini ditolak, itu satu perkaralah. Dia sebut sendirilah, ini JKKK punya kerja. Tak apalah tu, saya nak terus pergi kepada soalan tambahan yang kedua. Apakah Kerajaan bercadang oleh kerana pemberian ini dalam bentuk

pemberian jangka pendek dalam sambutan Hari Raya Aidil Fitri, apakah Kerajaan jugak bercadang untuk memberi sumbangan-sumbangan dalam bentuk jangka panjang kepada pihak yang sepatutnya menerima sumbangan ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang pertamanya, apa yang disebut tadi dalam kes yang sudahpun disebut yang berlaku di Sura itu. Biasanya dia terima tapi biasa terima dalam tahun-tahun lepas tidak semestinya pada tahun ini jugak dia dapat terima mungkin jugak ada perkara-perkara lain. Dan yang disebut tadi – Adakah Kerajaan bercadang nak mewujudkan bantuan jangka panjang dalam konteks ini. Saya dapati bantuan jangka panjang sudahpun ada tapi tidak dalam bentuk ini seperti yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, MAIDAM, FELCRA dan sebagainya, bantuan-bantuan jangka panjang sudahpun ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau nak *check* Pak Awang, Kampung Sungai Buaya, Sura, Dungun, Yang Berhormat ya, catat tu.

Jadi, kita ada dua lagi Yang Berhormat, saya ingat saya beri peluang Kerajaan menjawab soal asal sahaja tanpa soalan tambahan. Pertama, kepada Kuala Berang. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Sila nyatakan status perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Se Purnama Berhad berkaitan konsep penswastaan pembinaan Rumah Awam Kos Rendah di Padang Stenge, Kuala Berang, Hulu Terengganu?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, status perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Se Purnama Development Sdn. Bhd. yang melaksanakan projek melalui konsep penswastaan pembinaan rumah awam kos rendah masih dianggap sah sehinggalah pembatalan dibuat oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat, saya tersilap tadi yang satu ADUN tu tadi kedua-dua soalan ditolak jadi ada soalan tambahanlah. Sila, sila, Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi, melihat kepada prestasi syarikat yang lemah saya rasalah dah beberapa tahun sejak dari tahun 2000 sehingga sekarang, daripada jumlah 480 lot milik yang diberi kepada pemaju saya rasa sehingga sekarangpun belum siap, sehingga sekarang saya rasa hanya 100 unitpun masih belum siap dilaksanakan. Jadi saya rasa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan rasa Yang Berhormat, kena bertanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): .... Kerajaan perlu mengkaji semulalah perjanjian antara Syarikat Se Purnama tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, nama syarikatpun Se Purnama dah, diluluskan semasa zaman pemerintahan Kerajaan PAS. Jadi mungkin kerana tak purnama mana lening barangkali sebab itu ada masalah tu. Jadi, insya Allah kita akan kaji perkara ini kerana sebelum ini telah beberapa kali pihak Se Purnama datang berunding untuk mengadakan beberapa skim pilihan kepada mereka, kita masih memberi ruang dan sekiranya mereka gagal saya rasa proses biasa akan kita ambil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah pada pagi ini kita dapat selesaikan semua Yang Berhormat yang bertanya dan dijawab dengan jelas oleh pihak Kerajaan. Jadi, kita ucap tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan kita tangguh untuk minum pagi, kita masuk semula pada pukul 11.00 pagi nanti.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi kelmarin Rang Enakmen Perbekalan 2009 telah dibentangkan untuk Bacaan Kali Yang Kedua telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan dan dijemput Yang Berhormat untuk memulakan perbahasan. Kita jemput penyokong dululah semalam. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Dewan yang dikasihi sekalian.

Seharusnya kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita masih berkesempatan untuk membahaskan Bajet 2009 di Dewan yang mulia pada pagi ini. Pertama-tama, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2009 kelmarin yang bertemakan 'Merakyatkan Pembangunan Negeri Terengganu'. Sekali gus sesiapa sahaja yang membaca slogan 'Merakyatkan Pembangunan Negeri Terengganu' ini terbayang akan kita bahawa Bajet 2009 yang akan dilaksanakan pada tahun depan akan mendapat nikmat dan faedah secara total kepada rakyat Negeri Terengganu. Dan pada saya daripada apa yang telah dibentangkan kelmarin memang tepat dengan tema yang dikemukakan kepada kita semua. Lihat sahaja dalam soal mempastikan kecemerlangan pendidikan Negeri Terengganu. Julung-julung kali rakyat negara kita ini pelajar tahun 5 akan mendapat Note Booknya yang pertama di negara kita. Barangkali kelmarin anak-anak kita berangan-angan pada tahun depan anak tahun 5 kita ke sekolah membimbing komputer ribanya. Kalau di kawasan saya ada ibu bapa yang telah menelefon saya pada tahun depan anaknya akan membawa basikal dan di depan raganya ada komputer riba. Terbayang olehnya itulah gambaran anak-anak Terengganu untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa depan. Dan saya selaku rakyat Negeri Terengganu sangat berbangga, insya Allah nanti rakyat kita ini, anak tahun 5 kita ini suatu masa nanti akan menjadi pakar dalam bidang komputernya. Anak-anak kita ini suatu masa nanti akan jadi *towering personality* dengan izin, insya Allah. Anak-anak kita ini seterusnya akan membangun negeri kita ini sehebat sebagaimana sehebatnya Kerajaan Islam Abasiyyah dulu.

Barangkali juga sehebat semasa angkatan tentera yang dipimpin oleh tentera Islam menakluk Sepanyol. Insya Allah, anak-anak kita ini suatu masa nanti akan menjadi contoh yang mempimpin dunia, apa lagi pada tahun depan Kerajaan Negeri akan terus menambah bilangan Sekolah Imtiaz dan ini insya Allah kesinambungan untuk melihat generasi Ulul Albab ini akan berterusan dan insya Allah juga kita akan dapati anak-anak kita bukan sahaja berjaya di dalam dunia ini tapi dalam masa yang sama adalah anak-anak yang taat kepada agamanya. Kalau ini yang terjadi pentadbiran negeri ini tidak ada lagi berlaku kebocoran dalam pembangunan dan kalau ini yang terjadi insya Allah Terengganu kita akan menjadi Terengganu yang kita impikan bersama. Bukan sahaja dengan komputer ribanya, Terengganu kita insya Allah kita akan lihat seluruh warga pendidik kita mendapat manfaat yang besar daripada Bajet 2009 ini. Dan ini akan mempastikan tenaga buruh kita akan mempastikan rakyat kita terus menjadi rakyat sebagaimana yang kita impikan. Walau apapun kita juga seharusnya tidak lupa kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rakyat kita pada masa kini. Kalau kita ingin melihat kecemerlangan anak-anak kita dalam pencapaian di dunia ini, kita juga seharusnya menekankan soal kerohanian anak-anak kita. Kita lihat baru-baru ini di negeri kita ini, di Kuala Berang ada berlaku cubaan bunuh diri, di Kuala Terengganu juga ada cubaan untuk membunuh diri. Daripada peristiwa-peristiwa ini memberi gambaran kepada kita bahawa generasi muda kita hari ini seharusnya kita lihat betapa zaman mereka ini penuh dengan cabaran dan dugaan. Kalau di peringkat sekolah anak-anak kita hari ini tidak sebagaimana kita pada zaman persekolahan kita. Anak-anak hari ini boleh dikatakan setiap daripada pelajar kita mempunyai telefon, mempunyai peralatan masa kini dan mereka terdedah dengan cabaran-cabaran yang kalau mereka tidak dapat hadapi mereka akan terikut dengan apa yang mereka alami. Banyak berlaku di sekolah-sekolah, ada yang melahirkan anak semasa hendak ke sekolah. Inilah cabaran kita. Keluar daripada sekolah, anak muda kita di Terengganu ini ada jadi Mat Rempit. Semua perkara ini membimbangkan kita. Dengan sebab itu suka saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, kita di Terengganu ini kita pastikan mana-mana anak kita yang tidak berkemampuan di dalam akademik, di seawal mungkin lagi kita arahkan anak-anak ini ke bidang vokasional. Ini pengalaman saya, saya memegang dua PIBG di kawasan saya, bila mesyuarat PIBG, guru-guru sentiasa bercakap soal disiplin anak-anak kita, berbeza dengan zaman mereka dulu dan berbeza dengan zaman saya. Kalau zaman dulu anak-anak muridnya taat dan patuh kepada guru tetapi hari ini anak muridnya sehingga sanggup memukul guru. Baru-baru ini di Perlis, pelajar menumbuk guru, di Terengganupun ada juga, semua ini cabaran-cabaran di dalam pendidikan ingin melihat generasi Ulul Albab kita. Dengan sebab itu, suka saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri kita tubuh lagi satu sekolah yang

mana pelajar yang tidak berpotensi dalam akademik, kita halakan kepada vokasional. Kalau ini kita boleh lakukan anak-anak yang tidak berkemampuan dalam akademik ini, anak-anak inilah yang sebenarnya yang terlibat dalam disiplin di sekolah, dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan melihat perkara ini suatu perkara yang serius bagi mempastikan generasi Terengganu kita ini generasi Ulul Albab dan seterusnya menjadi kebanggaan kita bersama.

Saya juga ingin menyentuh soal pembangunan di kampung-kampung. Saya ingin juga mengucapkan syabas dan tahniah di atas peruntukan tambahan yang telah diberi kepada Pejabat Daerah. Kalau sebelum ini RM2 juta satu daerah untuk pembangunan fizikal memang tidak cukup dan tahun ini ditambah, tahniah. Cuma pada pandangan saya, kalau sekiranya sesuatu yang mendesak pihak Pejabat Daerah bersama dengan Jawatankuasa Pembangunan Daerah boleh meluluskan segera. Suka saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memperuntukkan peruntukan am yang lebih besar untuk pembangunan setiap daerah tidak tertakluk kepada apa yang telah ada di dalam setiap rancangan ataupun *work book.* Misalnya kita pergi jumpa D.O., D.O. kata projek ini tak boleh kerana tidak ada di dalam bajet, tunggu tahun depan. Jadi dengan itu, suka saya mencadangkan supaya Kerajaan memperuntukkan sebahagian peruntukan supaya kelulusan yang dibuat oleh setiap Mesyuarat Pembangunan Daerah boleh dibuat dalam tahun semasa dengan mengambil peruntukan am khas ini.

Akhir sekali, saya di kawasan Hulu Besut sangat merasa bangga di dalam pilihan raya yang lepas, Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan Negeri Terengganu telah pergi berjanji di kawasan saya untuk menjadikan kawasan Hulu Besut saya tidak lagi jadi jalan mati. Menteri Besar Terengganu telah pergi berjanji kepada rakyat kawasan saya, Hulu Besut saya tidak lagi jadi jalan mati dan saya berharap janji-janji Kerajaan ini diteruskan untuk mempastikan merakyatkan pembangunan ini dikecapi oleh rakyat nun jauh di Hulu Besut. Saya juga suka menjemput Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk ke Hulu Besut untuk melihat sendiri bagaimana rakyat rasa bertuah, rakyat Terengganu merasa sangat bangga dengan pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional. Insya Allah, kalau ini boleh kita buat, kalau Bajet 2009 ini merupakan 'Bajet Merakyatkan Pembangunan Negeri Terengganu' ini, saya percaya penduduk desa yang jauh nun di Hulu Besut jugak akan merasai nikmat pembangunan di Negeri Terengganu Darul Iman yang kita cintai ini. Itulah yang hendak saya sokong tentang Bajet ini di Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut, 15 minit menyokong, saya ingat boleh bagi lebih tadi tapi terima kasih jugak atas jemputan. Jadi saya buka untuk ahli-ahli lain. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak lebih dari 15 minit, Yang Berhormat deh, ikut Hulu Besut tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, ini yang pertama dari Pembangkang ni setengah jam ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih dari 15 minit? 20 minitlah saya beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lebih dari 30 minit insya Allah. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan para-para pemerhati sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Ucapan Bajet Negeri Terengganu 2009 yang dibentangkan semalam oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya bila perhatikan Bajet yang dibentangkan pada tahun ini, pembentangan Bajet yang pertama kali oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar nampaknya ada sedikit perbezaan. Di mana dulu dalam Bajet-bajet sebelum daripada ini, peruntukan Dana Khas diletak di bawah Kod 80000 - Terimaan Bukan Hasil, Bawah Kepala 82000 – Terimaan Dari Agensi Kerajaan. Tapi pada kali ini diganti di bawah Kod 60000 – di bawah tajuk kod Hasil Cukai – Kepala 61803 – Royalti Minyak dengan Anggaran Hasil RM1.533 bilion. Cumanya yang saya nak kepastian Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Anggaran Hasil Minyak yang dikemukakan dalam Bajet sebanyak RM1.533 bilion ini berdasarkan berapa harga US Dollar satu tong sekarang ini, harga pasaran minyak jangkaan pada tahun depan. Saya bimbang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana perbelanjaan yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini berdasarkan kepada harga pasaran minyak peringkat awalnya pembentangan itu, Bajet itu dibuat, unjurannya ialah USD125 satu tong tapi selepas Belanjawan dibentang dan dibahas

di Parlimen, harga minyak turun menjunam ke paras USD sekarang ini lebih kurang USD45 sahaja satu tong dan ini akan memberi kesan yang besar. Jadi itu satu yang saya nak mintak anggaran Bajet RM1.533 bilion ini berdasarkan berapa unjuran harga petroleum antarabangsa pada tahun hadapan?

Satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sejak tahun 2005 saya dapati dalam semua Belanjawan tahunan yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan terus menerus bergantung kepada hasil Dana Khas atau royalti petroleum dan gagal. Kerajaan daripada dulu sama ada bekas Menteri Besar Wakil Jertih ataupun sekarang ini saya tak tahulah pasal baru 8 bulan untuk nak menjana dan meningkatkan hasil-hasil lain. Jadi, kebergantungan yang terlalu besar kepada royalti yang dulunya Dana Khas, sehinggakan kalau tidak ada pendapatan dari hasil Dana Khas atau royalti sekarang ini nak bayar gajipun, nak bayar emolumenpun tak mampu. Begitu juga dalam Bajet tahun ini, carta 2 saya perhatikan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Buku Bajet Anggaran Hasil Tahun 2009 di mana Terimaan Bukan Hasil campur dengan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM223 juta, cukup-cukup untuk bayar gaji, bayar emolumen yang dianggarkan pada tahun depan sebanyak RM220 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Negeri Terengganu adalah antara negeri yang paling lewat bersidang untuk bentangkan Bajet pada tahun ini tetapi merupakan antara negeri yang mengemukakan Bajet tahun depan di antara yang tertinggi. Saya tengok sebelum pada ini, Persidangan di negeri-negeri lain sebagai contoh Perlis - RM195 juta Bajet dia, Pahang - RM925 juta, Kedah - RM1.29 bilion, Selangor - RM1.4 bilion tetapi kita bentang Bajet RM1.799 bilion dan yang paling tinggi ialah Sabah - RM2.77 bilion. Tetapi Terengganu, inilah yang saya nak kaitkan Terengganu dan Sabah yang mengemukakan Bajet yang cukup tinggi tapi rakyat yang paling miskin paling ramai di Terengganu dan jugak di Sabah, ini realiti. Dan inilah gambaran menunjukkan BN (Barisan Nasional) sejak lebih 50 tahun gagal untuk mengatasi masalah kemiskinan walaupun hasil masyhul Kerajaan Negeri cukup banyak. Jadi, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau saya sebut soal royalti, saya ingat dalam pembentangan sebelum daripada ini, hal Dana Khas bila kita bincang dalam Dewan saya sebut saja kes Dana Khas, kes rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Kerajaan marah selalu. Saya ingat Wakil Alur Limbat, takdok pagi ini, Wakil Ajilpun takdok hari ini, barangkali insya Allah takdok gangguan, takdok belaka tu. Mereka bangun marah selalu pasal kes mahkamah, saya ini sebagai pembohong, penipu, pelawok, pelawok besar, macam-macam tuduhan. Seolah-olah apabila kita nak bincang soal royalti, nak bincang soal Dana Khas, nak bincang soal pengkhianatan Umno dan

Barisan Nasional kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu tak boleh pasal kes mahkamah. Sekarang saya nak huraikan sedikit sebanyak apa yang berlaku dan perkara-perkara yang sehari-dua ini menunjukkan kebenaran sehinggakan baru kita mulai nak rasa balik nikmat kurniaan Allah kepada kita di Negeri Terengganu ini. Saya nak biar rakyat faham siapa sebenarnya penderhaka, siapa sebenarnya pengkhianat, siapa sebenarnya yang selama ini menjadi perompak kepada hasil masyhul Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu yang dilakukan pada tahun 2000 setelah kami diamanahkan untuk memerintah negeri. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini oleh kerana dekat dengan pilihan raya marilah, mulai hantar dah duit royalti tapi apa yang nak disebut, saya nak sebut dan saya nak beritahu Dato' Yang Dipertua, semalam sebagai contoh. Saya kemukakan Usul supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih Laporan Perbelanjaan dan kajian projek-projek khas Dana Khas Kerajaan Persekutuan di Negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga 2008. Perkara ini penting, mustahak dan hasil kajian itu dibentangkan di dalam Dewan supaya kita tahu dan sepatutnya duit yang kita dapat berapa dan ke mana perbelanjaan itu dilakukan? Dan itulah sebabnya dalam mukadimah Usul saya semalam yang disebut pendedahan demi pendedahan yang berlaku sekarang ini dengan laporan-laporan yang tidak diaudit, dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dikawal sehinggakan Kerajaan Negeri sendiripun tidak tahu apa yang telah dibelanjakan. Sekarang kita dah mula nampak satu demi satu pembongkaran yang berlaku. Itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak rakan saya Wakil Kijal yang memimpin Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini dan Kerajaan kepimpinannya supaya yang pertama, biarlah kita *transparent* dengan izin, ketelusan, kita telus. Yang keduanya, biarlah kita ada *accountability* dengan izin, maknanya kepertanggungjawaban. Dan yang ketiganya, biar kita ini tunjuk *good governance* dengan izin, urus tadbir yang baik supaya jangan perkara yang sama berulang sehinggakan akhirnya rakyat seperti mana yang saya sebutkan tadi walaupun Bajet yang begitu besar tapi masalah kemiskinan tak boleh selesai di Negeri Terengganu daripada dulu sampai sekarang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengikuti perkembangan Persidangan di Parlimen. Sebagai contoh baru-baru ini, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri S.K. Divamani dalam jawapan kepada satu soalan di Parlimen mengemukakan bahawa pihak Kerajaan Pusat menyatakan dari 31hb Mac, 1990 sehingga 31hb. Mac, 2008 jarak masa 18 tahun sebanyak RM66.6 bilion dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat dan 3 negeri-negeri pengeluar minyak iaitu 5% kepada Kerajaan Pusat, 5% dibahagi-bahagikan kepada tiga negeri. 5% daripada RM66.6 bilion ini

10%, 5% dibahagi kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat dapat RM33.3 bilion dan tiga negeri lagi Sabah mendapat RM5.4 bilion, Sarawak RM11.9 bilion dan Terengganu RM18 bilion. Maknanya 18 tahun daripada 31hb Mac, 1990 hingga 31hb. Mac, 2008 dalam masa 18 tahun Kerajaan Terengganu RM18 bilion purata, RM1 bilion setahun. Ini jawapan rasmi di Parlimen. Lepas pada itu pulak baru-baru ini, dikemukakan lagi soalan dan dijawab oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Amir Syam Abdul Aziz yang menyatakan jugak merupakan jawapan rasmi di Parlimen. Dari bulan Mac 2004, ini masa yang pendek lagi, bulan Mac 2004 hingga bulan Mac 2007 sejumlah RM26.839 bilion dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat dan kepada tiga buah negeri yang saya sebutkan tadi. Maknanya 5% Kerajaan Pusat dalam masa tiga tahun dia dapat RM13.420 bilion, Sabah dapat RM1.234 bilion, Sarawak dapat RM4.821 bilion dan Terengganu dapat RM7.364 bilion. Ini jawapan rasmi di Parlimen. Tiga tahun daripada 2004 sehingga 2007, Terengganu tiga tahun dapat RM7.364 bilion, maknanya purata RM2.455 bilion setahun. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, waktu harga minyak dunia memuncak baru-baru ini dalam masa enam bulan, Terengganu patut dapat lebih daripada RM2 bilion dalam masa enam bulan. Maknanya baru-baru ini semasa harga memuncak setahun Terengganu patut dapat RM4 bilion tapi sekarang nasib kita kurang baik harga minyak dah mula turun, turun mendadak. Itulah sebabnya semalam Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan dan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berapa royalti yang Terengganu patut dapat dari tahun 2000 sehingga tahun 2008? Yang Amat Berhormat jawab: "Dok tahu tengah duk kira." *Benok* matematik macam ni, soalan macam itu payah sangat nak kira, pada hal fakta itu ada di Pusat. Peruntukan yang sepatutnya Petronas bayar ke negeri-negeri kita patut tahu. Itu sebabnya masing-masing buat anggaran, ada yang kata kita patut dapat RM12 bilion, ada yang kata kita patut dapat RM14 bilion dalam waktu tempoh tersebut tetapi yang Terengganu dapat dan saya jugak tanya semalam, Yang Amat Berhormat jawab: "Kita dah dapat RM5.81 bilion", campur dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mari hantar baru-baru ini RM408.6 juta maknanya kita baru dapat RM6.218 bilion. Yang jadi masalahnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatut dapat RM12 hingga RM14 bilion baru dapat RM6.218 bilion, saya mendapat maklumat bahawa Kerajaan Umno Barisan Nasional pimpinan bekas Menteri Besar Wakil Jerteh, Yang Berhormat Dato' Idris Jusoh sewaktu memerintah Negeri Terengganu mereka telah berbelanja RM18.8 bilion peruntukan Dana Khas. Itulah sebabnya walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, walaupun dah setuju dah nak serah balik royalti minyak ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu, janji nak bayar pada bulan September tahun ini tapi tak bayar, tangguh pada tahun depan kerana apa saya rasa

memang nak candat dulu ni. Jenis nak candat dulu duit pasal persoalannya sekarang ini RM15.8 bilion ni belanja untuk projek apa? Ini persoalan yang berlaku. Itulah sebabnya saya mintak sungguh-sungguh walaupun Usul saya ditolak tapi mintak Kerajaan Negeri tubuh Jawatankuasa Khas, sedia Kertas Putih Laporan Perbelanjaan dan kajian projek-projek Dana Khas Persekutuan di Negeri Terengganu daripada tahun 2000 hingga 2008 kerana kita bertanggungjawab kepada Dewan dan kita bertanggungjawab kepada rakyat Negeri Terengganu dan ini akan kita dedahkan kepada rakyat tentang penyelewengan-penyelewengan yang berlaku. Saya sedih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya sedih kerana peruntukan Dana Khas kepada Negeri Terengganu hanya dia bagi RM1 bilion setahun. Saya rujuk kepada jawapan bertulis Wakil Rhu Rendang, jawapan bertulis no. 2 - 23 April, dengan izin dia bagi RM200 juta, 2 September - RM50 juta, 9 September - RM450 juta berjumlah RM1 bilion. Maknanya purata yang Kerajaan Negeri dapat Dana Khas hanya RM1 bilion setahun. Dan itulah sebabnya apabila Timbalan Perdana Menteri mari hantar RM408.6 juta ini kononnya nak tambah royalti, nak tambah apa? Hak patut dapatpun tak dapat, ni nak tambah, orang nak tambah ni benda hak tak dapat dah nak tambah mari lagi, baru kita kata tambah. Jadi, itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak merujuk dan ini kenyataan bila saya rujuk kepada buku Akaun Awam 2007. Di mana saya dapati disebut secara jelas Akaun Hasil Disatukan, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: "Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2007 telah menunjukkan kedudukan defisit sebanyak RM278.42 juta berbanding dengan kedudukan surplus sebanyak RM5.97 juta pada 31 Disember 2006". Kedudukan kita defisit dan hasil kita apabila disebutkan lagi: "Jumlah Hasil Kerajaan Negeri yang diterima dari 31 Disember 2007 adalah sebanyak RM1.262 juta dan berkurang sebanyak 19% berbanding dengan jumlah hasil untuk tahun sebelumnya sebanyak RM1.561 juta". Jumlah hasil ini terdiri dari hasil cukai sebanyak RM36.99 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM125.36 juta, dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM1.9979 juta". Pengurangan yang ketara, ini yang nak saya sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengurangan yang ketara Hasil Kerajaan Negeri adalah bagi Terimaan Bukan Hasil yang berkurang sebanyak RM321.3 juta dengan pengurangan sebanyak 23%. Keadaan ini disebabkan Kerajaan Negeri tidak menerima pemberian daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana Bajet tahunan yang menyebabkan Kerajaan Negeri hanya mencapai prestasi kutipan Hasil sebanyak 78.2%. Hak janji RM1 bilionpun tak bayar! .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta maaf Yang Berhormat, saya ni penting ni ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi. Sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... kerana saya rasa berilah peluang untuk setahun sekali saya bercakap, ini penting soal Bajet, saya mintak tolong .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, gulung, gulung. Sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya baru mukadimah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak sebutnya begini kedudukan yang ada sekarang ini, kedudukan Lembaran Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu jumlah aset telahpun berkurang sebanyak 50.7%, boleh baca Buku Laporan ini. Aset wang tunai Kerajaan Negeri jugak berkurang sebanyak 51.8%. Jadi aset kurang, pitih kohor kurang pada hal Belanja Mengurus terus meningkat. Tahun 2006 - RM1.376 juta, 2007 - RM1.546 juta, 2008 - RM1.673 juta dan dijangkakan pada tahun depan RM1.799 juta.

Hutang Kerajaan Negeri jugak dengan Kerajaan Pusat terus meningkat. Tahun 2006 - RM903.05 juta, 2007 meningkat - RM937.87 juta, 2008 meningkat lagi - RM976.4 juta. Dan ini memang ada dalam jawapan bertulis yang dikemukakan oleh Wakil Rhu Rendang.

Seterusnya kadar kemiskinan di Negeri Terengganu jugak tinggi, masih di kadar 5.4%. Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya nak sebutkan perkara ini kerana soal peruntukan Dana Khas, royalti yang diagihkan kepada Kementerian yang saya sebutkan sebelum pada ini iaitu hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen pada tahun 2006. Laporan itu pada tahun 2005 yang dibentangkan pada tahun 2006. Semalam diakui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dahlah kita dinafikan, dirompak, bagipun tak sepatutnya, bagipun sikit, bagipun tak cukup. Lepas tu duit royalti kita atas nama Dana Khas telah diagihkan, dia buat macam harta pusaka bapak dia. Dia bagi kepada negeri-negeri lain, dia bagi ke syarikat-syarikat Kerajaan, dia bagi kepada Kementerian-kementerian dan jugak Badan-badan Berkanun. Saya nak sebut dari tahun 2001 hingga 2005, RM3.96 bilion telahpun diperuntukkan Syarikat SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) pada tahun 2005 dia dapat duit kita Dana Khas RM157 bilion tapi semalam Yang Amat Berhormat mengaku Dana Khas sehingga tahun 2008 telah meningkat pendapatan dia, ambil duit kita sebanyak RM700 juta. Begitu jugak negeri-negeri lain

Kelantan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan banyak negeri-negeri lain 2000 hingga 2005 duit Dana Khas mereka perolehi duit kita RM203.4 juta tapi semalam disebut sehingga 2008, negeri lain dapat manfaat duit royalti atas nama Dana Khas sebanyak RM800 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ayat terakhir, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, RM1.5 bilion hak tu saja, belum lagi ni hak projek-projek yang saya nak bangkit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ayat terakhir Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bagi saya sikit lagi, ini baru petroleum ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti bagi kawan-kawan lain suruh sambung .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, kawan-kawan saya beri saya bercakap ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takdok surat kepada saya Yang Berhormat. Ini saya dah bagi lebih kepada Yang Berhormat ni. Sila, ayat terakhir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini yang saya nak sebut sekarang ni projek-projek Dana Khas yang saya nak mintak sungguh-sungguh kalau nak disebut senarai Dana Khas Ya Allah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah yang sempat saya catat:

Kompleks Sukan	-	RM544 juta
Lebuh Raya	-	RM1.8 bilion
Naik taraf Terminal Lapangan Terbang Sultan Mahmud	-	RM130 juta
Naik taraf Landasan Lapangan Terbang	-	RM530 juta
Monsoon Cup dan Pembangunan Pulau Duyong		RM360 juta
Taman Tamadun Islam	-	RM259 juta
Benteng Pemecah Ombak (Break Water)	-	RM509 juta

RM4.1 bilion ini sebahagian daripada yang saya nak pertikai apa kepentingan rakyat yang rakyat perolehi. Secara langsung yang menyebabkan tak boleh nak mampu dengan rakyat hanya 1 juta kita tidak boleh nak menyelesaikan masalah rakyat daripada dulu sampai sekarang. Kes projek jalan saja, saya difahamkan lulus RM800 juta, yang Yang Amat Berhormat sebut jalan tak tahu kat mana, tang mana buat jalan RM800 juta, inilah yang berlaku. Itulah sebabnya saya menegaskan, kita kena berusaha dengan apa cara sekalipun untuk tuntut balik duit hak kita yang mereka gunakan tanpa ikut peraturan. Ini kita nak tegaskan dan saya mintak jangan tarik balik saman royalti teruskan dengan saman royalti tersebut. Ini belum lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit lagi. Ini belum lagi projek-projek yang bekas Menteri Besar buat pergi ke Besut, banyak lagi. Projek Sekolah Imtiaz .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Payah Wakaf Mempelam ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): RM145 juta, sekolah apa ni RM145 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekolah di Jertih So', Pasar Jertih ni RM75 juta, Taman Ilmu RM410 juta tapi semalam diperbetul dia kata RM401 juta sudah belanja RM260 juta, dok cukup lagi RM120 juta ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tolong bagi kerjasama .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Begitu jugak Masjid Hadhari RM36 juta .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Harga asal .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk sekejap, saya bagi ayat akhir sebab alat saya ini rosak Yang Berhormat, saya tak boleh nak *stop*

Yang Berhormat bercakap tapi mintak kerjasama pertamanya saya dah bagi peluang lebih daripada had biasa kerana Ketua Pembangkang tidak lagi dapat hadir ke Dewan tetapi peluang untuk Ketua Pembangkang itu tidak diberi kepada Yang Berhormat. Jadi hormatlah kepada kita, sila akhirkan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya pasal begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bajet ini mustahak boleh bercakap setengah jam aje .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Akhir, akhir, Yang Berhormat, satu nafas aje Yang Berhormat. Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi itulah sebabnya bila dibacakan Bajet ini, disebut Bajet yang dikatakan temanya ialah 'Merakyatkan Pembangunan'. 'Merakyatkan Pembangunan' tapi itulah yang saya nak sebut sebagai contoh hak mudah-mudahlah kata nak 'Merakyatkan Pembangunan', sekarang ini musim hujan, bila musim hujan ini gok, hujan bukan air pasang turun lagi, bukan air laut mari lagi, hujan saja airport baru bocor dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey cukup. Banyak dah tu, hujan lagi, laut lagi. Kira cukup dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekarang ini musim banjir, rakyat nak *monsoon drain* bukan nak *monsoon cup.* Saya nak sebut ni pasal kes rungutan rakyat dan saya harap sungguh pelaksanaan Bajet .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh wakilkan kepada kawan-kawan ataupun celah mana-mana nanti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dulu hak lain ganggu saya, ini Yang Berhormat sendiri ganggu saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok, dok, dah 25 minit, Yang Berhormat *start* tadi 11.22 .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sikit, sikit lagi. Hak sekolah tak habis lagi ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kesian kawan-kawan kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lepas tu saya nak sebut lagi hal pilihan raya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pilihan raya nanti kita kempen, cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya hormatlah apa Yang Berhormat, waktu kecacatan takdok langsung?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih pada cedera dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah saya ucap terima kasihlah. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasihlah Wakaf Mempelam sebab nampak payah sangat nak berhenti. Jadi kita tolong bagi *gear break* dia. Saya jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *(Membaca ayat 18, Suratul Haj)* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dan warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Bajet 2009 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Mudah-mudahan dengan sedikit penyertaan daripada saya pada pagi ini akan memberikan sedikit sebanyak tambahan kebaikan untuk kita bersama.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, secara umumnya saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam percubaan sulungnya membentangkan Bajet 2009 dan sekali gus juga telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi jumlah pendapatan negeri. Daripada tahun 2008 - RM1.673 bilion kepada 2009 - RM1.799 bilion iaitu pertambahan lebih kurang

RM156.8 juta. Dan secara penuh tanggungjawab saya juga mengucapkan tahniah kerana Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya melalui buku Bajet 2009 telah mencatatkan secara jelas kedudukan royalti minyak melalui Kod Hasil Cukai Langsung khususnya Kod 61803 yang mencatatkan tentang royalti minyak. Sekali gus menjadikan hasil atau pendapatan Kerajaan Negeri untuk 2009 lebih didominasikan melalui Hasil Cukai Langsung bukan lagi hasil dalam erti kata Terimaan Bukan Hasil sebagaimana yang ada di dalam buku Bajet 2009.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, meneruskan perbahasan saya pada pagi ini, ingin meyingkapkan kembali firman Allah S.W.T. di dalam Suratul Haj, ayat 18 yang telah saya bacakan di awal tadi. Allah S.W.T. berfirman: (Membaca ayat 18, Suratul Haj) yang membawa maksud: "Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu meneliti, memerhati terhadap diri kamu tentang apa-apa yang telah kamu lakukan bagi maksud untuk menghadapi hari-hari esok termasuklah hari Qiamat sesungguhnya Allah amat mengetahui terhadap apa yang kamu lakukan." Secara jelasnya firman Allah tersebut memanggil untuk kita bermuhasabah terhadap diri kita untuk merenung kembali lebih-lebih lagi di akhir tahun seumpama ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar: "Kita sekarang berada di penghujung tahun masihi 2008, kita juga berada di penghujung tahun hijri 1429," dan insya Allah kita akan melangkah ke tahun baru sudah tentulah proses yang paling penting kepada kita ialah bermuhasabah membuat penilaian dalam diri kita termasuklah penilaian dalam konteks kita sebagai orang-orang yang diberikan amanah untuk mentadbir di kawasan sekali gus mentadbir negeri sebab itulah muhasabah ini membawa maksud untuk kita melihat apa-apa yang telah kita lakukan, kejayaan yang telah kita perolehi, keberhasilan yang telah kita dapati supaya kejayaan, kebaikan-kebaikan tersebut dapat kita teruskan pada masa yang sama kita dapat menambahbaikkan kejayaan yang kita perolehi. Muhasabah juga meminta untuk kita menilai tentang keburukan-keburukan yang berlaku, kekurangan dan kelemahan yang berlaku dengan harapan mudah-mudahan kekurangan yang berlaku itu ataupun kelemahan yang berlaku, keburukan yang berlaku dapat kita elakkan ataupun kita ganti dengan kebaikan yang lebih baik di masa hadapan. Sebab itulah saya cukup yakin bahawa sebenarnya dalam konteks kita sebagai pemerintah sebab pemerintah itu adalah dalam erti kata istilah Arabnya 'hukumah' yang datangnya dari perkataan hukum dan perkataan hukum itu melahirkan perkataan yang lain iaitu hakim yang mendapat kuasa yang berkuasa. Yang keduanya, hukum itu menghasilkan perkataan hikmah yakni bijaksana yakni memerintah ataupun mentadbir dengan bijaksana. Saya cukup yakin bahawa Bajet yang dibentangkan ini adalah lahir daripada perasaan untuk bermuhasabah terhadap diri bukan soalnya sebagaimana yang dinyatakan

oleh Wakil Wakaf Mempelam, bukan semata-mata untuk menyatakan bahawa mungkin ini yang dinyatakan oleh mereka sebelum ini konon-kononnya yang dilaungkan. Maka hari ini mereka menunjukkan bahawa mereka mendabik dada apa yang mereka katakan itu betul tetapi saya cukup yakin dengan memasukkan royalti minyak ke dalam buku Bajet ini bukan kerana apa yang dikatakan oleh Pembangkang tetapi lahir atas kesedaran bermuhasabah untuk kepentingan rakyat semasa dalam konteks Negeri Terengganu kita, saya cukup yakin sedemikian. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebab itulah marilah kita bersama-sama bermuhasabah di akhir tahun seumpama ini kerana orang berjaya sebenarnya orang yang sentiasa menggunakan prinsip hidup "hari ini lebih baik daripada hari semalam, esok lebih daripada hari ini, lusa lebih baik daripada hari esok, hari-hari mukanya lebih baik daripada hari-hari yang telah ditinggalkan pergi". Mudah-mudahan itulah yang berlaku kepada pentadbiran Kerajaan kita pada hari ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, menyingkap kepada persoalan muhasabah tersebut saya ingin sebutkan di antara kejayaan-kejayaan yang telah kita lalui sepanjang lebih kurang 4 tahun yang lalu di antaranya: Kita berjaya menganjurkan SUKMA di antara penganjuran yang terbaik, SUKMA Ke-12 dan sekali gus kita berjaya memartabatkan bahawa Terengganu juga mempunyai kehebatan dalam bidang sukan kerana kita berjaya menduduki tempat pertama dalam SUKMA dalam erti kata memperolehi jumlah pingat melebihi daripada apa yang kita *target* daripada asalnya. Ini suatu kejayaan untuk kita muhasabahkan diri kita. Kita berjaya di dalam menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran Antarabangsa Kali Yang Ke-50 yang tak pernah dilakukan ataupun dianjurkan oleh mana-mana negeri di negara kita ini, ini suatu penghargaan dan kita perlu bersyukur. Yang ketiga, kita jugak berjaya dalam erti kata penganjuran FEI World Endurance Championship baru-baru ini di Lembah Bidong. Dalam konteks yang sama Monsoon Cup. Dalam masa yang sama kita berjaya mengekalkan 8 tahun berturut-turut anak-anak kita dalam UPSR dan kejayaan kita yang cukup besar ialah apabila kita telahpun dapat memastikan dengan perancangan yang kita lakukan iaitu Penerbangan Haji Terus Dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke bumi Jeddah untuk jemaah-jemaah Haji kita menunaikan Fardhu Haji. Ini merupakan suatu kejayaan yang tidak boleh dinafikan tetapi pada masa yang sama sebenarnya kejayaan-kejayaan yang saya sebutkan tadi bukanlah berlaku dalam sekelip mata tetapi ia adalah hasil daripada perancangan kita yang lebih awal bertahun-tahun sebelum ini, akhirnya impian itu menjadi kenyataan, menjadi realiti dalam negeri kita, inilah semangat yang kental yang perlu ada kepada kita.

Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang soal Penerbangan Haji. Sebanyak 8 Penerbangan Haji Terus Ke Jeddah telahpun berlaku bermula daripada tarikh 13hb penerbangan yang pertama, 14, 15 dan berakhir pada bulan November yang lalu. Dan yang cukup

memberikan suatu rasa penuh syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. apabila pada tarikh 13hb November yang lalu ketika pintu Stadium Tertutup dibuka untuk pendaftaran masuk Jemaah Haji penerbangan yang pertama, ketika azan dilaungkan dan ketika mana beredarnya Jemaah-jemaah Haji ini satu demi satu menaiki bas Kerajaan Negeri yang telah sedia ada dengan tulisan yang berbagai, kehebatan Negeri Terengganu 10 buah bas membawa Jemaah Haji dalam sekitar 353 orang dan yang lebih kita seronoknya apabila kita melihat pesawat Boeing 747-400 yang membawa 353 Jemaah Haji tersebut mula dengan izin, *take off* di situlah kita rasakan bahawa ada deraian air mata melihat kejayaan yang kita tak pernah lihat sebelum ini, inilah impian menjadi kenyataan. Dan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya rasa tidak salah untuk saya sebutkan kebanggaan ini kita kongsikan bersama kerana di antara yang kita dapat lihat ialah Pilot yang membawa Jemaah Haji itu adalah anak watan Negeri Terengganu, Kapten Dato' Nawawi yang telah menerbangkan pesawat Boeing 747-400 yang pertama pada 11 Oktober yang lalu mendarat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Saya menerima SMS dari Kapten Dato' Nawawi tika mana beliau 10 minit mendarat di Jeddah ketika itu jamnya 3.57 petang di Jeddah bersamaan lebih kurang 8.57 minit malam lalu dia mengatakan bahawa: "Kita baru mendarat seluruh Jemaah Haji ceria, baik dan saya bangga kerana menjadi anak Terengganu yang dapat membawa Jemaah Haji yang pertama terbang terus dari bumi Terengganu ke Jeddah." Ini kejayaan yang tidak boleh dinafikan oleh berbagai pihak termasuk Pembangkang. Dan begitu jugalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penerbangan yang kedua, sebab saya boleh bercakap begini kerana saya hadir lima penerbangan daripada lapan penerbangan untuk menghantar Jemaah Haji tersebut. Penerbangan yang kedua turut dibawa oleh Pilot yang juga anak Terengganu, orang Pak Kancil, Setiu, Kapten Nik Hazli. Penerbangan yang ketiga jugak anak Terengganu, bukan setakat anak tapi dua beranak orang Terengganu, Kapten Haji Mustaffa Ali ini bukan Mustaffa Ali tu, takdok kaitan hak PAS ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ingat jugak ke Mustaffa Ali orang PAS deh .....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dokrok tu. Kapten Haji Mustaffa Ali bersama dengan Co-Pilotnya Kapten Fazli anaknya, dua beranak bawa Jemaah Haji kita, dua beranak ni orang Pengadang Baru. Inilah sebenarnya kejayaan kita yang kita muhasabahkan kembali bukan untuk kita berbangga semata-mata tetapi untuk kita pertahankan kejayaan ini pada masa yang sama kita berusaha untuk memperhebatkan kejayaan-kejayaan yang telah kita miliki pada hari ini. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, itu tak sebutlah kalau hak bawa Pak Lah itupun anak Terengganu

jugak Pilot hak bawa Pak Lah tu orang DUN Tepoh, orang Kampung Lerek, Tepoh, Kapten Nordin bin Abdul Majid, ini kena sebutlah orang DUN kita kalau dok orang lain dok sebut dah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya mengharapkan cadangan saya oleh kerana kita sudah melakukan yang terbaik dalam mengendalikan Jemaah Haji ini, saya mengharapkan dan saya meminta kepada Kerajaan supaya penerbangan balik yang pertama nanti ke bumi Terengganu kita buat secara lebih baik, sambut secara besar-besaran Jemaah Haji kita yang pertama pada 27hb nanti. Saya mohon kepada Kerajaan Negeri buat dengan cara yang terbaik, sambutlah mereka nak bagi sijil penghargaanpun bagilah ketika itu dan kalau bolehlah kita muziumkan maksudnya kita masukkanlah di Muzium kita mungkin kita buatlah replika kapal terbang yang pertama itu buatlah replika dan letaklah di Muzium. Ini adalah nak beritahu 30 tahun akan datang, 40 tahun akan datang anak-anak Terengganu akan melihat bahawa satu ketika dulu tercatat dalam sejarah di bumi Terengganu Penerbangan Terus Jemaah Haji dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke Jeddah, tak salah. Senaraikan 353 jemaah itu, yang pertama itu senaraikan kita framekan elok-elok simpan di Muzium. Ini satu cadangan sayalah sebenar untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, demikianlah jugak saya mengharapkan supaya ialah yang lain sebab soalan saya sebelum ini berkaitan dengan Lapangan Terbang tersebut untuk taraf antarabangsa perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya, promosi dan ambil tindakan dengan sebaik-baiknya kerana kita tahu lapangan terbang kita ini, landasannya adalah landasan yang ketiga terpanjang di Malaysia, tolak saja lapangan KLIA, tolak saja Subang kita adalah yang ketiga, Sarawak tidak boleh menandingi kita, Johor tidak boleh menandingi kita, kita adalah yang terpanjang bahkan yang tercantik duduk dalam laut pulak tu. Jadi, kita gunakanlah sebaik-baiknya pihak Kerajaan untuk manfaatkan supaya dapat kita manfaatkan dengan cara terbaik. Dan kalau boleh jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa salahnya kut tahun depan kita boleh *charter* kapal terbang ni, kita buat Umrah gok sekali bawa Wakil-wakil Rakyat se kapal terbang tu, bawa Ketua-ketua Jabatan tapi dok boleh belaka, kena pilih-pilihlah jugak, Pengerusi-pengerusi JKKK termasuk hak ada dah kuota tupun yalah, ini Umrah ni, Imam, Bilal, Ngo's, kita kumpul sebuah kapal terbang satu penerbangan terus Umrah dari Negeri Terengganu tajaan ikhlas oleh Kerajaan Negeri Terengganu kan hebat tu ..... (Tepukan Sokongan) .... Lulus! Ini di antara cadanganlah. Saya nak khabar ni nak menampakkan kehebatan kita, hasil penat lelah perancangan kita yang bertahun-tahun semenjak kita menang tahun 2004 yang lalu hingga kejayaan ini kita perolehi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau tadi saya menyebutkan tentang kejayaan, saya ingin jugak menyebutkan tentang kelemahan dan kekurangan sebagai bahan muhasabah kita. Saya tak nak sebutkan banyak perkara lain hanya saya ingin sebut satu sahaja, yang saya nak sebutkan ialah berkaitan dengan soal tragedi ataupun berlaku banjir baru-baru ini di awal bulan 12. Saya sebutkan ini kerana kawasan saya, DUN saya adalah di antara kawasan yang paling teruk dilanda banjir baru-baru ini. Dan saya akui, kawasan saya di antara kawasan yang paling menerima akibatnya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, 3 minit lagi, deh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): 3 minit lagi. Kejadian ini berlaku 1hb. Disember, maknanya kita tidak sedar pukul 2.30, pukul 3.00 pagi ada orang telefon saya di Gong Badak ketika itu air naik dah, kereta dah nak hapus dah, pasal apa? Sebab katanya pagar KUSZA, pagar UDM tu halang. Saya kata tak apalah, saya bertanggungjawab, robohkanlah pagar tersebut. Bolehlah air lalu sebab parit dia tu tertutup oleh pagar KUSZA yang konkrit. Hak roboh di UMT ni hak cerita lain, hak tu kes air *dembok* di antara pagar UMT dengan pagar UDM, hak ni hak balik perumahan, itu yang berlaku lebih kurang jam 3.00 pagi. Dan akhirnya berlakulah di Taman Desa Pusu Tiga, air naik secara mendadak dan kita tahulah tempat ini memang sentiasa menjadi kawasan tadahan air, ada yang naik air itu dalam rumah tu sekaki, ada yang majoriti dua kaki dalam rumah, hak rumah-rumah kos rendah hak bawah tu sampai 4 kaki, kalau rumah hak hujung tu kalau saya gi, hapus saya ... (Dewan Gelak) .... nak buat guana saya ini jenis hak kecil sikit. Kalau Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak hapus lagi kat ni mungkin, saya hapus, nak khabar sampai peringkat menjadi menarik prihatin Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mencemar Duli turun melawat, bertemu dengan mangsa-mangsa banjir dan sekali gus bertanya khabar dan memberikan sedikit sebanyak bantuan. Saya bagi pihak mangsa-mangsa banjir di DUN saya, saya ingin merakamkan menjunjung kasih di atas mencemar Dulinya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melihat dan melawat mangsa-mangsa banjir baru-baru ini. Cuma itulah yang saya nak sebutkan apabila berlaku ni Yang Berhormat Mulia Dato', ini selepas dah berlaku banjir di DUN saya ada enam pusat pemindahan dibuka yang empat daripadanya ditutup lebih awal selepas sahaja banjir hak dua ni, hak di Sekolah Kompleks Gong Badak dan jugak di Sekolah Tok Jiring tutup tak tutup 12hb baru-baru ini, seminggu lebih rumah digenangi air. Baru-baru ini kita buat Gotong Royong Perdana, hari Jumaat baru ni dan hari Sabtu kita buat Gotong Royong Perdana, hingga hari ini kita difahamkan lori Bandar Raya ke Pejabat Daerah angkat sampah baru ni,

barang-barang yang rosak dengan almarinya, kebetulan almari ni bukan hak jenis perabot kayu jati, kayu cengal, dok, ni hak dengan izin *kopeh* hak pakai kumpul-kumpul habuk ni, habis rosak begitu aje, dengan tilam apa semua. Puluh lori duk hantar, nasib baik dok leh nak hantar jugak ke Pusat Pelupusan Sampah di Sungai Ikan, Tepoh tu sebab rupanya memang kita khabar sokmo dah Pusat Lupus Sampah tu masa mari hujanpun dia limpah jugak dengan pusat-pusat tu limpah, hantar ke Kubang Ikan. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kena ambil perhatianlah, tutuplah senang hak di Sungai Ikan tu, *rohok* kita. Jadi bolehlah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutkan, memang kita sebutkan faktor-faktor berlaku, pertamanya hujan lebat, memang kita akui hujan lebat 364 mm ketinggian dalam erti kata kelebatan hujan yang turun, jarang sangat yang turun sebanyak itu. Kemudian sistem perparitan, kemudian kawasan itu kawasan rendah dan yang keempat kerancakkan pembangunan yang tidak seimbang dengan airport dan sebagainya. Inilah yang berlaku sebenarnya, cuma saya mengharapkan bila benda dah berlaku, benda dah berlaku kita terimalah ada ketentuan daripada Allah, qadha dan qadar tetapi ada benda yang boleh kita atasinya. Saya minta kepada Kerajaan supaya mengambil serius tentang soal ini khususnya melibatkan soal-soal sistem perparitan, saya sebut dulu dah, dua, tiga empat kali dah dalam Dewan ini supaya konsep walaupun saya meminjam tadi yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam di kawasan tersebut memang tak ada lagi sistem perparitan yang betul-betul lengkap dalam kontek *Monsoon Drain,* tak ada. Air dari Batu Rakit, daripada Pecah Rotan, Padang Kemunting semua turun ke kawasan saya kerana kawasan itu kawasan rendah, nak buat guana Wakil Rakyat dia rendah jugak, kena begitulah hak rendah ni kena *krenyek sokmo.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh perhabis Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jadi, mintaklah supaya diambil dan JPS boleh buat cadangan kalau boleh dibuat segera, ambil tindakan segera buat cadangan, buat pelan dan sebagainya. Ada cerita telah diambil balik tanah dan sebagainya telah ada, buat yang terbaik kerana walaupun di kawasan itu takdok CF dan sebagainya yang disebutkan tapi kita tak hendak membiarkan keadaan rakyat berterusan menghadapi seumpama itu sebagaimana di dalam Bajet ini disebutkan 'Merakyatkan Pembangunan'. Begitu jugaklah dalam hal-hal lain mungkin Jabatan Kebajikan Masyarakat, dia orang duk bertanya ni dengan anak nak sekolah dan sebagainya saya difahamkan JKM masuk dah buat bancian kelmarin, kalau boleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Exco Kebajikan, saya kalau boleh saya nak pastikan anak-anak buah saya yang terlibat dengan mangsa banjir baru-baru ini khususnya di Pusu Tiga kerana mereka itu digenangi air yang begitu lama saya nak supaya melalui bancian bantuan

diberikan sebelum persekolahan dibuka tahun depan. Saya mintak demi untuk kesejahteraan rakyat, benda ini boleh dibuat. Dan akhirnya sikit lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ganti rugi dan sebagainya, buatlah guanapun demi untuk kebaikan masa depan, tubuh jawatankuasa dan sebagainya. Dan akhirnya yang saya nak sebut, ada jugak permohonan ini saya sebutlah sebab ini hal-hal semasa Yang Berhormat Dato', kita bukan cerita nak suruh khabar jenis hak salah-salah orang, ini kita khabar hak kehendak rakyat ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebut deras.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kalau bolehlah, mungkin di sekitar airport tu setelah pembesaran apa semua, saya nampak kawasan di situ yang ada Taman Desa Pusu Tiga, Taman Haji Embong dan ada satu lagi taman yang sedang dibuat melalui Tabung Amanah Warisan berdepan Sekolah Kompleks yang itu memang hapus kepala, belum siap lagi, yang ini kena buat kajian semula dan kalau boleh sebenarnya sekitar Pusu Tiga apa semua tu takdok arah sangat ke kalau tak boleh nak buat mungkin kita cadang boleh buat ban kumpul air boleh buang tapi kalau sistem tak berapa jadipun tak boleh nak buat jugak. Kalau boleh apa salahnya Kerajaan pakai ambil balik terus, hak cadangan asalnya nak ambil dah kawasan itu dulu untuk pembesaran rezab airportpun tak apa ataupun ambil buat semula maknanya tambun biar tinggi semula, Kerajaan buat semula dan beri semula, jual semula dan sebagainya, ini salah satu. Kita tak nak benda itu dibiarkan sudah bertahun-tahun. Dan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, untuk yang lain dua-tiga benda secara sepintas lalu saya mintak sekali lagi melalui Dewan ini walaupun sudah disebut berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu kewujudan segera pusat pentadbiran di Kuala Nerus. Saya kena sebutkan, biarlah orang kata apapun Yang Berhormat Tepoh duk sebut benda yang sama, saya berpegang bahawa saya perlu menyebut benda yang sama untuk memastikan benda itu tetap berlaku di masa depan, itu kehendak kita. Ini telah disebut tadi dengan JKKK kalau bahagi dengan DUN maknanya bahagian lain, daerah lain sekali ganda lebih dia Kuala Terengganu. Kalau hak wang Dana Khas tadi hak lain setakat tinggi-tinggi belas-belas juta, Kuala Terengganu RM40 juta lebih, nak khabar *rohoknya* Pejabat Daerah Kuala Terengganu buat kerja ni, pecahlah senang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya mintak daerah baru.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Daerah baru Yang Berhormat. Begitu jugak hospital, penuh sokmo Hospital Kuala Terengganu tu sekurang-kurangnya boleh jugak hospital baru.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kerajaan faham tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dan .... hak ni saya tengok sebab dalam buku Bajet ni banyaknya duk sentuh-sentuh secara butiran ada hak kawasan alik saya apa semua hanya dalam bentuk token RM10 aje belaka, hak lain ada butiran RM4, RM2 juta, takdok macam RKK Tepoh .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya harap pihak Kerajaan tolong timbanglah lepas kena bah macam-macam, mengadu hal macam-macam, kena bah lagi, hak tu tak boleh, hak ni tak boleh .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah bakpe cara hal orangnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah .... nak tolongpun marah jugak? Ni-lah payah sikit orang nak tolong ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Pandai kita khabarnya, tak minta tolong dengan dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jadi kita mintaklah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Jambatan Jeram Tokong tu hak yang dirancang apa semua kita mintaklah dapat diwujudkan, dapat diteruskan dengan adanya Bajet, saya tengok token belaka ni. Hak saya mintak sokmo dah *start* daripada sebelah zon tengah, zon saya tu dari Tok Jiring, Bukit Berangan sampai Felda Belara takdok sebuah habukpun lagi Dewan Serbaguna yang boleh digunakan, benda ni dah dua-tiga kali saya ajukan kepada Pejabat Daerah, Majlis Bandaraya dan JKR kalau boleh tahun depan buat satu Dewan Serbaguna di sebelah kawasan Tepoh tu khususnya dalam RKK Tepoh nak gantikan Pasar Lama Tepoh kepada Dewan Serbaguna untuk kegunaan masyarakat berhimpun, *rohok* sangat kita ni nak cari tempat. Saya nak mintak dalam Dewan, dalam Mesyuarat Tindakan

mintak dah tapi biarlah Dewan ini mintaknya mudah-mudahan dia lebih hebat daripada hak mesyuarat biasa-biasa. Jadi, saya rasa itu sajalah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di atas keizinan yang diberikan kepada saya dan biarlah saya tutup demi untuk kebaikan kita bersama dengan saya membaca dua firman Allah S.W.T. untuk penghayatan dan untuk muhasabah kita bersama. Firman Allah S.W.T. di dalam Suratul Al-Baqarah, ayat 269: (membaca ayat Suratul Baqarah ayat 269) yang bermaksud: "Allah memberikan hikmat kebijaksanaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya yakni Ulul Albab". Dan firman Allah yang kedua dalam Suratul Baqarah ayat 216 (membaca Suratul Baqarah ayat 216) yang bermaksud:"Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka akan sesuatu pada hal ia sebenarnya buruk bagi kamu". Mudah-mudahan kita berfikir bersama untuk kebaikan kita di masa hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Tepoh ni nampaknya rendah tapi hebat, pandai pulak tu hujung tu payah untuk kita nak tolak. Saya buka kepada Yang Berhormat lain untuk meneruskan perbahasan. Kalau tak ada kita nak suruh gulung. Bukit Tunggal, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 15 minit, saya bagi elaun sikit Yang Berhormat, deh. Doksoh balah banyak dengan sayalah. Elaun saya bagi sikit.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Exco Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, pertama-tamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana diberi peluang kepada saya untuk turut bersama-sama membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan semalam oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Apa yang saya nak kemukakan beberapa perkara antaranya saya mengucapkan tahniahlah kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya membawa balik hak rakyat

duit royalti yang selama ini telah dinafikan hak sepenuhnya kepada rakyat Negeri Terengganu ini yang dizalimi yang dalam Bajet ini mengemukakan lebih kurang 85% daripada hasil yang dijangka dipungut tahun depan jumlah daripada petroleum, satu anggaran dan peratusan yang sangat besar. Yang keduanya, saya setinggi-tinggi bersyukurlah kepada Allah semoga menjadi suatu muhasabah kepada kita semua bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional baik Negeri dan Pusat kepimpinan telah menyedari kesilapan mereka dalam menafikan hak rakyat Terengganu selama 8 tahun bermula daripada tahun 2000 zaman pemerintahan Kerajaan PAS, 8 tahun dia baru sedar bahawa dia telah melakukan kezaliman kepada rakyat Negeri Terengganu. Oleh itu, kesedaran inilah suatu perkara yang sangat baik kepada kita semua supaya jangan kita lakukan lagi perkara-perkara yang merugikan rakyat kita sendiri. Kerana bagi saya yang berlaku yang lepas itu semata-mata kerana dendam kita, benci kita kepada orang yang tidak sehaluan dalam parti, kita sama-sama berjuang untuk rakyat kita, saya teringat akan firman Allah S.W.T. izin saya untuk memetik daripada Surah Al-Maidah ayat 8 (membaca ayat tersebut) yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang tegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap suatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." Semoga yang telah berlaku itu menjadi suatu muhasabah kepada kita, perkara inilah sebenarnya menimbulkan perpecahan dalam masyarakat, perkelahian, tidak sehaluan yang berpanjangan. Oleh kerana tindakan ini dilakukan oleh pimpinan tertinggi negeri maka ia telah diwarisi oleh JKKK pimpinan di peringkat kampung yang telah tidak berlaku adil kepada yang tidak menyokong parti Kerajaan bukan kita berebut nak jadi Imam, bukan nak sembahyang dok masalah, berebut untuk kebaikan tetapi menzalimi inilah sebenarnya yang menimbulkan kemarahan dan kebencian di antara kita di kampung-kampung. Saya mengalami perkara ini kerana banyak rakyat yang datang kepada kita untuk dapatkan tandatangan borang sekolahpun ada JKKK takmboh tandatangan dengan perli caci nesta dan berbagai-bagai. Untuk tandatangan borang untuk dapat bantuan, pendahuluan untuk masuk IPTA, IPTSpun tak mahu tandatangan, ditolak. Perli pulak dah awak undi Dr. Alias mintak dengan dialah, sedangkan dalam borang itu menyatakan kena tandatangan JKKK. Ini yang berlaku menyebabkan rakyat merasa benci sesama mereka tetapi tidak boleh salah orang bawah puncanya dengan kita. Oleh itu, saya mintak pimpinan Kerajaan menjelaskan kepada peringkat akar umbi mereka ini supaya dendam ini kita hentikanlah setakat ini, kita sesama Islam, sesama Melayu berjuang untuk rakyat kita.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, itulah senario yang sangat menyedihkan. Yang keduanya, saya nak mengucapkan terima kasih jugaklah, sungguh-sungguhlah bukan jugak ni, sungguh-sungguh kerana dalam Bajet yang dibentangkan dalam Bajet 2009 ini ada menyatakan antaranya peruntukan telah dicadangkan untuk menambah ruang perniagaan dan gerai di Pasar Batu Enam dengan kos RM1.5 juta. Saya rasa ini suatu perkara yang dinanti-nantikan oleh rakyat luar bandar di Batu Enam khususnya. Cuma yang saya nak mengambil suatu peringatan tentang pembangunan-pembangunan yang telah berlaku di tempat-tempat lain dan semoga apa yang tidak baik berlaku di tempat lain tidak diulangi di tempat yang baru ini. Antaranya, saya mintak dari Kerajaan supaya pembangunan yang bakal dilaksanakan nanti tidaklah menyebabkan penduduk asal akan terpaksa pindah cari tempat tinggal lain dan akhirnya kedai-kedai yang dibina itu didiami oleh orang luar dan mereka hanya jadi penonton tidak mendapat apa-apa manfaat sedangkan pengorbanan tanah-tanah mereka telah diambil balik oleh Kerajaan. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya Kerajaan memberi tumpuan pembangunan peringkat awal ini di tanah-tanah rezab Kerajaan yang sedia ada di situ masih ada satu tanah lapang dan ada satu baruh yang saya kira boleh dimanfaatkan cukuplah bajet RM1.5 juta untuk bangunkan kawasan itu, tak perlu saya rasa buat masa ini untuk dibuat pengambilan balik tanah, rumah-rumah rakyat sedia ada.

Yang keduanya, supaya pihak Kerajaan di samping menyediakan ruang niaga bagi mereka yang mampu berniaga tapi jangan lupa bukan semua rakyat kita ini mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam perniagaan. Ada yang hanya mampu menjadi pekerja biasa tapi perlu menumpang kepada perusahaan-perusahaan ataupun kedai-kedai orang lain. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga tidak lupa untuk menjadi sebagai peneraju kepada syarikat-syarikat ataupun kedai-kedai tertentu dan mengambil, mengutamakan atau memastikan supaya pekerja-pekerja diambil daripada golongan keluarga yang miskin yang mampu bekerja lagi tetapi tidak mampu untuk berniaga sendiri. Supaya insya Allah dengan cara ini kita tidak perlu lagi beri bantuan bulanan RM200, RM300 setiap bulan tapi beri mereka peluang pekerjaan dan kalau swasta mungkin mereka merasa berat untuk mengambil orang-orang yang tidak berapa sihat ataupun OKU ataupun orang yang miskin yang mungkin ada sedikit kelemahan tapi masih boleh bekerja tapi mungkin Kerajaan boleh menanggung walaupun sedikit kerugian demi untuk membela golongan yang dhaif ini.

Yang ketiganya, supaya cadangan gerai-gerai dan ruang perniagaan ini biarlah dengan harga sewa yang rendah, berseminima mungkin supaya tidak membebankan orang-orang yang baru nak belajar ataupun bermula dalam bidang perniagaan ini.

Dan yang keempatnya, supaya diadakan satu skim pinjaman ataupun subsidi modal kepada yang layak dan yang memerlukan dengan kadar pembayaran balik yang tidak membebankan dan fleksibel.

Dan yang akhir, sepatutnya ada pakar runding ataupun bimbing nasihat kepada peniaga-peniaga baru supaya mereka ini dapat meneruskan perniagaan, dapat berniaga dengan cara yang lebih profesional. Sehubungan dengan itu, apa yang saya terkilan jugaklah seperti mana ADUN Tepoh sebut RKK Batu Enam – Tepoh yang diheboh-hebohkan menjadi isu yang besar di tempat saya hanya token sahaja RM10 *(dormant)* tak jalan lagi tahun ini. Tak apa alhamdulillah, tak jalan hak besarpun tak apa tapi hak kecil, pasar yang kita nak itu dapat dibangunkan. Oleh kerana perkara ini menjadi isu yang besar sekarang di Pekan Batu Enam tentang RKK Batu Enam – Tepoh ini suka saya sebagai awalan ini kepada Kerajaan mungkin tahun hadapan, mungkin tahun sekali lagi akan membangunkan jugak Pekan Batu Enam ini, saya mengharapkan supaya perancangan yang dibuat baru-baru ini adalah satu perancangan yang saya kira sangat sofistikated, sangat besar dan mungkin memerlukan belanja yang besar tapi saya bimbang pembangunan yang begitu hebat tidak dapat diikuti ataupun diambil bahagian oleh penduduk tempatan yang akhirnya mungkin mereka ini akan mengalah, mengundur diri orang luar akan masuk. Ini Kerajaan perlu fikir supaya pembangunan yang hendak dilakukan mestilah seperti tema 'Merakyatkan Pembangunan' supaya penduduk tempatan itu dulu diutamakan, habis golongan tempatan baru dipanggil orang luar kerana sekarang ini tanah dah takdok nak lari dah, bukit-bukau semua dah ada orang diami, hutan rimba dah ditebang, balak dah dirompak. Yang keduanya, pembangunan yang dirancang itu yang pentingnya mestilah yang mampu dibeli ataupun dimiliki oleh penduduk tempatan supaya mereka ini tidak hanya menjadi penonton kepada arus pembangunan yang hebat tapi menjadi peserta yang aktif. Antara perkara yang terlibat dalam pelan pembangunan itu yang saya rasa beberapa perkara yang telah saya *highlightkan* di sini yang saya sangat menyokong sekiranya pembesaran jalan di Kubang Jela yang hari ini menyebabkan kesesakan di Batu Enam itu dapat dipertingkatkan dan kalau boleh minimakan pengambilan balik tanah rakyat. Seterusnya pembinaan Flyover yang pernah dijawab di Dewan ini sebelum ini supaya dipercepatkan, Flyover dari Jalan Kelantan/Jalan Sultan Mizan. Yang ketiga, pembinaan pasar baru mungkin termasuk dalam RM1.5 juta itu tak cukup untuk sebuah pasar baru yang moden hanya untuk gerai dan ruang niaga memang cukup tapi untuk diperbesar yang lebih hebat kita perlu satu pasar baru yang lebih sofistikated dan juga bazaar. Yang seterusnya, di mana-mana tempat pembangunan jangan lupa hak ni biasanya kita sangat lupa tentang sistem perparitan, macam buat rumahlah tandas jangan lupa walaupun dapur comel, tandas kena ada walaupun dia tu tak sebusuk. Begitu

juga setiap pembangunan, tambun tanah nak buat pembangunan jangan lupa mesti ada rezab parit, ini yang jadi hari ini, tambun sana, tambun sini tapi rezab parit tak ada, dengan parit-paritpun ditambun jugak. Jadi rumah saya berapa kali banjir dah, malas nak sebut aje kerana tambunan di bawah daripada kita, air tak dapat mengalir dengan cepat, bila hujan lebat dah melimpah, dulu kita duduk berpuluh tahun takdok masalah sekarang sejak penambunan yang tidak terkawal dan tidak ada parit, sebagaimana Wakil Wakaf Mempelam kata tadi, kita nak Monsoon Drain bukannya Monsoon Cup, orang Duyungpun takmboh Monsoon Cup, nak Monsoon Drain. Jadi, ini perlu untuk mengelakkan banjir ataupun banjir kilat yang sedang melanda, yang sedang berlaku sekarang yang akan saya sebut semula karang tapi nak selesai hak kes-kes Batu Enam, nak sebut dulu. Seterusnya parking, ini masalah yang besar, tempat parking yang tidak mencukupi menyebabkan pemandu-pemandu, pemilik-pemilik kenderaan yang hendak ke pasar parking di tepi jalan, jalan yang dua lorong dah jadi satu lorong, memang dia akan jam. Oleh itu gerai-gerai yang di hadapan tu boleh dirobohkan dan dibuat kawasan parking yang selesa. Dan satu permintaan penduduk tempatan yang paling penting supaya janganlah rumah mereka diroboh begitu sahaja, hendaklah diambil perkiraan penyertaan mereka dan juga nasib mereka. Juga Kerajaan perlu mengambil kira beberapa isu-isu sensitif, isu ini memang sensitif. Dalam RKK Batu Enam ini saya ingat Kerajaan perlu mengambil benda ini, jangan kita menimbulkan kemarahan rakyat. Antaranya cadangan untuk memindahkan penduduk di sekitar Masjid Batu Enam, penduduk inilah sebenarnya yang rumah mereka di sekitar masjid inilah yang mengimarahkan masjid tersebut, yang menjaga kebajikan masjid, bersih masjid, jadi makmumnya, jadi Imamnya. Kalau ada masjid saja, hak orang jaga masjid dipindahkan siapa yang nak pergi sembahyang, jadi macam Masjid Kristal ada masjid takdok jemaah. Jadi ini yang kita bimbang, kita nak *reserve* masjid, rumah kita nak hapuskan rumah di sekelilingnya yang rumah di sekeliling itulah yang menjadi pewaris yang menjaga masjid selama ini bukan senang nak ajak orang pergi masjid ni, ada orang tu duduk di tepi tangga masjidpun tak pergi sembahyang. Ini hak orang duk jaga masjid hak duk sembahyang sokmo dah, hak jauh tu payah, kalau dia ni takdok mungkin masjid itu akan mati, takdok orang nak memakmurkan masjid.

Seterusnya isu surau, dalam cadangan tersebut nak dirobohkan Surau di Kampung Tuan Mandak, yang anehnya surau itu nak dirobohkan tidak ada gantinya tapi nak dijadikan padang bola, ini memang sensitif, tempat ibadat kita nak dijadikan tempat permainan. Betullah padang bola penting, carilah tempat lain, takkan tapak surau nak dijadikan tapak padang bola. Ini tidak diambil kira oleh konsultan yang membuat cadangan ini. Ini menimbulkan rakyat marah bukan rakyat nak marah tapi memang kita yang menimbulkan kemarahan dan ini isu sensitif yang sangat sensitif. Saya bukan niat .....

minta maaf kalau bukan daripada bangsa kita. Cadangan pengambilan balik ini terhenti bila bertemu dengan tanah bukan Melayu, jadi orang Melayu rasa 'api', bila dia tengok dalam pelan sampai ke tanah bukan bumiputera berhenti di situ, tidak ada cadangan. Jadi ini menimbulkan keresahan, rakyat perlu penjelasan kenapa ini berlaku? Jadi, kita yang buat provokasi yang menyebabkan rakyat rasa sentimen yang berpanjangan. Oleh itu, saya mencadangkanlah supaya antara perkara sekiranya projek ini berjaya dijalankan, memastikan hak dan manfaat ini dapat dinikmati oleh rakyat tempatan khususnya sekiranya pembesaran jalan, pengambilan balik terpaksa dilakukan supaya Kerajaan beri bantuan penuh ataupun subsidi kepada mangsa-mangsa yang terlibat supaya mereka boleh memiliki balik kedai-kedai yang bakal dibina setelah mereka diminta pindah, jangan bayar sekadar harga semasa kalau boleh buat *projection* tahun 2015 harga pada ketika itu supaya duit yang mereka dapat boleh membeli balik bangunan yang bakal dibina ataupun Kerajaan tubuh satu tabung, yayasan yang boleh membantu mereka pinjaman tanpa faedah yang fleksibel yang mereka boleh pinjam dengan Kerajaan, lambat bayarpun tidak kena denda, tidak naik mahkamah, insya Allah. Itupun kalau kita rasa nak 'Merakyatkan Pembangunan' khususnya rakyat yang miskin, bumiputera khususnya Bukit Tunggal, kawasan Batu Enam, orang miskin yang perlu pembelaan dari Kerajaan yang kaya ini, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Berapa minit Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): 3.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Masa tambahan 3 minit lagi ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih daripada tambahan dah tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit lagi Yang Dipertua, ada dua perkara lagi, ini besar. Saya mengalu-alukanlah, nak mengalukan sangat dok jugak tapi Kerajaan nak buat sangat Monsoon Cup buatlah, itu hak dia dah ada orang yang minat Monsoon Cup kita nak halang macam mana, nafsu masing-masing. Tetapi jangan lupa nasib rakyat di Pulau Duyung, jangan hanya kita tumpu kepada Monsoon Cup tak tengok rakyat di sekitarnya yang dalam kedhaifan dan kemiskinan, rumah macam Wakil Tepoh sebut tu dan saya terpaksa

bawa kepada pengetahuan Kerajaan dan ini permintaan rakyat. Pernah saya terjumpa sama ada di dalam perjumpaan ataupun di dalam Dewan ini ataupun dalam perjumpaan lain bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri lebih kurang ia bersetujulah nak menyusun balik Pulau Duyung ini, Ladang dah dapat peruntukan dah, alhamdulillah tapi nampak dalam buku Bukit Tunggal takdok hak Pulau Duyung. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada sebut nak bagi peruntukan RM50 juta untuk menyusun semula penduduk-penduduk di Pulau Duyung, lagipun peruntukan ini diperlukan segera sebab pelancong datang setiap tahun main kapal layar, tengok rumah buruk dok moleklah, sakit mata dan membawa imej negara kita ke kampung mereka orang Malaysia ni masih lagi tahap tahun 60an, dhaif, longkang takdok, jalan takdok. Jadi, kalau Kerajaan dapat menyegerakan peruntukan itu saya sangat-sangat berterima kasih demi untuk kebaikan penduduk-penduduk. Sekarang ini bila air pasang sekerat betis air dalam rumah, maknanya benteng ada tapi ada kawasan yang tidak ada benteng. Jadi, peruntukan ini tidak menyebutkan benteng ini untuk mencantikkan Sungai Terengganu ini tak tersebut di Pulau Duyung, tidak termasuk. Bila air pasang, air masuk, maka berlaku banjir malam, ikut bulan mengambanglah, biasanya banjir ni dia ikut bulan, murah rezeki bila bulan mengambang dia begitu, air naik. Jadi, kalau nak air banyak pangkah bulan mengambanglah. Oleh itu, masa dah tiba wang royalti dah dikembalikan, sudah diberi duit yang dijanjikan dulu, dapat royalti nak bela rakyat inilah masanya, tunjukkan keprihatinan kita untuk rakyat menikmati sama di samping hak mega, megalah, ini hak kecil-kecilpun kena tengok sama dan jangan lupa, insya Allah.

Dan yang akhirnya, berkaitan dengan kapal layar inilah, itu saya kata pemimpin nak kapal layar, rakyat nak bot nelayan, orang Duyung memang tak pandai main kapal layar dok reti, nak tengokpun dok reti. Baru-baru ini saya tanya ramai orang: "Ada pergi? Dok pergi." Main kapal layar dalam sungai dia kata tak reti tapi kalau diberi bot untuk tangkap ikan di laut dan laut dalam saya boleh, ada kemahiran, ada kebolehan dan ada kesanggupan. Baru-baru ini, tahun ini musim tengkujuh bulan 11, 12 dan mungkin bulan depan tak dapat turun ke laut bagi bot yang lesen Kelas B, tak silap saya 20 tan ke bawah, tidak berani nak pergi ke laut yang bergelora lebih daripada 5 batu nautika. Sedangkan mereka tidak dibenarkan memukat di kawasan 5 batu nautika daripada pantai. Nak ke laut, laut bergelora, di tepi pantai tidak dibenarkan akhirnya bot tersadai 3 bulan takdok pekerjaan, bantuan RM200 sebulan anak 10 orang, 5 orang. Kita boleh nilai, betul Kerajaan Pusat bagi RM200 sebulan tapi 3 bulan tidak ke laut, bot tersadai, nak meniaga tak reti orang ke laut, bab kata orang orang ke laut pulang ke laut, orang darat pulang ke darat, macam disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Orang laut dia tahu cari rezeki

dia di laut di darat dia buta begitu jugak kalau ambil orang darat buat pergi ke laut sama aje duduk atas turun mabuk dah. Inilah nasib nelayan kita sebab yang saya tahu dan banyak yang mengadu kepada saya nak beli beras takdok duit, anak nak pergi ke sekolah macam mana, kita Wakil Rakyat berapa sen sangat. Sekadar kita mampu boleh kita tolong tapi banyak-banyak kita tak mampu, peruntukan untuk Wakil Rakyat Pembangkang takdok pulak, apatah lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi inilah nasib nelayan yang saya nak bawa supaya perkara ini difikirkan bersama, di Kuala Terengganu ada sekitar 30 buah bot yang Kelas B yang memang setiap tahun musim tengkujuh tak dapat ke laut supaya difikirkan suatu bentuk bot yang boleh pergi ke laut di musim tengkujuh dengan kelengkapan yang lebih canggih, dengan saiz yang lebih besar walaupun tidak bot laut dalam tapi yang boleh mereka terokai laut 5 batu nautika ke atas di musim tengkujuh supaya mereka tidak hilang punca pendapatan walaupun di musim tengkujuh. Inilah beberapa perkara yang saya rasa yang perlu ada pertimbangan oleh pihak Kerajaan bagi kita merealisasikan tema yang disebut 'Merakyatkan Pembangunan' semoga jangan tema tinggal tema, slogan tinggal slogan, ucapan tinggal ucapan tetapi yang penting rakyat mahu lihat pelaksanaan kebajikan itu dirasai dan nikmati sama oleh rakyat bukan hanya oleh *tycoon-tycoon* yang mengaut kekayaan negeri melalui projek-projek yang besar-besar. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Saya masih buka kepada perbahasan. (Tiada yang mengangkat tangan untuk berucap). Kalau begitu saya menjemput pihak Kerajaan untuk gulung, boleh? Kita ada 4 orang ADUN yang membahaskan Bajet kita ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Angkat tangan dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada, Ladang? Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, kalau boleh kita sambung petanglah dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum pukul 1.00 Ladang. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirramanirrahim. Alhamdulillahirrabil-alaamin wassalatuwassala mu-ala-asyrafil-anbia iwamursalin wa-ala alihiwassahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana berada di Dewan yang mulia ini untuk kita berbincang mencari jalan untuk membantu, untuk 'Merakyatkan Pembangunan', insya Allah. 'Merakyatkan Pembangunan' kalau ikut definisi Yang Amat Berhormat maknanya mengutamakan kepentingan dan memberikan keuntungan secara total kepada rakyat maknanya pembangunan yang dibuat hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat. Dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah mengatakan bahawa pembangunan yang kita lakukan ini adalah pembangunan yang dikehendaki oleh rakyat bukan kita yang nak tapi rakyat yang nak, kita buat hak rakyat nak bukan macam dulu dia kata. Macam dulu tu guana tak tahulah tapi begitulah apa yang telah berlaku, biarlah berlaku, sejarah telah mencatatkan banyak perkara dan hari ini kita masih melihat sejarah sedang mencatit peristiwa-peristiwa yang berlaku kembalinya sebagaimana yang disebut tadi royalti ke Negeri Terengganu setelah dinafikan lama dulu 9 tahun, inipun tak tahu baru boleh RM400 juta, banyak lagi yang Pusat berhutang dengan kita. Jadi, usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, kita ucapkan terima kasihlah tapi saman royalti itu tak usah tarik balik lagilah takut ada apa-apa pulak.

Tadi Yang Berhormat Tepoh bercakap tentang banjir, saya di Bandar inipun ada pengalaman banjir. Di Ladang tu air dekat peha, dia berlaku banjir di belakang Grand Cont. tu, Ladang Mengabang di mana adanya Monsoon Drain. Rupa-rupanya Monsoon Drain itu tak dapat bawa air dengan laju kerana tersumbat oleh dua *culvert* sahaja yang membawa air ke pantai/ ke laut. Jadi, malam tu kita pecahkan *culvert* dan air mengalir cepat, airpun kering dan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada agensi Kerajaan yang memberikan kerjasama yang baik, bila telefon aje: "Tolong pecah ni", diapun mari selalu pecah, malam-malampun mari, buat sampai maghrib sampai malam. Kemudian banjir juga berlaku di kaki bukit bekas Pejabat SUK dulu, Bukit Pak Apil, di mana sekarang ini pembangunan sedang berlaku untuk membina satu Taman Panorama di situ. Saya naik ke bukit saya melihat hakisan berlaku dengan teruk dan air yang membawa tanah merah telah masuk ke rumah-rumah di Taman Perumahan di kaki bukit bukan sekali bahkan tiga kali. Saya juga menelefon agensi Kerajaan khususnya Majlis Bandaraya untuk membantu memecahkan slab yang menjadi laluan air tu dan alhamdulillah responnya baik, mereka datang membantu. Jadi,

maknanya Pegawai-pegawai Kerajaan ini agak sensitif dengan keadaan yang berlaku kepada rakyat ketika banjir/darurat. Saya juga minta perhatianlah daripada Majlis Bandaraya ataupun pihak Kerajaan supaya melihat bangunan atas bukit itu supaya tidak runtuh nanti kerana di lereng-lerengnya bekas aliran air itu banyak jadi bimbang takut berlaku seperti Bukit Antarabangsa. Jadi, kena ambil perhatianlah supaya memberi perhatian lebih kepada pembangunan yang berlaku atas bukit itu.

Bercakap mengenai banjir juga di Pusu Tiga seperti kata Yang Berhormat Tepoh tadi, sayapun hadir juga ke situ melihat apa yang telah berlaku seperti yang diceritakan tadi air memang bertakung lama di situ dan orang kampung tertanya-tanya sebenarnya siapakah yang membantu mereka ketika air naik daripada hari pertama sehingga 12 hari kemudian. Dilihat merata-rata ada orang berpakaian uniform merah membantu, menolong, mengangkat ataupun membersih rumah-rumah itu, dia tanya: "Siapa ni?" Rupa-rupanya bila kita *check* mereka adalah Unit Amal daripada PAS yang membantu setiap hari tanpa arahan, tanpa bayaran apa-apa mereka tetap membantu sehingga akhir setiap hari dan mereka juga berkampung di surau dengan memasak dan mereka berkata bantuan tu entah dari mana tetap datang aje, musim banjir makan/sembelih kambing, tak tahu kambing dari mana. Saya kata biskut-biskut tawar tu? Biskut tawar tu biasalah .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan. Takut-takut kambing hak hanyut jugak tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh jadilah kut, hak daripada nun turun ke bawah ni, kambing kaprima ke apa dia kata tadi. Kemudian ada satu cerita yang agak menarik berlaku ketika banjir. Ada satu rombongan datang untuk membuat penggambaran ketika air sudah surut, air ada sikit aje lagi, mereka mari dengan t.v. nak berlakon daripada Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan kena hambat di orang kampung suruh balik, bukan nak mari bantu tetapi nak berlakon nak tunjuk dalam t.v., nak tunjuk keprihatinan mereka buat penggambaran ketika orang susah, langsung dihambat oleh orang kampung suruh balik. Kemudian ada berlaku juga seorang Pengerusi JKKK yang entah macam mana tapi akhirnya dilucutkan jawatan katanya dan diambil kerjanya oleh Pemangku Pengerusi JKKK untuk menyelaraskan di sana. Jadi, itu peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika orang susah ada pulak orang mengambil kesempatan untuk nak cari popularity, nampak tak berapa ikhlas. Kemudian kembali kepada soal banjir lagi, bila saya melawat ke rumah-rumah yang dinaiki air, mereka rata-rata menyalahkan kepada sistem perparitan dan sistem longkang yang tidak teratur, kadang-kadang

takdok sistempun. Dan saya melihat dalam Bajet ini ada peruntukan untuk parit dan longkang dalam bandar dan saya minta supaya *planning, master plan* yang baik dibuat dan dilaksanakan dengan baik supaya menjamin sistem ini berjalan dengan baik, sistem perparitan dan longkang dapat dilaksanakan dengan baik, insya Allah.

Berkenaan dengan sedikit tentang *Delivery System* yang juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet ini. Saya juga nak mengucapkan tahniah kepada Jabatan-jabatan Kerajaan terutamanya kepada Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah Dungun yang baru-baru ini memenangi Anugerah Kualiti, nombor 2 di Malaysia. Pasal apa nombor 2 sebab nombor satu takdok, nombor 3pun takdok, nombor 2 saja ada. Jadi mereka memenangi Anugerah Peringkat Kebangsaan, tahniah. Cuma bila bercakap tentang *delivery system* ini juga yang terlibat dengan pembayaran daripada pembekal dan juga kontraktor yang saya dapati yang disungutkan oleh sebahagian daripada mereka bahawa tuntutan masih lambat dibayar, kalau ikut ISO ataupun yang telah ditetapkan oleh *Federal,* pihak Persekutuan mestilah dijelaskan dua minggu selepas tuntutan dibuat. Jadi, saya nak tunjuk satu kes tanpa menyebut jabatan mana-mana dan kalau nak tahu tu tanyalah saya lepas pada ini tetapi ini kes benar yang berlaku. Local Order yang dibuat pesanan pada 19hb Ogos, kemudian pembekal membekalkan invois pada 9hb September, 30 hari kemudian, kemudian pada 9hb November, 2 bulan selepas pada itu bukan dibayar tetapi dijawab tidak dapat dibayar kerana tidak cukup peruntukan, jadi ini *nya'nya* kepada pembekal-pembekal kecil yang berurusan dengan pejabat-pejabat. Saya mohon supaya perkara ini dapat dilihat kembali supaya kita dapat mempastikan bahawa *Delivery System* kita berjalan dengan baik dan akhirnya dia manfaatkan rakyat seluruhnya, insya Allah.

Juga tentang pemberimilikan tanah. Saya telah banyak berbincang/bercakap dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat memberi jaminan bahawa tanah-tanah yang pernah diluluskan dulu akan diberi pertimbangan semula. Dan ini banyak Yang Amat Berhormat, banyak tanah-tanah seperti ini yang perlu dilihat semula dan diluluskan semula. Cuma saya bimbang takut sistem yang ada ini tidak dapat memberikan, melupuskan tanah dengan cepat walaupun kita sudah ada e-Lupus ke, e-Mohon ke, saya tak ingat dah, lupa? Maknanya bila memohon dapat diluluskan dengan segera tapi saya masih melihat lambat dan sekarang ini ada kecenderungan untuk membuat e-Tanah seperti di Pulau Pinang tapi pengalaman saya yang terlibat dengan e-Tanah di Pulau Pinang, saya melihat sebelum kita melakukan sistem yang total, yang besar seperti itu elok kalau dibuat terlebih dahulu apa yang disebut sebagai BPR bukan Badan Pencegah Rasuah tapi *Business Process Reenginering* dengan izin,

membuat dulu itu baru kita *apply* IT kalau tidak bimbang takut dia serupa aje.

Bercakap pasal IT ini, sedikit tentang pendidikan ialah yang disebut sebagai e-Book yang Kerajaan Negeri berbangga kerana menjadi satu-satunya negeri yang mendapat kerjasama dengan Intel untuk mengeluarkan e-Book untuk dibahagikan kepada 25,000 pelajar Tahun 5. E-Book maknanya buku-buku dalam komputer Laptop. Apakah itu yang kita sebut IT ataupun sekadar untuk nak meringankan beban bawa buku ke sekolah? Maknanya buku bubuh dalam Laptop bawa ke sekolah. Saya fikir perlu dilihat dengan lebih komprehensif supaya e-Book ini dapat dimanfaatkan lebih daripada itu. Berkenaan *content*, berkenaan dengan *software* saya rasa perlu diselaraskan dengan Kementerian Pendidikan supaya ia bukan hanya menjadi buku yang diletakkan dalam Laptop itu saja sepatutnya dia dapat dimanfaatkan dengan lebih lagi. Jadi, saya cadangkan supaya pihak Negeri berbincang dengan Kementerian supaya dapat diselaraskan apa lagi sepatut dilakukan dengan Laptop yang hendak dibekalkan kepada anak-anak kita di Tahun 5.

Dia 5 minit lagi dok Yang Berhormat ke sambung petang pulak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat, baguslah ingat tu, nampaknya takdok dah nak bercakap pun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dengarlah dulu, dengarlah dulu ..... (Dewan Gelak) ..... Itu nampak mencabar aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sedikit sahaja lagi tentang *Delivery System* iaitu berkenaan dengan kemiskinan. Pembasmian kemiskinan yang diberi penekanan oleh pihak Kerajaan yang menyatakan ada Sistem Profail Rakyat Miskin juga ada Sistem e-Kasih. Yang berlakunya ialah pelaksanaan di mana ada rumah-rumah yang memang miskin, yang nak roboh tetapi tidak diberikan kerana apa? Kerana nama tidak ada dalam senarai. Kenapa tidak ada dalam senarai? Sebab JKKK takmboh beri masuk nama ini, rumah ini sebab dia ini dok menyokong Kerajaan. Ini berlaku, banyak berlaku. Jadi, saya nak mintak kalau boleh Yang Amat Berhormat berilah juga kepada Wakil Rakyat untuk mengesahkan bahawa rumah ini memang miskin oleh kerana orang ini miskin rumah ini patut dibantu disahkan oleh Yang Berhormat dikira laku. Kalau boleh dibuat begitu saya ingat meratalah dan

mudah target untuk membasmikan kemiskinan dengan membina rumah-rumah baru, membaiki rumah-rumah uzur ini dapat dipercerpatkan, insya Allah. Tentang kemiskinan bandar, kalau boleh saya nak ajak Yang Amat Berhormat masuk Ladang sekalilah, belakang Grand Con. tu, dia panggil Ladang Mengabang. Di situ bila saya masuk kampung, masuk kampung tu bukan kerana nak pilihan raya ni, saya masuk selepas menang pilihan raya, saya terus masuk kampung untuk nak ucap terima kasih. Sejak lawatan, ratusan rumah sudah saya masuk, ada setengah tu takmboh ajak saya minum airpun, takmboh ajak naik ke rumah sebab apa bukan kerana sayang air dia tapi rumah buruk do'oh nak naikpun dia kata takut runtuh. Ada seorang janda ..... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dok Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan kalau besar ADUN Jabi munasabah runtuh, kalau besar ADUN Ladang tak munasabah runtuh kut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Hah .... ni yang nak cerita ni, dengar dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cerita janda tu dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, cerita janda. Janda itu baru bercerai dia jadi jandalah, mula-mula dok janda lagi, bercerai lepas tu jadi jandalah dan anak ramai .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Molek dah jumpa dengan duda .....(Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat saya nak kata dah, Yang Amat Berhormat sendiri dah kata gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ramai prihatin kepada duda ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bagus jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Exco Agama kitapun dah setuju barangkali. Yang Berhormat habiskan dalam masa 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nanti dulu cerita hal janda dok habis lagi ni. Dia baru bercerai, di Ladang ni, jadi kita pergi melawat sayapun bertanya: "Duit nak makan ni habis kat mana?" Dia kata dia jaga anak orang kemudian jual coklat sikit-sikit di lambor tu, dia kata orang dadah pulak empat kali dah datang curi, nasib dia sungguh. Kemudian dia kata saya tak boleh ajak naik ni sebab kalau naik takut runtuh sebab lantai-lantai makan di anai-anai dah, kalau menyandar mungkin runtuh, nak khabar ni kes tu ajelah betul tu bukan buat *lolok.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi molek sangat dah tu Yang Berhormat, Yang Berhormat kena bantu dia .... (Dewan Gelak sekali lagi) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Memang duk bantu sokmo dahpun duk beri beras. Okeylah. Jadi, maknanya kemiskinan di bandar ini masih wujud, saya nak cerita bagaimana seorang tua yang kerja dia siang bawang putih seguni boleh RM5, nak habis seguni tu dalam masa dua hari. Jadi, moleklah kalau Yang Amat Berhormat masuk kampung saya tunjuk benda-benda yang berlaku dalam bandar yang disebut sebagai Bandaraya, kemiskinan ketara berlaku di Bandaraya saya bimbang takut berlaku dua darjat nanti. Perbandingan di luar tepi jalan comel, di belakang tu teruk. Jadi, bersabit dengan itu juga elok sangatlah kalau Kerajaan bercadang untuk membangun semula kawasan Ladang, menyusun semula dan membangun semula Ladang di sebelah pantai. Cuma saya cadang kalau nak rancang tu kenalah merancang dengan teliti sebab di situ banyak masalah. Pertamanya tanah wakaf zuriat. Keduanya orang menumpang atas tanah buat rumah tapi bukan atas tanah dia, ada yang menyewa dan berbagai masalah lagi yang saya bimbang kalau dibuat pembangunan di situ ke mana orang ini nak pergi, ini kena diambil kira. Saya beritahu orang-orang di Ladang kata tanah ini hendak diambil balik, dia kata dah kami ni nak duduk kat mana? Saya kata dia buat flatlah macam hak dah lening, buat kondominium atau apartmentlah lebih sedap sikit daripada flat. Dah dia kata nak bayar guana? Dah ambil balik tanah boleh duit tu bayarlah, saya kata. Mereka kata tanah tu bukan tanah dia, dia kata dia sewa, tumpang tanah Cina, bagaimana dengan orang-orang begini? Itu perlulah dilihat dan saya nak menawar dirilah kalau boleh diajak berunding bersama sebagai mewakili penduduk di situ supaya kita dapat lihat bersama supaya dapat dilakukan pembangunan yang lebih teliti supaya tidak kita *displace* penduduk-penduduk asal di situ.

Kemudian beralih kepada sedikit tentang ECER.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh yang terakhirlah, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): ECER ini dia ada empat teras katanya; pendidikan, pelancongan, pertanian dan minyak dan gas. Saya tak tahu setakat mana dah perkembangan kemajuan yang telah dicapai oleh ECER untuk Negeri Terengganu. Pembangunan-pembangunan yang berlaku ini apakah dirancang melalui ECER ataupun melalui Kerajaan Negeri dan apakah Sekretariat ECER ini masih berada di Kuala Terengganu ataupun sudah berpindah ke Kuala Lumpur ataupun apakah relevannya ECER dalam pembangunan Negeri Terengganu ini? Mungkin Yang Amat Berhormat dapat jawapan lepas ni.

Kemudian saya melihat dalam Bajet ada menyebut tentang pertamanya, Industri Plastik di Kerteh seluas 27 hektar, di kampung saya. Saya nak tanya apa sudah jadi dengan Cadangan Tapak Kilang Plastik di Batu 5, Dungun tu? Memang dulu kita nak bawa pelabur ke situ, apa jadi dengan kawasan ini, apakah ditinggal begitu saja ataupun bagaimana?

Kemudian saya nak bertanya tentang Jabatan Hal Ehwal Agama tentang 'Halal Product' ni, apakah kita masih terlibat dengan memberi Sijil Halal ini ataupun sudah tidak ada? Sebab di peringkat Persekutuan sudah diswastakan kepada Perbadanan Halal begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nanti dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya terima SMS daripada ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Daripada mana, daripada janda mana .....(dalam gelak) ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya terima SMS supaya Yang Berhormat, kita dah sampai masa makan, nak solat zohor. Perhabislah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak perhabis lama jugak ni. Kemudian Bazaar Warisan yang baru itu sudah lama dibuka tapi ramai yang tidak berniaga, mengapa begitu? Apakah kerana salah bahagi maknanya kepada orang yang memang tak berniaga disuruh berniaga ataupun bagaimana sehingga masih tidak dibuka walaupun semasa Monsoon Cup baru-baru ini masih lagi tidak banyak dibuka, apa masalah dia?

Seterusnya pendek-pendek, hospital. Hospital tu dia ada satu bangunan yang dibuat oleh Majlis Agama (MAIDAM) dulu yang diserahkan kepada Kelab untuk dijadikan tempat semacam hotel tu, bayar murah RM5.00 semalam dan ada surau kecil di situ dan sebenarnya orang ramai bersungut sekarang kerana tidak ada surau untuk orang ramai dan juga kakitangan bersembahyang di kawasan Hospital Sultanah Nur Zahirah, apakah ada perancangan untuk membina surau dalam kompleks yang baru nak dibuat itu?

Satu lagi ialah Kompleks Paya Bunga yang ada Mc Donald aje ada, hak lain takdok, apa jadi dengan kompleks itu? Apakah nak dibiarkan begitu ataupun apakah dia adakan dibuka dalam masa terdekat ini?

Yang akhirnya, Pilihan Raya Kecil telah diisytiharkan akan diadakan pada 16 atau 17 haribulan ini dan nampaknya ada pertandingan dan kita terkilanlah dengan provokasi yang dibuat oleh kepimpinan Umno Peringkat Pusat yang mengatakan supaya menyebut supaya PAS akan berlaku ganas dalam pilihan raya yang akan datang. Ini adalah satu andaian yang tidak tepat dan membawa maksud yang tidak baik. Jadi, kalau boleh biarlah kita bersama menghadapi pilihan raya ini dengan sebaik mungkin, insya Allah. Kita lihatlah sebab sekarang ini Setiausaha Pilihan Rayapun orang Terengganu dah, penolong diapun orang Terengganu, jadi kita tengok macam mana di Terengganu kali ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, kita yakin semua kena ikut ADUN Ladang ni, tak ganas deh, orangpun tertib terning. Jadi terima kasihlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Baik belaka ni, tak ganas belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak ganas belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak ganas belaka memang baik belaka ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tahu kalau ADUN Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Eh, baik, lebih daripada sayapun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, jadi terima kasih sekali lagi dan mudah-mudahan apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik, insya Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita tangguh mesyuarat, ada dua pengumuman. Jamuan Tengah Hari yang ditaja oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Tingkat 18, dijemput semua Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Ahli-ahli yang berada di dalam Dewan kita ini.

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tangguhkan mesyuarat kita ini dan kita masuk semula pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 1.07 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah kita berehat dan solat zohor kita sambung semula mesyuarat kita pada petang ini. Mudah-mudahan banyak idea-idea baru, input-input baru yang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat untuk meneruskan perbahasan. Jadi, saya jemput mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Sila? Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia-iwarmursalin wa-ala-alihi wassahbihi ajmain (dan seterusnya membaca Surah Thaha: 25-28).

Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama, saya juga ingin mengambil bahagian dalam Ucapan Bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada semalam dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet pertamanya. Saya juga melihat tema Bajet yang begitu menarik yang telah digarap oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu dengan tema yang jelas untuk 'Merakyatkan Pembangunan' Negeri Terengganu dengan meletakkan empat strategi utama. Yang pertama, menumpukan tumpuan kepada agenda pendidikan dan pembangunan insan di Negeri Terengganu. Dan kita, Terengganu sudah terkenal dalam pendidikan yang mana dah 8 tahun berturut-turut UPSR dari segi pencapaian akademik yang lain, pencapaian naik taraf universiti, ada IMTIAZ, Sekolah Elit dan Premier dan lain-lain juga. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah menyumbang bantuan-bantuan pendahuluan sebanyak RM1,000 kepada pelajar-pelajar kita yang berjaya memasuki IPTA dan IPTS dan begitu juga kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 yang telah diberi pendahuluan sebanyak itu. Walau bagaimanapun, dalam hal ini saya melihat pelajar-pelajar kita ekoran pembangunan, kemajuan yang global ini beberapa kes yang perlu kita beri perhatian terutamanya pelajar-pelajar sekolah menengah dari segi disiplinnya dan baru-baru ini di Besut kita dukacita kerana seorang pelajar telah membunuh diri dan beberapa orang pelajar di Besut kalau tak silap saya sudah dua-tiga-empat orang dah pelajar yang membunuh diri, pelajar Tingkatan 5, pelajar

Tingkatan 4. Jadi, perkara ini kita pandang serius walaupun kita mencapai pendidikan yang tinggi dari segi UPSR tetapi dari segi pembangunan insannya masih lagi saya kira kita harus perbaiki, gejala-gejala sosial yang mana pelajar-pelajar kita yang terlibat dengan dadah, Mat Rempit dan sebagainya. Saya nak menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini, sekarang ini pelajar-pelajar kita waktu tidak bersekolah yang pergi ke tempat-tempat rekreasi, kalau di tempat saya di Lata Belatan pada hari Jumaat dan hari Sabtu, walaupun umur masih muda Tingkatan 4, 5 dan 6 tetapi mereka sudah pandai membawa pasangan masing-masing dan sehinggakan orang di Kampung Kuala Kubang di Belatan itu ada satu pasukan Mat Skodeng yang selalu mengendap pasangan-pasangan ini dan kita rasa malu kerana bangsa kita pelajar-pelajar kita yang Tingkatan 4, 5 ini berpasangan dengan yang bukan pelajar dari luar ini. Saya ada satu ceritalah, ini cerita betul bukan rekaan. Apabila saya bersama dengan Mat Skodeng nak tengok apa yang dia buat, betul, saya pergi tengok sungguh bukan main-main ni di Lata Belatan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengalaman bukan cerita, ya .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya, pengalaman. Kalau Dato' Yang Dipertua nak pergi, boleh pergi. Apabila kita pergi bersama pasukan Mat Skodeng betul dia buat, kita tengok satu, satu, gugur baju, seluar, lepas tu yang dalam dan sebagainya. Kita melihat gelagat yang dibuat, betul-betul berlaku sungguh yang lelaki dan perempuan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah lepas tengok tu buat guana pulak lepas tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah lepas tengok tu, buat report ke guana?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Nantilah dulu, tak habis lagi macam ADUN Ladang tadilah tak selesai lagi. Apabila saya tengok bersama pasukan ini memang sungguh berlaku dan pada masa itu tidak ada penguatkuasa, kita tak ajak penguatkuasa maka kita timbul satu idea kita nak perangkap, nak pergi cekup tak boleh maka kita ambil pakai galah baju mereka, kain, seluar semua sekali kita ambil mereka tak sedar kerana mungkin sampai klimaks dia, kemuncak dia pada masa tu .....(Dewan Gelak) .... Kitapun kadang-kadang tak sedar. Apabila kita himpun masuk

dalam guni, kita pergi ke tempat dia, kita kata: "Jangan lari." Dia lari jugak dalam keadaan telanjang bogel dan apabila kita bawa kepada ibu bapa, di rumah mereka pijak lalatpun tak mati, tak percaya tetapi inilah realiti yang berlaku. Oleh itu, saya merayu kepada Pejabat Agama supaya pelantikan Penguatkuasa-penguatkuasa harus diperbanyakkan dan diletakkan di tempat-tempat rekreasi seperti ini kerana harus dijalankan tindakan supaya perkara ini tidak berleluasa. Ini kita rasa perkara ini kecil, kalau tak kena kepada anak kita, tak kena kepada saudara-mara kita, tak kena kepada waris sahabat handai kita, kita boleh suka tapi apakan daya kalau kena kepada saudara mara kita, kena kepada waris-warah kita maka inilah perlu kita sama-sama fikir. Saya mintak Pejabat Agama supaya selesaikan Penguatkuasa Agama ini dapat diselaraskan ditempatkan di kawasan-kawasan rekreasi. Saya rasa perkara ini berlaku bukan di tempat saya saja, mungkin berlaku di seluruh negeri kita di tempat-tempat seperti ini. Ekoran daripada yang disebut Lata Belatan, di situ ada satu kemuncak namanya kemuncak Gunung Tebu yang menjadi tempat orang mendaki gunung. Saya meminta kepada jabatan yang berkaitan Jabatan Perhutanan kerana di puncak gunung itu orang yang mendaki bermalam di situ mereka meninggal sampah yang begitu banyak sehingga di puncak gunung itu dicemari oleh kotoran sampah yang dibuang oleh pendaki-pendaki. Nak suruh orang kampung naik bersih bukan mudah, kalau saya dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat hak sebaya dengan saya tak boleh naik, *dokrok* dah nak naik pasal tak larat, tak mampu dengan puncak yang tinggi itu. Jadi, saya merayu kepada Jabatan Perhutanan supaya cari jalan sama ada hendak tender, kuat kuasa dan sebagainya supaya puncak gunung itu bersih dan alam sekitarnya terpelihara. Selain daripada itu juga, saya mintak kepada Kerajaan kerana saya tengok dalam Bajet ada RM40 juta untuk pengambilan balik tanah pada tahun 2009 dan saya juga merayu kepada Kerajaan supaya termasuklah juga di Lata Belatan yang menjadi tumpuan untuk pengambilan balik tanah di sekitar kawasan tersebut untuk parking untuk kenderaan kerana sekarang sudah tidak mampu menanggung jumlah kehadiran yang begitu ramai.

Dato' Yang Dipertua Dewan, selain daripada itu juga saya melihat pelajar-pelajar kita sama ada lepasan SPM, STP dan sebagainya yang tidak dapat ke mana-mana yang telah habis daripada pusat-pusat latihan dan sebagainya supaya dihidupkan kembali, Persatuan-persatuan Belia ini. Carilah jalan bagaimana untuk menghidupkan Belia 4B ataupun MAYC supaya kegemilangan belia tahun-tahun kebelakangan itu dapat dibangkitkan kembali. Usaha ini adalah untuk merapatkan jurang antara orang muda dalam kampung, dalam masyarakat kita yang boleh bekerjasama supaya sesuatu aktiviti yang bermanfaat dapat dilaksanakan. Selain daripada itu

juga, pelajar-pelajar yang berjaya masuk ke universiti luar negara. Saya melihat pelajar-pelajar persendirian terutamanya pelajar-pelajar yang pergi ke Timur Tengah sama ada di Universiti Al-Azhar dan sebagainya secara persendirian. Orang-orang kampung apabila masuk ke Universiti Azhar mereka juga rasa gembira tetapi kadang-kadang 10 tahun belajar di Al-Azhar tak dapat Ijazahpun, mungkin sistem atau bagaimanapun saya tak tahu tetapi balik ke kampung tak ada Ijazah dan mereka inilah kadangkala digunakan oleh mana-mana pasukan untuk dijadikan penceramah dan sebagainya. Dan inilah perlu kita garap supaya pelajar yang pergi ke luar negara dapat dipastikan penajaannya dan sebagainya dapat dikawal kerana yang belajar di luar negara itu ada yang berniaga, ada berdakwah dan sebagainya kadang kala ibu bapa di rumah menanggung kesengsaraan. Selain daripada itu juga, saya melihat pendidikan di tempat saya supaya dapat diberi perhatian kalau boleh Jabatan melihat mengapa ada dua sekolah. Satu sekolah dalam RMK-9 yang telah dibatalkan pembinaannya iaitu Sekolah Menengah Agama Kampung Apal dan juga Sekolah Kebangsaan Gong Lilit. Apabila perkara ini dimatikan, tidak diteruskan saya percaya pelajar-pelajar kampung itu terpaksa jauh belajar di Sekolah Agama di Kampung Raja dan juga di Jerteh. Oleh itu, minta Jabatan supaya dalam Rancangan Separuh Penggal nanti dapat meneruskan Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Kebangsaan ini. Selain daripada itu, dalam pendidikan pra-sekolah kerana kalau saya lihat daripada Soalan Bertulis yang telah dikemukakan dan pihak Kerajaan telah menjawab bahawa tadika-tadika pada tahun 2009 hanya 16 buah tadika sahaja yang akan dibangunkan di seluruh Negeri Terengganu berbanding pada 2008 sebanyak 51 buah. Oleh itu, kalau boleh pihak Jabatan KEMAS kerana kita lihat tadika-tadika di kampung-kampung masih lagi dalam keadaan uzur, banyak lagi 2008 - 51 buah, lepas itu saya duk tengok 2009 di Besut, Parlimen Setiu, Jabi tidak ada, kemudian Hulu Besutpun tak ada, di Besut tak ada satupun. Jadi, kalau boleh beri perhatianlah kerana di tempat sayapun tadika-tadika yang uzur perlu juga diberi perhatian.

Dato' Yang Dipertua Dewan, strategi kedua yang telah digarapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah pemantapan usaha menyelesaikan isu kemiskinan. Memanglah isu kemiskinan berlanjutan dari setahun ke setahun. Mengikut SPRT, kita mempunyai 21,797 keluarga miskin. Menurut e-Kasih kita mempunyai 10,328 dan saya melihat jawapan daripada Soalan Bertulis, soalan daripada Yang Berhormat Hulu Besut, soalan no. 4: FELDA telah diberi anugerah tanah oleh Kerajaan Negeri sebanyak 15,132,087 hektar. Satu jumlah yang begitu besar bahkan tiap-tiap daerah ada, apa salah kiranya pihak FELDA membuka balik penempatan-penempatan baru untuk memasukkan keluarga-keluarga yang miskin ini yang berjumlah

10,328. Kalaulah dimasukkan saya kira lebih kurang 5,000 keluarga boleh tinggal di kawasan-kawasan FELDA yang mana ada rumah dan juga ada kawasan ladang kelapa sawit yang boleh dibahagi 10 ekar seorang, sudah tentu dapat mengurangkan kemiskinan. Saya pohonlah jasa baik FELDA supaya memberi keutamaan untuk penempatan golongan-golongan miskin ini, ini tak termasuk lagi tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELCRA, mungkin jumlahnya juga sebegini. Apa salahnya kiranya kalau kedua-dua agensi Kerajaan ini dapat digunapakai bagi menempatkan golongan-golongan orang miskin, insya Allah saya percaya lama kelamaan akan boleh jadi selesai, *dang* masuk FELDA saya yakinlah bukan lagi golongan miskin.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar, memberi peruntukan sebanyak RM50 juta untuk kawasan penanaman padi, kawasan baru yang disebut di Setiu dan sebagainya. Tetapi Kerajaan jangan lupa bahawa ada kawasan-kawasan tanaman padi yang masih terbiar yang mana juga perlu diberi perhatian kerana terbiar ada disebabkan oleh sistem pengairan yang tidak sempurna. Misalnya di tempat saya di kawasan Gong Dohuk, kawasan Kampung Anak Ikan Dalam, kawasan Kampung Baru Tok Dor yang mempunyai lebih 300 - 400 ekar kawasan tanaman padi yang tak sampai sistem pengairan dan tidak termasuk dalam Sistem Pengairan KETARA, kawasan ini terbiar dan sekarang ini tuan-tuan tanah sudah mula menanam kelapa sawit, kelapa dan juga menanam getah di kawasan tanaman padi. Perkara ini saya rasa lebih mudah untuk diterokai balik dengan tanaman padi daripada menembusi kawasan-kawasan yang baru. Jadi, saya minta supaya jabatan memberi perhatian kepada kawasan-kawasan yang tidak sampai sistem-sistem pengairan untuk dijadikan kawasan tanaman padi yang sudah sedia ada.

Yang keduanya dalam pertanian juga, untuk menambah pendapatan rakyat maklumlah sekarang ini baja mahal, racunpun mahal, dengan Bajet yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian katanya racun dan baja juga akan diberi subsidi. Cuma saya mintak pihak Kerajaan melihat sistem dan cara yang telah diamalkan sekarang ini oleh Jabatan Pertanian di kawasan KETARA terutamanya menggunakan ketua-ketua KPA iaitu Ketua Pengurusan Air yang membahagikan racun, membahagikan baja kepada petani-petani. Dan ada kala saya pernah jumpa KPA, Ketua-ketua KPA ini apabila baja dilonggokkan di rumah dia, bukan setakat dia tak bahagi dia jual pulak baja-baja ini kepada petani-petani. Jadi, saya mintak sistem ini biar sempurna, biar dapat pemantauan yang lebih baik sampai kepada akar umbinya.

Dato' Yang Dipertua Dewan, selain daripada itu juga saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membina kilang untuk makanan haiwan kerana kita negeri dengan duit yang ada, dengan jabatan yang begitu aktif apa salahnya mencari jalan untuk membina mini kilang bagi pengeluaran hasil untuk makanan ternakan sama ada makanan ternakan untuk ikan ataupun juga makanan haiwan yang lain.

Selain daripada itu, saya melihat kalau kita imbau balik beberapa tahun dulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mari ke Setiu, mari ke Gong Batu untuk satu Projek Menternak Ikan, dan sekarang ini kalau jabatan melihat saya rasa masih ada peninggalan yang belum diusahakan dengan sepenuhnya. Kalau boleh hidupkan kembali statusnya supaya projek tersebut memberi impak yang besar kepada penternak-penternak ikan bukan sahaja di Setiu tetapi seluruh Negeri Terengganu kita untuk membekalkan anak benih-anak benih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak mula-mula ini panjang sikit dok Dato' Yang Dipertua. Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutlah beberapa perkara yang berkaitan dengan sekitar kawasan saya. Yang pertama kebetulan Jabi dalam Daerah Besut. Besut baru-baru ini digemparkan sekali dengan cerita Ayah Pin. Cerita Ayah Pin, Yang Berhormat Tepoh jawab, Yang Amat Berhormat Menteri Besarpun jawab maka berlaku tuding menuding jari, orang tu kata orang tu, orang ni kata orang ni. Dan baru-baru ini Hari Raya Korban Ayah Pin korban 2 - 3 ekor lembu, yang peliknya bukan sembelih di leher, sembelih di ekor pulak. Dimakan pulak awak-awak dia, sembelih di ekorpun nya makan jugak. Jadi perkara-perkara ini kalau boleh cari jalan yang senyap, jalan yang sulit kalau boleh dibunuh, bunuhlah Ayah Pin ni, sungguh. Dalam Dewan yang mulia ini saya rasa tanyalah Mufti, Dato' Sheikh ke, dah jadi wajib kita bunuh dah ni, buatlah secara sulit, kita ada Komando, kita ada Unit Penembak Khas, apa duk bising-bising .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nampak nak sulit guana, duk khabar merata-ratanya?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sulit guana duk khabar ngata tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dok sulit dah, pasal Dewan yang mulia ini takdok hak sulit dah. Jadi kerana dia seorang kita jadi huru hara habis dan pada 2005 dahulu penempatannya dibakar senyap seketika, sekarang ni masih ada lagi bersembunyi dalam hutan, sekali sekala keluar masuk ke tempat penempatannya. Jadi, apa salahnya buatlah sesuatu tindakan yang serius yang melibatkan agensi-agensi tertentu tak payah bising-bising, kitapun serabut dah.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga memohon dengan peruntukan RM40 juta ni (Pengambilan Balik Tanah), minta-mintalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Pengerusi Kerajaan Tempatan, kalau boleh berilah peruntukan ke Jabi barang RM1 - 2 juta untuk Pengambilan Balik Tanah bagi membangunkan Pekan Jabi. Saya merayu rakan-rakan dari semua DUN juga berhasrat supaya setiap DUN ada kawasan-kawasan pekan baru kerana kita nak melihat satu wajah baru setiap DUN untuk pekan-pekan baru sama ada dengan cara pembangunan rumah murah, kedai dan sebagainya itu terpulanglah kepada Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Akhirnya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Akhir sekali Dato' Yang Dipertua, saya menyebut apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua-tiga hari yang lepas iaitu penubuhan TIA *(Terengganu Investment Authority).* Kalau boleh kita mintak Kerajaan dapat memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai supaya kitapun faham apa dia TIA itu. Kadang kala terutamanya rakan-rakan di sebelah sana mengambil kesempatan untuk menceritakan yang tidak sebenarnya. Oleh itu, kalau boleh pihak Kerajaan memberi penjelasan yang terbaik kepada semua jabatan, semua ADUN supaya kita faham, kadang kala kalau kita tak fahampun rakyat tanya kita, kita tak boleh menjawab.

Terakhirnya, saya mintaklah kepada jabatan yang berkaitan supaya memperbanyakkan penjelmaan kereta sewa berwajah baru kerana di kalangan pemandu-pemandu kereta sewa sangat berminta tetapi diberi kuota yang sedikit sahaja kepada setiap DUN. Kalau boleh tahun ini diperbanyakkan wajah barunya yang lebih menarik, wajah barunya yang lebih unggul supaya orang melihat keupayaan program ini dapat diteruskan sepanjang masa. Dan yang akhir sekali Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tiga kali akhir dah ni. Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang terakhirnya, yang ini akhir sungguh dah. Nak mintak supaya Kerajaan dapat melaksanakan pembinaan masjid mulai tahun depan 2009 kalau boleh setiap DUN dua buah masjid baru pasal Menteri Besar kitapun wajah baru, orang tengok masjid dua pasal sesuai dengan jumlah masjid dua tu untuk setiap DUN dua, dua sokmo ni maka .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mintak penjelasan hak masjid dua, dua tu cuba terangkan gok apa benda sebenarnya ni, nak tuju guana tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ni pasal nak cari pasal belaka ni ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis Yang Berhormat? Perhabis.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Jadi Dato' Yang Dipertua, saya Jabi juga mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Jabi mintak dua masjid satu DUN setiap tahun, begitukan? Jadi saya buka lagi untuk perbahasan. Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia-iwarmursalin wa-ala-alihi wassahbihi ajmain. Yang Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan atas Bajet yang diperbentangkan semalam dan saya juga sebagai warga pelancongan nak ucap terima kasihlah kepada Menteri Besar kerana peruntukan RM77.47 juta kepada sektor pelancongan. Dan juga kami tersentuh hati apabila pihak Kerajaan memberitahu yang kepercayaan beliau (pihak Kerajaan) kepada Unit Pelancongan ini suatu hari nanti merupakan sumber utama insya Allah kepada *income* dengan izin, Kerajaan Negeri sekiranya suatu hari nanti habisnya minyak.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai soal pendidikan. Kita lihat banyak peruntukan diberi kepada sektor pendidikan,

saya ucap terima kasih sekali lagi dan syabas. Cumanya saya ingin kalau boleh kita adakan satu badan mungkin Exco yang terlibat dapat memantau keciciran pelajar-pelajar di Negeri Terengganu di sekolah menengah khususnya. Kerana saya dapati kalau kita lihat kajian data daripada AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) kita dapati bahawa kelulusan orang yang menagih dadah paling besarnya ialah orang yang tercicir selepas Tingkatan 3, hampir 40% kelulusan, saya panggil kelulusan orang yang penagih dadah ini 40% tercicir setakat Tingkatan 3. Kalau dia lulus Tingkatan 5, selepas SPM lebih kurang 30% tapi kalau anak-anak kita ini berjaya di peringkat yang lebih tinggi, peringkat Diploma ataupun peringkat Ijazah hanya 0.1% sahaja terlibat dengan dadah. Maknanya kalaulah kita dapat pastikan anak-anak kita ini semua dapat ke universiti, insya Allah masalah dadah kita ini dapat kita atasi dengan baik.

Perkara kedua, yang ingin saya sentuh iaitu mengenai Perumahan Rakyat dan saya pohon pihak Kerajaan saya rasa di mana-mana DUNpun isu utama, isu perumahan. Yang kedua selalu kita dengar rakyat kita mengeluh isu balai raya kita, kadang-kadang tu dah *burukpuk* nak naikpun takut. Yang ketiga, yang dibincang *sokmo* selalunya jalan-jalan kita mudah pecah-pecah, jalan-jalan kampung. Yang keempat, isu yang selalu kita dengar, JKKK mari jumpa kita padang bola jadi padang jarak padang tekukur, nak main dok boleh, berbatu dan pagarpun tidak ada, lembu-lembu penuh di Air Putih di padang bola. Jadi, isu-isu ini dan memandangkan kita pihak Kerajaan, kita menang dengan sempurna, menang dengan selesa, dua pertiga baru-baru ini dan juga kita dapat royalti minyak balik kepada kita apalah salahnya setiap DUN Kerajaan peruntukkan RM4 – 5 juta bagi setiap DUN benda ini saja dapat selesaikan semua masalah kita, insya Allah. Perkara seterusnya yang ingin saya ringkaskan ialah saya nak ucapkan terima kasih kepada Jabatan-jabatan Kerajaan khususnya di Kemaman, Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran dan juga jabatan-jabatan lain yang saya rasa selama 6 bulan saya bertanggungjawab sebagai ADUN di Air Putih ini telah menunjukkan kerjasama yang begitu baik dalam membela rakyat, saya ucap terima kasih banyak-banyak. Dan juga saya rasa kalaulah kita semua ini berdiri di sini, datang ke sini dengan penuh keikhlasan untuk membela rakyat, insya Allah Allah akan sentiasa memberi kemudahan kepada diri dan jiwa kita. Jadi, saya rasa DUN Air Putih mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Saya buka lagi. Sura sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil aalamin. Wal-aqibatulilmuttaqin wala-adhwanailla-alazzalimin. Wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia-iwarmursalin Sayyidina Walmaulaana Muhammad wa-ala-alihi waashabihi wattabi-i nalahuihsani-ilayaumiddin. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dengan tema asasnya ialah 'Merakyatkan Pembangunan'. Saya mengharapkan tema ini menjadi kenyataan bukan sahaja pada ucapan dan tulisan di dalam buku ini tetapi juga seperti yang disebut 'merakyatkan pentadbiran dan pelaksanaan' kerana dibimbang yang lepas-lepas ialah dibimbang ada tanda tertinggal di situ mewakil rakyatkan pembangunan sebab slogan yang sentiasa naik 'BN Menang Rakyat Senang' tetapi kadang-kadang yang kita lihat 'BN Menang Wakil Rakyat Senang'. Oleh kerana itu saya mengharapkan tema ini menjadi kenyataan kerana projek-projek pembangunan yang dilaksanakan ada persen dan bahagian kepada Wakil Rakyat ini tidak boleh dinafikan kerana tanda-tanda kehidupan mereka yang kadang-kadang sangat mewah di luar daripada jangkauan pendapatan/elaun mereka. Kalaulah seorang pegawai kakitangan awam memiliki kenderaan yang mewah dengan jumlah yang banyak ataupun mempunyai rumah yang berharga juta dan pakaian-pakaian mewah serta hartanah yang diperolehi tak sampai tempoh sepenggal maka saya percaya Badan Pencegah Rasuah akan mengawasi dan memberikan perhatian. Tetapi tidak kepada Ahli-ahli Politik kerana itu saya mengharapkan supaya perkataan yang menjadi tema 'Merakyatkan Pembangunan' ini benar-benar menjadi Bajet Negeri Terengganu ini sampai kepada rakyat seperti yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam menyampaikan Ucapan Bajet ini.

Yang kedua yang nak saya sebut daripada ayat yang dibentangkan di dalam buku ini iaitulah (membaca sebahagian Surah Ali Imran ayat 103) yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai ....". Pertama, dalam susunan ayat ini Allah Taala perintahkan kita supaya berpegang teguh dengan tali Allah. Mengapa? Kerana tali adalah merupakan ikatan yang memungkinkan kita untuk mentautkan hati-hati kita. Oleh kerana itu, Allah menyebutkan alat apa untuk kita bersatu? Alatnya ialah Islam bukan Islam Hadhari

kerana alat inilah yang memungkin kita bersatu. Maka Allah Taala menyebut alat untuk kesatuan itu ialah tali Allah. Sebatang lidi kalau dicampur dengan lidi-lidi yang lain tidak boleh diikat mesti ada tali, maka begitulah pertautan hati-hati tidak boleh dibuat melainkan tali Allah S.W.T. Kemudian baru Allah Taala sebut jangan berpecah belah kerana itu apabila kita meninggalkan tali Allah Islam maka kita akan berpecah, ini adalah kenyataan Allah S.W.T. yang kita tidak dapat elakkan. Dan perpecahan ini bukan hanya berlaku di antara mereka yang berpegang dengan tali Allah dan mereka dan mereka yang tidak berpegang dengan tali Allah tetapi juga perpecahan yang berlaku di kalangan mereka yang sama-sama tidak berpegang dengan tali Allah, ini kita lihat menjadi kenyataan. Bagaimana penting bagi kita untuk meletakkan asas ini supaya kita semua kembali kepada agama Allah S.W.T. sebab itu ayat ini sangat penting untuk kita ambil ingatan. Yang ketiga disebutkan manifestasi penghijrahan, kesan hijrah Rasulullah S.A.W. di dalam muka surat 50, pada perbahasan ucapan ini saya nak sebutkan mengapa hijrah itu berlaku? Persaudaraan itu adalah setelah sampai hijrah berlaku kerana kuasa politik yang tidak ada pada Rasulullah S.A.W. Rasulullah di Makkah ada kuasa Islam tapi Rasulullah tidak ada kuasa politik maka Rasulullah berhijrah untuk mendapatkan kuasa politik itu, sebab itu politik di dalam Islam adalah sesuatu yang tak dapat dipisahkan. Kuasa Islam kerana Rasulullah dilantik oleh Allah menjadi Rasulullah (membaca ayat yang bermaksud) "Dialah Allah yang telah mengutuskan Rasul-Nya Muhammad dengan hidayah yakni Quran dan agama yang benar yakni Islam supaya tugas Nabi itu ialah menyampaikan Islam supaya mengatasi segala yang lain." Menang mengatasi segala yang lain, tak boleh buat di Makkah maka Rasulullah berhijrah dapatkan kuasa politik di Madinah maka kuasa politik adalah sangat penting dalam ajaran Islam sebab itu manifestasi penghijrahan ini kita kena lihat Rasulullah ada kuasa Islam, Allah Taala memberitahu: "Engkau wahai Muhammad dilantik menjadi Rasul." Ini Quran, ini ajaran Islam tetapi politik di Makkah tidak dikuasai oleh Rasulullah, Abu Lahab, Abu Jahal yang memegangnya maka Rasulullah berhijrah ke Madinah maka dapat kuasa politik maka mulalah ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan kanun-kanun (undang-undang) diturunkan oleh Allah kerana bekas negara, bekas Kerajaan itu dipegang oleh Rasulullah S.A.W. Yang seterusnya, yang saya nak sebutkan ialah bagaimana dalam tema yang disebutkan ini 'Merakyatkan Pembangunan' di antara paksinya ialah untuk menghapuskan kemiskinan rakyat. Marilah kita melihat adakah benar kenyataan ini sebabnya waktu banjir kita melihat catatan di muka depan akhbar-akhbar utama, rakyat berhari raya dalam keadaan muram di Terengganu, rakyat menyelamatkan barang-barang daripada banjir, rakyat bersusah payah menyelamatkan nyawa, menyelamatkan binatang-binatang peliharaan mereka. Dalam keadaan rakyat bersusah payah tiba-tiba kita panggil

orang luar bersuka ria bermain Monsoon Cup di Terengganu. Marilah kita lihat kenyataan ini adakah di waktu itu kita tidak melihat kesusahan dan kesulitan rakyat mungkin sebahagian kita ini masuk ke kedai runcit kita tidak tengok ke tempat jualan beras, pemimpin-pemimpin kena tengok rakyat kita ini sudah membeli beras sekilo dan setengah kilo, mereka berada dalam keadaan yang sangat susah sebabnya bila saya masuk ke kedai runcit saya tengok ada tuan kedai gunting beras hak 5 kilo, ada kedai hak gunting beras hak 10 kilo maka saya tanya sebab apa? Kerana sudah mula ada rakyat yang membeli beras sekilo dan setengah kilo. Dan di satu kawasan di Gong Pasir yang saya bercakap dengan tuan kedai, datang seorang budak mintak beras sekilo maknanya kita sedang menghadapi apa yang disebut 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' oleh rakyat kita. Sebab itulah apabila kami memohon supaya perjanjian Kerajaan Negeri dan T-Best yang melibatkan Monsoon Cup ini dibuat kajian semula ia ada asasnya kerana waktu rakyat kita dalam kesusahan bagaimana kita boleh panggil orang luar bersuka ria. Bot yang kita beli, tambang kapal terbang mungkin kita tanggung, penginapan mereka kita tanggung, kemudian makan minum mereka kita tanggung, kemudian melancong mereka dalam negeri kita tanggung, kemudian kita beri hadiah pulak, 'kera di hutan disusukan anak sendiri mati kelaparan'. Sebab itu saya mintak supaya Kerajaan Negeri serius dalam melihat perkara yang berkait dengan Monsoon Cup ini kerana kalau kita nak bincangpun Monsoon Cup ini setiap suatu penganjuran program mesti ada tiga perkara yang sangat penting. Yang pertama, usaha-usaha promosi sebelum berlakunya Monsoon Cup itu dilaksanakan oleh Kerajaan. Yang kedua ialah sewaktu program berlangsung, 3 - 7 Disember 2008 baru-baru ini, bagaimana kedatangan pelancong, apa hasil pulangan kepada rakyat? Yang disebut bukan dalam angka statistik yang tepat hanya pada anggaran ramai sekian, sekian pelancong. Tetapi yang lebih penting ialah selepas program itu berlangsung, bagaimana kesan dalam 3 atau 4 tahun penganjuran Monsoon Cup ini memberi pulangan kepada industri perkapalan, kepada industri maritim dan lain-lain yang terlibat dengannya kerana ini adalah sangat penting tetapi apa yang kita lihat bila melibatkan penganjuran sukan-sukan antarabangsa kita lihat sebagai contoh F1, Formula kita maka jalan raya kita menjadi alat tempat membunuh, orang berlumba-lumba di jalan raya kerana apa? Kerana kita asas melihat bagaimana rakyat sudah mula ambil peluang untuk berlumba tetapi di jalan raya kita, kita ada lumba motosikal maka kesan sampingannya ada, motosikal sekarang ini sudah menjadikan jalan raya tempat berlumba maka yang penting jugak kita kena tengok apa kesan kepada penduduk di Negeri Terengganu ini apabila kita anjurkan Monsoon Cup apa kesannya, ini sangat penting. Kerana yang pertama dan kedua telah dibuat oleh Kerajaan tetapi yang ketiga ini yang kita nak lihat kerana kita menghabiskan

wang yang begitu banyak dan pulangan kepada rakyat kita sendiri tidak dapat kita lihat dalam tempoh tiga hingga empat tahun ini.

Kemudian seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut tentang perkara yang berkait dengan sekolah-sekolah khususnya yang disebut ialah Sekolah Elit dan Premier yang akan terus dibantu manakala Sekolah Imtiaz akan diperluaskan pembinaannya ke semua daerah. Saya mengharapkan sekolah-sekolah yang akan kita perluaskan pembinaannya termasuk Sekolah Imtiaz Daerah Kemaman yang akan menjadi daerah yang kelima mempunyai Sekolah Imtiaz. Di Dungun ada Sekolah Imtiaz ini, pelajar-pelajarnya sebahagiannya cemerlang keluar tetapi sayang kadang-kadang mengeluarkan pelajar yang cemerlang tetapi tidak mendapat bantuan dari pihak Kerajaan Negeri. Seorang pelajar yang bernama Daniel iaitulah berada dalam DUN Sura yang Mohamad Razali Aman bapanya seorang penjual serbuk kopi yang sangat miskin, sangat susah. Dulu dia pakai kereta Toyota Corolla DX hak lama terpaksa jual kerana tak mampu nak tanggung, sekarang pakai Honda Fame buruk tetapi bila anak dia dapat keputusan cemerlang baik, Kementerian Pengajian Tinggi beritahu dia dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke Jordan tiba-tiba dia buat permohonan untuk mendapatkan biasiswa ataupun pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Yayasan Terengganu bagi melanjutkan pelajaran dia ditolak. Sayapun tak faham sebab permohonan ini di bawah Menteri Besar baru, Sekolah Imtiaz ini di bawah Menteri Besar lama, jadi sayapun tak faham sebab dalam gambar ini pelajar ini, Mohamad Daniel ini terima anugerah yang disampaikan oleh bekas Menteri Besar lama. Sepatutnya kalau kita nak merakyatkan pendidikan, pelajaran ini sepatutnya kita luluskan tapi oleh kerana sebagai seorang bapa yang terpaksa jugak tanggung maka alhamdulillah anaknya dapat berada menjejakkan kaki di Jordan dan baru-baru ini dimaklumkan sampai di sana oleh kerana tak cukup jugak lagi kewangan akhirnya dia berasa nak balik, alhamdulillah ada seorang hamba Allah tolong bantu. Jadi, saya harap pihak Kerajaan tolong ambil perkara ini dengan serius kerana kelahiran pelajar ini adalah dari Sekolah Imtiaz bukan sekolah biasa yang di bawah Kerajaan Negeri. Jadi saya harap tolong berikan perhatian.

Kemudian yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Akhir sungguh ni. Cadangan Kerajaan untuk memberikan sumbangan pulangan kewangan kepada rakyat miskin melalui Projek Ladang Kelapa Sawit. Saya mohon supaya dilihat jugak sebabnya adalah kerana harga

kelapa sawit yang menjunam jatuh sekarang ini, dulu RM800 satu tan, sekarang lebih kurang RM200 sahaja dan sebahagian yang mengusahakan ladang dalam jumlah yang agak besarpun mengalami masalah kerana kos-kos yang terpaksa ditanggung kemudian selepas itu kepada yang mengait buah dan sebagainya dibimbangkan takut apa yang kita sumbang/berikan itu seperti tidak melepaskan jugak mereka dari tahap kemiskinan yang kita harapkan supaya rakyat termiskin itu akan terlepas daripada kemiskinan. Jadi, saya harap diberikan perhatian jugak supaya pihak Kerajaan benar-benar berusaha untuk memastikan bahawa apa yang dipulangkan kepada rakyat daripada ladang-ladang kelapa sawit yang hendak diberi kepada penduduk-penduduk termiskin ini benar-benar akan dapat mencapai kejayaan. Dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk menyampaikan ucapan ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Sura kerana menepati sungguh masanya. Saya masih membuka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ya, Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Membaca Surah Thaha 25 - 28). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai serta tuan-tuan dan puan-puan para pemerhati yang saya hormati lagi dikasihi sekalian.

Saya mengambil kesempatan daripada perbahasan ini untuk menyatakan beberapa perkara. Yang pertama, berkait dengan pembangunan belia. Kerajaan memperuntukkan belanja yang besar untuk persatuan-persatuan belia dan program-program belia. Waktu yang sama ada persatuan-persatuan belia yang aktif, ada yang hampir mati ataupun tidak bergerak. Yang paling penting ialah dalam mengurus belia atau mengurus persatuan-persatuan ini dalam membangunkan belia kita. Sebagaimana yang disebut oleh beberapa Yang Berhormat daripada Hulu Besut, Yang Berhormat daripada Jabi mendedahkan tentang keadaan fenomena anak-anak muda kita, belia yang ada dalam negeri dan negara kita hari ini yang sangat terdedah dengan maksiat, dengan kemusnahan peribadi dan sahsiah mereka. Oleh kerana itulah dalam pembinaan dan pembangunan belia ini mesti diletakkan asas yang paling penting. Dua asas yang utama, yang pertama ialah kefahaman Islam, mesti memahamkan mereka dengan Islam. Islam dengan makna yang lengkap yang syumul, Islam dengan makna yang menyeluruh bukan Islam dalam erti kata sembahyang, puasa,

zakat dan Haji tapi Islam dengan makna yang menyeluruh dengan makna yang syumul yang merangkumi seluruh aspek kehidupan. Dalam Islam adanya ibadah, dalam Islam adanya politik, dalam Islam adanya ekonomi, dalam Islam adanya akhlak, dalam Islam adanya pendidikan dan berbagai-bagai lagi. Kefahaman Islam ini mesti diajar kepada mereka dengan sempurna dan dengan sebaik mungkin. Yang kedua ialah pembinaan iman dan pemantapan akidah, keyakinan mereka kepada Allah dan hari Akhirat, keyakinan mereka terhadap Rukun-rukun Iman, mesti memahamkan mereka dan menanam dalam jiwa mereka tentang akidah Islam. Dalam perkara yang berkait dengan pembangunan belia, semalam kita dengar ada tiga perkara yang disebut mahu melahirkan belia yang pertama, kepimpinan, yang kedua ialah kemahiran, yang ketiga ialah ketrampilan. Ketiga-tiga ini tidak dinafikan penting, baik dan perlu dilakukan untuk pembangunan anak-anak muda kita, belia kita tetapi walaupun mereka menjadi pemimpin tetapi mereka tidak memiliki ilmu dan kefahaman Islam, tidak memiliki keutuhan sahsiah yang baik walaupun mereka memiliki kemahiran tetapi kemahiran yang tidak dibina di atas keutuhan sahsiah yang baik ataupun mereka memiliki ketrampilan yang hebat tetapi tidak memiliki sahsiah, keutuhan. Sahsiah yang saya maksudkan ialah keperibadian dia terhadap Allah, keperibadian dia terhadap dirinya, keperibadian dia terhadap keluarga dia, keperibadian dia terhadap masyarakat, keperibadian dia terhadap Islam itu sendiri. Dia memahami tujuan kehidupan dia di atas dunia agar mereka hidup dengan Islam dan dengan akidah Islam dengan harapan apabila kita membentuk dan membangunkan belia kita seumpama ini maka kita dapat mengurangkan dan dapat membendung fenomena-fenomena yang sangat membimbangkan kita yang berlaku dalam masyarakat. Buang anak, Mat Rempit, anak tidak sah taraf, soalan yang ditanya oleh Wakil Bukit Tunggal, jumlah yang dilaporkan dalam Jabatan Perdana Menteri anak tidak sah taraf ini yang ada dalam negara kita sebanyak 257,000 orang bermula daripada tahun 2000 sehingga 2008, ramainya anak yang tidak sah taraf ataupun anak luar nikah. Kenapa berlaku? Kerana berlakunya khalwat, kerana berlakunya penzinaan. Kenapa berlaku penzinaan? Kadang-kadang dalam Program Rakan Muda, dalam program persatuan dicampur ataupun pergaulan bebas tidak dijaga dengan baik, tidak diatur dengan baik yang membuatkan pergaulan bebas yang terdedah dengan gejala-gejala yang seterusnya. Kita bimbang hasil daripada kegersangan jiwa, hasil daripada kekosongan hati dan akidah membuatkan satu fenomena baru wujud dalam masyarakat kita iaitu bila bermasalah, kita bunuh diri. Ini perlu diperbaiki dan kita bersepakat bahawa kita perlu membentuk diri kita, masyarakat kita, seluruh pemimpin dengan kefahaman Islam dan akidah Islam. Dan suasana masyarakat kita mesti dibentuk dengan ilmu, mesti dibentuk dengan akidah, isu yang baru yang sepatutnya menjadi isu yang lama, isu yang disebut oleh Wakil Jabi mengenai isu

ajaran sesat Ariffin Mohamad yang sebenarnya tidak timbul dalam akhbar, Kementerian Dalam Negeri jawab macam ni, Ketua Polis kata: "Kita tidak dapat arahan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu." Kemudian ada yang kata kena beritahu ke Sultan, ada yang kata tak payah beritahu kepada Sultan. Semua isu ini wujud yang sepatutnya perkara ini sudah berlaku dulu dan sepatutnya sudah ada arahan, hanya bila bertemu sahaja Ariffin bin Mohamad ini macam mana nak buat? Bila Polis kata Ariffin bin Mohamad ini ada di Terengganu, tunggu arahan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu, nak tunggu tu, Ariffin ni dah lari entah ke mana tak tahu, *nusut* di langit tak tahu. Inilah perkara yang sepatutnya ketegasan, yang sepatutnya ada keputusan bahkan sepatutnya sudah dibincang dengan baik dan saya mengharapkan bahawa tidak akan timbul semula isu ini. Yang saya bimbang takut Ariffin bin Mohamad ini tidak dikenakan tindakan, tidak dikenakan sesuatu yang sewajarnya kerana ada perkara lain, itu yang saya bimbang sebab isu ini sudah lama tapi masih lagi timbul isu-isunya yang sepatutnya boleh diselesaikan sehinggakan Yang Berhormat Jabi sendiri mendedahkan ada di mana tak tahulah pada hari raya baru-baru ini. Inilah suatu benda yang sepatutnya diselesaikan supaya masyarakat boleh melihat ketegasan kita dalam membendung ajaran sesat, dalam menolak semua ajaran sesat dan mengingatkan kepada rakyat supaya rakyat memahami akidah dengan baik, jangan terlibat dengan ajaran-ajaran sesat ini supaya mereka boleh melihat bahawa Kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat dengan ajaran yang tidak baik, ajaran sesat seumpama ini. Oleh kerana itulah dalam kita membina ilmu, dalam kita mengukuhkan tarbiyyah pendidikan, dalam kita memantapkan akidah, kita sepatutnya berterima kasih kepada Sekolah-sekolah Agama sama ada hak dalam Kerajaan ataupun Sekolah Agama Rakyat yang diadakan oleh guru-guru kita, ustaz-ustaz kita, tok guru-tok guru kita supaya masyarakat memahami Islam. Oleh kerana itulah dalam satu soalan yang sepatutnya soalan saya hari ini tapi saya tak tanya sebab ada soalan yang pertama, saya bertanya tentang bantuan Kerajaan terhadap Sekolah Agama Rakyat yang ada di Negeri Terengganu. Kita beri bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini dengan harapan Sekolah Agama Rakyat ini mendapat gerakan, mendapat kerja yang baik bagi membentuk masyarakat dan membantu kita, bahkan bukan sahaja membantu melahirkan masyarakat yang baik bahkan melahirkan *murabbi,* melahirkan guru-guru, ustaz-ustaz, imam-imam, bilal-bilal yang baik dalam masyarakat kita. Dan saya mengharapkan jugak supaya kita dapat berfikir untuk mengembalikan semula diploma ataupun Kolej Agama yang dulunya ada KUSZA yang kemungkinan kita sudah ada pra, kita ada sekolah yang dianggap sebagai sekolah agama yang berkait dengan agama tapi dulu kita ada Diploma Pengajian Islam yang sepatutnya kita boleh wujudkan kolej yang baru ini sama ada Kolej

Sultan Mizan ataupun kolej apa untuk meramaikan kerana saya mendapat maklumat baru-baru ini Kementerian Pendidikan mencari-cari ustaz dan ustazah untuk terlibat dalam J-Qaf, mengajar J-Qaf yang kekurangan, guru-guru, ustaz-ustaz dan ustazah. Bahkan saya mengharapkan Kerajaan Negeri dapat membantu dan dapat melihat MoU yang dibuat oleh Al-Azhar yang memberi diploma sehingga boleh menyambung ke Al-Azhar yang sebelum ini tiba-tiba Kerajaan Malaysia menghentikan MoU yang dibuat oleh Al-Azhar dengan beberapa pusat pengajian Islam yang berkait dengan diploma ini kerana saya melihat sekolah-sekolah agama, kolej-kolej seumpama ini memberi saham yang besar dalam melahirkan masyarakat yang baik. Yang kedua ialah masalah kepimpinan sama ada kepimpinan pihak tertinggi ataupun pertengahan sebenarnya mesti jujur, benar dan amanah. Kita semua tidak menafikan sifat-sifat ini penting, sifat yang adil perlu ada pada pemimpin-pemimpin dalam sebuah masyarakat tapi hari ini rakyat mula seolah-olah melihat pemimpin-pemimpin yang ada di kampung, Pengerusi dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung seolah-olah tidak bersikap adil dengan rakyat. Sebagai contoh, saya lihat ada kes kebakaran di Kedai Buloh belakang rumah Pengerusi JKKK, tuan rumah pergi beritahu ke Pengerusi: "Rumah saya terbakar." Pengerusi JKKK kata: "Cari sendirilah, cari sumbangan sendirilah, gi pejabat sendirilah." Akhirnya dia buat surat hantar ke pejabat, Wakil daripada JKM pergi tengok kebakaran sungguh kemudian sehingga hari ini bantuan tidak disalurkan kepada Saudara Azman bin Mamat, alamat dia: 1015, Kampung Kedai Buloh. Dia tinggal dengan ayah dia yang sakit angin, lumpuh tapi kebetulan malam kebakaran itu ayah dia tinggal di rumah anak dia, ayah dia sekarang ini sudahpun meninggal tapi bantuan masih belum diterima sebab di antaranya katanya tidak mendapat restu dan tidak mendapat sokongan daripada JKKK dan tidak diambil cakna .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit Dato'. Yang pertama, Kedai Buloh tu dalam DUN mana Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bukit Payong. Dah Yang Berhormat dia ada kan?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ni orang dok faham ni apa peranan Wakil Rakyat, agensi Kerajaan apa dia, Wakil Rakyat gi tengok dah, siapa yang mesti menyerahkan bantuan,

siapa yang mesti menyalurkan bantuan, siapa yang bertanggungjawab dalam hal pentadbiran, ni kena faham.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat takkan tak boleh urus untuk bawa jumpa SUK?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya dah telefon Jabatan Kebajikan Masyarakat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kalau Kebajikan tak selesai, jumpa SUK nun, MB kita ada.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Main jumpa SUK kalau 500 orang, 5,000 orang? Sekarang ini ada agensi Kerajaan yang ada mesti dipersoal, kalau gitu tak payah Pengerusi JKKKlah, di kampung tak payah Pengerusi JKKK, dok pakai, ya tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak payah jawab ke sana, beritahu ke saya sini .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebab dia tak faham, jadi Wakil Rakyatpun tak faham apa dia peranan Wakil Rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Jabi tu laporan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya dah lapor, saya dah telefon kepada JKM.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh dipanjangkan juga ke peringkat lebih tinggi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang menjadi masalahnya Jabatan Kebajikan Masyarakat kata dia akan beri tapi sehingga hari ini saluran tidak diberi bermula pada bulan enam sehingga bulan dua belas. Kawan ni mati dah, ayah dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mati tu tak apa Yang Berhormat itu qada' gitu dah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Betullah mati tu tak apa tapi kita nak lihat sekarang ini saya bercakap tentang kepimpinan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang ni nak bina rumah dia ni maksud?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Keyakinan masyarakat tentang kepimpinan yang ada di kampung, bina rumah tu betul dah tapi keyakinan masyarakat terhadap pemimpin yang ada di kampung yang perlu telus, yang perlu jujur, yang perlu amanah, yang perlu tegas, yang perlu proaktif dalam ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Yang Berhormat, jadi nasihat Jabi supaya Yang Berhormat laporkan JKKK tu kepada Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Haa, lapor JKKK tu suruh pecat ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silalah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Baru faham tu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ooh lapor.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya baru-baru ini dengar Pengerusi JKKK tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan Yang Berhormat kumpulkan semua pemimpin JKKK macam Yang Berhormat kata tu. Maksud Jabi yang berkenaan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kata tadi suruh saya buat laporan supaya pecat Pengerusi JKKK tu, mana munasabah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak boleh. Yang Berhormat tidak boleh buat laporan suruh pecat tapi apa yang .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ni yang saya nak beritahu ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kalau saya tak beritahu masa ni tak jadi pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab tu khabor sini tu, doksoh khabor sana.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ni cakap sini ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila. Jangan emosi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dok emosi, saya khabor ni, beritahu ya tak bahawa kita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya bercakap ini mengenai pemimpin yang ada di kampung, jika ini sifat dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tiga minit lagi, sila tiga minit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Jika ini sifat dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, maksud Jabi .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak apalah Jabi tu doksoh caralah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak tegur Yang Berhormat ni sekarang, duduk kejap Yang Berhormat, duduk kejap. Saya nak tegur Yang Berhormat, kalau nak tegur pemimpin maksudnya pemimpin yang baikpun Yang Berhormat kena bangkit jugak. Kalau yang berkenaan sahaja Yang Berhormat dah bangkitkan tadi sila panjangkan laporan Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, yang baik saya tak sebutlah, yang baik saya tak sebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila, sila. Tiga minit lagi ada masa Yang Berhormat. Sila, tak guna bahas dengan saya. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tapi masalah sekarang ini masalah pemimpin, pemimpin bermasalah bila timbul politik wang, kita nak amanah, kita nak jujur, kita nak benar. Timbul pulak dalam sebuah rumah Umno tetap politik wang yang menyebabkan masyarakat jadi bimbang, curiga tentang kepimpinan yang ada yang diwarwarkan terlibat dalam politik wang.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal apa dia duk sibuk cara ke Umnonya, diakan Pas?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nanti dulu, nanti dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Cara ke Pas sudahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang saya nak cakapnya tentang rumah. Saya nak bercakap dalam rumah tu sebab ada satu syair, kemungkinan dia dok rajin dengar syair ini. Khalifah Abdul Malek Al-Ummawi pernah menulis surat kepada Kadi dia bila terdengar bahawa Kadi dia menerima rasuah ataupun terlibat dengan politik wang, baru dengar ke? Tiba-tiba Abdul Malek ini menghantar surat dengan syair dia, kalau saya tak terjemah boleh ke tak Wakil Rakyat Jabi? *"Izarisywatun ilabaitin taqahhamat latadqhulufiisy".* Apabila rasuah itu mula meluru masuk ke dalam sebuah rumah. *"Wal-amaanatufiihisa'at harbanwatawallat".* Amanah yang ada dalam rumah tu akan cuba untuk lari dan berpaling. Hak amanah hak ada dalam tu kalau ada unsur politik wang amanah ini akan lari. *"Qa-annaha hamimun tawalla-anjiwaarisafiihim".* Sebab amanah ini macam ge orang yang baik, seorang yang penyayang, seorang yang pemurah, seorang yang bersifat lemah lembut. Dia akan lari, dia akan berpaling daripada berkawan dengan orang yang bodoh, orang yang tolol, orang yang dok cerdik sebab orang cerdik ni dia tahu, nak menunjukkan bahawa kalau ada dalam sebuah rumah tu bukan saya nak bercakap bab rumah Umno tapi orang dalam rumah Umno inilah yang keluar menjadi pemimpin masyarakat, Ketua Cawangan yang menjadi Pengerusi JKKK kadang-kadang yang terlibat dalam agensi-agensi Kerajaan, ini yang kita

bimbang, ini yang mencurigakan rakyat, yang terlibat dalam politik wang ini mesti diselesaikan bukan saya sebut, Wakil Ajil sebut sehingga dia sebut bahawa berlakunya politik wang dalam masalah .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Apa hal duk cara ke orang ni, haa ..... padan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bukan bab orang, saya bercakap dalam rumah tu ada. Hak keluar tu dia akan ada bila sifat dalam rumah tu hodoh, dia keluar jadi pemimpin masyarakat membimbangkan, mencurigakan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bentang Bajet ke, nak mengajar orang ni?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mengajar, Bajet, semua kita bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Yang Berhormat perhabiskan, akhir Yang Berhormat ada seminit lagi tu, saya dah bagi elaun banyak dah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak bercakap bahawa pendedahan yang dibuat, orang yang ada dalam rumah tu dia keluar jadi pemimpin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi pendedahan tu kena tanya Ajil dulu betul ke tidak, jangan tuduhan saja-saja aje.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak tahulah sebab dalam ni: "Rosol dakwa politik wang berlaku. Perwakilan mengaku dibayar antara RM300 hingga RM1,000". Kalau dok betul maknanya dia pelawok, kalau pelawok layak ke pemimpin dia pelawok? Tapi saya rasa dia betul, saya percaya ke dia, bab nilah, ye tak. Jadi, ni saya bimbang ni, bila ada politik wang akan berlaku amanah lari, bila takdok amanah lawan dia khianat ini yang kita bimbang, ni Bajet sebab kita nak belanja pitih yang banyak, belanja duit rakyat yang banyak dengan harapan supaya kita membentuk kepimpinan yang baik, pemimpin yang baik dan insya Allah persoalan-persoalan ini dapat diselesaikan dengan baik.

Akhir sekali, saya mengharapkan isu-isu yang berlaku khususnya di DUN Bukit Payong misalnya jalan di Pekan Bukit Payong, jalan besar tu sepatutnya

dok banjir tapi tenggelam, orang nak pergi ke Kuala Terengganupun tak boleh baru-baru ini sehari, dua hari. Saya harap pihak-pihak yang tertentu, dah kita lapor dah, insya Allah pihak Kerajaan dapat mempastikan kat mana infrastruktur yang berlaku yang tidak teratur, yang tidak sistematik. Harapan supaya kita semua diberkati dan dirahmati oleh Allah. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mudah-mudahan kita diberkati oleh Allah. Wassalamualaikum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan mesyuarat kita ini sehingga kita masuk semula pada pukul 4.10 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 3.45 PETANG.

PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita teruskan mesyuarat kita pada petang ini. Saya membuka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Ucapan Belanjawan yang Yang Amat Berhormat bentangkan kelmarin. Kalau dah tak ada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya dengan ini menjemput Wakil Kerajaan untuk menggulung jika adalah. Saya menjemput bermula daripada Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Dalam sesi penggulungan ini ingin saya mengambil kesempatan/peluang untuk memberi *respond* ataupun dengan izin, kepada dua perkara yang ditimbulkan iaitu yang pertama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ladang, isu kemudahan surau di Hospital Sultanah Nur Zahirah. Jadi untuk makluman semua hadirin, memang tiada kemudahan surau yang rasmi di Hospital Sultanah Nur Zahirah, cuma kemudahan yang rasmi yang terdekat ialah di Masjid Ladang yang berdekatan dengan kawasan hospital itu sendiri. Walau bagaimanapun, di dalam kawasan Hospital Sultanah Nur Zahirah terdapat sebuah bangunan Asrama MAIDAM yang mana terdapat kemudahan surau yang tidak rasmi ataupun tempat sembahyang di tingkat 1 yang boleh menampung lebih kurang 20 orang

jemaah. Kemudahan surau ini adalah khususnya kepada orang-orang awam ataupun pelawat yang datang ke Hospital Sultanah Nur Zahirah. Mengenai pembinaan sebuah bangunan surau di dalam kawasan hospital ini dalam masa yang terdekat memang tiada perancangan masalah utamanya adalah tiada ruang tapak yang dapat dikenal pasti kerana tapak-tapak yang lain sudah dikenal pasti untuk projek-projek bangunan hospital itu sendiri. Walau bagaimanapun, dalam projek pembangunan yang menunggu hari sahaja untuk dimulakan iaitu Kompleks Maternity ataupun Unit Bangunan Bersalin di hospital yang akan dilaksanakan nanti di setiap tingkat akan disediakan Bilik Sembahyang (Prayer Room) dan ini mungkin akan diasingkan di antara .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan boleh ke Dato'? Iaitu bilakah Hospital Besut itu dilaksanakan, beroperasi Bilik Bedahnya?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Ini kita bercakap Hospital Sultanah Nur Zahirah ni Yang Berhormat, Hospital Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia pening sikit kot. Jawapan tu untuk soalan sayakan tadi bukan untuk Jabi.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Jadi, pada pembinaan Maternity Complex ini di setiap tingkat akan diadakan Prayer Roomlah, dengan izin, di mana ini akan menempatkan tempat sembahyang lelaki dan tempat sembahyang perempuan.

Perkara yang kedua ingin saya sentuh dalam sesi penggulungan ini adalah mengenai isu harga makanan di restoran, kedai makan yang saya nampak Wakil Wakaf Mempelam yang tak berapa puas hati tadi semasa sesi soalan tadi yang mana beliau menjangkakan harga akan meningkatlah di musim Pilihan Raya Kecil akan datang. Jadi, saya telah mendapat jaminan daripada Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri yang kakitangan jabatannya akan memperhebatkan tindakan pengawasan dan penguatkuasaan yang boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, Pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan akan membuat pemeriksaan di kawasan-kawasan *hot spot* dengan izin, merangkumi Medan Selera Makan atau *Food Court* dengan izin, serta kawasan yang menjadi tumpuan pelancong di seluruh Negeri Terengganu. Untuk maklumat hadirin Dewan Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu pernah mengenakan kompaun

maksimum paling tinggi yang tidak pernah dibuat oleh negeri-negeri lain di atas kesalahan gagal meletakkan tanda harga di premis jualan yang mana kompaun yang dikeluarkan itu adalah sebanyak RM7,599.00 kerana tak letak tanda harga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh celah sikit. Kalau orang jual nasi lemak dia tak pamer tu maknanya boleh ambil tindakan jugak?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Mengikut peraturannya kalau dia ada lesen di bawah Majlis Perbandaran dan dia di bawah peraturan sebagai premis penjual makanan yang rasmi sepatutnya dia perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh jabatanlah. Di samping Kempen-kempen Kepenggunaan dan Kempen Penurunan Harga Barang-barang yang paling utama sekali ialah Bilik Gerakan. Dalam musim Pilihan Raya nanti Bilik Gerakan Jabatan Hal Ehwal Pengguna Negeri akan dibuka 24 jam. Jadi, kalau Yang Berhormat ada apa-apa yang hendak disampaikan bolehlah telefon terus ke Bilik Gerakan ini untuk diambil tindakan seberapa segera yang mungkin. Sekian, Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Jika ada lagi Yang Berhormat Kerajaan? Telemong, sila.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin yang dikasihi sekalian.

Pertama-tamanya sebelum saya menggulung ucapan yang berkait dengan portfolio saya, pertama-tamanya saya ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Bajet Tahun 2009 iaitu Bajet yang saya kira merupakan suatu Bajet yang terbaiklah setakat ini yang mana satu perbelanjaan yang terbesar pernah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM1.799 bilion. Dan Bajet tahun depan juga dilihat adalah satu Bajet yang banyak 'Merakyatkan Pembangunan Negeri Terengganu'. Insya Allah, dengan pembentangan Bajet yang begitu besar Kerajaan Negeri dapat merancang dan juga dapat melaksanakan, meneruskan pembangunan-pembangunan di Negeri Terengganu dan juga pembangunan-pembangunan tersebut seterusnya akan dimanfaati oleh rakyat Negeri Terengganu secara keseluruhannya. Di sini juga saya

mengambil kesempatan untuk merakamkan Ucapan Terima Kasih kepada semua jabatan Kerajaan yang telah melaksanakan semua program dan juga perancangan-perancangan yang dirancang dengan begitu baik pada tahun 2008 dan insya Allah, kita akan menyambung agenda yang masih belum selesai itu sehingga tahun 2009 yang akan datang. Pun begitu kita masih lagi mendengar daripada Wakil Pembangkang terutamanya Parti PAS di negeri kita yang sentiasa cuba mencari helah dan juga cuba meracuni pemikiran rakyat yang mana cuba menafikan berkaitan dengan pembangunan-pembangunan yang banyak membawa manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu secara khususunya dan seterusnya cuba menafikan pembangunan-pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan tersebut. Di sini ingin kita tegaskan kepada Wakil-wakil Pembangkang bahawa agenda Kerajaan Barisan Nasional dan Umno daripada dulu, kini dan selama-lamanya insya Allah kita akan terus memperjuangkan demi kepentingan rakyat Terengganu. Alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan dan saya melihat pembentangan Bajet pada tahun ini secara menyeluruh, Bajet kita insya Allah kita dapat memberi perkhidmatan yang jauh lebih baik kepada rakyat Negeri Terengganu apatah lagi dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa wang royalti akan kembali kepada Negeri Terengganu walaupun bila wang royalti telah kembali kepada Negeri Terengganu Wakil Pembangkang dengan berbagai-bagai helah lagi yang lain yang mintak lagi kita supaya menekan lagi pihak Kerajaan Pusat dan insya Allah, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai cara dan kaedah yang tersendiri bagaimana untuk berbincang dengan cara yang terbaik bagi pihak Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, pada saya apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN tadi berkaitan dengan portfolio saya sendiri tidak banyak hanya ada dua ADUN iaitu Bukit Tunggal dan juga Jabi yang menyentuh berkaitan dengan pertanian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semua kerana pada pendapat saya bahawa apapun pelaksanaan dan juga program-program yang dilaksanakan di bawah Agensi Pertanian Negeri Terengganu dapat jejaklah kepada rakyat negeri dan juga difahami oleh semua kepimpinan di Negeri Terengganu. Insya Allah, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal, terima kasihlah kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal atas keprihatinan Yang Berhormat yang memberitahu bahawa para nelayan di Negeri Terengganu buat masa sekarang ini tidak dapat turun ke laut. Memanglah kita tidak nafi dari setahun ke setahun kita di Negeri Terengganu merupakan negeri yang sentiasa menghadapi banjir dan juga pada bulan Oktober sehingga bulan Mac kadang-kadang nelayan-nelayan kita memang tidak dapat turun ke laut. Tapi berbagai-bagai

inisiatif dan juga berbagai-bagai cara dan kaedah telah diberi oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bukit Tunggal, sebenarnya di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini kita sentiasa prihatin dan kita menyedari hakikat bahawa nelayan-nelayan kita buat masa sekarang ini tidak dapat turun dan tidak boleh pergi jauh ke tengah laut. Pun begitu atas rasa perbincangan dan juga rasa setia kawan di antara Kerajaan Negeri dan juga Kementerian dan Kerajaan Pusat bahawa satu perbincangan telah diadakan untuk mengatasi masalah ini dan insya Allah dalam masa yang terdekat ini dan telahpun dipersetujui oleh pihak Kementerian bahawa bot-bot 20 tan yang mana mereka sebelum daripada ini mereka hanya boleh pergi 5 batu nautika ke atas tapi dengan persetujuan ini insya Allah kita akan memberi kebenaran khas dalam tempoh musim banjir ini agar mereka boleh memukat dalam kawasan 2 batu nautika ke atas. Itupun dengan beberapa syarat yang akan dikenakan ini untuk mengelakkan mereka supaya kata orang Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya rasa bukan musim banjir tetapi kepada nelayan musim monsun barangkali.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Monsun?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Angin monsun.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Okeylah Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan? Terima kasih. Ada kejadian terakhirlah sekumpulan 100 lebih nelayan yang memiliki Lesen Bot Kelas B ini yang melibatkan 30 buah bot telah pergi jumpa sampai ke Putrajaya mintak rayuan supaya dapat mereka memukat udanglah, biasanya udang musim ini antara di bawah 5 batu nautika ke pantai. Didapati di KL telah lulus cuma yang ada halangannya jabatan di Terengganu ini sahaja yang tidak membenarkan, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat kita kena faham .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan JKKK ehh.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan JSR Kampung ni. Kita kena faham prosedur dia walaupun dia kata lulus di mulut tetapi

surat tak sampai lagi siapa dia yang nak beri jaminan, ini masalahnya tapi sekarang ini kita telah mendapat secara bertulis bahawa atas inisiatif juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berhubung terus dengan Kementerian dan insya Allah perkara ini akan diselesaikan dalam masa yang terdekat ini, esok ke, pagi esok ke, insya Allah boleh turun dah. Jadi, dalam soal Yang Berhormat khabor tu memang lama dah Kerajaan fikir sebenarnya, tahun lepaspun kita dah beri dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat lama duk fikir-fikir dok jadi-jadi ini yang masalahnya takut esok, lusa, tahun depan, musim tengkujuh bulan satu habislah .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Eh! Tahun lepas kita beri dah ni pada bulan 12 ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dok lulus lagi tu.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Lulus dah, lulus dah, ini saya khabor ni, takmboh percaya saya nak percaya ke siapa lagi ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Masalahnya baru-baru ni orang kena saman RM500 kena bayar.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Baru ni tak lulus lagi, ni baru lulus ni. Saya cakap ni luluslah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kita terpaksa mengenakan beberapa syarat kerana di tepi-tepi pantai kita juga ada banyak tukun-tukun dan juga ada banyak unjam-unjam. Kerajaan Negeri juga kena fikir masalah nelayan-nelayan kecil kita yang beratus, beribu orang yang di tepi pantai itu yang menjadi sedikit kelewatan yang memerlukan kita perlu zoningkan kawasan-kawasan yang mereka boleh turun. Kerajaan sentiasa prihatin Yang Berhormat. Terima kasihlah jugak atas kecaknaan Yang Berhormat itu sendiri.

Selain daripada itu juga, saya ada rungutan daripada Yang Berhormat ADUN Jabi berkaitan dengan kawasan penanaman padi. Berkaitan dengan kawasan penanaman padi ini memang Kerajaan Negeri secara serius bahawa akan memberi tumpuan khusus dan juga menyediakan peruntukan

yang agak besar pada tahun 2009 ini yang mana peruntukan RM50 juta untuk membangunkan selain daripada kawasan-kawasan baru dan juga kawasan-kawasan yang telah lama terbiarpun kita sentiasa dan juga akan terus melihat mana-mana kawasan yang ada kesesuaian dan juga ada permintaan untuk mengusahakan kawasan tersebut. Kalau tidak ada permintaan, kalau petani-petani kita sudah tidak ada minat lagi nak mengusahakan padi kalau kita beri peruntukan yang besarpun saya kira itu adalah satu pembaziran bagi pihak Kerajaan. Tujuan kita membuka kawasan-kawasan baru ini kerana kita mempunyai beberapa banyak masalah dengan kawasan-kawasan tanah yang telah lama terbiar yang mana ianya menjadi milikan hak milik tuan punya petani tersebut. Jadi, bila hak milik dalam keadaan tanah yang sempit mereka mengusahakan padi kebanyakannya petani-petani kita mengusahakan secara sara diri bukan mengusahakan dengan cara yang besar, usaha secara sara diri ni ada yang setengah ekar, ada yang suku ekar, ada yang seekar dan tidak lebihpun daripada dua ekar ataupun tiga ekar seorang. Ini yang menjadi masalah kepada Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran padi di Negeri Terengganu. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan ada kawasan-kawasan baru yang dikenal pasti untuk dibuka dan juga akan diberi kepada PPRT yang berminat untuk mengusahakan padi tidak kurang daripada 10 ekar seorang kerana kita nak merealisasikan pertanian itu adalah satu perniagaan dan boleh menguntungkan petani-petani kita pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu juga, berkait dengan pelaksanaan yang teknikal yang dibuat oleh KETARA, itu boleh kita bincang bersamalah, berkaitan dengan sistem yang menggunakan Kepala Ketua dan ada yang masalah ketua yang tidak amanah, itu kita akui tidak semua manusia ni sama tapi kita tidak bolehlah pukul rata seorang yang dok molek semua sekali dok molek. Kalau kita katakan tadi ada JKKK dalam DUN Bukit Payong ada dok molek seorang, mungkin ada seorang tu tapi hak lain molek belaka begitu gok JSRpun, Wakil Rakyatpun lagu tu jugak. Jadi, kita jangan pukul rata ramai, kita akan lihat perkara ini secara spesifik, insya Allah ianya akan mendapat manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga, ADUN Jabi tadi ada menyentuh berkaitan dengan Projek Perikanan di Gong Batu. Projek ini ada dua tempat hak yang pertama yang diberi kepada PPRT itu insya Allah dan alhamdulillah sekarang ini masih berjalan sebagaimana biasa cuma adalah masalah-masalah kerana kawasan tersebut kawasan tepi pantai dan ada hakisan-hakisan di musim banjir dan itupun telah dibuat pemantauan oleh pihak JPS Negeri Terengganu untuk dibuat pemantauan dari masa ke semasa agar penternak-penternak ikan di Gong Batu tidak menghadapi kesulitan dan juga masalah kemasukan

air laut terlalu banyak ke kawasan tersebut. Berkaitan dengan Projek Pembenihan di Gong Batu setakat ini Jabatan Perikanan telah dipulihkan dan diusahakan oleh pihak swasta termasuk memberi insentif pengeluaran benih kepada 15 orang pengusaha di kawasan tersebut. Pembenihan dan pengasuhan benih seperti pam, alat pengudaraan dan lain-lain lagi dengan nilai sekurang-kurangnya RM150,000 dan puratanya RM10,000 seorang kita beri kepada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk mengusahakan di bawah Program Dasar Jaminan Makanan Nasional. Jadi, saya rasa setakat itu sahaja apa yang berkait dengan portfolio saya dan sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Bajet yang terbaik setakat ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Telemong. Jika ada lagi Wakil Kerajaan. Sila Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil yang telah membahaskan Ucapan Bajet yang menyentuh beberapa isu yang berkaitan dengan Agama. Ada beberapa orang Wakil telah menyebut tentang Hal Ehwal Agama termasuklah daripada Jabi, Sura dan jugak Bukit Payong. Dato' Yang Dipertua, mengenai kemudahan surau berhampiran Hospital Kuala Terengganu telah disebut tadi dan dijawab oleh Wakil daripada Kuala Besut maka saya suka untuk memberi respon kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan bersama oleh Wakil Jabi, Wakil Bukit Payong dan juga Wakil daripada Sura berkaitan dengan gejala sosial dan juga isu-isu remaja dalam negeri. Dato' Yang Dipertua, perkara ini adalah merupakan satu perkara yang sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan dan berbagai usaha telah dibuat untuk menangani isu ini. Alhamdulillah, walaupun gejala ini masih berlaku tetapi berbanding dengan negeri-negeri lain gejala sosial, keruntuhan akhlak remaja masih terkawal. Kalau nak banding dengan Kelantan mengikut laporan rasmi dalam satu seminar yang diadakan di Kota Bharu beberapa bulan yang lepas, Ketua Polis telah menyebut gejala sosial khususnya sumbang mahram telah meningkat 140% di Kelantan. Begitu juga kejadian curi besi meningkat 100% tapi di Terengganu datanya tidaklah sampai meningkat 100% lebih. Jadi ini adalah merupakan sebahagian daripada kejayaan usaha-usaha Kerajaan untuk mengelak ataupun mengambil langkah mencegah gejala-gejala sosial khususnya berkaitan dengan remaja dalam negara kita. Ini

termasuklah langkah Kerajaan yang menambahkan lagi bilangan Penguatkuasa dan meluluskan bayaran elaun kepada mereka. Seperti yang kita maklum gejala sosial ini adalah bukan merupakan tanggungjawab Kerajaan saja, saya selalu sebut perkara ini berulang kali dalam sesi-sesi yang lalu. Alhamdulillah, nampaknya perkara ini juga telah dipersetujui oleh Wakil Sura tadi yang menyebut bahawa gejala keruntuhan akhlak ini berpunca apabila kurangnya pendidikan agama dan apabila lemahnya keimanan dan juga pegangan terhadap agama. Untuk makluman semua Dato' Yang Dipertua, langkah-langkah ini telah dibuat oleh Kerajaan sejak daripada dahulu lagi dengan mementingkan tentang pendidikan agama kerana itulah di dalam Negeri Terengganu kita lihat yang mendahului negeri-negeri lain kita memberi penekanan kepada pendidikan Al-Quran sejak daripada pra-sekolah lagi, kemudian tadika, kemudian di sekolah rendah dan semua peringkat. Alhamdulillah, pencapaiannya amat membanggakan anak-anak kita di pra-sekolah, di tadika-tadika telah mampu membaca Al-Quran bahkan ramai antara mereka telah mampu mengkhatamkan Al-Quran.

Kemudian juga disebut isu Ayah Pin. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya melihat isu Ayah Pin ini adalah merupakan satu isu yang besar tetapi kita telah terikut-ikut dengan apa yang dibuat oleh media sehingga banyak laporan-laporan, banyak perkara-perkara, respon-respon yang diberi oleh individu-individu mengenai kes ini. Apa yang disebut oleh Wakil Jabi tadi, Wakil Jabi ini Dato' Yang Dipertua, dia suka bergurau, dia suka *test* orang. Tadi dia cerita dia pergi *skodeng* tengok lucut sehelai, sehelai kalau kita tanya dia, dia suka semula ke kita, dia mengilai hijau muka kita. Sebab itulah kalau kita menerima segala berita secara langsung, secara terus kita mungkin akan terpedaya dan kita mungkin menghabiskan masa membincangkan perkara-perkara yang tidak penting, perkara-perkara yang tidak betul dan sebagainya. Isu Ayah Pin, Ayah Pin adalah orang yang telah lama diburu oleh Polis dan dia telah melarikan diri cuma berita ada menyebut pernah kembali ke kampung dia di Hulu Besut tapi bila dan masa mana tidak pernah ditentukan dan sehingga hari inipun kita tak tahu sebab itulah tadi Wakil Jabi kata baru ini dia buat Korban sembelih diekor, ada hak percaya tu, takkan mampus kalau sembelih diekor ..... (Dewan Gelak) ..... Jadi inilah realitinya Dato' Yang Dipertua.

Seterusnya ada perkara yang terakhir disebut oleh Wakil daripada Sura tadi mengenai MoU di antara Universiti Al-Azhar dengan kolej-kolej swasta ataupun kolej-kolej di Malaysia yang mana sebelum daripada ini lulusan daripada kolej-kolej tertentu termasuk UDM yang mendapat diploma boleh masuk Tahun 3 terus ke Al-Azhar ataupun Tahun 4. Suka saya maklum bahawa ini bukanlah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia tapi ia

adalah dasar yang telah diputuskan oleh Al-Azhar sendiri setelah melihat beberapa perkara termasuklah kelemahan pelajar-pelajar kita yang terus memasuki Tahun Ke-4. Jadi tidak ada kena mengena dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya ingat Wakil Batu Rakit kena buat kajian sebab kita bukan sahaja di Terengganu, semua di Malaysia ini sekolah-sekolah yang terlibat berkaitan dengan hubungan sama ada secara pengiktirafan ataupun MoU dengan Al-Azhar. Kita telah membuat kajian bahawa sebenarnya yang meminta supaya pengiktirafan itu ditarik balik ialah pihak Kerajaan Malaysia, bukan Kerajaan Malaysia Perdana Menteri tapi yang membuat itu Duta Malaysia ke Kaherah kerana ada tujuan-tujuan yang lain. Kita mintak pihak Kerajaan siasat selepas mereka mintak supaya Al-Azhar menarik balik kesemuanya, mereka pulak mengadakan kursus-kursus intensif untuk Al-Azhar menerima pelajar-pelajar daripada Pusat Kursus Intensif mereka, ini terlibat bukan hak yang di Negeri Terengganu sahaja tetapi seluruh negara sampai Johor, Kedah, Selangor dan sebagainya. Jadi, pihak Al-Azhar, kita sudah pergi ke Al-Azhar, Al-Azhar kata: "Ini Pak Duta mu." Dia kata: "Safir kayatlu'." Dia kata Pak Duta kamu yang minta supaya dibatalkan, ditamatkan. Ini saya kata nak jawabpun ..... saya berterima kasihlah dia jawab tapi ini kena buat kajian, kena terlibat orang ramai, memburuk-burukkan Al-Azhar kerana/sebab budak tak pandai bacalah, budak tak fasih bahasa Arablah, apa dan sebagainya. Apa perbezaannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dengan budak-budak yang lulus Sijil STAM yang tidak berasaskan Bahasa Arab pergi ke sana, itulah budak-budak yang tidak mampu. Jadi. ini saya rasa janganlah menuduh Al-Azhar sebab kita dah pergi, kita ada persatuan seluruh Malaysia, perkara ini kita dah pergi, surat Duta ada. Saya mintak Kerajaan siasat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Wakil Manir. Dato' Yang Dipertua, inilah cara Pembangkang daripada dulu dia buat tuduhan, dia suruh kita cari bukti. Sebenarnya buktinya mestilah orang yang buat tuduhan *"al-adillah alalmuttahim"* orang yang membuat tuduhan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita dah beri dah bukti kajian kita .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Beri kepada siapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi Yang Berhormat tak tahu kata Azhar yang tolak.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah beri kepada siapa, bukti tu beri kepada siapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Beri kepada pihak Malaysialah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Pihak Malaysia tu beri kepada siapa? Pihak Malaysia tu, pihak jabatan Kerajaan, Jabatan JAKIM ke, bukti yang mengatakan bahawa pembatalan ini atas arahan Kedutaan Malaysia di Kaherah. Bahawa pembatalan ini di atas arahan Kedutaan Malaysia di Kaherah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Atas permintaan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Atas permintaan Kedutaan Malaysia buktinya apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita telah beri bukti itu kepada Jabatan Perdana Menteri, awak pergi siasat sana ada ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bakpe saya kena siasat pulaknya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Batu Rakit kata itu Azhar yang .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): .... Yang saya nak maklumkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita ada persatuan seluruh Malaysia bukan isu saja-saja oleh PAS tapi bila kita buat kajian kita dapat tu dan kita serah kepada pihak berkenaan di Malaysia tapi jangan kata Azhar yang tidak bersetuju.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya kata yang membatalkan Al-Azhar, dia yang takmboh terima dan selepas daripada itu siapa suruh, siapa tu, hak tu saya tak tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak tu saya terima tu, ada orang mintak tapi Azhar batal tu tapi hak Kerajaan Malaysia, Duta tu, kena siasat Duta tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Hak tu saya tak tahu, bakpe suruh saya siasat pulak tu, saya bukan agensi khas apa semua ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi Yang Berhormat dalam sesi sekarang ini kalau Yang Berhormat tak beri laluan, Yang Berhormat boleh teruskan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ini adalah merupakan keputusan yang telah dibuat oleh Al-Azhar yang tidak lagi mahu menerima pelajar-pelajar lulusan diploma untuk masuk terus ke Tahun 4. Jadi, tidak ada kena mengena dengan Kerajaan, itu yang saya tahu. Jadi, itulah di antara beberapa perkara yang telah dibangkitkan mengenai isu agama dan saya harap penjelasan yang diberi ini telah dapat memberi kepuasan kepada semua hadirin.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis dah Yang Berhormat, tak boleh jelas dah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selesai, *qhalas.* Saya jemput Wakil ....

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, silakan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan.

Pertamanya, terima kasih kerana diberi peluang untuk bicara sikit tentang portfolio dan juga ada satu-dua perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat. Saya nak maklumkan bahawa alhamdulillah semalam dah selesai acara penutup tirai bagi Tahun Melawat Terengganu 2008 dengan jayanya bagi Kejohanan 4 x 4 Rainforest Challenge dan begitu juga sekali gus dengan kejayaan itu Terengganu telahpun mempamerkan kemampuannya untuk menganjurkan acara bertaraf dunia dan juga peringkat nasional termasuklah kalau saya boleh sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita bukan sahaja telah menjayakan FEI, World Endurance Championship 2008, Monsoon Cup, Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa dan dalam tahun 2008 juga kita telah menjayakan satu Festival dan Simposium Gamelan Sedunia dalam usaha kita untuk memartabatkan semula gamelan ini yang berakar umbi di Istana Kolam di Terengganu antara lainnya. Dan sasar kita dari segi kehadiran pelancong daripada luar negara dan juga tempatan ialah seramai 3.5 juta dan seperti mana yang tertera dalam Ucapan Bajet semalam, sehingga Oktober 2008 kita telahpun capai sasar 3.1 juta pengunjung luar dan dalam ke Terengganu. Jadi, sasar 3.5 juta itu adalah sasar yang munasabah. Dan walaupun ada soalan-soalan yang telahpun dijawab melalui soalan lisan tapi saya ucap terima kasihlah juga kepada Wakil Sura yang bangkit sedikit tentang Monsoon Cup ini. Memangpun daripada dulu Monsoon Cup ini satu-satunya yang sentiasa dibangkitkan dalam Dewan ini. Saya nak maklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hari ini kalaupun ada kontroversi sebelum ini ialah tentang pembinaan kemudahan, siapa yang dapat kerja, cara mana dapat tapi hari ini seperti mana yang telahpun kita perjelaskan dalam Dewan yang mulia ini, urusan infrastruktur ini telah siap dan tentunya setelah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri, kita sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita kena memikirkan kemudahan yang ada tu dari segi pengisiannya dan tentunya Monsoon Cup ini merupakan satu daripada program, *event* yang boleh dibuat dengan kemudahan infrastruktur yang ada itu. Hari ini juga alhamdulillah, selepas siap dan ada rombongan-rombongan datang dan kitapun telah cuba memperkenalkan melalui portal kita tentang kemudahan yang kita ada, ada pertanyaan termasuk daripada syarikat-syarikat yang agak besar contoh saya beri ini ialah Siemens yang memangpun bertanya tentang kemudahan penggunaan bot itu untuk program-program motivasi dan *team building* dia. Ada pandangan supaya kemudahan bot perahu layar yang ada di situ jugak digunakan di antara IPTA sebagai program motivasi dan *team building* dia. Hari inipun, baru-baru inipun apabila mungkin banyak cerita yang di*highlight* dengan izin, tentang Monsoon Cup, ada *statement* yang dibuat oleh Menteri Pelancongan nak bawa benda tu ke Sabah, ramai juga yang bertanya betul ke dengan kemudahan yang kita ada kenapa, patutnya Monsoon Cup ini berpindah daripada Duyung?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalaupun tak disebut oleh Wakil Sura tentang usaha promosi, tentang pulangan kepada rakyat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kata hotel kita penuh dalam bulan 12, dulu tengkujuh orang *takmboh* mari ke Terengganu dan sistem hotel ini kadang-kadang dia memberi tambahan pulangan kepada pekerjanya melalui *tip points*, ada pendapatan asas kemudiannya dengan nombor bilangan bilik dan sebagainya ada *tip points* yang diberi tambahan tentunya ini merupakan pulangan tambahan kepada mereka yang terlibat dalam industri ataupun perhotelan ini, juga industri songket dan sebagainya tentu ada. Saya kira tidak adil kalau kata semasa Monsoon Cup banjir melanda dan kita duk sibuk layan ke orang, ini perbandingan yang cuba dibuat tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam masa yang sama juga di kawasan saya banjir tapi saya sempat selepas selesai urusan saya dan tanggungjawab saya, saya sempat melawat pusat-pusat pemindahan banjir termasuk di Sekolah Balai Besar dan Sekolah Pulau Serai, saya sempat untuk jugak hadir melawat semasa banjir. Taklah jugak kata kerana Monsoon Cup, tinggal rakyat kita di dalam keadaan .....

YANG BEHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mintak laluan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Saya tak beri laluan, masa singkat, minta maaf. Dan ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak beri laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Dan tentunya kalau dibuat perbandingan juga kalau kata bila ada program Formula 1, ni takdok di Terengganu, lepas tu ramai pulak katanya orang berlumba nak mati dan mati. Perbandingan-perbandingan yang sebegini sebenarnya tidak adil. Hari inipun melalui kempen-kempen .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Mintak laluan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Saya tak beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura mintak.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Tidak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Masa singkat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Semasa-semasa perayaan dan sebagainya, ada kempen-kempen kerana di negara kita ini banyak kemalangan berlaku .....

YANG BEHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mintak laluan. Isu ini isu besar ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok.

YANG BEHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Isu ini isu besar bagi Negeri Terengganu. Saya tadi tidak sempat untuk dalam ucapan saya. Adakah Exco mengetahui .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BEHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... bahawa T-Best yang menganjurkan Monsoon Cup itu empat tahun berturut-turut rugi dan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung T-Best penganjur kepada program Monsoon Cup itu. Ini yang rakyat nak tahu bukan rakyat tolak sukan Monsoon Cup, kena letak di minda kita, kita tidak tolak sukan yang kita tolak ialah cara pengurusan dan penganjuran Monsoon Cup itu sendiri, kenapa T-Best boleh rugi tiga tahun berturut-turut dan Kerajaan Negeri kena tampung T-Best Sdn. Bhd.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Setakat ini tidak timbul soalan kita kena tampung ke benda-benda. Sebagaimana saya katakan tadi, sekarang ini telah diserahkan menjadi hak milik Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan menguruskan. Tapi saya nak sebut tentang perbandingan-perbandingan dibuat termasuk kalau kata ada Formula 1, ramai pulak lepas pada tu orang berlumba dan mati. Termasuk semasa kempen-kempen perayaan kerana di negara kita ramai orang yang tak menghargai nyawa, banyak berlaku kemalangan dan

berlaku kematian. Jadi, itulah maknanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan saya bersetuju ada satu pandangan yang dibangkitkan oleh Bukit Tunggal tentang nasib rakyat di Pulau Duyung. Kalau maknanya supaya tidak berlaku sangat ketidakseimbangan dengan adanya Monsoon Cup dan sebagainya dan ada saya difahamkan melalui ucapan Wakil Bukit Tunggal tadi ada perbincangan awal supaya penyusunan semula dibuat dari segi kemudahan dan sebagainya untuk rakyat di Pulau Duyung secara kekal dan berpanjangan. Sekian, Yang Berhormat. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Bandar sila.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya ingin respon terhadap isu yang dibangkit yang berkaitan dengan sektor perindustrian pada sesi perbahasan tadi. Di antaranya ialah mengenai ECER iaitu Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang berwawasan untuk menjadikan Wilayah Pantai Timur maju menjelang tahun 2020 dengan tiga ciri utama iaitu *distinctive, dynamic* dan daya saing. Di antara skop ECER yang mengandungi kawasan yang seluas 66,736 kilometer persegi yang melibatkan penduduk seramai 3.9 juta, ia mengandungi sebanyak 227 projek-projek yang melibatkan pelaburan sebanyak 112 bilion dari tahun 2008 hingga 2020. Isu yang ditanya oleh Wakil Ladang yang mengenai Sekretariat ECER yang mana Sekretariatnya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan hanya mempunyai satu cawangan yang terletak di Bandaraya Kuala Terengganu iaitu di Tingkat 1 dan Tingkat Bawah, 100 B, Jalan Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Semua berhubung dengan urusan berkaitan dengan pelaburan, berkaitan dengan ECER akan diuruskan melalui UPEN, Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi dari pelaburan yang dijangka sebanyak 112 bilion itu di antaranya akan dibiayai melalui pelaburan swasta sebanyak 20% dari syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan 14%, peruntukan Kerajaan Persekutuan 39%, inisiatif kewangan swasta 27%.

Soalan yang kedua yang dibangkit oleh Wakil Ladang mengenai dengan Kerteh Plastic Park ataupun Taman Plastik Kerteh. Kerajaan Negeri memang pernah bercadang mengadakan satu Taman Perindustrian Plastik di Dungun iaitu di Batu 7, Dungun yang melibatkan tanah berkeluasan sebanyak 235 hektar tetapi ramai daripada pelabur-pelabur yang bercadang untuk mendirikan kilang-kilang di Taman Plastik di Dungun itu menarik diri

ekoran krisis ekonomi pada tahun 1997. Jadi, Kerajaan Negeri telah meletakkan Taman Plastik yang baru di satu kawasan yang dipanggil Lot Q di Kerteh di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan tapak Taman Plastik itu pada 2 Disember 2008.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat? Kita ada 5 minit lagi. Kalau tidak boleh sambung esok Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih, hampir siap. Tiga pelabur telah masuk di kawasan ini yang melibatkan pelaburan sebanyak RM125 bilion .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang mintak laluan ni.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): .... dan kita dijangka apabila Taman Plastik Kerteh ini siap nanti....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nampaknya tidak diberi tu.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): ..... ia akan menarik pelaburan sebanyak RM2 bilion dan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 7,000. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Bandar. Saya ingat Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita boleh sambung besok untuk penggulungan selepas Soalan Lisan sebelah pagi dan meneruskan urusan-urusan seterusnya. Jadi, untuk sidang pada hari ini saya ingat telah cukup dan saya mintak maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat berucap saya amat faham, sebenarnya Wakil Manir beritahu saya untuk bercakap besok tapi macam ada perangkap *off-side* tadi Yang Berhormat ..... (Dewan Gelak) ..... Saya sebagai Pengerusi ataupun sebagai Yang Dipertua faham dan kita haraplah ada lagi sidang yang boleh Yang Berhormat berucap. Jadi, sebelum kita tangguhkan mesyuarat kita, insya Allah pagi besok pukul 9.30 pagi marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.57 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 16 DISEMBER 2008

Hari SELASA,
16 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 171]

2. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:
   (i) Soalan-soalan Lisan. [Muka 175]

3. Rang Undang-Undang:

   (i) Enakmen Perbekalan (2009) 2008. [Penggulungan] [Muka 198]

   (ii) Enakmen Perbekalan Tambahan 2008 [Muka 232]

   (iii) Enakmen Majlis Perbandaran Dungun 2008 [Muka 241]

   (iv) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2008 [Muka 245]

   (v) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2008 [Muka 247]

   (vi) Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu (Pindaan) 2008 [Muka 250]

4. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2009 [Muka 252]

   (ii) Rancangan-Rancangan Kemajuan Bekalan Air Negeri Terengganu Bagi Tahun 2009 [Muka 267]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian, kita sambung semula Persidangan kita pada hari ini. Untuk memulakan sidang pada hari ini kita mulakan dengan Soalan-soalan Lisan. Sebelum kita menjemput Ahli Dewan untuk mengemukakan soalan marilah sama-sama dengan ikhlas membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Hulu Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

> *Apakah program yang akan dilakukan pada tahun 2009 oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan bilangan rakyat termiskin di Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Hulu Besut yang bertanya berkenaan dengan usaha Kerajaan bagi mengurangkan bilangan rakyat termiskin khususnya pada tahun 2009. Program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2009 sebenarnya merupakan sambungan daripada program yang sama yang sudahpun dilaksanakan sebelum ini. Di antaranya ialah meneruskan Program Modal Insan yang meliputi program-program kemahiran dan kerjaya khususnya bagi generasi kedua iaitu anak-anak kepada keluarga miskin. Bidang yang diberi tumpuan ialah bidang-bidang yang sangat diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa.

Yang keduanya, meneruskan Program Peningkatan Pendapatan. Melalui Jabatan-jabatan Pelaksana yang terdiri daripada program pertanian seperti projek tanam jagung, tembikai, pitaya, projek-projek tanaman kontan yang dilaksanakan di seluruh daerah.

Yang ketiganya, program yang dilaksanakan oleh jabatan seperti Perkhidmatan Haiwan yang meliputi program penternak seperti projek ternakan lembu, ayam, kambing, puyuh dan yang dilaksanakan oleh Perikanan projek ternakan ikan dalam sangkar.

Seterusnya, projek berbentuk aktiviti pemprosesan dan perniagaan kecil yang kebanyakannya dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga seperti industri memproses hasil-hasil laut dan juga bantuan peralatan serta modal bagi meneruskan perniagaan kecil di kampung-kampung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Daripada buku Bajet muka surat 29, dalam SPRT (Sistem Profail Rakyat Termiskin) ada 27,797 keluarga, dalam e-Kasih ada 10,328 keluarga, jadi perbezaan ini banyak. Jadi apakah yang menyebabkan perbezaan ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, kalau yang dimaksudkan oleh Hulu Besut berkenaan dengan bilangan rakyat termiskin yang berbeza di antara e-Kasih dengan SPRM. Sebenarnya perkara itu sedang dikemaskinikan dan untuk masa ini angka yang diterimapakai ialah angka yang ada dalam e-Kasih. Semua bantuan-bantuan yang disalurkan berdasarkan dalam senarai dalam e-Kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Semalam ADUN Jabi telah membangkitkan Kerajaan Negeri telah memberi tanah kepada FELDA ataupun FELCRA seluas lebih kurang 15,132 hektar yang boleh dimasukkan peserta seramai 4,500 lebih kurang. Apakah Kerajaan tidak ada cadangan untuk memasukkan peserta di dalam rancangan tanah yang telah dimajukan oleh FELDA ataupun FELCRA ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, perkara pembangunan tanah yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA dan FELCRA sebenarnya itulah syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri meminta supaya FELDA ataupun FELCRA mengutamakan dan melaksanakan program pembangunan tanah yang diberikan itu dengan peneroka tapi setakat ini nampaknya urusan itu masih lagi dalam perbincangan belum lagi muktamad sebenarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Daripada jawapan Wakil Kerajaan tadi nampaknya program-program yang dijangka dibuat dalam tahun 2009 sama buat beberapa tahun, program yang sama telah dilaksanakan. Adakah Kerajaan rasa berpuas hati dengan program-program itu bagi mengurangkan kadar kemiskinan kerana sudah beberapa lama program ini berjalan tapi kemiskinan di Negeri Terengganu masih lagi di antara yang tertinggi dalam negara kita walaupun ada penurunan tetapi nak berbanding dengan negeri-negeri lain kita agak ketinggalan, tambah dalam laporan itu 10,000 lebih dalam e-Kasih yang masih lagi keluarga termiskin takut ada program-program baru yang dirancang oleh Kerajaan bagi kita buat satu lompatan supaya boleh mengatasi negeri-negeri lain sebab kita orang kaya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Y.B. yang bertanya. Soalan pokoknya adakah Kerajaan berpuas hati dengan program yang dirancang? Mungkin pertanyaannya perlukah kita teruskan ataupun kita ubahsuai program-program yang dirancang supaya mempastikan kejayaannya. Jawapannya, setakat ini ada yang kita cukup berpuas hati dan ada sebahagiannya masih memerlukan pengubahsuaian supaya disesuaikan dengan matlamat kita. Beberapa program yang disebut yang telahpun diberi penjelasan supaya disesuaikan dengan matlamat kita. Beberapa program yang disebut yang sudahpun diberi penjelasan semalam khususnya dalam hal kambing kaprima dan ternakan ikan di Sungai Como, peruntukan besar yang kita beri dan ukuran kejayaan projek itu masih lagi tidak dapat kita ukur kerana belum lagi sempurna keseluruhan projek itu. Setakat ini yang nampaknya sudah siap ialah kemudahan asasnya, kalau projek pelihara kambing baru goknya siap, kambing belum lagi dapat kita masukkan sepenuhnya kerana masalah makanan sama jugak dengan projek ikan di Sungai Como. Projek yang sudah disiapkan yang sudah selesai maksudnya nampak berjaya tapi itu baru dalam 10 - 15% saja dan insya Allah pada awal tahun depan keseluruhan projek ini akan dapat diteruskan, barulah ukuran sebenar dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Kerajaan. Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

> *Berapakah jumlah 'cyber cafe' yang diberikan kebenaran beroperasi di seluruh Negeri Terengganu mengikut daerah dan apakah garis peraturan bagi menjalankan pusat-pusat siber ini?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan jumlah 'cyber cafe' yang diberikan kebenaran beroperasi di seluruh Negeri Terengganu. Setakat ini Kerajaan telah meluluskan sebanyak 172 buah siber kafe beroperasi di Negeri Terengganu ini dan mengikut daerahnya adalah:

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	109 buah
Majlis Perbandaran Kemaman	14 buah
Majlis Daerah Besut	25 buah
Majlis Daerah Marang	24 buah
JUMLAH :	172 buah

Dan siber kafe ini dijalankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan melalui Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT:JM/D/Bil.4/2005 - Garis Panduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe: Pindaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan. Isu perlaksanaan polisi siber kafe ini perlu kita beri perhatian kerana dari pemerhatian saya sendiri kalau di DUN Batu Burok sendiri, dalam DUN saya ada lebih kurang 17 siber kafe yang kalau kita lihat melanggar peraturan-peraturan terutamanya dari segi waktu beroperasi kadang-kadang sampai pagi. Yang keduanya, pengawalan bahan-bahan yang dianggap lucah dan jugak unsur-unsur perjudian. Jadi saya mintak Yang Berhormat Exco dapat menjelaskan bagaimana kita dapat mengatasi permasalahan ini kerana ini menjadi rungutan ibu bapa di mana anak-anak bila balik sekolah terus ke siber kafe dan anak-anak sekolah rendah ni saya sebut bukan sekolah menengah, sekolah rendah lagi menghabiskan masa berjam-jam di siber kafe dan perlu kepada suatu pengawalan khusus tentang operasi dan perjalanan siber kafe ini, kalau boleh kita dapat mengatasinya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sememanglah di bawah peraturan ini, garis panduannya lengkap ada berbagai-bagai peraturan telah disediakan seperti waktu pembukaan siber kafe ini dihadkan sehingga pukul 12.00 malam sahaja dan pekerja-pekerjanya mestilah secukupnya. Dikendalikan oleh profesional, tidak boleh ambil orang luar, Bangladesh ke, tidak boleh ambil kena ambil orang *local* sahaja. Dia cukup dari segi peraturannya cuma mungkin dari segi penguatkuasaanlah, jadi insya Allah kita akan ambil kira apa yang disebutkan

oleh Wakil Batu Burok tadi dan insya Allah akan pantaulah semua perjalanan siber kafe yang ada di Terengganu ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat soalan tambahan? Jika tak ada, kita terus ke Yang Berhormat Jabi.

YANGBERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

> *Apakah status pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di Kemaman dan Dungun sepertimana dijanjikan oleh Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ke 9?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Wakil Jabi ingin mengetahui tentang status pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di Kemaman dan Dungun sepertimana dijanjikan oleh Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Ke 9. Jadi, berkait dengan status cadangan pembinaan MRSM Dungun, statusnya sekarang dalam proses penyediaan dokumen tender. Manakala status cadangan pembinaan MRSM Kemaman akan dibawa kepada RMK10 disebabkan berdasarkan keputusan Kajian Separuh Penggal RMK9 kerana peruntukan MARA telah dikurangkan. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan, yang di Dungun tu apa alasannya yang di Dungun tu, tadi saya dengar hak di Kemaman saja.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang di Dungun tu seperti yang saya sebut tadi dalam proses penyediaan dokumen tender dan lokasinya ialah di Lot PT 16735 Batu Tiong, Mukim Kuala Dungun, Daerah Dungun, Terengganu, keluasannya ialah 27.6485 hektar, jumlah lot asalnya ialah 37 lot dan jumlah pampasan yang telah dibayar untuk pengambilalihan tanah ini ialah berjumlah RM4,050,530.52. Jadi, di atas pampasan yang dibayar itu memang kosnya agak tinggi sedikit untuk pembinaan ini dan disebabkan keputusan yang saya sebut tadilah setelah kajian yang dibuat Kajian Separuh Penggal RMK9 yang sepatutnya MRSM Kemaman ini dilaksanakan pada RMK9 tapi disebabkan dari segi implikasi kewangan telah dibawa kepada RMK10 di mana lokasi yang telah dikenal pasti

ialah Lot PT 7221, Kampung Meraga Beris, Mukim Kijal, Daerah Kemaman, Terengganu, keluasannya ialah 20.2441 hektar dan status tanahnya adalah tanah Kerajaan dan jumlah premium yang dikenakan ialah berjumlah RM24,706.00. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada soalan tambahan lagi Yang Berhormat? Kita jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua, soalan pertama kena tolak -

> *Daripada RM14 juta yang diperuntukkan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam sila nyatakan jumlah yang telah disalurkan dan dibelanjakan oleh Syarikat Cas Ligas Sdn. Bhd. sebagai pengendali kepada perkhidmatan bas bandar dan bas antara daerah di negeri ini?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam yang bertanya mengenai Cas Ligas Negeri Terengganu. Sehingga kini pihak Cas Ligas Sdn. Bhd. tidak menerima sebarang bayaran atau disalurkan apa-apa peruntukan bagi tujuan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya baca laporan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu yang dikembarkan kepada Ahli-ahli Dewan saya dapati struktur korporat Syarikat Cas Ligas ini milik penuh ekuiti 100% oleh SEDC dan tidak aktif, *dormant.* Tapi dalam tinjauan operasi disebut bahawa sehingga Disember 2007, dua bas telahpun beroperasi dengan tambang percuma. Yang saya nak tanyanya dijawab tadi tidak ada apa-apa peruntukan disalurkan kepada syarikat ini, tidak ada peruntukan tapi bas yang telah dibeli berapa kos dia, pasal apa tidak boleh beroperasi dan beli tu peruntukan duit daripada mana?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih saudara saya daripada Wakaf Mempelam. Cas Ligas memang

kita sedia maklum bahawa merupakan syarikat anak milik PMINT yang telah diperbadankan pada 22 Ogos 2007 dengan modal berbayar sebanyak RM250,000.00 dan dimiliki 100% oleh SEDC tersebut. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dasar yang kita buat melalui Cas Ligas dalam memberi perkhidmatan awam di Negeri Terengganu ini ialah meliputi sebanyak jumlahnya 8 buah bas untuk laluan di kawasan bandar dan bakinya lagi adalah dicadangkan untuk laluan antara daerah di Negeri Terengganu. Jadi, kos keseluruhan sebanyak 28 buah bas adalah dibeli melalui peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak lebih kurang RM11.3 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak berapa faham tadi dia kata tidak ada terima apa-apa bayaran tapi hak ni RM11.3 juta pulak, duit mana ni? Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal sekarang sudah menjadi kecoh di seluruh negeri bas ni beli dah lepas tu tak boleh nak beroperasi, sehinggakan orang kata bas keranda pasal mungkin corak, model bas begitu rupa. Jadi, nak mintak penjelasan tadi, ini bukan soalan tambahan kedua, ini soalan tambahan pertama, penjelasan tadi yang dikatakan tak terima apa-apa bayaran tetapi RM11.3 juta itu ambil duit dari mana?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duit Kerajaan Negerilah. Nak ambil pitih mana kalau dok Kerajaan Negeri, nak ambil mana Cas Ligas.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua, tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan berkaitan. Saya nak rujuk kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 13 Oktober, yang membuat kenyataan bahawa bas yang di*custom-build* itu dengan izin, tidak memenuhi peruntukan permit CVLB ataupun dengan izin, *Commercial Vehicle Licensing Board* kerana masalah keselamatan dan dibuat tidak mengikut *specification* yang ada. Jadi, ini persoalan *safety,* rakyat Terengganu duk naik bas ni, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tak lulus bas ni, kita belanja RM3 - 4 juta dah untuk bina bas yang *custom-build* ni, jadi bagaimana keadaan yang ada ni, ini yang menjadi persoalan sedangkan Cas Ligas ini 100% di bawah Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pulak buat kenyataan terbuka bahawa bas ini tak lulus, sedangkan rakyat tiap-tiap hari duk naik bas ini, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Batu Burok. Memang betul sebagaimana *statement* yang telah dibuat dan kita faham bahawa spesifikasi yang dibuat itu ada di antaranya tidak menepati dengan kehendak JPJ dan sebagainya. Walau bagaimanapun, memang pihak Kerajaan sedang mengkaji semula supaya perkara-perkara yang melibatkan dari segi undang-undang dan peraturan daripada JPJ dan sebagainya akan dipatuhi untuk kita memperluaskan lagi kegunaan-kegunaan dari segi aspek perkhidmatan awam di Negeri Terengganu. Memang lebih kurang 20 buah bas masih lagi kita tidak guna dan buat sementara waktu ini kita letakkan di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kita membuat kajian semula untuk menentukan ke mana ataupun ke arah mana hala tuju kita dengan 20 buah bas yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan ini saya duk nampak memang saya ingat nak susut puncalah. Sekali takdok peruntukan, sekali belanja RM11.3 juta. Soalnya sekarang 28 buah bas telah dibeli RM11.3 juta, lepas tu tak boleh guna, adakah Kerajaan tak buat kajian ke tentang nak buat satu-satu perkara yang melibatkan duit yang begitu banyak, tak buat kajian ke? Sehinggakan bas separuh tu tersadai, separuh itu dihantar ke agensi-agensi kerajaan lain untuk digunakan ataupun tak *consult* ke JKR tanya sepatah macam mana. Ini pakai buat begitu aje ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tambahan ketiga ehh.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): *Do'oh* lalu Wakaf Mempelam, *bekeng sokmo*. *Slow* gok sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya bab duit rakyat saya tak boleh berkompromi, ini kes amanah rakyat, jangan duk main-main, bukan soal *bekeng-bekeng*, semalam gitu dah berbilion-bilion orang duk baham duit kita macam .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak buat kempen pilihan raya ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya *dokdang* cakap bab pilihan raya semalam.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jangan marahlah. Segala bendapun memang kita rancang bukan pakai kita *debok-debok* gitu selalu, mana boleh gitu. Semua apa sahaja yang kita nak buat dari segi aspek pembangunan dan sebagainya mesti melalui perancangan. Memang kalau sedikit sebanyak yang kita silap dan sebagainya kita akan perbetulkanlah lepas pada tu, memang kita dah buat kertas kerjapun untuk kita aturkan, bagaimana untuk kita perkemaskan lagi. Soal duit, kita tubuh ni untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, *free* (percuma) 8 buah dalam bandar pergi-mari dalam bandar itu *free* (percuma). Kita jangan duk fikir untung rugi saja, kita kena fikir servis, *social obligation.* Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh, jadi maknanya selama ni perancangannya ialah untuk buat syarikat ini menyediakan peruntukan untuk beri perkhidmatan percuma begitu, biar boleh khabor ke rakyat gitu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cukup.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya dok kata, Wakaf Mempelam kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mintak penjelasan Yang Berhormat, ini berkait dengan tadi. Kalau kajian itu dibuat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... untuk diberikan peruntukan sebanyak begitu rupa, dibelikan bas sejumlah yang disebutkan tadi dan diberikan perkhidmatan percuma .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah, dah, dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak penjelasan dan saya nak pengakuan daripada pihak Kerajaan kalau itu perancangannya saya rasa itu tak apa, itu tak ada masalah kerana rakyat boleh manfaat. Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dah memang kalau jenis percuma ini rakyat nak kan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul, betul.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau betul apa susahnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Adakah itu perancangan Kerajaan kalau ikut kajian/kertas yang dibuat?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Lepas ni kita beritahulah lepas ni, kita tak siap lagi. Takkan nak royat selalu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bakpe dok jawab benar ni, dokleh buat gitu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kena terperinci tak boleh buat lebih kurang, tadi kata dah takdok perancang, jadi saya kena terperincikan perancangan tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Wakaf Mempelam ni memang degil gitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup, kita ulang-ulangpun benda yang sama. Saya jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Taman Tamadun Islam (TTI) telah menjadi satu daya tarikan baru kepada pelancong yang datang ke Negeri Terengganu.*

a. *Sila nyatakan berapakah jumlah kehadiran pelancong semenjak ia dibuka.*
b. *Apakah semua replika monumen-monumen yang ada telah siap sepenuhnya dan boleh dilawati?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan Wakil Tepoh berkaitan Taman Tamadun Islam pertamanya untuk menyatakan berapakah jumlah kehadiran pelancong semenjak ia dibuka dan apakah semua replika monumen-monumen yang ada telah siap sepenuhnya dan boleh dilawati.

Kehadiran pelancong ke Taman Tamadun Islam sejak ianya dibuka pada 1 Februari 2008 ialah seramai 1.92 juta orang. Jumlah kehadiran ini adalah termasuk semasa Program Perkampungan Hadhari 2008 dan semua monumen telah siap sepenuhnya pada 15 Ogos dan telah boleh dilawati.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita ketahui bahawa Taman Tamadun Islam ini merupakan suatu boleh dikatakan sebagai satu mercu tanda baru dan satu tempat yang cukup menarik bukan setakat kepada penduduk tempatan bahkan luar. Soalnya apakah perancangan-perancangan strategi yang telah atau sedang serta akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan Taman Tamadun Islam ini menjadi tempat yang terus menarik untuk dilawati di masa-masa akan datang? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Taman Tamadun Islam ini memangpun merupakan ikon baru pelancongan khususnya di Terengganu dan ada dua bahagian, satu ialah Taman Monumen yang menempatkan 21 replika monumen dan Taman Awam yang menempatkan Masjid Kristal, Pusat Konvensyen, Pengkalan Tok Ku Paloh dan lain-lain kemudahan. Dan memangpun hari ini Kerajaan sedang bukan sahaja mempromosikan Taman Tamadun Islam tapi seperti mana yang telah dapat lihat kemudahan-kemudahan di Pusat Konvensyen telah mula digunakan termasuklah dalam menganjurkan Tilawah Peringkat Antarabangsa baru-baru ini. Dan tentunya dengan kemudahan dan kelengkapan yang ada kita bukan sahaja perlu mempromosikan Taman Tamadun Islam tapi juga menjadualkan program-program yang boleh dibuat dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Taman Tamadun Islam itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ada lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kira sebenarnya hasrat dengan pembinaan Taman Tamadun Islam ini mempunyai satu rangka dan cita-cita yang cukup besar, saya maksudkan kalau setakat untuk orang datang melawat di sekitar Masjid Kristal itu merupakan suatu kebiasaan yang pasti orang akan datang sebagaimana orang singgah di Masjid Tengku Tengah Zaharah (Masjid Terapung). Soalnya tentang bahagian yang kedua iaitu yang mempunyai monumen-monumen ini yang saya kira sebenarnya pada dasarnya ada perancangan yang hendak dilakukan untuk memastikan supaya orang ramai sentiasa datang dan tertarik untuk sentiasa datang ke monumen tersebut. Kalau setakat ada bangunan saja mungkin sekali datang orang takkan datang lagi dah tapi apakah pengisian yang Kerajaan Negeri rancangkan untuk memastikan kawasan monumen tersebut dapat menarik perhatian setiap kali mereka datang? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Wakil Tepoh kerana daripada angka yang kita adapun seperti mana yang saya sebut tadi daripada 1.92 juta orang yang sampai ataupun datang ke Taman Tamadun Islam itu iaitu daripada 1 Februari 2008 hingga 29 November 2008 hanya seramai 250,000 orang mengunjung dan melawat Taman Monumen, dia ada dua bahagian tadi, satu yang Taman Awam dan satu lagi Taman Monumen yang mempunyai 21 replika monumen ini. Daripada jumlah 1.92 juta dan untuk angka daripada 1 Februari 2008 hingga 29 November, seramai 250,000 orang yang mengunjung ataupun melawat Taman Monumen, 120,000 orang semasa pembukaan secara percuma dari 1 Februari hingga 22 Mei 2008 dan 130,000 orang setelah ada caj minima ataupun bayaran yang dikenakan daripada 23 Mei 2008 hingga 29 November 2008. Dan dengan kemudahan-kemudahan itu dan tadi saya kata saya bersetuju supaya perancangan yang lebih teliti dibuat setelah Taman Tamadun Islam termasuklah Taman Monumen ini disiapkan supaya pengisian dan penambahan kehadiran pengunjung dapat ditingkatkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan saya yang terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketiga, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan bagaimanakah kedudukan atau status Program River Cruise iaitu yang kita katakan sebagai pengangkutan sungai yang telahpun diadakan, dilancarkan sebelum ini. Sejauh manakah Program River Cruise ini

dapat ataupun digunakan untuk tujuan pelancong-pelancong datang ke Taman Tamandun Islam?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): River Cruise Terengganu ini memangpun merupakan pakej yang baik kerana bermula daripada Shahbandar, hari ini bukan sahaja laluan ke Bukit Puteri dan keluar di Bazar Warisan dan seterusnya ada perancangan-perancangan pembangunan di belakang ataupun di sebelah sungai di Kampung Cina terus kepada Losong iaitu di kawasan T-Lekor dan sebagainya dan terus ke Muzium dan ke Taman Tamadun Islam dan seterusnya berhadapan dengan Taman Tamadun Islam ke tempat pembinaan bot tradisional yang terkenal di Terengganu ini. Dan ada kemudahan-kemudahan yang telah kita sediakan bagi Program River Cruise ini dan dari semasa ke semasa kita perlu meningkatkanlah, saya ingat ada kelemahan-kelemahan di sini, ada produk-produk baru termasuk Pulau Warisan yang akan kita bina dalam proses pembinaan dan sebagainya. River Cruise Terengganu adalah satu pakej yang sangat menarik dan saya bersetujulah kalau kita juga dapat tingkatkan program ini lebih mempromosikan kerana ini satu pakej yang menarik yang juga akan membawa pelancong ke Taman Tamadun Islam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Saya jemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Senaraikan projek perumahan MAIDAM yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Syarikat Pemaju sejak 2004 hingga sekarang dan berapakah pembahagian untung di antara MAIDAM dengan pemaju?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, para pemerhati yang dihormati sekalian. Projek-projek Perumahan MAIDAM dengan kerjasama Syarikat Pemaju Perumahan bermula 2004 sehingga sekarang adalah sebagaimana berikut:-

1. Projek di atas tanah Lot 19 dan Lot 20, Kg. Sungai Bajar, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu.

   Projek ini merupakan usahasama dengan Time Future Construction (M) Sdn. Bhd. Perjanjian telah ditandatangani pada 3 Julai 2005.

Projek ini bernilai RM10,575,000.00 di mana ia merupakan tanah milik MAIDAM yang berkeluasan sebanyak 10.756 ekar. Mempunyai 125 unit iaitu:

(i) 16 unit Rumah Berkembar 1 Tingkat
(ii) 59 unit Rumah Teres Kos Sederhana
(iii) 36 unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat, dan
(iv) 14 unit Rumah Kedai 2 Tingkat.

MAIDAM mendapat pulangan sebanyak 13.18% atau dengan nilai RM1,394,000.00 bersamaan 12 unit rumah:

(i) 2 unit Rumah Kedai 2 Tingkat
(ii) 3 unit Rumah Teres Kos Sederhana
(iii) 4 unit Rumah Teres Kos Sederhana, dan
(iv) 3 unit Rumah Berkembar.

2. Projek di atas tanah Lot 4166 GM 44678, Mukim Sura, Dungun, Terengganu.

Projek ini merupakan usahasama dengan Hexatrend Sdn. Bhd. Perjanjian telah ditandatangani pada 10 September 2006. Projek ini bernilai RM4,181,000.00 di mana tanah tersebut adalah tanah Baitulmal yang mempunyai keluasan sebanyak 2.662 ekar. Mempunyai 28 unit Rumah Banglo Berkembar 1 Tingkat.

MAIDAM mendapat pulangan sebanyak 21.5% atau RM899,000.00 bersamaan dengan 6 unit Rumah Berkembar.

3. Projek di atas tanah Lot 5956 hingga Lot 5977 dan Lot 6019 hingga Lot 6028, Kg. Bukit Mentok, Kemaman, Terengganu.

Projek ini merupakan usahasama dengan Irisan Padu Sdn. Bhd. Perjanjian telah ditandatangani pada 8 Oktober 2006. Projek ini bernilai RM7,400,000.00 di mana ia merupakan tanah milik MAIDAM yang berkeluasan sebanyak 4229 meter persegi. Mempunyai 32 unit iaitu:

(i) 10 unit Rumah Kedai 2 Tingkat
(ii) 17 unit Rumah Kediaman Teres 2 Tingkat, dan
(iii) 5 unit Rumah Kediaman Teres 2 Tingkat.

MAIDAM mendapat pulangan sebanyak 31% atau dengan nilai RM2,300,000.00 bersamaan 4 unit Rumah Kedai 2 Tingkat dan 5 unit Rumah Kediaman Teres 2 Tingkat.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Setakat ini nampaknya ada tiga perumahan yang dibina bersama dengan pemaju dan pembahagian keuntungan nampaknya berbeza, kalau di Hulu Terengganu tu 13.18%, di Dungun 21% dan di Bukit Mentok 31%. Apakah kriteria yang digunakan memandangkan keuntungan yang didapat itu sangat berbeza di antara Hulu Terengganu dan Bukit Mentok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini mudah, kita membahagi keuntungan bila untung lebih dapat lebih dan sudah tentu kalau kita lihat di sini di Kuala Terengganu, Hulu Terengganu tak sama dengan Dungun dan Hulu Terengganu tak sama dengan Kemaman dari segi harga jualannya sebab itulah Kemaman paling tinggi Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya diberitahu bahawa di Hulu Terengganu itu sebenarnya kontraktor yang membina ini membayar 30% sebenarnya kepada maknanya dia buat 30%, mengeluarkan bahagian dia 30%, 13.18% kepada MAIDAM dan selebihnya itu kepada kontraktor atau pemaju yang dapat itu maknanya kalau dia berunding secara terus ataupun secara lebih teliti saya fikir kita akan dapat lebih daripada 13% sebab 13% ini bukan merupakan *norm* yang sebenarnya, itu pendapat saya. Sepatutnya boleh 20% atau 30% bagaimana biasa, sebab kalau dikatakan rumah di Hulu Terengganu itu nilainya rendah saya fikir tidak begitu sebab di Hulu Terengganu marketnya besar dan ternyata bahawa rumah-rumah yang dibina itu terus dapat dijual.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Itu pendapat dan pandangan bagi Wakil Ladang tapi yang terbukti di sini bahawa inilah hakikat dari segi harga rumah yang terdapat perbezaan di antara Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman. Di samping itu, kita perlu juga lihat dari segi komponen rumah itu sendiri di mana di Hulu Terengganu hanya terdapat dua unit Rumah Kedai malahan kalau nak dibandingkan di Kemaman terdapat 10 unit Rumah Kedai ini bezanya dan banyak Rumah Teres dan juga melibatkan kos penambunan tanah di Hulu Terengganu Dato' Yang Dipertua, di situ kawasan paya. Wakil Ladang pernah menjadi D.O. di Hulu Terengganu, kawasannya memang perlu ditambun. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Rasanya tak tambun banyak mana jugak, dekat JKR di sebelah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan ketiga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Pernah jadi D.O. di sana dan pernah jadi CEO Majlis Agama, jadi tahulah lebih kurang cerita tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, inilah hakikat yang diberikan kepada kita dan kalau pada pandangan dan pendapat Wakil Ladang ada suatu yang tak kena, sila laporkan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kerajaan dan saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Berapakah jumlah nelayan berdaftar yang telah menerima bayaran insentif RM200/bulan mengikut pecahan daerah?*

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan yang pertama ADUN Sura bertanya berkaitan jumlah nelayan yang mendapat insentif RM200 sebulan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat setakat ini kita membayar seramai 3,218 dan pecahan mengikut daerahnya sebagaimana kehendak Yang Berhormat ialah:

Marang	-	481 orang
Dungun	-	497 orang
Kemaman	-	540 orang
Kuala Terengganu	-	967 orang
Setiu	-	262 orang
Besut	-	471 orang

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya nak kemukakan berkaitan dengan jumlah yang telah diberi khususnya bagi Dungun 497 orang. Jumlah nelayan jauh lebih ramai daripada itu dan ada yang masih belum menerima sumbangan dari pihak Kerajaan Pusat ini, jadi adakah puncanya berdasarkan kepada laporan yang diberi ini 497 orang yang berdaftar lain tu yang masih belum terima itu, adakah masih dalam proses permohonan ataupun karenah birokrasi ataupun lain-lain, minta penjelasan?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita sebelum daripada ini nelayan yang kita bayar insentif yang diberi oleh Kerajaan sebanyak RM200 sebulan ini adalah insentif Kerajaan disebabkan kenaikan harga minyak tetapi oleh kerana sebelum daripada ini kita bayar kepada mereka yang mempunyai Kad Nelayan dan juga bot-bot yang disahkan berlesen. Itu adalah kategori yang utamalah yang kita bayar tapi setelah kita membuat pembayaran dan pengumuman yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membayar insentif ini menyebabkan permohonan pendaftaran nelayan kita melonjak dengan sekali ganda pendaftarannya di Pejabat Perikanan Negeri Terengganu dan juga LKIM Negeri Terengganu. Pun begitu kita dalam proses untuk menilai semula kebenaran dan kesahihan apa yang sepatutnya kita memberi setakat ini kepada nelayan yang mempunyai Kad Nelayan dan juga mempunyai bot berlesen yang sah. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Paka dulu Yang Berhormat untuk soalan tambahan yang kedua. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Tadi ada jawapan daripada Kerajaan, insentif RM200 ini adalah hasil daripada kenaikan minyak yang menyebabkan Kerajaan memberi insentif kepada nelayan-nelayan. Hari ini harga minyak telahpun turun daripada harga asal sebelum insentif. Jadi, apakah Kerajaan bercadang untuk tidak mengagihkan insentif ini setelah penurunan harga yang melebihi daripada harga asal? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itulah kerja Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat. Kerja Kerajaan Barisan Nasional ini membela rakyat sokmo. Ada setengah orang tu cari masalah aje. Sebenarnya bukan sahaja dengan kenaikan harga minyak ini, kita bukan sahaja membayar insentif

RM200 sebulan kepada nelayan, selain daripada itu juga Kerajaan Barisan Nasional juga memikirkan dan memberi insentif lain lagi kepada rakyat Negeri Terengganu, kepada nelayan terutamanya kepada mereka yang menangkap hasil iaitu insentif hasilpun ada jugak 10 sen sekilo dan setakat ini dah RM3 juta dah kita bayar kepada nelayan-nelayan Terengganu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, walaupun harga minyak turun bawah, murah daripada hak kita naik dulupun setakat ini Kerajaan masih bayar lagi, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketiga deh. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Lembu punya susu, sapi punya nama itu adalah Kerajaan Pusat, yang ditanya tadi tu adalah jawapan daripada Kerajaan Negeri. Yang saya nak bangkitkan ialah adakah Kerajaan Negeri bercadang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat saya betulkan dulu Yang Berhormat, boleh duduk sekejap. Yang ditanya oleh Paka dan dijawab oleh Telemong saya rasa Kerajaan Barisan Nasional menjawab, betullah tu, dua-duanya Kerajaan Barisan Nasional. Okey, sila tambahan ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Nak tanyanya ialah berkaitan dengan adakah sumbangan Kerajaan Negeri walaupun mungkin tidak dalam bentuk bulanan seperti yang diberi oleh Pusat, untuk memberikan sumbangan kepada para nelayan kita yang dalam musim tengkujuh pada setiap tahun memang mereka mengalami masalah untuk turun ke laut, itu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Soal lembu punya sapi tidak timbul. Sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional, kita khabor, hak Pusat ke, hak Negeri ke itu adalah hakikat yang kena terima dan insya Allah apa yang Yang Berhormat beritahu tadi apa perancangan Kerajaan Negeri terhadap nelayan. Kita juga telah merancang sebagaimana yang diberitahu semalam bahawa setakat ini Kerajaan Negeri juga akan mengagihkan bantuan-bantuan banjir dan juga bekalan-bekalan makanan selain daripada insentif-insentif untuk memudahkan mereka menangkap ikan. Contohnya, kita beri bot kecil kepada nelayan-nelayan Terengganu sehingga kini sampai 1,000 buah lebih bot-bot kecil yang kita fikirkan supaya mereka boleh mengusahakan untuk menangkap ikan tidak

pergi jauh ke laut dalam tapi di tepi-tepi laut. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memikirkan insentif-insentif lain terutamanya mewujudkan industri-industri hiliran yang pada musim tengkujuh ini supaya mereka boleh mengusahakan ikan di darat daripada menangkap ikan di laut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, tiga dah, cukup-cukup.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya rasa Telemong kurang faham, bot kecil musim tengkujuh tak boleh ke laut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup, Yang Berhormat Bukit Tunggal, cukup.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Apa benda ke tak fahamnya bot kecil dengan bot besar, ini nak cari hak sikit, orang buat bangunan besar cari hak tiris dok sampai besar kelingking royat hak Lapangan Terbang, royat apa hak besar kelingking, tampung ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, cukup, cukup Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kadang-kadang betul, Telemong ni kadang-kadang saya kena terjemah jugak tapi hak dia cakap tu memang betul, yang Bukit Tunggal tu tak betul. Saya jemput Bukit Tunggal untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 ditolak, nombor 2 -

> *Apakah status permohonan tanah Baroh Tok Jiring yang telah diproses dan/atau diluluskan semasa pemerintahan Kerajaan Pas dahulu? Adakah semua permohonannya ditolak atau dibekukan?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itulah Yang Berhormat Telemong jangan sergah kuat sangat nak cari soalan tak jumpa tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak apa Yang Berhormat tapi bot nak ke laut dalam tak boleh tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya. Sila Kerajaan jawab. Yang Amat Berhormat soalan kedua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini seramai 85 orang peserta yang memohon tanah Tok Jiring telah diluluskan manakala 16 orang ditolak. Selain daripada itu, seramai 48 peserta lagi yang telah dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah diangkat ke MMKN untuk mendapatkan pertimbangan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih kepada jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tapi apa yang ada senarai dengan saya 243 permohonan yang telah membuat bayaran Jadual 5A tapi tidak dapat Geran, jadi diapun tak tahu adakah ditolak, dibeku ataupun sebagainya. Apakah tindakan pihak Kerajaan ke atas permohonan-permohonan yang telah membuat pembayaran ini yang belum mendapat lagi Geran masing-masing?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi 274 peserta kesemuanya dan kita buat semakan semula dan daripada itu sebagaimana saya sebutkan tadi 85 telahpun diluluskan manakala 48 lagi dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah dan diangkat untuk kelulusan MMKN manakala 125 lagi masih belum dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari segi Undang-Undang Tanah, walaupun Jadual 5A dikeluarkan selagi tanah itu tidak didaftarkan atas nama orang itu maka tanah itu masih dianggap sebagai tanah Kerajaan, itu dari segi undang-undang sebab itu kita buat penyemakan semula dan hasilnya sebagaimana saya sebutkan tadi sebanyak 85 telahpun diluluskan kembali. Kita perbuat semakan, kita beri dasar sekarang ini iaitu pendemokrasian tanah, seorang hanya dapat 1 tanah sahaja, kalau mereka dah ada tanah lain kita takkan beri lagi. Kalau dulu yang cerdik, yang pandai, yang ligat sikit kata orang sebeban Geran dia seorang, hak takdok, takdok langsung. Tanah kita terhad sebab itulah kita beri syarat termasuk jugak kakitangan Kerajaan, dulu kakitangan Kerajaan kita beri 2 lot, satu untuk tapak rumah, satu untuk pertanian sekarang ini kita beri mereka pilihan, satu sahaja sama ada tapak rumah ataupun tanah pertanian. Kalau dia mampu beli dah ada tiga dah, kita tak beri dah sebab dia dah ada kemampuan, tak payah berilah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu lagi. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah ada jawapan yang diberikan kepada pemohon yang ditolak ini, tanah itu ada perancangan Kerajaan. Apakah perancangan Kerajaan sebenarnya di tapak tanah yang pernah dipohon oleh pemohon-pemohon di situ?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada setengah-setengah kes kita jadikan perancangan Kerajaan untuk masa depan kerana masalah kita di Terengganu ini tanah hak molek-molek takdok belaka dah sekarang ini kita nak buat rumah, nak buat apa semuanya dalam paya belaka dah sebab itu kita kena simpan tanah-tanah kita di tempat-tempat tertentu untuk perancangan akan datang, nak buat sekolah ke, nak buat masjid ke, buat perumahan ke sebab itu kita kena simpan sebahagian daripadanya sebab tanah tak beranak Dato' Yang Dipertua, ini masalah kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Khusus tapak ini masih tidak ada perancangan maksud soalan itu Yang Berhormat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, setakat ini yang saya tahu sudah 85 telah diluluskan daripada 274 tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, faham tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Maksud kita perancangan Kerajaan yang itu diberikan kepada rakyat, yang ditolak alasan Kerajaan akan buat pembangunan untuk kepentingan Kerajaan apakah maksud....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Itu bakinya lagi. Tidak ada maksudnya Yang Berhormat? Tidak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama -

> *Nyatakan keputusan peperiksaan UPSR bagi pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Rendah Agama Bersepadu pada tahun ini?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terima kasih kepada Wakil Bukit Payong yang ingin mendapatkan keputusan peperiksaan UPSR bagi pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Rendah Agama Bersepadu pada tahun ini. Daripada keputusan UPSR Sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu pada tahun ini ialah seramai 42 orang daripada 189 orang calon yang mendapat 5A dengan peratusnya sebanyak 22.22%. Selain daripada itu, calon yang mendapat 4A ialah seramai 31 orang daripada 189 dengan peratusnya 16.7%. Yang mendapat A, B dan C keseluruhannya adalah sebanyak 96.3%. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Melihatkan kepada keputusan peperiksaan UPSR pelajar-pelajar Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini agak cemerlang dan ada kebaikannya. Apakah pihak Kerajaan mempunyai hasrat dan langkah-langkah bagi meneruskan Sekolah Rendah Agama Bersepadu di masa yang akan datang?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti mana yang telah kita sebut dalam Persidangan Dewan kita sebelum ini di mana bahawa kita jangka Sekolah SRAB ini atau Sekolah Agama ini kita akan tutup pada tahun 2009 kerana sekarang ini pelajar-pelajar yang kita ada ialah Tahun 5 dan pengambilan baru kita tak ambil dah, jadi Tahun 5 ini tahun depan dia akan Tahun 6, jadi yang inilah yang kita akan habiskan dan selepas daripada ini memang setakat ini kita tidak ada cadangan untuk kita menubuhkan ataupun untuk kita meneruskan SRAB ini tetapi bergantung kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, kalau ada cadangan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, insya Allah Sekolah Agama Rendah yang seperti ini akan kita teruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada dah tambahan Yang Berhormat? Ada, sila saya beri peluang satu lagi Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Keputusan ini menunjukkan bahawa Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini baik dan keputusan yang didapati ini bukan hanya mereka belajar seperti di sekolah biasa banyak lagi mata pelajaran lain yang diajar yang membentuk peribadi mereka yang agak baik sebenarnya. Kita nak lahirkan modal insan yang baik, jadi apa sebenarnya masalah untuk meneruskan sekolah-sekolah ini atau mengadakan lebih banyak lagi sekolah-sekolah seperti

ini kerana hasilnya adalah cukup baik dan menjadi hasrat kita untuk mendapat modal insan yang baik. Jadi, saya tak nampak rasionalnya mengapa sekolah-sekolah seperti ini nak dihentikan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Ladang. Sebenarnya seperti mana yang telah saya terangkan dulu bahawa memandangkan penubuhan sekolah ini dilakukan dalam keadaan yang tergesa-gesa dan tidak mempunyai perancangan yang rapi. Sebenarnya banyak wujud masalah daripada penubuhan sekolah tersebut dan di antaranya ialah operasi sekolah ini tidak diuruskan dengan sistematik di samping tidak mempunyai premis khusus dan terpaksa menumpang di sekolah-sekolah menengah agama negeri serta bangunan bekas Pusat Pendidikan Yayasan Islam. Melihat kepada banyak masalah inilah maka Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menangguhkan ataupun tidak ambil dah pengambilan baru. Dan selain daripada itu, sedangkan kita melihat hari ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendaftar sekolah-sekolah agama dan kebetulan SRAB ini termasuk dalam kategori sekolah yang dicadangkan dan dalam hal ini kita merasakan bahawa Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di Kementerian Pelajaran Malaysia yang kita cadangkan kalau ada kesanggupan untuk diuruskan atau didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia bukannya di bawah Kerajaan Negerilah. Kemudian kebetulan pada awal tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Program J-Qaf di Negeri Terengganu. Program ini bertujuan untuk mendidik pelajar bagi mendalami ilmu pendidikan jawi seperti Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Jadi, kita merasakan bahawa apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ini telah memadai dan telah meliputi hasrat penubuhan SRAB ini sendiri. Jadi, kerana itu kita rasa dan berpendapat bahawa tidak menjadi masalah kepada pelajar-pelajar lain untuk meneruskan pembelajaran mereka di sekolah rendah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi terpulanglah kalau ada hasrat daripada pihak Ladang untuk menubuhkan sekolah ini. Jadi, dari segi Kerajaan Negeri tidak menjadi masalah untuk menjadikan sekolah itu sebagai sekolah swasta. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan daripada Seberang Takir. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah hari ini kita agak baik kerana dapat menjawab semua soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dan dijawab oleh Kerajaan dalam tempoh lingkungan sejam yang diberikan kecuali Wakil Kuala Berang yang mengemukakan satu soalan dan ditolak oleh Kerajaan satu soalan jadi tidak diberi peluanglah pada pagi ini. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selepas ini, selepas waktu rehat pihak Kerajaan akan teruskan penggulungan dan mudah-mudahan kita dapat mengikut program yang kita susun dengan baik maka saya tangguhkan mesyuarat ini untuk kita minum pagi, kita masuk semula jam 11.00 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.
PUKUL 11.00 PAGI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan sekalian, kita teruskan sidang kita pada pagi ini. Saya jemput pihak Kerajaan untuk menggulung. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung khususnya di bawah portfolio saya pada pagi ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mula-mulanya saya nak ambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang menyentuh beberapa isu berkaitan dengan portfolio saya khususnya kepada Yang Berhormat Hulu Besut, Wakaf Mempelam, Tepoh, Ladang, Jabi dan Bukit Payong. Dan beberapa isu sudah disebut secara khusus untuk perhatian Kerajaan. Isu-isu yang disebut satunya berkaitan dengan masalah sosial remaja masa kini. Yang keduanya yang banyak disebut ialah berkaitan dengan bencana banjir. Yang ketiganya, khusus oleh Bukit Payong semalam pasal kebakaran yang berlaku di Bukit Payong dan seterusnya yang disentuh oleh ramai Ahli-ahli Dewan berkaitan dengan Program Membasmi Kemiskinan. Insya Allah, semua yang disebut itu akan diambil perhatian oleh Kerajaan. Dan sebagai ulasan saya, satunya berkenaan dengan isu membasmi kemiskinan. Ini jelas peranan kita Wakil-wakil Rakyat nampaknya begitu prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat Terengganu banyak yang menyebut tentang membasmi kemiskinan ini, bertanya pasal rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengatasinya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, usaha membasmi kemiskinan merupakan usaha berterusan Kerajaan daripada dulu lagi sampai sekarang dan ditambah pulak dengan kepimpinan baru Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Yang Berhormat Menteri Besar yang baru yang membentangkan Bajet dengan temanya nak 'Merakyatkan Pembangunan'. Insya Allah rasa-rasanya kita sedang menuju ke arah yang betul dengan matlamat kita pada 2010 kita nak sifarkan kemiskinan tegar dengan program-program yang disusun oleh agensi-agensi pelaksana yang pastinya bukan sahaja Jabatan Kebajikan. Hal basmi kemiskinan banyak tahapnya, untuk jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Jangka pendek sudah pastilah bantuan secara langsung yang diberi terus kepada rakyat yang berkenaan, ini jangka

pendek. Jangka pertengahannya sudah tentulah yang diistilahkan sekarang ini sebagai beri pancing bukan beri ikan. Itulah yang kita menganjurkan kursus-kursus kemahiran kepada generasi kedua, kepada anak-anak orang miskin dan sudah pastilah jangka panjangnya melibatkan perancangan yang lebih besar yang dilaksanakan oleh pelbagai jabatan, Jabatan Pelajaranpun terlibat, Jabatan Pertanian terlibat, SUK terlibat dan semua jabatan Kerajaan terlibat dalam menyusun program-program dengan tujuan nak basmi kemiskinan rakyat Terengganu. Insya Allah, kita harap usaha murni ini akan mencapai kejayaan.

Yang keduanya, saya nak jelaskan apa yang disebut berkenaan dengan kes kebakaran yang didakwa semalam berlaku pada bulan Jun, kononnya bantuan tidak diluluskan sampai hari ini. Sebenarnya apa yang berlaku, apa yang didakwa itu tidak tepat. Bantuan sudahpun diluluskan cuma tidak dapat lagi diserahkan kerana mangsa yang terlibat iaitu Mamat bin Busu sudahpun meninggal dunia, anaknya Adnan bin Mamat yang memohon tapi bantuan dikeluarkan terus kepada Mamat bin Busu, ceknya sudahpun dikeluarkan pada 21hb Oktober lagi tapi tidak dapat diserahkan kerana penerimanya sudah meninggal dunia. Sekarang ini pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang menguruskan supaya cek itu dapat ditukar kepada anaknya yang bernama Adnan bin Mamat. Jadi insya Allah, perkara ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin. Dato' Yang Dipertua, sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab kepada rakyat di bawah kawasan kita, di bawah jagaan kita, biasanya kalau bantuan itu lambat bukan sahaja berlaku di kawasan Pembangkang sebenarnya, dalam kawasan Kerajaanpun ada kemungkinan-kemungkinan berlaku kelewatan ini. Tapi sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab biasanya kita akan hubungi jabatan yang berkenaan dan apabila siasatan sudahpun dibuat maka kerja-kerja nak membantu mangsa yang terbakar itu memang dapat dilaksanakan secepat mungkin. Jadi, perkara ini nampaknya tidak berlaku di Bukit Payong dan kita haraplah apabila cek ini dapat ditunaikan mangsa yang terlibat akan dapat rumah baru secepat mungkin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kawasan tu baru, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat baru. Baru-barupun dah 5 - 6 bulan dah, kita harap perkara ini tidak berterusanlah. Dan memang betullah perkara itu berlaku pada 12hb Jun dan baucer dikeluarkan pada 8hb Oktober, memang ada sedikit kelewatan dalam hal ini kerana pada masa itu semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah belum lagi dilantik. Semua daerah di Terengganu masa itu belum ada Pegawai Kebajikan Daerahnya.

Dato' Yang Dipertua, bab banjir. Memang kita cukup bersimpati dengan mangsa-mangsa banjir yang menerima musibah ini lebih-lebih lagi bagi kawasan-kawasan yang pertama kali menerima musibah berat ini mungkin berlaku sedikit panik dan sebagainya. Dan kita harap jabatan-jabatan yang menyediakan bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa banjir ini yang pastinya bukan sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sepatutnya menyediakan bantuan ini, Jabatan Pertanian terlibat, Jabatan Haiwan terlibat, jabatan-jabatan lainpun terlibat dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir. Dan setakat yang terlibat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, insya Allah saya berjanji bantuan ini dapat diselesaikan segera khususnya dalam hal persekolahan anak-anak. Kita harap kepada jabatan-jabatan yang lain supaya dapat menyediakan secepat mungkin laporan kesan malapetaka ini supaya dapat diserahkan kepada pihak atasan untuk diberi pertimbangan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan. Terima kasihlah di atas makluman dan penjelasan yang dibuat oleh pihak Kerajaan sebentar tadi berkaitan soal banjir ini. Cuma apa yang saya sebutkan dalam perbahasan saya sebelum ini saya nak minta pihak Kerajaan khususnya Exco Kebajikan dapat memberikan jawapan pada hari ini jaminan bahawa proses dalam erti kata penilaian yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat semenjak, dalam dua hari lepas, bantuan tersebut hendaklah dan saya mintak supaya bantuan itu disalurkan sebelum sekolah dibuka, bukan setakat pakaian. Kemudian yang saya katakan bahawa kalau ikut kepada bancian yang dilakukan adalah melibatkan soal kalau kerugian berdasarkan rumah rosak atau tak rosak. Kalau di Pusu Tiga tu bukan soal rumah rosak tak timbul tetapi terlalu banyak barang-barang, perabotnya, tilamnya, sampai berbelas ribu ditaksirkan rugi. Jadi, kita bimbang takut pergi tengok rumahnya saja, jadi tak banyak: "Ambillah RM1,000.00 saja". Kita takmboh begitu kalau boleh buat bancian betul-betul sebab waktu JKM turun perabot ke, apa ke, semua tu semuanya takdok belaka dah, jadi saya mintak jaminan Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, apa yang disuarakan oleh Tepoh kita faham. Saya harap Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan semua jugak faham bahawa apa yang dibantu oleh Kebajikan Masyarakat bukan dalam bentuk ganti rugi, bukan semua nilai kerosakannya akan diberi ganti rugi oleh jabatan kalau ganti rugi itu biasanya melalui insuran berdasarkan kepada ganti rugi. Bantuan Kebajikan Masyarakat sudah pastilah dia ada dia punya skimanya. Dalam peruntukan untuk sekolah berapa, kalau rumah yang terlibat berapa bantuannya dan saya sudahpun berbincang dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat insya Allah, bantuan khususnya dalam hal persekolahan anak-anak bantuan akan dapat diselesaikan

sebelum sekolah mula dibuka, kadarnya itu saya kena rujuk kepada skim yang sedia ada. Dan peringkat-peringkat ini bantuan Kebajikan Masyarakat memanglah tidak tinggi sebab kadarnya bukan sama dengan kadar yang ditetapkan oleh pihak insuran.

Perkara akhir yang disebut di bawah portfolio saya ialah masalah gejala sosial di kalangan remaja masa kini. Saya cukup faham bahawa masalah ini memang sudah mendapat liputan menyeluruh dalam masyarakat kita banyak orang sebut, banyak agensi, banyak pihak-pihak yang bercakap pasal masalah sosial remaja masa ini dan dalam sehari dua baru-baru ini ada orang bunyi kata buang anak dalam lubang tandas dan anak masih hidup lagi, itu adalah fenomena masa kini. Seperti yang dijelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama semalam, banyak faktor yang menyebabkan masalah ini timbul, banyak pakar telah membuat rumusan untuk nak mengatasinya, Pakar Agama dengan caranya, pakar Sosiologi dengan caranya. Pihak Kerajaan juga ada beberapa jawapan kepada masalah ini, pada tahun ini kita lancar satu program dalam bentuk program pencegahan yang dinamakan 'Ingat Sebelum Kena' yang kita khususkan kepada pelajar-pelajar perempuan di peringkat menengah yang sudah kita laksanakan di dua puluh buah sekolah menengah di Negeri Terengganu sebagai projek percubaannya. Nampak daripada program itu insya Allah pada tahun depan seluruh sekolah-sekolah menengah di Negeri Terengganu akan melaksanakan program ini yang menumpukan kepada golongan pelajar perempuan dulu. Ada orang tanya saya pasal apa tuju kepada pelajar perempuan saja, bagaimana pula kepada pelajar-pelajar lelaki? Pada peringkat ini kita beri tumpuan kepada mangsa terlebih dahulu masalah gejala sosial ini yang buat anak dan sebagainya, yang menjadi mangsa kepada fenomena ini ialah pelajar perempuan kerana itu kita beri tumpuan dulu kepada pelajar perempuan ini. Insya Allah, pada tahun depan 2009 program ini akan dilaksanakan di seluruh sekolah-sekolah menengah di Negeri Terengganu. Setakat itu saja, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Kita jemput kalau ada lagi. Sila Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih kerana diberi peluang untuk membuat sedikit ulasan dan penggulungan di atas Belanjawan 2009 ini. Yang sebenarnya tidak banyak

yang dibangkitkan di bawah portfolio saya cuma saya rasa penting jugak untuk saya menyebut sedikit berkaitan dengan Belanjawan ini terutamanya kita tahu pada tahun ini Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah merupakan Belanjawan yang terbesar yang pernah dibentangkan di Dewan ini hampir berjumlah RM1.8 bilion dan di mana jugak peruntukan pembangunan berjumlah hampir ataupun melebihi RM900 juta. Ini adalah satu angka yang besar yang saya rasa yang menunjukkan komitmen Kerajaan untuk mempastikan rakyat dan masyarakat mendapat manfaat daripada peruntukan yang besar ini. Sudah tentulah dengan peruntukan yang besar ini untuk dibelanjakan dalam tempoh setahun memerlukan kepada satu pelaksanaan ataupun memerlukan kepada jentera Kerajaan yang efisien dan sudah tentulah saya merasakan pihak jentera Kerajaan khususnya jabatan-jabatan yang mengimplitasikan projek-projek ini perlu bersedia lebih awal pada tahun hadapan untuk mempastikan peruntukan-peruntukan yang disediakan ini dapat dibelanjakan dan dirancang lebih awal dan dapat dibelanjakan sepenuhnya kalau tidak Belanjawan yang besar mungkin akan tinggal peruntukan sahaja dalam Bajet dan tidak dapat dibelanjakan. Dan ini memerlukan komitmen jugak di peringkat jentera Kerajaan untuk mempastikan Belanjawan yang besar ini dapat dibelanjakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hanya satu soalan sahaja yang dibangkitkan berkaitan dengan portfolio saya ini. Walaupun begitu saya rasa perlu jugak saya sebut sedikit berkaitan dengan portfolio saya di mana beberapa peruntukan telah diwujudkan ataupun telah diluluskan atau diperuntukkan pada tahun hadapan khususnya untuk memenuhi keperluan-keperluan usahawan-usahawan IKS dan tumpuan masih diberi kepada pembinaan infrastruktur untuk membolehkan usahawan-usahawan ataupun belia-belia untuk menjadi usahawan. Ini adalah komitmen Kerajaan untuk mempastikan belia-belia yang di kampung-kampung dapat sekurang-kurangnya memulakan perniagaan dan sebagainya. Dan untuk itu pada tahun hadapan pihak Kerajaan akan membina sebuah Kompleks Usahawan Terengganu di Kuala Terengganu ini dan kita harap melalui ruang ataupun kompleks ini kita beri peluang dan harapan kepada orang muda, belia-belia untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan ini. Yang keduanya juga di bawah YPU, khususnya di bawah agensi Kerajaan Negeri jugak kita menyediakan jugak pinjaman di bawah Tabung Usahawan Terengganu dengan menyediakan peruntukan secukupnya untuk membolehkan orang muda kita, belia-belia kita mendapat pinjaman tanpa faedah untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan mungkin secara kecil-kecilan dan akhirnya akan menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping itu jugak kita juga ada menyediakan program-program khusus seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jabi semalam. Jadi, langsunglah saya menjawab soalan

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jabi itu di mana beliau bertanyakan tentang peruntukan untuk pengusaha kereta sewa. Jadi, untuk tahun depan Kerajaan akan terus memperuntukkan lebih kurang RM2 juta lagi seperti mana tahun ini jugak RM2 juta untuk meningkatkan imej kereta sewa. Jadi, dengan RM2 juta ini Kerajaan memberi RM10,000 bagi setiap pengusaha insya Allah, setiap tahun 200 pengusaha akan dapat menukar dan meningkatkan imej kereta sewa mereka di seluruh Negeri Terengganu ini dan kita akan agih-agihkan mengikut daerah-daerah dan DUN-DUN dan kita akan beri keutamaan kepada pengusaha-pengusaha yang kereta sewanya yang dah agak lama dah, ada yang berumur 18 tahun, ada yang 20 tahunpun ada. Insya Allah, keutamaan akan kita berikan kepada mereka untuk kalau boleh menukarkan kepada Kereta Nasional.

Seterusnya di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat daripada Jabi juga bukan sahaja setakat penjenamaan atau meningkat imej kereta sewa sahaja kita juga pada tahun depan akan mengadakan peruntukan untuk menaikkan taraf atau meningkatkan bot-bot penambang. Kerajaan akan memberi peruntukan RM10,000 seorang pengusaha untuk meningkatkan bot mereka supaya bot mereka ini lebih baik, lebih efisien, tak bunyi bising lagi dah insya Allah. Ini jugak secara langsung akan meningkatkan peluang mereka untuk meningkatkan pendapatan dan menunjukkan imej yang baik kepada pelancong-pelancong kita insya Allah yang datang ke Terengganu ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah saya rasa serba sedikit sebab portfolio saya ini tak banyak soalan, saya rasa ini baru ucapan pertama saya setelah Kerajaan baru inilah. Lama jugak duk tunggu tak ada soalan. Jadi setakat itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat tahun depan kena buat aktiviti banyak, biar banyak bunyi dan biar soalan dia orang tanya banyak. Sila teruskan Yang Berhormat yang lain. Pengkalan Berangan silakan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdullahirrabil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya kasihi, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dalam Persidangan kita termasuk hari yang ketiga ini, saya ingin memfokuskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Jabi, Pasir Puteh, Bukit Payong, Bukit Tunggal dan jugak sedikit daripada kawan-kawan kita yang lain mengenai tugas-tugas saya. Yang pertamanya ialah daripada Pasir Puteh akibat daripada banjir dan juga daripada Wakil

Bukit Payong dan jugak sahabat-sahabat kita yang lain akibat daripada banjir banyak jalan yang telah rosak dan ada setengahnya jambatan-jambatan yang telah musnah dan sebagainya. Insya Allah, berdasarkan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar perkara ini kita akan cuba segerakan dalam sedikit masa lagi. Dan daripada Pasir Putih juga .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bakpe sebut Pasir Putihnya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah.... macam mana ni, Air Putih dengan Pasir Putih .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kelmarin Tepus dah.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Minta maaflah. Tadi saya makan hak jenis bubur, rasa pening sikit, *bolok* sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, betulkan Air Putih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Air Putih, daripada Wakil Air Putih ni ada menyentuh pasal kata dia budak-budak nak main bola tak berapa molek padang bola dia tu tak rata dan bertanah merah. Sebenarnya masalah padang bola ni rata-rata dalam DUN kita ni memang banyak lagi yang merupakan ketidak sempurnaan padang bola dan insya Allah melalui Bajet yang telah dibentangkan kita berjanji untuk menaik tarafkan padang-padang bola ini di seluruh DUN untuk sekurang-kurangnya satu padang bola satu DUN ke ataupun kita tengok dari segi Bajet dan sebagainya.

Seterusnya mengenai masjid daripada Wakil Jabi semalam, nak gomol selalu dua masjid satu DUN. Oleh kerana ada di antara kawan kita bersuara semalam dalam Dewan dia kata masjid banyak takdok faedah kalau makmum tu kurang. Jadi, berdasarkan kepada *statement* tu saya duk fikir hak mana yang kita buat satu masjid satu DUN tu kita kekal dululah. Jadi, hak dua masjid tu kita tengok di masa-masa akan datang kalau dah makmum tu ramai, tak muat dah kita akan buatlah mungkin lebih daripada itulah.

Daripada Bukit Tunggal ada menyentuh sedikit iaitu kurang senang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak meminta sedikit penjelasan .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ini giliran saya bercakap tak payahlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak sikit saja berhubung dengan masjid tadi.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak gape lagi tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tengok dulu, dia beri laluan ke tidak.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kita beri laluan, kita beri laluan, sahabat saya memang saya sayang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih. Ini baru ya, mengaku kawan, mengaku sahabat ni. Saya sebenarnya sikit saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan masjid. Rakan saya Wakil Jabi minta dua masjid satu DUN tu hal dialah tapi baru-baru ini saya dapati musim hujan hampir seluruh masjid utama bocor, dalam DUN saya Masjid Durian Burung bocor, Masjid Kristal yang ratus-ratus juta bocor dan saya tahu saudara-saudarapun tahu Masjid Putihpun bocor, itu baru buka tu, baru siap, baru *renovate,* baru berbelanja besar, Masjid Terapungpun bocor jugak. Jadi, saya nak mintak penjelasan apa perancangan dan apa kaedah yang menyebabkan cara mana nak menyelesaikan asal hujan bocor, hujan bocor, ini masjid tempat tumpuan orang ramai. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. Dia bocor ni masa hujan aje kalau tak hujan tak bocor, betullah dok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya kalau jawab lagu ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, dia nak melawak tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Biasa dia dah kalau hujan mesti bocor bukan masjid saja bocor, rumah-rumah orangpun banyak bocor. Begitu juga rumah-rumah yang bocor ini Yang Amat

Berhormat Menteri Besar tetap dalam Bajet dah, rumah-rumah yang bocor ini nak bagi atap percuma, bagus Kerajaan Barisan Nasional ni, begitu jugak masjid kita tahu belaka dah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rumah Yang Berhormat Wakaf Mempelam bocor jugak.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Rumah sayapun bocor jugak, kalau tak percaya pergi tengok nun, kalau baham ribut tu huru-hara sekali. Sama aje masalah bocor ni, biasa dia dah hujan aje mesti bocor, itu memang dah jadi lumrah dunia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita baikilah.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dan seterusnya kita balik kepada ada keluhan daripada saudara kita daripada Bukit Tunggal ni kurang senanglah kalau boleh projek-projek pembangunan ni kalau boleh tidak usahlah ambil balik tanah-tanah ni, hak ni yang payah sikit nak jawab ni. Jadi, macam Bukit Payung semalam royat jugak, kalau tak silap saya nak besar ke jalan Kedai Buluh, Bukit Payong, Gondang tu, kalau dah di situ tak ambil balik nak besar ikut mana agak-agak tu. Bukit Tunggal dok berapa berkenan, Bukit Payong suruh perlebar jalan dan sebagainya hak lain, gomol sama sendiri dekat-dekat tu. Jadi, kalau begini kita akan tengok hak mana patut kita ambil balik, kita ambil baliklah, pembangunan kita teruskan. Lagipun pengambilan balik ni .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta laluan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Berilah saya bercakap tak payah dah, beri banyak dah kelmarin padan dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Beri ke saya *kecek* ni. Saya nak bercakap pendek aje, takmboh banyak-banyak tak macam dulu, saya nak pendek-pendek aje. Jadi hak mana kita patut kena ambil, kita ambillah, kita bayar, takdok masalah. Jadi hak mana pembangunan-pembangunan nak perbesar jalan ke, ke apa yang kena ambil tetap kita kena ambil, itu sudah menjadi polisi kita.

Dan yang terakhir saya nak sentuh sikit pasal saudara kita daripada Ladang semalam ada keluhan sikit, tengok *Press Statement,* surat khabar bab pilihan

raya ni guana, orang-orang Barisan Nasional ni duk sebut macam kita ni, macam jahat sangat, ganas. Memang betul, ada jugak hak betul tu bukan salah belaka, betul. Saya kata ni macam hak saya royat dulu, di kampung saya 500 orang tak boleh nak mengundi kerana keganasan daripada pihak lawan. Jadi, saya takut dalam Pilihan Raya Kecil P 36 Kuala Terengganu ni takut dia jadi gitu, hak ni yang mari tegur ni, tegur balik jangan duk buat dukacita balik sana saja, balik sini dukacita jugak ni. Jadi, kita sama-sama bersukacita lepas pada ni masa Pilihan Raya Kecil kekgi, kita buat secara *gentleman, deme* calon *deme*, kita calon kita. Kita *doksoh* main sekat-sekatlah, *doksoh* main buat kepala samseng dekat peti-peti undi tu. Orang nak pergi mengundi ni jangan duk buat sekat-sekat jalanlah, kita pakat buat molek belaka tahun ni, boleh janji tu deh. Kita pakat janji dalam Dewan ni masa Pilihan Raya P 36 kekgi kita buat secara aman dan damai .....

Tak payahlah bangun Wakaf Mempelam ni, ada dah, cukuplah tu. Duduk, duduk, duduk. Kalau Wakaf Mempelam jadi calonkan baru semangat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat, duduk, duduk.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduklah tu, jadilah tu, nak habis dah ni. Kalau saya nak cakap sikit kacau sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat habiskan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya takmboh *kecek* banyak dah. Cuma saya nak ambil kesempatan hari ini nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah banyak memberi Bajet dan peruntukan yang telah dibentangkan khusus dalam bidang saya dan tugas saya untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat yang telah dibangkitkan oleh Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan ini dalam masa dua-tiga hari ini. Dan akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat mengundi untuk Pilihan Raya Kecil mudah-mudahan Allah Taala menentukan calon mana yang lebih berhak. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Untuk makluman Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormatlah, terik ni saya beli dua pasang nampaknya sarung *boxing* untuk Wakaf Mempelam dengan Pengkalan Berangan ajelah, kalau *parok* sangat kita *doksoh* kacau masa di sini kita *boxing* di luar. Saya jemput Seberang Takir.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan. Yang pertama sekali, saya nak merakamkan ucapan terima kasih terutama sekali kepada Wakil Cukai yang telah memastikan satu program iaitu menaiktarafkan bot-bot penambang, kebetulan bot-bot penambang ini adalah kebanyakannya di kawasan saya. Alhamdulillah, dengan adanya Pertandingan Monsoon Cup baru-baru ini, pemandu-pemandu bot penambang kawasan saya dia boleh senyum kerana biasanya dalam musim tengkujuh ni payah nak dapatkan rezeki. Tapi dengan adanya Kejohanan Monsoon Cup baru-baru ini mereka telah mendapat manfaat yang baik, jadi sekurang-kurangnya meringankan beban mereka untuk menghadapi tahun baru dan lebih-lebih lagi untuk memastikan persekolahan anak-anak mereka dalam keadaan yang baik. Dan begitu juga kepada pemandu-pemandu teksi terutama di kawasan Lapangan Terbang yang telah banyak mendapat manfaat sempena dengan program Monsoon Cup ini baru-baru ini.

Berkait dengan bidang pendidikan, saya sekali lagi nak ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memastikan bahawa agenda pendidikan, pelajaran dan latihan ini adalah merupakan strategi yang pertama di mana peruntukan yang diberi adalah sebanyak RM149.11 juta adalah merupakan suatu peruntukan yang besar yang kita memastikan bahawa agenda memperkasakan pendidikan ini akan dapat kita laksanakan di Terengganu bagi mempastikan program 'Merakyatkan Pendidikan' kita dapat realisasikan.

Berkait dengan soalan yang diajukan oleh Wakil Ladang berkait dengan Program E-Book ataupun *Electronic Book* yang akan kita laksanakan insya Allah pada bulan April ataupun Mei tahun hadapan jadi ada dikemukakan tentang kebimbangan beliau dari segi aspek, dari segi kandungan pelaksanaan program yang akan kita laksanakan adakah hanya bermotifkan kepada untuk meringankan bebanan pelajar-pelajar dari segi membawa buku-buku ke sekolah. Sebenarnya perancangan yang kita buat ini adalah rancangan yang telah dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi memandangkan implikasi kewangan Kementerian Pelajaran Malaysia belum lagi dapat melaksanakan. Jadi, dikesempatan ini Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil peluang untuk menjadikan sebagai negeri yang pertama melaksanakan program yang sebegini dan di pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memang sangat mengalu-alukan. Yang Berhormat Datuk Seri Hishammuddin selaku Menteri Pelajaran Malaysia telah melahirkan rasa kagum dan telah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana kita telah mendahului Kementerian dan juga negeri-negeri lain untuk melaksanakan program ini dan beliau telah berjanji untuk memberikan sepenuh komitmen

dan bantuan bagi kita menjayakan program ini. Yang sebenarnya pelaksanaan program ini adalah aspeknya ialah kepada untuk kita memastikan bahawa kehebatan dan juga pengetahuan tentang IT itu kita dapat serapkan kepada generasi-generasi baru kita terutama kepada kalangan pelajar supaya mereka diberi kesempatan dan peluang untuk menerokai yang kita rasakan bahawa bidang IT adalah bidang yang perlu kita beri peluang seluas-luasnya kepada pelajar kita demi memastikan kecemerlangan dan kehebatan pelajar-pelajar kita pada masa hadapan. Cuma selain daripada kandungan dan juga pengisian yang kita akan laksanakan, kesan daripada pelaksanaan ini juga kita akan mewujudkan peluang pekerjaan. Setakat hari ini insya Allah dalam bulan satu ini kita akan menyediakan seramai 120 orang tenaga yang kita ambil daripada anak-anak Terengganu untuk kita tempatkan sebagai dengan izin, *pilot project* untuk kita tempatkan ke sekolah-sekolah di Negeri Terengganu dan insya Allah kalau rancangan kita ini berjaya dalam bulan enam atau bulan tujuh kita akan memastikan daripada 120 orang itu kita akan tingkatkan kepada 500 orang anak-anak kita yang akan kita tempatkan di sekolah-sekolah berkaitan dengan IT. Ini adalah satu cara Kerajaan kita bukan hanya menyediakan pendidikan tetapi juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu.

Dan berkait dengan apa yang dikemukakan oleh Wakil Jabi dan juga Wakil Air Putih berkait dengan kes disiplin, kes tentang kejatuhan ataupun keruntuhan sosial yang berlaku kepada anak-anak kita sekarang ini banyak telah dijawab oleh Wakil Kerajaan. Cuma saya nak menambahkan sedikit bahawa memang sekarang ini Kerajaan Negeri bersama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu sekarang ini sedang merangka program dan langkah untuk kita membantu ataupun kita cuba merangka program bagi kita menyelesaikan masalah-masalah disiplin di sekolah terutama kepada pelajar-pelajar yang berisiko tinggi. Sekarang ini saya bersama dengan Pengarah Pelajaran Terengganu telah turun padang untuk berjumpa dengan semua pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berisiko tinggi untuk kita mendapatkan maklumat dan juga untuk kita memberikan sedikit sebanyak bantuan dan juga perancangan bagi memastikan anak-anak kita yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi ini kita beri dia pembelaan dan juga hak dalam erti kata mendemokrasikan pendidikan. Salah satu contoh yang telah kita laksanakan ialah baru-baru ini kita telah membuat satu program di SMK Belara kerana dulu pernah keluar dalam akhbar menyatakan Perang Samurai berlaku semasa Hari Guru. Dan tahun ini alhamdulillah, bila kita melaksanakan program kita turun ke padang baru-baru ini jadi kita dapati semasa Perayaan Hari Guru pada tahun ini saya difahamkan bahawa tidak berlaku satupun kes yang melibatkan kepada kes-kes keruntuhan ataupun kes-kes yang bermasalah kepada pelajar-pelajar kita pada masa itu. Dan insya Allah, perkara ini akan kita teruskan dan kita juga sedang merancang di bawah Yayasan Terengganu

kerana kita menyediakan juga latihan-latihan yang berbentuk MLVK kepada anak-anak kita, pelajar-pelajar kita yang kita rasa tidak berapa berminat dalam bidang akademik. Walau bagaimanapun, mereka menumpukan kepada bidang kemahiran tetapi asasnya kita akan memastikan bahawa pendidikan seumur hidup itu berlaku. Dan mungkin selepas daripada itu mereka ini akan diberi ruang dan peluang sepenuhnya untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pendidikan tinggi seperti yang disebut oleh Wakil Air Putih bahawa gejala sosial berkait dengan penagihan dadah ini banyak berlaku kepada pelajar-pelajar di peringkat yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Jadi, harapan kita apabila kita beri ruang dan peluang kepada anak-anak kita selepas ini apabila mereka dapat walaupun mereka tidak berjaya dalam bidang akademik tapi ruang dan peluang kita boleh beri mereka kepada kemahiran dan selepas itu bidang kemahiran itu kita akan pertingkatkan dan insya Allah mereka ini boleh juga mungkin melanjutkan pelajar ke universiti-universiti supaya akhir sekali mereka berpendidikan tinggi dan tidak secara langsung gejala sosial yang kita sebutkan tadi akan dapat kita atasi kerana konsep Kerajaan Negeri hari ini ialah 'sebuah rumah seorang graduan' kerana kita akan mempastikan bahawa setiap rumah di Terengganu pada masa akan datang sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga mereka adalah bergelar graduan atau mempunyai pendidikan yang tinggi.

Berkait dengan yang disebut oleh Wakil Sura berkait dengan ada seorang pelajar yang disebut iaitu Mohamad Daniel bin Mohamad Razali @ Busu yang sebelum ini belajar di IMTIAZ yang telah menjalani temuduga di Yayasan Terengganu dan tidak berjaya. Sebenarnya Program Penajaan Yayasan Terengganu pada tahun ini kita telah menerima berkait dengan penghantaran pelajar kita ke Jordan kita telah menerima permohonan seramai 27 orang, daripada 27 orang itu 17 orang yang telah menghadiri temuduga. Di mana daripada 17 orang itu 8 orang telah terpilih untuk ke Jordan dan selain daripada itu kita telah menghantar 17 orang untuk mengikuti pelajaran ke Mesir dalam Kursus Pengajian Islam. Berkait dengan yang disebut oleh Wakil Sura berkait dengan Mohamad Danial bin Mohamad Razali ini dalam ujian yang kita buat Ujian Bertulis beliau telah mendapat markah 33/50 dan temuduga beliau telah mendapat 40/50 jadi jumlah markahnya ialah 73 di mana kedudukannya adalah 15 daripada 17 orang, yang kita hantar 8 orang jadi yang kita hantar mempunyai markah 75 ke atas. Jadi, selain daripada beliau ada lagi 8 orang yang tidak terpilih dan bukan dia, Danial sahaja daripada IMTIAZ yang tidak terpilih tapi Mohamad Amirul Kamal bin Aziz pun daripada IMTIAZ juga tidak terpilih. Dan yang terpilih daripada IMTIAZ setakat ini yang mengikuti program kita Pengajian Islam hanya seorang saja dan selain daripada itu ada daripada berbagai-bagai sekolah agama yang lain. Kebetulan pula keputusan peperiksaan Mohamad Danial ini agak tidak berapa

cemerlang sangat kerana Bahasa Inggeris dia mendapat 4 dan Biologipun dia mendapat 4, *Chemistry* dapat 6 .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Sura mintak laluan sekejap.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya pohon pengecualian bagi kes ini kerana kedudukan keluarganya, soal kedudukan pendapatan dan ekonomi keluarga yang itu yang saya pohon Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi, berkait dengan ini sebenarnya kita tidak dari segi penghantaran pelajar-pelajar cemerlang ini kita tidak mahu berkompromilah sebab bila kita menghantar pelajar ke luar negeri kita tidak mahu nanti dari segi aspek universiti itu sendiri beranggapan bahawa kita hantar pelajar-pelajar yang tidak berkualiti. Tetapi sebenarnya beliau masih lagi berpeluang untuk mengikuti pengajian di dalam negeri, untuk di dalam negeri tidak ada .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab pelajar ini sudah ada di sana.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan saya nak maklumkan di sini sebenarnya kita ada satu lagi skim yang kita laksanakan saya rasa telah dimaklumkan kepada Mohamad Danial ini iaitu di mana tahun yang pertama kita tidak akan tanggung tetapi kita beri kesempatan untuk tahun yang kedua sekiranya beliau mendapat markah ataupun purata gred seperti yang kita tetapkan. Jadi, kalau dia mencapai mata gred yang kita tetapkan maka kita akan beri dia tajaan. Cuma yang kita sudahpun memberitahu kepada semua pelajar kita yang berada di luar negeri bahawa pihak Yayasan Terengganu tidak ada masalah kalau di peringkat yang pertama mereka tidak mendapat tajaan tetapi mereka masih lagi berpeluang sekiranya mereka menunjukkan kecemerlangan untuk tahun yang kedua, ketiga dan seterusnya. Jadi, harapan kita bahawa adik Mohamad Danial ini belajarlah bersungguh-sungguh supaya dia mendapat markah purata dia yang terbaik dan seterusnya

mengajukan semula permohonan kepada Yayasan Terengganu dan kalau dia cukup syarat seperti mana yang kita tetapkan tidak ada masalah, bukan hanya dia tetapi kepada semua pelajar-pelajar kita.

Selain daripada itu juga, sebenarnya seperti mana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat bahawa penghantaran pelajar kita ke luar negeri ini akan kita teruskan dan alhamdulillah pada tahun hadapan kita akan menambahkan lagi bilangannya. Tetapi yang kita pastikan bahawa selain daripada kita nak tambahkan ini juga kita akan pastikan bahawa pelajar-pelajar yang kita hantar ini yang betul-betul berkualiti supaya amanah yang kita terima hari ini untuk membelanjakan duit Kerajaan Negeri hari ini akan kita beri atau kita tumpukan kepada yang sewajarnya. Dan sebenarnya sebagaimana yang saya maklum tadilah pelajar-pelajar yang gagal ataupun yang tidak mengikuti tajaan kita tidak ada masalah kerana masih lagi banyak ruang dan peluang yang kita berikan. Dan sekali lagi saya nak mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kita telah memperuntukkan satu peruntukan yang besar untuk pendidikan dan saya percaya dan yakin bahawa dalam kita merakyatkan pendidikan ini kita akan pasti bahawa pelajar-pelajar kita akan dapat mencipta kejayaan kerana tahun ini kita lihat dengan peruntukan yang telah kita beri sekali lagi Terengganu telah muncul untuk tahun yang kelapan sebagai negeri yang mempunyai kelulusan UPSR yang terbaik. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Dijemput Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, boleh ganggu sekejap. Saya takmboh ganggu masa Yang Berhormat Seberang Takir bercakap, ada sikit aje nak mintak penjelasan, pohon izin Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Yang Berhormat untuk bertanya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya nak bertanya Yang Berhormat Seberang Takir, saya takmboh ganggu dia semasa dia memberi penjelasan, boleh? Saya mintak izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat. Dalam urusan kita sekarang ini penggulungan oleh pihak Kerajaan kalau Yang Berhormat perlu penjelasan selanjutnya Yang Berhormat perlu mintak masa

Yang Berhormat Kerajaan berucap. Selepas ini maknanya kalau nak soal-soal Peraturan Dewan ataupun soal pertanyaan boleh saya jawab.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti, celah nantilah. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Terima kasih di atas perbahasan mengenai Bajet 2009. Yang pertama saya ingin merujuk kepada beberapa pertanyaan, andaian yang telah dibuat oleh Wakil Wakaf Mempelam iaitu mengenai hasil royalti yang mana saya dah sebut berulang kali alhamdulillah hasil perjuangan rakyat Terengganu selama ini telahpun dipersetujui oleh Kabinet untuk diserahkan bermula bulan Mac 2009 Petronas akan membayar terus ke dalam Akaun Perbendaharaan Negeri Terengganu. Di samping itu, saya nak jelaskan juga bahawa hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu menerusi royalti yang dinamakan Dana Khas pada tahun 2008 menyebabkan tiga kali pembayaran sebagaimana biasa bulan Mac dan September ditambah pula dengan kemasukan baru-baru ini yang telah saya minta hasil perundingan kita dengan Timbalan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Kewangan dan segala kekurangan telah ditampung kesemuanya menjadikan jumlah Dana Khas yang kita terima bagi Negeri Terengganu 2008 sebanyak RM1,408,600,000.00. Sebagaimana yang saya sebut berulang kali bahawa jumlah yang bakal diterima oleh Negeri Terengganu belum boleh dimuktamadkan lagi kerana kita masih di peringkat rundingan. Sebagaimana yang saya sebutkan kita meminta pihak Kerajaan Pusat menyediakan senarai projek-projek yang telah dilaksanakan di Terengganu termasuk di luar Terengganu dengan menggunakan peruntukan royalti. Perkara ini telah saya minta dalam pertemuan saya dengan Menteri Kewangan Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan yang baru. Dan kita sedang menunggu dan insya Allah senarai itu akan dapat kita muktamadkan sebagaimana saya sebut mana-mana lebihan itu akan kita mintak dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Cuma apa yang saya harapkan bahawa berilah kesempatan dan peluang kepada saya untuk menyelesaikannya. Insya Allah, segala tanggungjawab ini akan saya sempurnakan sebagaimana yang saya sebut bahawa kita akan pastikan bahawa ketelusan, akauntabiliti dan juga *good governance* akan kita amalkan, insya Allah. Ini janji saya di Dewan yang mulia ini dan sebab itulah saya pohon semua pihak mempastikan bahawa

tidak berlaku sebarang penyelewengan dan sebarang penyalahgunaan kuasa dan sebab itu saya tegur setengah-setengah jabatan supaya mereka mengambil tindakan yang sewajarnya. Cuma saya merasa kesal sedikit bila sebut kelmarin mengenai pembalakan, saya sebut ada pegawai-pegawai bukan sahaja jabatan itu, bahkan jabatan lainpun yang dikatakan 'harapkan pagar, pagar makan padi' ataupun mereka yang terlibat yang mempunyai niat yang tidak baik tapi merasa sedih apabila Sinar Harian pada hari ini, 16hb Disember, 08 mengatakan saya mengatakan Pegawai Pejabat Hutan sebagai tali barut. Jadi, ini tidak kena sama sekali sebagaimana apa yang saya nyatakan dan saya tuntut Sinar Harian supaya memohon maaf kepada Kerajaan Negeri dan saya sendiri secara peribadi.

Dato' Yang Dipertua, mengenai soal kemiskinan yang dibangkitkan berulang kali sejak dulu, kini dan mungkin selamanya. Kita sedar bahawa masalah kemiskinan ini mungkin tidak dapat dihapuskan 100% tapi kadang kala kemiskinan ini bersifat relatif kerana kita sedar bahawa sejarah negeri dan negara kita sendiri yang separuhnya kita akui kalau kita tengok kepada faktanya semasa kita mencapai Kemerdekaan tahun 1957, kadar kemiskinan Negeri Terengganu ialah 89.9%, saya ulangi kadar kemiskinan Negeri Terengganu semasa mencapai Kemerdekaan ialah 89.9%. Jadi, sebab itulah Kerajaan bukan sahaja memberi bantuan-bantuan yang saya sebutkan jangka pendek dan jangka panjang tapi kejayaan paling besar yang tidak dapat tidak mesti kita akui hasil perjuangan Kerajaan Perikatan ke, Barisan Nasional ke dulu iaitu menerusi modal insan pendidikan yang kita berjaya melahirkan golongan masyarakat pertengahan dan paling ramai pada hari ini termasuk di Dewan yang mulia ini. Kita berjaya menghapuskan kemiskinan menerusi pendidikan, anak-anak kita berjaya menjejakkan kaki ke universiti dan bila kita berjaya menjejakkan kaki ke universiti saya yakin anak-anak generasi selepas itu amat sulit ataupun sukar untuk menjadi golongan PPRT. Saya yakin anak-anak kita di Dewan yang mulia ini tak mungkin termasuk dalam senarai PPRT selepas ini hasil kejayaan kita yang dapat melanjutkan pelajaran ke universiti, bekerja dengan sempurna dan anak kita dapat pelajaran yang terbaik selepas ini termasuk mungkin insya Allah anak saya, termasuk anak Wakil Wakaf Mempelam yang saya difahamkan dengan kemampuan yang dia ada boleh menghantar 5 orang ke Jordan, insya Allah selepas ini kelima-lima ini tak mungkin jadi penerima PPRT. Ini bermakna kita berjaya dari segi pendidikan, berjaya mengurangkan kadar kemiskinan sebab itu kita berikan modal insan sebagai asas utama kita. Di Terengganu hari ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak sekadar memberi penjelasanlah dah Yang Amat Berhormat sebut. Walaupun hantar anak belajar ke luar negeri tapi Kerajaan Negeri tak pernah memberi bantuan

pasal kes barangkali pilih-pilih orang jugaklah macam kes dua-tiga orang tadi, ini kalau boleh yang cemerlang itu diberikan biar jangan nampak ada pilih kasih beri atas merit lain kali, bukan atas nama parti atau apa-apa. Sekadar tambahan. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita bercakap atas soal kemiskinan maknanya Wakil Wakaf Mempelam mempunyai kemampuan membiayai anaknya sendiri melanjutkan pelajaran ke luar negara kelima-lima orang, tahniah kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Sebab itu saya katakan tadi bahawa menerusi pendidikan, hari ini kita ada 7,000 penerima pinjaman daripada Yayasan Terengganu dan kita memberi jaminan sebagaimana yang disebut oleh Wakil Seberang Takir apabila disebutkan bahawa ada pelajar cemerlang IMTIAZ tak dapat, bila kita baca keseluruhannya menggambarkan bahawa memang dari segi kelulusannya dan markahnya rendah tapi kalau kita tak jawab seolah-olah ini yang dilakukan ada diskriminasi dari segi politik dan sebagainya. Sebab itu saya nak beritahu bahawa, saya beri jaminan baru-baru ini beberapa anak orang Pas datang berjumpa saya yang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti luar negara termasuk ke Timur Tengah dalam bidang perubatan tapi kita memberi syarat kalau nak pergi perubatan sekurang-kurangnya dapat 3.50 ataupun 6A tapi oleh kerana dia pergi secara persendirian mungkin tak tahulah ikut cara mana dapat tempat. *So,* kita beri jaminan bahawa tahun kedua kalau mereka mendapat keputusan cemerlang kita akan beri sebab kalau kita tidak mengikut syarat yang ditetapkan kalau kita gagal orang mengatakan mengapa kita pilih pelajar yang tidak cemerlang, akhirnya kita rugi, kita bersedia. Ini yang sebutkan tadi bahawa dan saya katakan bahawa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, saya timbulkan perkara ini betullah bercakap atas dasar untuk bagi mereka yang mampu. Saya alhamdulillah, saya mampu tak timbul masalah tapi perkara ini pernah timbul sebelum daripada ini mungkin barangkali, saya ingat lagi saya pernah kemukakan satu Usul di Dewan yang mulia ini tentang soal pelajar cemerlang daripada SMASZA yang Wakil Tepohpun tahu anak saudara Ustaz Zakaria Dagang mumtaz tapi tidak diberikan. Jadi saya harap .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya ingat kita ikut peraturan mesyuarat, kita ikut perkara yang dibincangkan dan saya rasa sudah jelas apa yang dibangkitkan itu. Sila sambung Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua, sebab itu kita akan memberi penghargaan. Baru-baru ini anak-anak Terengganu

yang mendapat *First Class Degree,* tahun lepas bila kita perkenal skim ini kita bagikan hadiah Pingat Emas ini kali pertama hanya dapat 22 orang anak Terengganu yang dapat Kepujian Kelas Pertama, tahun ini tahun kedua kita perkenalkan 63 orang. Kita beri pengiktirafan tidak tanyapun, ini anak orang Pas ke, anak orang Umno ke, anak PKR ke, takdok. Sebab itu insya Allah saya katakan tadi mereka yang mendapat kejayaan cemerlang kalau peringkat di Timur Tengah, mumtaz ke, jahid jidan ke, kita akan bagi. Baru-baru ini kita pergi ke Timur Tengah kita tak tanyapun, siapa yang dapat kita bagi. Hatta saya nyatakan saya pergi ke Syria tidak ada program saya melawat ke Syria tapi bila sampai di Jordan, kita dapat maklumat ada terdapat 100 lebih anak Terengganu di Syria, kita terus berhubung dengan Duta kita dan pergi dengan bas hari tu berjumpa lepas Maghrib tapi oleh kerana lewat kita sempat jumpa 19 orang, semua anak-anak orang Pas yang pergi tapi kita beri bantuan, sumbangan kepada mereka, insya Allah. Saya nasihatkan mereka belajar betul-betul, takdok masalah, apatah lagi mereka berada di luar negara. Sebab ini anak bangsa kita, saya beri jaminan kalau mereka cemerlang kita akan beri sokongan, dokongan dan baru-baru ini kita buat tawaran kepada anak-anak kita yang 63 orang kalau nak buat Master dan Phd kita bersedia membiayainya kerana nak melahirkan seberapa ramai anak-anak Terengganu sebab itu kita nak lahirkan mulai tahun depan sekurang-kurang 150 orang anak Terengganu yang akan menuntut dalam bidang Perubatan dan Pergigian akan kita taja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya sebutkan tadi dari segi kemiskinan relatifnya dulu mungkin pendapatan dia, kesusahan keluarga dia tapi hari ini kita akan berusaha sebab itulah modal insan merupakan benda yang paling utama yang boleh kita atasi masalah kemiskinan. Saya ingat anak-anak kita akan berjaya dan kita memberi biasiswa, pinjaman untuk mempastikan bahawa kurangnya berlaku kemisinan di negara kita ini. Dan saya tidak mahulah seolah-olah kita ratib setiap masa bahawa kita gagal untuk mengatasi masalah kemiskinan. Insya Allah dengan program jangka pendek dan jangka panjang sebagaimana disuarakan atau apa yang disebutkan oleh ADUN Sura akan kita laksanakan termasuk yang saya sebut berulang kali kita akan buka Ladang Rakyat ini untuk mempastikan bahawa setiap keluarga termiskin yang ada 6,000 orang ini apabila dibuka dan besar nanti dalam masa 5 - 6 tahun akan datang kerana saya mempunyai cita-cita dan harapan kalau kita buka ladang ini malah telah saya beritahu komitmen saya kalau tidak ada tanah di Terengganu mungkin kita beli ladang di tempat-tempat lain, di negeri lain untuk mempastikan sekurang-kurangnya 50,000 ekar ini yang kita boleh kumpulkan dana ini insya Allah suatu ketika ini kita boleh bagi setiap bulan kepada keluarga termiskin ini RM750 setiap bulan seorang dan kita akan bimbing mereka, ini harapan saya. Sebab saya sedar bahawa kalau kita bagi RM300 sekali bagi tidakkan ke mana perginya. Kita buat sesuatu,

kita bagi modal supaya mereka akan berusaha yang penting mereka perlu berubah sikap.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berbangkit mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Bukit Tunggal yang meminta supaya program-program RAKR ini termasuk juga Rancangan Pelan Struktur Batu Enam Tepoh iaitu beliau menyatakan bahawa supaya jalan-jalan dilebarkan, masalah longkang, parit dan sebagainya. Saya bersetuju tetapi sudah tentu bila sebagaimana disebut bahawa tanah-tanah ini melibatkan kawasan penempatan bila berlaku perubahan terpaksa ambil balik tanah dan nampaknya Wakil Bukit Tunggal dia nak supaya pembangunan tu ada tetapi dalam satu masa takmboh pulak ambil tanah rakyat, mintak jalan minima pulak, jalan minima. JKR ada *standard* dia, 40 meter, 30 meter jadi melibatkan, kena pulak tanah orang dan kita bayar pampasan, yang pertama. Yang kedua .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak penjelasan. Apa yang saya maksudkan ialah sekiranya pengambilan balik itu patut dibuat, terpaksa dibuat dan di situ akan dibuat pembangunan biarlah pampasan itu biar dengan harga atau dengan cara mana tuan punya yang diambil balik itu boleh balik ke tempat di situ semula, jangan sampai nanti dia takdok tempat nak tinggal terpaksa pergi ke mana-mana dan tempat itu dimiliki oleh orang lain kerana harganya tidak mampu dibeli kembali oleh penduduk asal.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya faham Yang Berhormat. Semalam Yang Berhormat telah mengemukakan cadangan kalau ambil balik tanah ambil baliklah dengan harga mahal, harga 5 tahun akan datang. Tak boleh Yang Berhormat, ini mengikut peraturan, kita bayar mengikut nilaian semasa dan sudah tentu harga nilaian semasa memang lebih tinggi daripada dulu sebab itu Kerajaan beri tanah ke orang hari ini tanah tapak rumah kita beri 10% aje harga, kalau harga tanah RM20,000 dia bayar RM2,000 aje tapi Kerajaan ambil balik setelah beberapa tahun harganya akan melipat kali ganda tapi kita tidak boleh bayar harga yang lebih tinggi daripada apa yang telah dinilaikan, takut timbul usul-usul fitnah pulak, susah pulak pegawai-pegawai ambil balik tanah kita, kan report BPR macam-macam, mari siasat pulak pening kepala satu hal pulak, kita kena ikut peraturan. Macam tadi nak ambil minimum dan Yang Berhormat bersetuju mana-mana gerai yang terlibat diminta roboh, saya berterima kasihlah, saya takut lepas ni kita roboh jadi isu pulak, ini masalahnya. Jadi, tak habis sokmo main sama sendiri sokmo, ini masalahnya. Kita nak menyusun semula bandar sebagaimana saya katakan tadi. Begitu juga dari segi pelan struktur itu sendiri sebagaimana disebut bahawa ada satu kes dikatakan bahawa bila dipamerkan baru-baru ini tapak surau nak jadi padang bola, ini pentingnya bila kita buat pelan struktur, kita pamerkan bila

kita pamerkan mereka yang berkepentingan diminta membuat bantahan mungkin kadang kala orang yang membuat pelan tu *over looked* ke, macam-macam berlaku ataupun perkiraan-perkiraan lain. Bila dipamerkan sebab itu kita mintak rakyat, orang ramai yang berkepentingan membuat bantahan dengan ini dia boleh buat pembetulan. Jadi, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal yang prihatin, mungkin dah lihat dan beliau ada kepentingan dan boleh buat bantahan dan sesiapa-siapa sahaja supaya kekalkan dan sebagainya ataupun menyusun semula dan sebagainya yang penting bandar kita perlu disusun kembali. Cuma saya dok berapa sedap dengar bila sebut acap kali sangat zalim, jadi dok sedap perasaan. Sayapun sedih jugak bila sebut zalim, zalim. Jadi, saya mintaklah kalau boleh lain kali carilah kalau takmboh katapun nak kata jugakpun katalah bahasa yang lain sikit biar lembut sikit, jadi dok sedap sangat. Jadi, saya rasa takmboh dah hak balah-balah ni, takmboh dah, pada hal samseng sangat saya ni bukan dok tahu ...(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Jadi, cuma saya katakan bahawa macam saya katakan tadilah bahawa istilah rompak dan sebagainya tidak timbul sebenarnya. Yang Berhormat Bukit Tunggal seorang Doktor, anak Melayu yang terawal barangkali kampung kita jadi Doktor kitapun *appreciate,* hargailah bukannya senang nak jadi Doktor dok? Jadi, bercakaplah dengan secara lemah lembut, kata rompak balak, sebenarnya saya nak beritahulah semenjak saya ambil alih ni .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak penjelasan, saya rasa tak sebutpun pasal balak, orang lain kot, ini dah salah *line* ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dok ada sebut, ada sebut, terbabas kelmarin, saya tanda.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang lepas saya sebut kes tebang balak, orang nak lari ke mana, hutan ditebang balaknya, ke mana dia nak duduknya .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya takmboh gaduhlah sebab Yang Berhormat sebut tebang balak, rompak balak disebut mungkin secara tak sedar barangkali, saya perhati dan saya catat. Cuma saya mintaklah, saya beritahu bahawa sejak saya mengambil alih pentadbiran Negeri tidak

ada satu kawasan balakpun kita luluskan lagi setakat ini. Jadi, soal rompak balak tu tak timbullah buat masa ini insya Allah kita akan buat secara yang terbaik demi kepentingan masa depan rakyat Terengganu.

Yang ketiga, Wakil Tepoh. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Wakil Tepoh yang dapat bersama-sama dengan bakal Haji kita lima penerbangan. Dia sebut pulak alhamdulillah, ketiga-tiga penerbangan pertama itu semua anak Terengganu jadi Pilot 747 ini sehinggakan saya jumpa belaka cuma hak Nik Azri hak orang Pak Kancil ni, orang Setiu saya tak jumpa. Haji Mustaffa Ali pernah naik bersama dengan dia dan juga Kapten Dato' Nawawi. Jadi, kita merasa syukur atas kebolehan anak-anak Terengganu bawa 747 ini sebab itulah Kerajaan Negeri Terengganu mulai tahun hadapan kita akan memberi biasiswa/pinjaman sekurang-kurangnya kepada 20 anak Terengganu untuk menjadi Pilot kapal terbang dan helikopter termasuk kita akan memberi pinjaman kepada 20 orang yang mengikuti Kursus Kejuruteraan Penerbangan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dimaklumkan oleh pihak MAS dan Tabung Haji bahawa urusan kita ini jauh lebih baik daripada apa yang berlaku di Kelana Jaya dengan kemudahan Stadium Tertutup kita, dengan apa yang kita buat, kita sediakan bas malahan bukan itu saja Kerajaan Negeri telah menyediakan makan minum kepada orang yang menghantar bakal-bakal haji ini, kira-kira 2000 sehari kita sediakan makan minum untuk kemudahan mereka. Malahan Negeri Terengganu bersedia untuk membuat satu Apron khusus untuk penerbangan Haji mulai tahun hadapan kerana pada tahun hadapan dijangka 20 penerbangan akan menggunakan Lapangan Terbang Kuala Terengganu daripada apa yang 8 yang kita ada hari ini iaitu melibatkan daripada Terengganu, Kelantan dan juga sebahagian daripada Pahang iaitu Kuantan yang akan menggunakan Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Mengenai sistem perparitan saya mengakui Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang sistem perparitan kita belum sempurna. Sebab itu kajian mendalam perlu dibuat dan kita sejak dulu lagi kita ada DC 9, DC 8 dan DC-DC yang seterusnya yang perlu kita lakukan. Sebab itu saya sendiri sejak dulu semasa saya mengetuai portfolio Kerajaan Tempatan saya mengarahkan pihak PBT dan juga JPS supaya membuat longkang-longkang, parit kita, *monsoon drain* kita *over size* kerana kita sedar dulu sebahagian daripada kawasan kita paya banyak, tempat takung air banyak tapi hari semuanya dah jadi taman-taman perumahan, dah jadi projek-projek pembangunan. Oleh itu kawasan tadahan semakin berkurangan, tempat takungan air semakin berkurangan, saya selalu menggunakan analogi dalam mesyuarat yang lepas saya kata: Contohnya stadium kita 100,000 boleh muat, bila ada rusuhan kita buka satu pintu sudah tentu ramai yang mati, tertindih dan sebagainya. Begitu juga dengan air, kawasan-kawasan takungan telah kita timbus, perumahan,

pembangunan, kawasan-kawasan laluan air kita sekat dan sebagainya sebab itu akan menjadi masalah. Dan untuk menyediakan peruntukan ini, kadang-kadang sebab itulah saya akui sejak dulupun mungkin barangkali orang kurang memberi pertimbangan sebab tidak ada hasil, kalau buat jalan ada *road tax,* buat longkang nak boleh hasil benda, takdok benda satu sebab itu pengurangan berlaku dalam peruntukan. Sebab itu bila saya menjadi Exco dulupun saya beri penekanan kadang-kadang berkelahi kitapun nak dapat peruntukan ni, nak dapatkan longkang. Alhamdulillah dah dapat RM20 juta setahun, RM20 juta setahun banyak-sikit saya melawat sendiri tengok longkang ini dan sebagainya. Sebab itulah untuk pengetahuan, kita perlu buat keseluruhan sebab buat longkang bukan macam buat jalan, buat jalan boleh buat 1 kilometer tahun ini, tahun depan sambung pulak 1 kilometer tapi buat longkang kita kena ambil daripada *catchment area* dia sampai ke *outlet* dia, daripada A sampai Z sekaligus kalau tidak kalau buat sekerat, sekerat itu hilang banjir kat dia, sekerat kat lain tu banjir pulak, orang lain pulak marah ke kita sebab ia melibatkan kos yang besar dan melibatkan kajian mendalam melibatkan pengambilan balik tanah, masalah utama kita ialah pengambilan balik tanah kerana memakan masa, bantahan, bicara dan sebagainya. Tapi saya nak maklumkan bahawa ini melibatkan dua orang yang akan saya jawab sekaligus iaitu Wakil Tepoh dan juga Wakil Ladang iaitu melibatkan pembinaan longkang-longkang kita ini dan kita ada beberapa perancangan yang akan dibuat nanti. Yang pertama, zon selatan iaitu melibatkan pembinaan perparitan konkrit sepanjang 25 kilometer bukan 2.5 kilometer, 25 kilometer *monsoon drain* dan sebagainya, 3 buah jambatan merintasi jalan, pembinaan 4 buah jambatan ringan, 11 buah *twin* atau *triple culvert* dan pembinaan 2 buah pintu air. Kos projek dianggarkan RM30 juta lebih dan kerja-kerja pengambilan balik tanah RM32.7 (juta) itu hak semasa, tak tahu lagi tahun depan bila bicara ni banyak mana,takut naik pulak. Yang kedua, kerja-kerja pembinaan melibatkan RM57.3 juta bagi Kuala Terengganu Selatan/Zon Selatan sahaja melibatkan kos hampir RM90 juta (semasa). Yang ketiga, Zon Utara dari segi struktur pembinaan *wire* konkrit sepanjang 18 kilometer. Pembinaan 3 buah jambatan merintasi jalan, pembinaan 4 buah jambatan ringan, pembinaan 17 buah *twin* atau *triple culvert*, ni dok tahu lagi saya mintak besar lagi ni, arahan yang terbaru saya keluarkan kepada JPS kerana kajian yang dibuat oleh Za'abar 15 tahun dulu atau 10 tahun dulu. Kalau dulu 8 kaki, saya kata sekarang mesti ada 12 kaki sekurang-kurangnya 1/3 pertambahan sebab dulu semasa kajian dibuat masih banyak tanah paya dan sebagainya termasuk contohnya di Kijal saya buat sampai 100 kaki kalau banjir jugak nak kata guana lagi dah. Masalah kita pulak banjir yang berlaku di Terengganu Yang Dipertua kerana tebing sungai kita rendah. Yang ketiga, yang saya sebut tadi di Zon Utara kos projek pengambilan balik tanah sahaja RM23 juta dan kerja-kerja pembinaan RM47 juta dan peruntukan semasa yang diperlukan hampir

RM200 juta keseluruhannya. Insya Allah, kita akan buat kajian secara teliti dan saya mintak supaya JPS membuat kajian semula tentang keperluan saiz *monsoon drain* kita ini sekurang-kurangnya 50% diperbesarkan daripada saiz yang telah dibuat kajian oleh Za'abar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Za'abar ini Perunding Yang Berhormat, ya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut Za'abar Dato' .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bukan Za'abar Wakil Rantau Abang. Syarikat Perunding yang buat kajian tentang perparitan dan *Flood Mitigation* Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua, dengan izin. Dan secara spesifiknya mengenai perumahan di kawasan Tepoh iaitu melibatkan Taman Embong ke, Taman Pusu Tiga. Saya difahamkan Pusu Tiga itu tempat bertemunya tiga aliran anak sungai dan tempat itu sendiri yang terlibat nama diapun Baroh Tok Jiring. Bila sebut baruh saja orang buat rumah tahu sajalah, kontraktor dia nak jimat belanja. Di Pusu Tiga baru-baru ini di dalam surat khabar iaitu taman itu sendiri tidak ada CFO kerana Majlis Perbandaran Kuala Terengganu ketika itu meminta pemaju menambun tanah sekurang-kurangnya 3.5 meter tetapi pemaju hanya tambun 2.6 meter saja, hampir 1 meter di bawah paras banjir. Bila banjir tak terkejut kalau air di paras pinggang di dalam rumah tapi masalahnya bila banjir dia orang marah ke kita pulak, susah kitapun nak kata guana. Cuma kita katakanlah bahawa kita akan membantu setakat mana yang boleh dan saya berbincang dengan JPS, dengan Datuk Bandar boleh tak kalau kita pakai pam air, nak sedut air keluar, JPS kata nak pam guana kalau dipam keluar dari situ dia akan masuk balik pulak sebab kawasan itu memang kawasan takungan air. Inilah masalah yang kita hadapi dan kita memahami cuma kita mengharapkan JPS beritahu ke saya kalau boleh kita perbesarkanlah anak aliran sungai yang ada itupun tak menjamin kerana tebing sungai di kawasan itu rendah kalau air pasang 30, pasang 15 air laut pulak yang masuk, inilah yang menjadi masalah kepada kita Dato' Yang Dipertua.

Mengenai perkara yang biasa disebut oleh Wakil Tepoh dan saya telah memberi jawapan beberapa kali dahulu bahawa insya Allah Kerajaan secara seriusnya yang telahpun melantik sebuah Syarikat Perunding untuk buat kajian bagi mewujudkan satu daerah baru di Kuala Nerus. Sebab itu sejak dulu saya tidak bersetuju bila ada cadangan untuk mewujudkan satu PBT di Kuala Nerus. Bagi saya yang penting daerah adalah lebih baik daripada PBT, bila dapat daerah baru kita ada Pejabat Daerah baru, Pejabat Tanah baru, Hospital

Daerah baru, Pusat Kesihatan baru, macam-macam baru, PBT Ahli Majlis saja baru, hak lain dok. Sebab itu saya nampak dah dari segi strategi masa depan walaupun orang Kuala Nerus marah ke saya dulu. Insya Allah, saya katakan tadi bahawa kita akan jadikan satu harapan ini menjadi kenyataan dalam masa akan datang.

Mengenai Ladang, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasihlah kepada Wakil Ladang yang nampaknya bersetuju supaya diatur dan disusun semula Kampung Ladang ini kerana saya sedar bahawa Ladang berada di dalam bandar dan penyusunan semula perlu dibuat dan kita akan pastikan bahawa yang menjadi masalah kepada kita ialah menyelesaikan sementara penduduk-penduduk yang terlibat. Kerana kita sedar sebahagian penduduk yang tinggal di Kampung Ladang adalah mereka yang menumpang di tanah orang. Kalau mereka tuan tanah senang, mereka akan dapat duit mereka boleh beli rumah dan tapak kedai di tempat lain tapi apa nak jadi kepada mereka yang menumpang yang menyewa RM20 sebulan, itupun tak berbayar, rumah compang-camping, kita nak baiki tak boleh sebab syarat kita baiki rumah ialah rumah mereka sendiri bukan rumah sewa, ini kadang-kadang berlaku silap faham dan sebagainya. Dan sebagaimana saya katakan tadi oleh kerana kita terpaksa mencari tanah sementara dulu untuk membuat rumah PPR untuk memindahkan mereka sementara. Jadi, untuk dipindah mereka jauh ke Chendering, mereka tak mahu pergi, kita sedar mereka ini bekerja mencari makan dalam bandar sebab itu kita cuba mencari tempat yang berhampiran, berdekatan dengan mereka supaya boleh mereka dipindahkan sementara waktu dan selepas itu kita beri rumah-rumah mereka dalam bentuk rumah bertingkat kepada mereka. Walaupun sebagaimana saya sebutkan tadi bagi yang mampu kita jual dengan subsidi dengan jumlah yang tertentu akan kita berikan, bagi yang tidak mampu kita beri sewa sebagai PPR dan tak mampu lagi barangkali kita akan buat satu penempatan baru kepada mereka supaya mereka dapat mendiami di dalam kawasan bandar ini. Satu program yang telah dipersetujui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kita usahakan sejak 3 tahun yang lalu iaitu untuk membina rumah PPR di Kampung Hiliran iaitu berhampiran tapak bekas RTM dulu seluas 18 ekar. Kementerian telah bersetuju dan insya Allah akan dilancarkan tahun hadapan sebanyak 1200 unit dan kita buat Rumah PPR setinggi 15 tingkat setiap satu blok. Nak buat rumah rendah tak boleh tanah tak cukup, tanah mahal dan tidak ada tempat. Kita akan tempatkan mereka sama ada kekal di situ dan sementara bagi mereka yang terlibat dalam penyusunan semula Bandar Kuala Terengganu. Di samping itu, sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa kita ada program-program khusus bagi rumah-rumah ini iaitu pembahagian atap dan sebagainya bagi mereka-mereka yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai ECER, saya ingin menjelaskan bahawa ECER adalah merupakan tambahan kepada apa yang dirancangkan oleh Kerajaan Negeri suatu bentuk pemangkin baru yang boleh mempercepatkan pembangunan di Pantai Timur khususnya di Negeri Terengganu dengan peruntukan yang disalurkan melalui ECER dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Jabi ada menyentuh mengenai Jelapang Padi Setiu. Pembinaannya insya Allah kita sedang mengenal pasti satu tapak kalau nak tunggu keseluruhan 10,000 ekar itu mungkin memakan masa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk membina sebuah empangan di Setiu yang berharga lebih RM300 juta, pertama boleh menyelesaikan masalah banjir di Setiu, yang kedua menyebabkan kita boleh pastikan bahawa empangan ini menjadi pusat pengairan kepada jelapang padi di Setiu yang saya sebutkan tadi kerana Setiu mempunyai jelapang padi yang luas yang boleh kita bangunkan dan insya Allah Kerajaan Negeri dengan peruntukan yang disebut RM50 juta dalam Bajet itu 1,500 ekar daripadanya akan kita mulakan awal tahun depan dari segi kerja-kerja pembersihannya, penolakan tanah kerana kita akan jadikannya sebagai ladang padi secara komersil iaitu kita terpaksa tolak tanah kawasan ini macam padang bola tak boleh buat macam dulu dah. Walaupun kosnya tinggi tapi selepas ini dari segi pengairannya dia akan mendapat pengairan yang sempurna dan boleh tanam padi dua kali setahun dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Jabi juga bertanyakan soal TIA. Saya menyatakan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah pada asalnya meluluskan TIA dan tidak ada perkara yang hendak kita sembunyikan insya Allah pakar-pakar ekonomi, negara kita termasuk MOF sedang merangka satu mekanisma yang terbaik dan apabila siap nanti kalau sempat insya Allah pada bulan April nanti kita akan bawa ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat persetujuan, dia perlu dibawa ke Dewan Undangan Negeri.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya cuma ingin mendapat sedikit penjelasan mengenai TIA ini sendiri dan hubungkait dengan TI yang wujud di Negeri Terengganu, Terengganu Incorporate Sdn. Bhd. yang sedia ada yang mana ada kebimbangan saya sedikitlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bila berubahnya Kerajaan Negeri Terengganu ataupun berubahnya Menteri Besar Negeri Terengganu ni, TI ni Ahli Lembaga dia orang-orang yang dihormati, antaranya Tan Sri Razali, Tengku Azlan, jadi bila berubah Menteri Besar ni seolah-olah mereka ini tidak dihargai pemikiran mereka, kepakaran mereka dan seolah-olah orang Terengganu takmboh kepakaran orang-orang macam ni. Jadi, sedangkan orang-orang yang

saya sebutkan Dato' Azlan, Tan Sri Razali ini dihormati di peringkat negara kita dan jugak di peringkat antarabangsa. Jadi, ini saya rasa memalukan kalau kita tolak dan seolah-olah ada unsur-unsur penghinaan pulak kepada mereka ini tidak dihargai, dahlah tidak dihargai seolah-olah kita nak menghalau mereka dari Negeri Terengganu ni, mintak penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya sebut ramai orang pandai, ramai orang bijak tapi tak ramai orang jujur dan ikhlas dalam menentukan perkara bisnes. Kalau Wakil Batu Burok mengatakan seolah memalukan tapi kalau saya sebut lebih memalukan itu jawapan saya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dok jelas tu .... (dalam gelak) ....?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Tak jelas. Jadi saya tak mahulah menyebutnya dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab ada perkara-perkara yang memalukan berlaku dalam perkara-perkara pengurusan ini. Sebab itu saya kata nak cari orang cerdik ramai, kalau saya dedahkan ramai yang terdedah, ramai yang terasa sebab itu saya kata walaupun dia bijak, ada Phd tapi belum tentu dan walaupun dia seorang korporat belum tentu dia ikhlas nak membantu kita. Saya kenal korporat Terengganu, semua *kecek* Terengganu, minta maaf saya sebut. Semua korporat Terengganu, tokoh-tokoh yang terkenal pernah *kecek* Terengganu, setakat itu saja yang boleh saya sebut Dato' Yang Dipertua. Saya ada bukti satu persatu, kalau Wakil Batu Burok nak tahu mari jumpa saya secara personal.

Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya nyatakan bahawa saya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah pada dasarnya bersetuju dan kita tak campur tangan banyak sangat dalam peringkat permulaan dan peringkat akhirnya dari segi pengurusan TIA ini dia akan diuruskan oleh satu pasukan profesional dan sekarang ini pihak AG dan juga pihak Kementerian Kewangan sedang membuat, merangka syarikat ini dan sebagaimana saya katakan tadi Wakil Rakyat akan diberitahu dan kita akan diberitahu dan ianya akan mengikut Enakmen yang bakal kita tubuhkan nanti. Tidak ada apa yang hendak disembunyikan kerana saya bukan orang bisnes, saya tidak ada kepentingan bisnes atau peribadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak sedikit penjelasan dan saya ucap terima kasihlah di atas jawapan terus terang dan nampak lebih terbuka, lebih telus yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat. Cuma selain daripada TIA yang dikemukakan, dimaklumkan kepada Dewan, saya jugak mintak kalau boleh laporan perbelanjaan dan kajian projek-projek Dana Khas supaya senarai yang ada, perbelanjaan yang itu sepertimana yang saya kemukakan dalam Usul Tergempar saya itu jugak diberitahu pada Dewan ini bila siap nanti. Jadi, saya mintak kerjasama daripada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, pandangan Wakil Wakaf Mempelam itu akan diberi perhatian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai ADUN Air Putih ada menyebut mengenai Perumahan Rakyat sebagaimana saya sebutkan dalam Ucapan Bajet saya, pada 2008 kita sekarang dalam proses pembinaan 1,586 buah Rumah PAKR (Program Rumah Awam Kos Rendah) dan pada tahun ini melibatkan 7 lokasi dan insya Allah 2009 kita akan tubuh 10 lagi lokasi akan kita bina rumah kos rendah ini termasuk sebagaimana yang saya sebut tadi 1200 unit yang dibuat di Kuala Terengganu saja dan ada tambahan-tambahan insya Allah selepas ini yang akan saya maklumkan kemudian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai ADUN Sura yang mengatakan 'Merakyatkan Pembangunan', bermacam-macam lagi yang saya nampak agak bersikap persimis dan negatiflah. Tapi saya *confident,* saya penuh keyakinan Dato' Yang Dipertua, program untuk 'Merakyatkan Pembangunan' ini akan saya laksanakan sebaik mungkin sepanjang tempoh saya diberi amanah ini sebab itu saya nampak melalui konsep Ladang Rakyat ini masalah kemiskinan Terengganu dapat kita atasi dalam tempoh 5 – 6 tahun akan datang. Walaupun katanya harga kelapa sawit ini rendah tapi kita tahu walaupun rendah tapi insya Allah dalam jangka masa yang panjang dia akan naik balik, makanan kita tak bimbang sangat dia selagi orang makan selagi itu diperlukan. Sudah tentu hari ini memang harga dia murah tapi bila harga dia naik kembali dia akan memberi pulangan yang lumayan kepada kita, apatah lagi kelapa sawit ini lebih baik daripada kacang soya di Amerika sana sebab dia kelapa sawit ini ditanam dia boleh bertahan 30 tahun, klon baru 30 tahun Dato' Yang Dipertua, hak lama 25 tahun, klon baru ini boleh tahan 30 tahun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya menyebutkan tentang tema itu supaya ia menjadi kenyataan, tidak mahu seperti yang lalu banyak pembentangan Bajet yang melibatkan projek-projek ini tidak sampai hakikat sebenarnya kepada kepentingan untuk rakyat, itu yang saya harapkan. Insya Allah, saya berterima kasih kepada penjelasan tadi. Yang kedua ialah berkaitan dengan ladang kelapa sawit yang hendak dicadangkan itu yang telah saya sebutkan semalam, saya memohon supaya perincian dibuat oleh Kerajaan katakanlah kalau 6 ekar itu tak cukup untuk mengangkat taraf rakyat yang termiskin untuk keluar dari paras kemiskinan itu maka diberi satu kajian terperinci supaya dilebihkan lagi, itu maksudnya bukan saya menolak. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya kata Ladang Rakyat ini bukan cakap-cakap kalau Wakil Sura tengok dalam Bajet RM100 juta diperuntukkan untuk Ladang Rakyat ataupun kelapa sawit ditanam sekeliling rumah insya Allah selepas Tahun Baru Cina tahun depan pembukaan akan dibuat melibatkan 14,000 ekar yang pertama, 6,000 ekar di Setiu, 8,000 ekar lebih di Dungun dan EIA sedang dibuat insya Allah projek ini akan dilaksanakan serta merta. Jadi, soal kebimbangan takut dok sampai tak timbul Dato' Yang Dipertua, insyaAllah saya beri jaminan ini akan berlaku dan tetap akan berlaku dengan izin Allah S.W.T. Seterusnya, kita juga nak betulkan sedikit persepsi yang dibuat oleh Wakil Sura yang menyatakan 6,000 tak cukup dan sebagainya. Sebenarnya ladang ini bukan tujuan untuk diagihkan dari segi ekarnya kepada peserta tapi hasil yang dikumpulkan kemudian diagihkan kepada penerima-penerima yang layak yang termasuk dalam kategori kemiskinan tegar setiap bulan mengikut perkiraan kita sehingga pendapatan mereka ini yang mereka dapat melepasi paras kemiskinan. Kalau kemiskinan katalah dapat RM700.00 kita beri RM750.00 setiap bulan hasil dana yang kita kumpulkan dari Ladang Rakyat ini dan saya menyebut di sini bahawa insya Allah kalau susah sangat nak cari tanah di Terengganu ini kita bersedia untuk membeli ladang-ladang lain di negeri-negeri lain untuk mencukupkan sekurang-kurangnya 50,000 ekar yang kita akan khususkan kepada golongan termiskin ini. Kalau katakan hasil rendah mungkin perlu lebih luas daripada itu, kita akan tentukan lebih luas daripada itu yang bakal kita miliki dengan hasil royalti yang akan dikembalikan ini sebab itu saya katakan 'Untuk Merakyatkan Pembangunan' insya Allah, saya ingin melihat bahawa suatu ketika ini miskin tegar bukan lagi menjadi satu igauan bagi rakyat Negeri Terengganu, insya Allah Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa usaha-usaha mengatasi kemiskinan ini bukan sahaja dari segi pendidikan yang saya sebutkan tadi termasuk juga pembinaan Ladang Rakyat, termasuk juga dengan program Jelapang Padi yang kita nak bahagi 10 ekar seorang, kita takmboh

bagi seekar, dua ekar dah setiap petani yang nak masuk skim kita ini diberi 10 ekar seorang cuma kita beritahu mereka tidak dapat Hak Milik kerana penyakit orang kita ini bila lepas 3 tahun nak Hak Milik, bila dapat Hak Milik, dapat Geran dia tak usaha tanah mereka, tinggal sebab jadi harta dia dah. Ini penyakit kita sebab itu kita kata, kita beri dia, bila mari nak usaha, usahalah 10 ekar seorang, kita akan bagi bantuan dan sebagainya kalau dia tak tanam kita akan serah kepada orang lain yang ingin menanamnya. Kita ingin menjadi petani sebagai satu industri satu punca pendapatan, satu bidang perniagaan bagi mereka. Cuma saya rasa tak sedap sikit bila dakwaan mengatakan masa banjir baru-baru ini orang taman rakyat pergi beli beras 1/2 kilo itu rasa berat sikitlah, zaman lening rasa payah dah orang nak pergi beli beras 1/2 kilo ni, sekurang-kurang hak 5 kilo, kalau ada satu-dua, *exceptional case* mungkin barangkali tak tahu tapi berat sikitlah nak terima dakwaan ini. Mintak maaflah saya sebut.

Jadi kita berharaplah bahawa masalah banjir ini sebagaimana didakwa oleh Bukit Payong kerana Umno tak beri tumpuan kepada longkang dan sebagainya. Sebenarnya soal banjir ini berlaku belaka, Umno ke, Pas ke, zaman Pas banjir kuat jugak hari tu, sayapun *mengarung* air jugak. Jadi jangan sebutlah hal banjir, hal malapetaka dengan zaman Pas, zaman Barisan Nasional, zaman Umno ke dia mari, dok, dia bergantung pada nasib. Pada tiga tahun lepas takdok banjir besar, takdok Negeri Terengganu, negeri lain banjir, Johor dua minggu banjir, Pahang banjir parah, Terengganu tak banjir kita sukalah, lepas tiga tahun dia mari pulak, ini giliran kitalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, di Kelantan rasanya banjir besar jugak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yalah. Jadi soal banjir ini dia tak kenal Pas ke, Umno ke, Barisan Nasional ke, dia tak kenal. Sampai masa dia mari, dia mari. Jadi kita jangan kaitlah bila banjir bergantung nasib masa kita memerintah, masa kita memerintah mari banjir tenggelam, nya tuduh kita macam-macam. Sebab itu kita kata kadang-kadang masalah orang kita ni, kita terlalu mengikut emosi, mengikut perasaan, mudah nak tuduh orang, menuding jari macam bini kita jugak, dah bini kita daripada dulu dah hak bini kitalah dah bila bercerai kata macam-macam. Dah sebab apa bercerai? Kes tidur berdengkur, marah kerana kes tidur berdengkur bercerai, selama ini hak tu dia peluk tidurnya ....(Dewan Gelak) ..... Jadi kita kena fahamlah konsep ini. Jadi saya percaya bahawa cuma kita sama-sama berdoalah sebab baru sekali air, orang Terengganu panggil baru sekali air ni, ada dua kali air lagi ni banjir ni. Mudah-mudahan banjir akan datang ni lebih kecil daripada hak lepas dah, nasib tak baik mari hak besar beratlah kita.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Mintak jelas tak apa, kita boleh jelas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar betul-betul Yang Berhormat jangan kerana nak jolok.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dok, dok, dok jolok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya beritahu akhir dalam ucapan saya tu mengenai banjir yang berkait dengan jalan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu di Pekan Bukit Payong tu bukan saya kata zaman Umno memerintah tapi jalan itu telah diperbesarkan tiba-tiba masa banjir baru-baru ini dia agak tinggi air dia masa banjir yang mengganggu laluan, jadi saya mintak supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya kenapa jalan besar orang daripada Pengkalan Berangan, orang daripada Binjai Rendah, orang daripada Kuala Berang, itu yang saya mintaknya bukan saya kata kerana Kerajaan Umno. Berasa jelas dah benda tu. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebagaimana yang saya katakan tadilah sebab bila kita membuat jalan baru dan selalu bising saya mintak dan pastikan bahawa pihak JKR bila buat jalan baru buat longkang 3 kaki, saya mintak dan saya sebut saya bukan Engineer minta maaf, saya kata kalau boleh buatlah longkang yang berbentuk *'U' shape* bukan *'V' shape* sebab mudah kita menguruskannya, nak bersih lebih besar. Tapi kadang kala termasuk jalan-jalan hak buat baru-baru ini, JKR Negeri tak tahu, jadi hak buat Kuala Lumpur, dia buat semacam longkang hak jenis *'V' shape* semacam di setengah-setengah tempat tu, tipus punggung-punggung orang Terengganu panggil, jadi payahlah kita. Jadi bila sempit jadi tak padan dengan kawasan tadahan air dan sebagainya. Sebab saya dah sebut dari dulu Terengganu ni kita berada di tepi pantai, air yang datang daripada gunung dan bukit pergi ke pantai, walaupun JKR kata jalan dia untuk air atas jalan aje, betul tapi sebab itu kadang kala bila air mari dok kira dah jalan JKR ke apa langgar aje, sebab kita tengok di setengah tempat saya selalu *complaint* ada macam lebuh raya jugak dua lorong longkang. Kalau di Kerteh tu jalan baru buat, *monsoon drain* yang dibuat oleh Majlis Daerah ada

dah, JKR buat jalan baru ada pulak se lagi, dok sampai 8 kaki, 6 kaki aje dengan hak tu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan. Hak Kerteh tu pasal apa jadi gitu, pasal apa JKR buat gitu, tidak adakah penyelarasan di antara Negeri dengan Federal?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sebab hak saya kata tadilah. JKR Negeripun tak tahu, projek mari daripada atas nak kata guana. Dia konsultan dia reka hak dia dok tengok dah hak lain, dia buat atas kertas sepatutnya tak payah buatlah. Jadi cukuplah, tak apalah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Mintak sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang mintak duduk kejap. Yang Amat Berhormat saya ingat urusan Dewan ini panjang lagi, jadi kalau nak celah, celahlah benda yang perlu kita pergi kepada fokuslah perkara-perkara yang perlu untuk kita luluskan perbelanjaan ini Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa penambahbaikan sedang kita lakukan dari masa ke semasa sebab itulah kita bersedia menerima teguran yang membina dari pelbagai pihak malah saya sendiripun saya begitu kritikal tentang perancangan pembangunan dan sebagainya, pembinaan longkang dan sebagainya. Saya selalu menyebut perkara-perkara ini supaya kita memberi perhatian yang serius sebab itulah kita mintak supaya jalan dilebarkan, longkang diperbesarkan, perancangan masa depan, ini yang perlu kita buat. Kadang kala saya juga menegur bahawa kadang kala yang datang ke mesyuarat pegawai yang laksanakan projek, bila buat *design* technician benda ini tak sampai sebab itu masalah kita ini supaya kita selaraskan demi pembangunan masa depan kita dan kita tidak mahu bahawa jabatan Kerajaan kata ini JKR, hak ni kata pulak JPS masing-masing bergaduh sama sendiri kerana kita semua adalah untuk memberi khidmat kepada rakyat, kita perlu memberikan kerjasama, bersefahaman sebaik mungkin kerana yang penting akhirnya rakyat mendapat faedah ataupun mendapat kesan daripada hasil pembangunan yang kita lakukan. Sebab itulah saya menyatakan bahawa kita dari masa ke semasa insya Allah akan melakukan apa sahaja yang terbaik demi kepentingan rakyat Terengganu dan insya Allah saya berjanji dengan royalti yang dikembalikan kepada kita ini kita mampu mengubah senario pembangunan Negeri Terengganu dan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wakaf Mempelam dari segi Bajet kita kalau Federal buat baru ini kebetulan harga minyak (USD)140 tapi kita

telah membuat perkiraan-perkiraan kita sendiri, nasib baik kita buat Bajet bulan dua belas kalau kita buat bulan sepuluh dahulu rebah jugak kita, nasib baik perkiraan-perkiraan yang kita buat berasaskan harga minyak Terengganu, saya sebut harga minyak Terengganu ini sebab harga minyak kita lain daripada harga hak lain, kita tapis/*blend crude oil* kita ni, harga mahal sikit pada orang, kita buat Bajet kita berandaian USD60 *per barrel*. Jadi saya rasa itulah sahaja Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang membuat teguran, memberi pandangan, ada pandangan yang membina saya menerima dengan sebaik mungkin dan kelemahan-kelemahan itu insya Allah akan dijadikan pengajaran kepada kita demi kepentingan rakyat Negeri Terengganu, insya Allah. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang turut membahaskan Bajet kita pada kali ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.799 bilion. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menjelaskan dengan bersungguh untuk meluluskan Enakmen kita ini dan melaksanakan perbekalan rakyat ataupun perbekalan merakyatkan pembangunan yang telah kita bincangkan bersama-sama. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telahpun selesai membahas dan juga mengulas ataupun menggulung Enakmen Perbekalan 2009 ini. Sekarang saya buka kepada undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2009.**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mempunyai masa lagi saya ingat kita boleh membawa ke depan sedikit untuk Enakmen kedua.

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2008 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2008.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua sekarang saya membuka ruang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membahasnya. Ada sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap dipersilakan. Batu Burok?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita berhenti sebelum pukul 1.00 Yang Berhormat, ya. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Perbelanjaan Tambahan yang disebut ataupun kita perbincangkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah berjumlah RM200 juta dan kita telahpun berbincang tentang Bajet Tahunan yang telahpun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mana sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam bahawa Bajet yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu adalah yang paling tinggi di seluruh Malaysia Barat. Dan kalau mengikut rekodnya Bajet Tahunan Kerajaan Negeri Terengganu daripada 2006, 2007, 2008 dan 2009 adalah yang tertinggi di Semenanjung Malaysia dan Bajet Tambahan ini adalah merupakan ataupun peruntukan tambahan ini, perbelanjaan tambahan ini adalah merupakan suatu yang besar yang diperuntukkan yang mana saya ingin menyentuh sedikit bahawa dalam suasana inilah kita perlu lebih bersifat telus dan terbuka sebagaimana yang juga kita banyak perkatakan di Dewan yang mulia ini, Negeri Terengganu negeri kaya tetapi rakyatnya ramai yang berada di tahap kemiskinan yang tegar. Ini merupakan suatu usaha yang perlu kita selesaikan dengan cepat kenapakah kita memerlukan suatu Bajet yang besar, apakah bentuk-bentuk peruntukan yang kita berikan ini memenuhi kehendak rakyat Negeri Terengganu secara keseluruhannya. Yang penting sekarang ini adalah untuk menyelesaikan masalah rakyat dalam suasana kemelesetan ekonomi yang berlaku sekarang ini rakyat berhadapan dengan kehilangan peluang pekerjaan, pengangguran yang kian meningkat, rakyat berhadapan dengan keperitan, kos hidup yang membebankan, rakyat berhadapan pulak sekarang ini dengan peningkatan jenayah yang begitu mendadak, rakyat jugak berhadapan sekarang ini dengan suasana polarisasi kaum yang semakin tajam dan semakin bahaya.

Dato' Yang Dipertua, kita mengakui bahawa kita berhadapan dengan krisis ekonomi, semua orang memperakui ini. Kita tidak boleh *deny,* kita tidak boleh

lari daripada krisis ekonomi dunia, krisis ekonomi yang kena kepada negara kita dan juga negeri kita. Maka tumpuan yang besar yang perlu kita berikan, yang saya ingin sarankan di sini walaupun ianya akan diluluskan tetapi perlulah kita melihat kepada bentuk Belanjawan yang lebih bersifat berhemah. Kita perlulah memberikan perhatian agar kita menghapuskan terus ataupun mengurangkan dan menghapuskan pembaziran dan jugak ketidaktelusan dan Negeri Terengganu perlu mencari sumber-sumber hasil baru bagi kita mendapat pulangan yang lebih baik selain daripada pergantungan kita kepada royalti minyak, Terengganu perlu mencari sumber-sumber asli yang ada di Negeri Terengganu ini untuk kita menampung keperluan kita di masa-masa yang akan datang terutamanya untuk keperluan rakyat yang miskin yang ada di dalam negara kita. Saya sebutkan tentang inflasi, saya sebutkan tentang pengangguran, saya sebutkan tentang jenayah, ini merupakan suatu yang menjadi tekanan kepada rakyat Negeri Terengganu sekarang ini maka dengan peruntukan yang begitu besar, kita dah memperuntukkan Bajet yang besar lebih daripada RM1.7 bilion, kita bawa pulak ke Dewan ini dengan Perbelanjaan Tambahan RM200 juta lagi. Ini merupakan suatu yang besar Dato' Yang Dipertua, dan perlu kepada justifikasi, justifikasi bukan sahaja di Dewan, justifikasi kita kepada rakyat Negeri Terengganu, lebih daripada 1 juta rakyat Negeri Terengganu perlu tahu apa yang hendak kita belanja dan apakah ini akan sampai kepada rakyat Negeri Terengganu. Sebab itulah projek-projek yang besar, projek-projek yang tidak memberikan pulangan sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada projek-projek yang mari daripada Pusat yang Negeripun tak tahu, ada jalan yang dibuat Kerajaan Negeripun tak tahu, ada peruntukan-peruntukan daripada Pusat, Kerajaan Negeripun tak tahu, Excopun tak tahu, Menteri Besarpun tak tahu maka ini perlu kita mengambil tanggungjawab, Negeri Terengganu kena ambil tanggungjawab. Alhamdulillah, royalti kita dapat balik, diperjuangkan oleh rakyat dan jugak seluruh pemimpin Negeri Terengganu bukan sahaja kita nak 5%, kalau boleh 10%, 15% kita nak tuntutan ini, kalaulah Negeri Sabah dan Sarawak sekarang ini membuat tuntutan royalti minyak bukan 5% tapi 10%, 15% sekarang ini, parti-parti politik komponen Barisan Nasional buat tuntutan kepada Kerajaan pimpinan Umno dan Barisan Nasional di peringkat Pusat maka kita Negeri Terengganu boleh buat tuntutan ini kerana ini merupakan hak kita dalam Negeri Terengganu dan untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu yang selama ini pembelaan kepada golongan bawah dan termiskin ini amat diterabaikan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan beberapa cadangan yang lebih spesifik dalam hal ini yang boleh mungkin dipertimbangkan. Yang pertama, dari segi keperluan-keperluan rakyat ini dari segi infrastruktur keperluan awam yang perlu kita selesaikan. Rakyat termiskin dia nak kepada keperluan-

keperluan yang boleh memberikan manfaat kepada dia untuk mencari kehidupan seharian mereka. Sebagai contohnya dari segi infrastruktur pengangkutan awam. Kita kena selesaikan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kena khusus sebab ini kita bincangkan Perbekalan Tambahan 2008 yang telah dibelanjakan, Yang Berhormat bukan yang umum macam Belanjawan yang kita dah luluskan tadi. Saya harap Yang Berhormat boleh jimatkan masa dan tumpukan kepada Perbekalan Tambahan. Saya difahamkan RM200 juta ini adalah caruman kepada pembangunan yang telah dibelanjakan pada 2008. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya tahu itu telah dibelanjakan tetapi penekanan saya kepada peruntukan yang besar yang telah saya sebutkan tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya benarkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... dari segi justifikasi kita di Dewan yang mulia ini dengan peruntukan-peruntukan yang besar dan perlu kita melihat kembali kalau dok untuk hari inipun untuk peruntukan yang akan datang perlu kita memberikan justifikasi kepada hak-hak rakyat di Negeri Terengganu ini sendiri. Saya sebut yang pertama saya nak cadangkan balik dari segi kita selesaikan persoalan pengangkutan awam/rakyat di Negeri Terengganu. Yang kedua dari segi jaminan sosial kepada rakyat Negeri Terengganu. Kalau kita boleh selesaikan masalah jenayah yang semakin meningkat, semakin tinggi di Negeri Terengganu ini kita kena selesaikan. Dan yang ketiganya, kita kena tadbir urus ketelusan dan akauntabiliti. Kita Negeri Terengganu kena bertanggungjawab tentang peruntukan yang besar yang kita nak belanja ataupun yang kita telah belanjakan ini, kena telus dalam hal ini dan lebih bersifat *accountable.* Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dia telus, dia cerita semua masalah-masalah dan jugak keboprokan yang berlaku yang dia katakan berlaku keboprokan. Saya terkejut tadi bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut tentang berlakunya penyelewengan dalam TI, ini suatu yang menyedihkan bagi saya. Saya sedih bila ada orang-orang korporat kalaulah benar apa yang didakwa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, orang-orang korporat yang kita berikan amanah untuk memimpin TI di Negeri Terengganu ini melakukan penyelewengan ini suatu yang sedih dan kita amat kesali. Saya rasa perlu dilaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila berlaku penyelewengan seperti ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok saya ingat Batu Burok saya tak dengar tadi, Dewan tidak dengar pengkhususan kepada individu sebab jangan kita itu sebab Ahli ataupun orang yang berkenaan tidak ada dan tidak boleh bersuara di Dewan ini, saya ingat kita jangan *confusedkan,* nanti Dewan kita disalah tafsir oleh media dan sebagainya. Yang Berhormat, sila. Sebab itu saya kata tadi, sebab payah Batu Burok sebab kita dah tak boleh berucap semalam di Belanjawan ataupun di Ucapan Bajet semalam. Jadi saya minta maaf banyak Yang Berhormat takut kita jadi dan nanti Dewan kita ini nampak tidak sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat dan di luar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kes berlaku semalam pasal Yang Berhormat Mulia *mike off-side* semalam, mengejut, perangkap *off-side.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya di sini saya cuba seadil-adilnya. *Off-side* semalam sebab dah tidak ada yang nak berucap dan saya akur saya sebenarnya saya dah mintak semua Yang Berhormat tahu peranan masing-masing dan kita teruskan Yang Berhormat Batu Burok selepas petang ni, boleh?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak habiskan sikit lagi dalam seminit dua lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyebut tadi tentang apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana perlu kepada penjelasan walaupun dia mintak saya bertemu secara individu tentang perkara ini tapi saya memandang serius perkara-perkara ini sebab Terengganu akan dapat lagi TIA, akan datang lagi royalti minyak. Jadi, kita nak beri kepercayaan kepada korporat mana sekarang ni bila dah ada korporat-korporat yang kita beri kepercayaan dikatakan pulak dok betullah kita kata, saya tak kata penyelewengan, dok betullah dari segi tu bahasa comel sikit. Jadi, korporat mana kita nak cari. Saya bimbang begini, saya bimbang takut korporat di Kuala Lumpur tak percaya kepada kita Negeri Terengganu dia kata: Macam mana ni bila berlaku perubahan Menteri Besar, kita nak beri sumbangan kepada Negeri Terengganu, anak-anak Terengganu ke, korporat-korporat yang dihormati ke, tidak percaya lagi dah kepada kita Negeri Terengganu.

Jadi, Yang Berhormat Speaker sebagai akhirnya saya ingin tegaskan lagilah supaya kita menyedari bahawa apa yang kita lakukan ini perlulah kita mengelakkan kelangsungan kegagalan polisi yang menyebabkan ketidakkecekapan dan pembaziran Dana Awam Rakyat yang berleluasa. Saya harapkan dengan lebih daripada RM1.7 bilion, dengan tambahan RM200 juta lagi untuk Belanjawan 2009 kita lebih telus dan lebih bertanggungjawab untuk kita melaksanakan projek-projek pembangunan Negeri Terengganu khususnya untuk kepentingan rakyat tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama, tanpa mengira fahaman politik di Negeri Terengganu ini. Kita ambillah satu langkah yang terbaik untuk kita menunjukkan suatu contoh yang terbaik di Negeri Terengganu Darul Iman yang kita sayangi ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sila Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, seterusnya para pegawai dan Pemerhati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hanya mengambil masa sedikit untuk meminta penjelasan. Maknanya saya tengok dalam RM200 juta itu di antara lainnya ialah kerana nak membuat bayaran tambahan kepada syarikat-syarikat atau badan-badan yang tertentu yang telah menjalankan kerja-kerjanya dengan kontrak yang lepas, dengan harga yang lepas itu tidak cukup untuk dibayar atas alasan dan sebab yang saya nampak kecil saja iaitu kerana simen naik, pasir naik, batu naik dan sebagainya. Saya ingin mendapat penjelasan mudah saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa perjanjian itu ditandatangani apakah sudah termasuk di dalam butir-butir perjanjian itu jika sekiranya barang naik akan tambah, bila kerja lambat sudah menyebabkan tambah belanja akan diganti oleh Kerajaan ataupun ini semata-mata ihsan pihak yang bertanggungjawab sama ada Kewangan Negeri ataupun Kerajaan Negeri ini kerana nak membantu kontraktor-kontraktor kita supaya mereka ini saya percaya tidaklah rugi mungkin untung tidak banyak. Jadi, itulah penjelasan ringkas yang saya nak tahu sebab kalau ada dalam perjanjian, kalau barang naik dan lambat siap kita tambah, jadi saya rasa nak berhentilah jadi Wakil Rakyat, nak jadi kontraktor jadi mudah dapat untung nampak. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat nak berucap? Kalau tidak ada saya jemput ulasan ataupun penggulungan daripada pihak Kerajaan. Sila, sikit aje tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sedikit kekeliruan. Sebenarnya tambahan RM200 juta ini adalah

caruman kepada Kumpulan Pembangunan. Katakan tahun lepas Bajet kita masuk RM800 juta, jadi kita baru masuk RM600 juta sekarang ini tambah RM200 juta lagi nak mencukupkan apa yang ada. Jadi, minta maaflah mungkin ada sedikit kekeliruan di sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya bukan begitu tapi pasal alasan pasir naik harga, kalau kerana caruman yang lepas itu tak cukup saya faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak sampai kepada itu lagi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan jawab tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini tidak boleh pakai V.O. ke, harga pasir ke, tidak sebenarnya wang caruman yang dimasukkan katakanlah RM800 juta dalam Bajet tahun lepas, kita baru bawa RM600 juta jadi nak tambah RM200 juta lagi. Macam tahun ini kita masuk RM900 juta mungkin sampai ke akhir tahun ini baru masuk RM700 dok cukup lagi RM200, kita tambahlah RM200. Wang caruman jadi bukan melibatkan harga dan sebagainya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu saya faham mungkin duit tak bagi lagi, tak masuk lagi, kena pula Kumpulanwang Disatukan tidak carum lagi, tak cukup tapi saya baca yang di sini iaitu kerana saya baca: Sehingga akhir tahun berikutan kenaikan harga bekalan bahan binaan seperti pasir, simen, besi dan minyak. Kalau kata kerana peruntukan yang telah kita carumkan kepada Kumpulan Pembangunan RM600,000 dan kita sebenarnya dalam Bajet kita RM800,000 takdok masalah, itu tu saya nak tanya tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebut tadilah, caruman tambahan RM200 juta untuk mencukupkan Kumpulan Pembangunan di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Amat Berhormat. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat sekalianlah sebab kita bentang ini Bajet pada tahun lain, tentu sekali pada tahun hadapan memang ada perkara-perkara lain yang perlu dibelanja dan perlu dimasuk pulak dalam tambahan kepada Bajet yang kita bentang ini. Jadi, amalan biasa Bajet di seluruh dunialah. Jadi saya ucap terima kasih, kita terus lagi Yang Berhormat, masa kita ini masih boleh.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar tadi perbahasan pendek dan jawapan pendek maka selesailah urusan perbahasan dan jawapan itu. Sekarang saya buka kepada undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2008 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2008.** Dan kita ada Jamuan Tengah Hari yang ditaja oleh Dewan Undangan Negeri di Tingkat 18, saya jemput semua yang hadir. Sebelum pada itu kita perhabiskan Rang Enakmen yang ketiga.

ENAKMEN MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara lain yang berbangkit dengan pengurniaan taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Dungun, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI MENUKAR GELARAN DAN PERKARA LAIN YANG BERBANGKIT DENGAN PENGURNIAAN TARAF PERBANDARAN KEPADA MAJLIS DAERAH DUNGUN, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi menukar gelaran dan perkara lain yang berbangkit dengan pengurniaan taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Dungun, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Enakmen Majlis Perbandaran Dungun 2008 ("Enakmen") yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan undang-undang berhubung dengan Majlis Perbandaran Dungun.

2. ***Fasal 1*** mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. ***Fasal 2*** bertujuan untuk mengubah nama "Majlis Daerah Dungun" kepada "Majlis Perbandaran Dungun".

4. ***Fasal 3 (1)*** bertujuan untuk mengekalkan hak, kewajipan, kuasa dan keistimewaan Yang Dipertua Majlis Daerah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

5. ***Fasal 3 (2)*** bertujuan untuk mengekalkan apa-apa tindakan prosiding, pindah hak, pindah milik, surat ikatan, transaksi yang dibuat sebelumnya oleh Majlis Daerah Dungun.

6. ***Fasal 4*** adalah merupakan pindaan kepada takrif Majlis Daerah Dungun, Ahli-ahli Majlis Daerah Dungun, Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua kepada Majlis Perbandaran Dungun, Ahli-ahli Majlis Perbandaran Dungun, Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan sekalian, Rang Enakmen telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua dan sekarang masuk sesi perbahasan, saya tangguhkan dahulu untuk perbahasan ini kepada sesi petang, jam 2.30 petang. Saya harap kita dapat selesaikan pada petang ini segera kerana jadual kita besok hanyalah separuh hari, sampai tengah hari sahaja yang sepatutnya sehari besok kita beri notis hanya separuh hari. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan sekalian, saya tangguhkan ke 2.30 petang ini. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian kita sambung semula mesyuarat kita pada petang ini. Dalam urusan ini kita membahaskan Rang Enakmen yang telah mendapat sokongan sebentar tadi mengenai pindaan kepada takrif Majlis Daerah Dungun, Ahli-ahli Majlis Daerah Dungun dan Yang Dipertua, Timbalan dan nama Majlis Daerah Dungun kepada Majlis Perbandaran Dungun. Jadi, saya jemput jika adalah perbahasan daripada Ahli-ahli sekalian, dipersilakan. Jika tak ada saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cukup ke korum ke dok ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cukup berapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita 8 orang korum. Alhamdulillah, cukup korum sekarang ini. Tak termasuk Yang Dipertua, 8 orang. Ex-Officio tak termasuk, saya rasa cukup lagilah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana tidak ada perbahasan kita menyelesaikan Rang Undang-Undang ini dengan meminta undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI MENUKAR GELARAN DAN PERKARA LAIN YANG BERBANGKIT DENGAN PENGURNIAAN TARAF PERBANDARAN KEPADA MAJLIS DAERAH DUNGUN, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI MENUKAR GELARAN DAN PERKARA LAIN YANG BERBANGKIT DENGAN PENGURNIAAN TARAF PERBANDARAN KEPADA MAJLIS DAERAH DUNGUN TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI MENUKAR GELARAN DAN PERKARA LAIN YANG BERBANGKIT DENGAN PENGURNIAAN TARAF PERBANDARAN KEPADA MAJLIS DAERAH DUNGUN, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Majlis Perbandaran Dungun 2008.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perenggan 9(iii)(t) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360 TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2008.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN)(NO.2) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perenggan 9(iii)*(j)* Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya AGRO BANK BERHAD menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sayugia saya nak membuat sedikit pembetulan di mana Yang Amat Berhormat dah menyebut tadi dan sebagaimana edaran yang telah dibuat. Asalnya Enakmen ini disebut BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD tapi pindaan telah dibuat sebagaimana disebut oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi menjadi AGRO BANK BERHAD. Mungkin notis itu tidak menyeluruh jadi sebagaimana

disebut oleh pencadang Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, jika ada perbahasan daripada Yang Berhormat saya persilakan. Ahli-ahli Yang Berhormat jika tidak ada perbahasan maka tidak ada penggulungan. Sekarang saya buka untuk undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon untuk membuat pindaan kepada Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.2) 2008, pindaan Seksyen 9 hendaklah berbunyi: Seksyen 9 Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu [En.Tr.17/1360] dipinda dengan menggantikan perkataan BANK PERTANIAN MALAYSIA dengan AGRO BANK BERHAD di perenggan (iii)*(j)*, muka surat 53, 55 dan 57 Warta Kerajaan Jilid 61 No. 24 bertarikh 20 November 2008 yang perlu dibuat pindaan semasa Mesyuarat Menjadi Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan di dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2008.**

ENAKMEN (ELAUN) AHLI DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu 1962, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN (ELAUN) AHLI DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU 1962.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu 1962, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu 1962. Rang Undang-Undang ini dibentangkan sebagai menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya kadar elaun bulanan bagi setiap Ahli Dewan dinaikkan dari kadar sekarang.

2. ***Fasal 2*** bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu 1962 bagi menaikkan kadar elaun bulanan setiap Ahli Dewan daripada RM2,000.00 kepada RM4,000.00.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN (ELAUN) AHLI DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU 1962, DIBACA BAGI KALI KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN (ELAUN) AHLI DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU 1962, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN (ELAUN) AHLI DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU 1962, DIBACA BAGI KALI KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen (Elaun) Ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu (Pindaan) 2008.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2009

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2009 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL

Maksud	*Tajuk*	*Negeri*	*Diganti Oleh Persekutuan*	*Pinjaman (Negeri)*	*Pinjaman (Pusat)*	*JUMLAH*
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	510,675,330.00	-	-	-	510,675,330.00
P.04	Pejabat Kewangan Negeri	100,000,010.00	-	-	-	100,000,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	29,399,260.00	-	-	-	29,399,260.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	8,400,590.00	-	-	-	8,400,590.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	8,000,010.00	-	-	-	8,000,010.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	40,000,010.00	-	-		40,000,010.00
P.29	Pejabat Perhutanan Negeri	3,500,010.00	-	-	-	3,500,010.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	1,503,010.00	-	-	-	1,503,010.00
P.31	Jabatan Pertanian Negeri	4,395,010.00	-	-	-	4,395,010.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	96,044,030.00	-	-	-	96,044,030.00
	JUMLAH BESAR:	**818,117,330.00**	**-**	**-**	**-**	**818,117,330.00**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil. 11/2008.** Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah mendapat sokongan maka sekarang jika ada perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa perhatian dan untuk meminta beberapa penjelasan berkaitan dengan Usul yang telah dikemukakan oleh Wakil daripada Seberang Takir baru sekejap tadi. Saya merasakan bahawa pembangunan ini sepatutnya diperimbangkan di antara daerah-daerah sebab yang saya nampak di sini pembangunan umpamanya di Daerah Besut, saya nampak lebih diutamakan daripada daerah-daerah lain. Sama ada ianya menyambung projek-projek yang telah dilakukan pada masa lalu ataupun projek-projek baru saya kurang jelas umpamanya kalau kita lihat kepada Taman Ilmu, di Besut ada Taman Ilmu, ada Jertih SOUQ, ada Masjid Hadhari tapi kalau kita lihat kepada Hulu Terengganu, saya nampak di Hulu Terengganu tidak banyak diberi perhatian sedangkan Daerah Hulu Terengganu antara daerah-daerah yang belum maju berbanding dengan daerah-daerah lain. Apa salahnya kalau peruntukkan yang diperuntukkan untuk Taman Ilmu itu iaitu RM400 juta lebih kenapa tidak diperuntukkan separuh daripadanya ke Daerah Hulu Terengganu kerana Daerah Hulu Terengganu juga mempunyai tanah-tanah atau kawasan-kawasan yang sesuai untuk ditempatkan pusat-pusat pengajian tinggi atau lain-lainnya. Begitu juga di Daerah Hulu Terengganu ini, di Kuala Berang saya nampak saya tidak tahulah setakat Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua ini jadi Yang Dipertua kalau dia boleh menggunakan pengaruhnya untuk bawa balik, kalau boleh diadakan SOUQ Jertih di Besut kenapa tidak boleh diadakan SOUQ Kuala Berang di Daerah Hulu Terengganu. Ataupun ini memang sudah menjadi satu tradisi bila orang yang berkuasa di negeri itu dari daerah itu pembangunan banyak dibawa balik ke daerah mereka sepertimana satu ketika dahulu pembangunan banyak dibawa balik kepada Daerah Kemaman. Majlis Daerah Kemaman sudah bertukar menjadi Majlis Perbandaran yang dari sudut di antara syarat-syaratnya ialah keupayaan Majlis Daerah itu dari sudut kewangan dia dapat membiayai sendiri, belanja sendiri. Dan hari ini kita meluluskan menjadi Majlis Perbandaran Dungun, kalau kita tengok Daerah Hulu Terengganu dia tidak ada hasil, Majlis Daerah Hulu

Terengganu tidak ada hasil, dulu ada hasil kerana TNB membayar kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu, semalam saya dengar TNB sudah lama tak bayar dan tidak ada punca-punca lain yang boleh menampung keperluan Majlis Daerah itu. Jadi, saya rasa perkara ini boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri walaupun tidak dimasukkan lagi dalam Belanjawan yang dibentangkan semalam tapi tidak ada salahnya kalau kita boleh memasukkan dalam Belanjawan Tambahan di dalam mesyuarat yang akan datang.

Kemudian saya tengok jugak dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pada tahun ini. Saya tidak nampak pembinaan atau penambahbinaan kepada sekolah-sekolah agama milik Kerajaan Negeri. Kemungkinan sekolah-sekolah ini terbang dan hilang daripada milik Kerajaan Negeri, apa salahnya sekolah-sekolah menengah agama yang menjadi tradisi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, apa salahnya kalau kita pertahankannya kita jangan jadikan negeri kita Terengganu negeri yang mula-mula tidak ada sekolah agama berbanding dengan sekolah-sekolah menengah agama di negeri-negeri lain. Kalau sebelum daripada zaman penjajah itu kita ada Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, kita ada Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang, kita ada Sekolah Menengah Agama Khairiah, itu sudah dari zaman penjajah sehinggalah merdeka tapi bila sampai giliran sekarang ini sekolah-sekolah itu kemungkinan diserahkan pentadbirannya kepada pihak lain, kepada Kerajaan Persekutuan di bawah agensi. Saya kira belum terlewat kalau Kerajaan Negeri ingin mempertahankan sekurang-kurangnya tiga sekolah yang sudah menjadi warisan kita ini. Kita boleh milik tiga buah sekolah ini kita utamakan, memberikan tumpuan pembangunan fizikal dan lain-lain dan kita dapat melahirkan rakyat Negeri Terengganu yang akan kita dapat manfaat pada masa akan datang. Tiada ertinya kita membina banyak masjid tetapi ketandusan sekolah-sekolah agama boleh menyebabkan tidak Imam pada masa akan datang, Imam Masjid, Bilal Masjid yang berkelayakan sepatutnya kita cuba berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan para Imam dan para Bilal, pegawai-pegawai masjid kita dengan memberi pendidikan yang lebih tinggi dengan menyediakan sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, satu perkara yang saya tengok pelik, sedikit saja, membina Asrama KUSZA. Setahu saya takdok dah KUSZA tu, sudah menjadi UDM, sudah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan tapi kenapa masih adalah lagi peruntukan untuk membina Asrama KUSZA walaupun sedikit RM1.3 juta saja. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam menyediakan peruntukan pembangunan saya lebih tertarik kalau Kerajaan boleh memberi penumpuan dengan menyelesaikan masalah-masalah pokok dan yang mustahak dahulu daripada mengagih-agihkan peruntukan kepada banyak perkara tetapi semua tidak selesai. Saya nampak sudah tentu Kerajaan

ada angka yang cukup lengkap tentang keperluan kepada rumah sama ada rumah kos rendah, sederhana ataupun lain-lain. Sebenarnya berapa ramaikah rakyat Negeri Terengganu yang benar-benar memerlukan rumah tempat tinggal mereka pada hari ini maka dengan sebab itu kalau Kerajaan betul-betul berazam dan bercita-cita untuk menyelesaikan masalah ini dengan slogan 'Merakyatkan Pembangunan dan Ekonomi' kita, kalau ada angka itu maka seharusnya ia memberi tumpuan yang sepatutnya. Kalau kita perlu kepada 5,000 buah rumah pada tahun ini dan tahun hadapan 5,000 lagi maka seharusnya angka itu perlu diselesaikan dengan peruntukan kita yang ada. Saya rasa kalau kita buat rumah mampu milik atau kos rendah dengan belanja RM60,000 satu unit, kalau kita bina RM5,000 satu unit kita baru habis lebih kurang RM300 juta sahaja bermakna kalau kita selesai tahun ini dan tahun depan, tahun-tahun berikutnya peruntukan itu boleh dibawa ke tempat-tempat yang lain. Saya kira perbelanjaan untuk kita membina rumah-rumah mampu milik ini bukan sahaja merupakan wang hangus dan habis begitu sahaja dan dia akan mendapat pulangan kepada Kerajaan Negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kita boleh memperuntukan peruntukan yang besar dalam perkara ini kerana dia di samping memenuhi keperluan rakyat, Kerajaan jugak mendapat habuan dan juga faedah daripadanya.

Saya cukup bimbang apa yang disebut-sebutkan dalam Dewan ini dan dalam surat khabar disebutkan tentang TIA. Saya tak mahu pergi panjang sebab benda ini belum dibentang tetapi saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri kalau pelaburan ini kita janganlah serah kepada orang, biarlah Kerajaan Negeri di bawah mana-mana agensi yang ada sama ada Tabung Warisan ke, TDM ke, EPIC ke, mana yang ada atau SEDC ke, SEDC nak buat pelaburan tak cukup modal. Apa ertinya kalau duit kita ada, dana kita ada dan kita nak labur dalam bentuk bon yang tak tahu masa depannya. Apa ertinya kalau bon itu kita beli daripada luar negara, pelaburan luar negara sedangkan wang kita itu perlu dicair dalam negara, kalau wang sebanyak itu dicairkan dalam negeri kita sendiri tentu semua syarikat-syarikat kita berupaya dan boleh maju. Kita sedar bahawa kesilapan-kesilapan yang lalu berlaku umpamanya hasil daripada royalti petroleum dan gas kalau tak salah ingat saya, kalau saya salah sila betulkan, 30% atau RM60 juta atau mana yang lebih tinggi mesti dimasukkan ke dalam Akaun Tabung Warisan untuk menjamin bahawa rakyat Negeri Terengganu ada tabung iaitu Tabung Warisan yang akan menjaga harta benda, yang akan menjamin masa depan mereka tetapi kita sedar kerana silap pelaburan, pelaburan dalam perkara-perkara yang tidak hidup, pelaburan dalam perkara mati seperti dalam saham yang boleh naik turun, yang terdedah kepada pelbagai bahaya maka menyebabkan bahawa Tabung Warisan kita dengan anak-anak syarikatnya mengalami kerugian. Maka dengan sebab itu, pada masa akan datang Kerajaan harus berwaspada, kita mesti menjaga

kewangan kita dengan baik, pembangunan, perbelanjaan yang boleh menjaminkan masa depan ekonomi kita sendiri. Dalam pendahuluan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat bercakap tentang globalisasi, bercakap tentang kedudukan ekonomi dunia tapi apa persiapan kita untuk menghadapinya.

Takkanlah kita nak masuk pulak nak beli saham daripada mereka, nak tambah duit kita pulak dalam bentuk bon, nak beli bon, apa yang kita harap tentunya tidak akan dapat. Jadi, oleh sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita mesti fikir masalah nak menghadapi masa depan yang amat mencabar, jadi oleh kerana itu saya rasa dari segi sudut pelaburan kita mesti memikirkan, kita miliki petroleum dan gas katanya ia akan habis, kita belum tahu di mana lagi tempat yang akan kita perolehi atau telaga-telaga baru yang akan dapat kita perolehi tetapi satu benda yang ada di hadapan kita yang ada dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Ladang Kelapa Sawit takkanlah cukup 50,000 ekar saja nak beri orang miskin, tak cukup. Sekarang ini penggunaan bahan bakar daripada petroleum dan gas, kenapa kita tidak adakan satu peruntukan untuk menghadapi ekonomi kita pada masa akan datang, ekonomi global ini kita mewujudkan pusat-pusat kajian ataupun suatu kajian bagaimana nak tukar penggunaan petrol kepada sawit, sawit untuk dapat menggantikan tempat petroleum. Jika Kerajaan Negeri berjaya mengadakan ini sudah tentu walaupun petrol dan gas habis tetapi kita ada gantinya iaitu minyak sawit kita boleh ditukar menjadi bahan bakar yang digunakan oleh bermacam-macam kenderaan dan keperluan. Saya tidak nampak wujudnya dalam Bajet ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dan saya rasa bahawa pihak Kerajaan seharusnya dalam menyediakan Bajet ini memberi taklimat yang khusus. Bukan saya tak yakin kepada Pegawai Kewangan dan sebagainya, pegawai-pegawai di jabatan-jabatan, pada kebiasaan kita mengadakan Bajet kita tanya jabatan ini nak guna banyak mana dan sebagainya begitu sahaja lepas tu berapa jumlah. Tetapi mestilah dibimbing terlebih awal, kalau keutamaan hendak diberi kepada perumahan maka itu mestilah diberi satu keistimewaan dalam jumlah itu. Kita menghadapi masalah ekonomi dunia, kita jugak bimbang dan yang paling mustahak kita jaga ialah keselamatan makanan. Saya mengaji Sekolah Arab dia kata: *Al-annun gizaa-in* (keselamatan makanan), yang memang sudah ada hubungan dengan pertanian yang Kerajaan sudahpun mengenal pasti kawasan-kawasan yang akan dijadikan kawasan pertanian untuk tanaman padi tetapi lama sangat, tahun lepas dah rasmi, tahun ni tak tahu berapa dah cok betul dah beli tak tahu, berapa pembajak dah beli kita tak tahu. Dan saya rasa perkara ini kita kena beri tumpuan lebih awal .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak merujuk apa yang diberitahu tanaman padi mengenal kawasan baru lama sangat. Kita baru rasmi bulan lapan baru-baru ini, baru kenal kawasan baru takkan tanam padi hari ini esok tumbuh selalu, menikah hari ini esok beranak selalu, bukan gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada orang nikah hari esok beranak selalupun ada, atas kebijaksanaan oranglah, jangan kata takdok gitu.... (dalam gelak).... Dia bulan lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, empat bulan dah. Empat bulan tu kalau tok bidan kata berupa dah orangnya tapi tak berupa lagi? Dalam Persidangan-persidangan lepas kita diulik dengan rancangan penanaman-penanaman .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Panjang jugak lagi sebab kelmarin tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lepas tu 5 minit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk gulunglah. Setengah jam dah Yang Berhormat, Yang Berhormat *start* tadi 3.02 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Setengah jam sikit, saya biasa sejam cakap, payahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan setengah jam sebab kelmarin kita beri 20 minit aje sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kelmarin dok bercakap. Hak kelmarin 20, hari ini 30 kena 50 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, rugi masa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Rugi masa saya, ini Speaker ganggu ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 5 minit aje berasa nak berhenti selalu dah, merajuk. .... (Dewan Gelak) ..... Tapi takkan kena cabar gitu berhenti selalu, dok berhenti. Ada modal lagi, banyak lagi nak cakap ni. Kita diulik dengan makanan kambing yang murah, makanan lembu yang murah, nak sediakan makanan, ada padi saja, ada beras saja nak makan dengan apa? Takkan nak makan dengan budu sokmo walaupun budu itu manfaat keras tulang dan sebagainya. Nak makan daging jugak, takkan nak makan daging kerbau sokmo, daging kambingpun nak makan jugak.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu ke dok tanaman padi guananya, ke pakai campak-campak gitu aje?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh dan banyak cara. Mungkin saudara kita ini Yang Berhormat daripada kampung, daripada Telemong mungkin dia tidak tahu cara mana nak tanam padi, bagaimana nak membajak tanah. Saya seorang insan daripada kampung, seorang petani dan seorang penternak. Masa kecil-kecil dulu belum masuk sekolah menengah saya dah pelihara kerbau, pelihara lembu. Tahu nolak, nolak hak pakai kerbau untuk tarik, *cis-cis, nduk-nduk,* tahu ..... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok saya panggil lain Yang Berhormat. Saya dok panggil *cis-cis, nduk-nduk* gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cuma *slang* je mungkin lain. Nak cedung lagu mana, nak cedung? Orang Terengganu bercedung bukan macam orang Kedah, orang Kedah dia kata *benih putat.* Putat tu, putar benih hak ada dalam tu, lepas tu dia tumbuh. Terengganu dok sampai macam tu lagi. Jadi, sebab itu saya ni gurau-gurau jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tanya dah makanan kambing guana? Tak boleh buat dia kata bahan-bahan tu mahal sangat, nak beli mesin mahal, itu mahal, tak boleh buat. Buat dok lagi, tak boleh buat dah. Persidangan lepas tu bukan main, kita duk tunggu dah makanan kambing hak murah, jadi pertanian ni bukan saya kata ke Wakil Telemong. Benda ni dah lama, ada beri benih ubi kayulah, benih ubi stelalah, benih kacang tanahlah, baru-baru ini beri benih ubi keladi. Boleh benih habis benih, benih apapun. Dulu isytiharkan Terengganu tempat pembiakan benih kambing, benih kambing tu beri ke orang biak, beranak dah lepas tu nak buat pergi ke mana? Nak jual tak laku, takdok pasaran. Orang nak buat bakapun tak beli dah. Patut Kerajaan fikir hak anak-anak baka tu dia beli beri bantuan kepada orang hak takdok lagi.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali lagi Dato' Yang Dipertua. Saya rasa Yang Berhormat Manir ini bercakap melalok, merata-riti. Kita buat mesti ada perancangan. Jabatan-jabatan yang nak buat bukan hentam baham rambang begitu aje, Yang Berhormat doksoh bimbanglah berkaitan dengan jualan, apa semua tu, bukan kerja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan kerja saya, kerja rakyat, sekarang rakyat mendesak takdok pasaran. Kita jangan bercakap atas angin, pasaran tak ada. Suruh pelihara arnab takdok pasaran, pelihara burung tekukur takdok pasaran, ubi keledekpun takdok pasaran, takdok pasaran semua, pelihara kambingpun takdok pasaran, nak buat apa? Beri-beri benih habis saja. Kerajaan beri 20 ekor boleh balik 4 ekor, tak apalah, lepas tu hak tu nak buat gi ke mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cara orang lama tak apa, orang lama bercakap. 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Gape?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi saya kesian ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya takut takdok point.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Point ada dah, tadi belanja pitih kerana masa depan, di mana kita nak beri keutamaan? Orang miskin dok padan buat ladang kelapa sawit, ladang kelapa sawit ini tanam tahun ni nanti 2 1/2 paling kurang baru dapat hasil, nak tunggu 2 1/2 tu berapa kali Bajet lagi nak bagi ke orang miskin. Mudah saja ada duit kita beli bangunan di Kuala Lumpur ke, Perak ke, Kedah ke, kita beli bangunan rumah kedai ke, kita beli boleh beri sewa selalu, beli hari ini esok boleh pitih selalu sewanya pulangan segera, bukan tak boleh fikir. Jadi cuba ubahlah Kerajaan, ini polisi kita nak cepat boleh. Jadi kalau kita beri Bajet RM10 juta, lepas tu tak sempat nak belanja nak habis dah tahun, jadi kita buat hak cepat. Lening dok temu tanah lagi, nak beli kebunpun dok tahu lagi, ambil kebun TDMlah dulu 40-50 hektar beri ke Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bayar ke dia, dia cari kebun lain, dia tak apa sebab dia berniaga banyak lagi anak-anak syarikat lain. Hak Kerajaan Negeri nak bayar kepada orang-orang miskin pada tahun ni boleh berlaku selalu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya terpaksalah bercakap macam orang kampung sebab saya orang kampung, nak bercakap sedap-sedap tak pandai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis kira-kira Yang Berhormat? Hujung dah tu, kita nak berehat dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi, Kerajaan hendaklah mengaturkan apa kepentingan-kepentingan rakyat yang mendadak, apa yang hendak didahulu hendaklah didahulukan, jangan pakai ikut kebiasaan saja, jabatan ni sekian, sekian, daerah ni sekian, sekian dan sebagainya itu tradisi Bajet macam tu. Mesti ada satu pembaharuan yang mencerminkan matlamat kita akan tercapai dan berjaya. Yang Dipertua, tak mahu dah memberi masa kepada saya jadi yang diberi itu saya ucap terima kasih tapi tak cukuplah. Kita biasa makan dua pinggan, beri sepinggan setengah dok roklah. Yang baik itu daripada Allah, kelemahan-kelemahan dari saya. Saya ucap terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Manir. Kita berehat dulu, kita tangguh sementara mesyuarat ini dan mesyuarat akan disambung semula pada pukul 4.00 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PUKUL 3.30 PETANG.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, kita teruskan sidang kita pada petang ini dengan saya jemput untuk ucapan perbahasan, sila Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, dari segi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2009 ini banyak aspek yang diperuntukkan dan banyak ruang yang boleh kita perbincangkan cuma saya ingin mengambil beberapa aspek yang pertamanya dari segi kalau kita mengambil 13903 - Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah. Di sini ada peruntukan dan banyak peruntukan yang diberikan. Saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari segi kedudukan Kondo Rakyat Darul Iman di Kuala Ibai yang terbengkalai saya rasa dah hampir 10 tahun dan mereka yang membeli Kondo Rakyat Darul Iman ini terpaksa menanggung bebanan kos yang berlipat ganda sekarang ini oleh kerana mereka terpaksa membayar kepada bank dan jugak mereka tidak dapat berpindah ke Kondo Rakyat ini walaupun saya difahamkan telah bertukar tangan kontraktor bagi menyiapkan Kondo Rakyat ini mungkin lebih daripada 10 orang kontraktor dah, yang terbaru ini ada lagi kontraktor tetapi di tengah-tengah jalan tak siap dari segi pembinaan Kondo Rakyat ini sendiri. Jadi, ini perlu diberi perhatian dalam konteks pembeli-pembeli di Kondo Rakyat di Kuala Ibai ini adalah terdiri daripada golongan yang susah, golongan yang berpendapatan rendah tetapi mereka dinafikan hak perumahan yang ada pada mereka sendiri dalam diri dan kehidupan mereka ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut di sini dalam konteks kita melaksanakan projek-projek pembangunan yang ada ini, perlu jugak kalau kita melihat kepada aspek-aspek GLC yang ada dalam Negeri Terengganu sendiri, syarikat-syarikat yang boleh memberikan bantuan kerana peruntukan yang kita peruntukkan ini adalah suatu jumlah yang begitu besar yang perlu kepada penjimatan dari segi kos yang boleh kita jimatkan. Ada banyak ruang-ruang yang boleh kita melaksanakan penjimatan dari segi kos. Saya ingin mencadangkan supaya dari segi aspek membantu rakyat termiskin dari segi aspek kita menyelesaikan masalah perumahan golongan termiskin di Negeri Terengganu ini, GLC-GLC seperti EPIC, Golden Pharos dan sebagainya boleh memainkan peranan dalam hal ini untuk menyalurkan sebahagian daripada keuntungan yang ada kepada mereka itu untuk ditumpukan kepada kita menyelesaikan masalah kemiskinan di Negeri Terengganu terutamanya dari

segi rumah-rumah kos rendah, rumah-rumah yang boleh kita berikan kepada rakyat di Negeri Terengganu. Cuma kebimbangan sayalah di akhir-akhir ini, saya ada sedikit kebimbangan dalam penyusunan semula syarikat-syarikat GLC ini seperti TDM, EPIC, GPQ ataupun GMM sendiri, sekarang ini timbul banyak cakap-cakap di kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan banyak diperkatakan tentang perubahan-perubahan yang berlaku kepada anak-anak syarikat GLC Kerajaan Negeri Terengganu ini sendiri. Sebab saya ingin memberikan contoh yang spesifik sebagai contohnya apa yang disebut oleh ramai kalangan, saya ingin mendapat penjelasan mungkin daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Seorang yang bernama Ramli Shagul Hamid, siapa Ramli Shagul Hamid ini? Sayapun tak pernah jumpa, saya rasa saya tak pernah kenal dia tetapi saya diberitahu oleh seorang Pegawai Kerajaan Negeri Terengganu bahawa dia memegang syarikat anak Kerajaan Negeri Terengganu tak kurang daripada 10 syarikat, dia berada dalam Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat ini. Jadi, ini satu persoalan yang bermain di bibir Pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat Terengganu, siapa Ramli Shagul Hamid ini, adakah dia seorang korporat yang berjaya ataupun dia seorang yang begitu hebat yang boleh menyelesaikan masalah syarikat-syarikat Kerajaan Negeri Terengganu sehingga dia boleh memegang lebih daripada 10 anak syarikat Negeri Terengganu yang ada sekarang ini. Dalam hal ini jugak saya beri contoh spesifiklah apa yang berlaku kepada EPIC *(Eastern Pacific Industrial Corporation)* di mana saya menerima satu surat yang dihantar kepada saya berkenaan dengan izin, *Letter of Termination As General Manager* Konsortium Pelabuhan Kemaman, seorang yang bernama Ahmad Nordin bin Abd. Aziz telah diberhentikan serta merta *with efective* dalam masa 30 hari, diberhentikan daripada jawatan General Manager oleh kerana sebab-sebab tertentu saya perlu kepada penjelasan kerana setahu saya dia telah menjalankan perkhidmatannya dengan baik semasa kita Kerajaan Pas dulupun saya kenal dia, dia tidak berpihak dan menjalankan tugas dengan baik tetapi tiba-tiba dia dihantar *termination letter* yang ditandatangani oleh Ramli Shagul Hamid ini sendiri. Saya difahamkan Saudara Ahmad Nordin ini telah memfailkan saman kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi ini suatu yang merugikan, tak ada orang yang untung, individu ini tidak untung, Kerajaan Negeripun tidak untung kalau kita mengatasi sentimen berpuak ini lebih daripada sentimen untuk kita menyelamatkan anak-anak syarikat ataupun untuk kita memajukan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu ini sendiri dan ini perlu kepada penjelasan.

Begitu juga Dato' Yang Dipertua, dalam hal ini kalau kita melihat kepada saya sebut berkali-kali tentang Terengganu Incorporation ini kerana ini penting sebenarnya, ini merupakan nadi pelaburan yang menjaga pelaburan di Negeri Terengganu dan berkaitan dengan aspek-aspek pembangunan yang nak kita

laksanakan di seluruh Negeri Terengganu ini sendiri. Sekarang ini bila berlakunya perubahan dari segi siapa yang memimpin dalam TI ini sendiri timbul banyak persoalan. Saya berkawan jugaklah dengan golongan korporat mereka menyatakan: Saya kalau berlaku begini terlalu banyak politiking bila saja bertukar daripada seorang Menteri Besar kepada seorang Menteri Besar yang lain, terlalu banyak politiking sehingga berlakunya pecat-memecat, buang-membuang antara satu sama lain maka hilang keyakinan di kalangan golongan korporat untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan Negeri Terengganu ini sendiri. Jadi, ini jugak perlu kepada penjelasan sebab orang bercakap tentang soal ini, masyarakat bercakap tentang soal ini kenapa boleh berlaku sedemikian sedangkan kalau kita melihat tugas dan tanggungjawab dalam TI ini suatu yang besar, dia menjaga *investment* am dalam Negeri Terengganu dan memberikan pulangan yang besar kalau ianya boleh dimajukan dengan baik ataupun boleh dijaga dengan baik dalam konteks ini.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkanlah dari segi perjalanan peruntukan yang diberikan yang besar yang diberikan daripada Pejabat Menteri Besar kepada daerah-daerah dan jugak pelbagai pembangunan yang diperuntukkan dapat kita lebih *transparent* dalam pelaksanaan yang kita nak laksanakan kita letakkan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya. Kita berikan keutamaan kepada rakyat, kita dapat tambahan kita berikan keutamaan untuk menyelesaikan dengan izin, *bread and butter* rakyat kita dulu tanpa mengira fahaman ataupun parti politik. Kita selesaikan masalah kemiskinan di seluruh Negeri Terengganu ini dulu. Saya yakin dengan Menteri Besar yang baru ini kita boleh selesaikan sebenarnya daripada Kemaman sampai ke Besut untuk kita berikan tumpuan, katakanlah kita tumpukan kepada perumahan kos rendah kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu, boleh kita tumpukan, berikan keutamaan-keutamaan kepada golongan termiskin di seluruh Negeri Terengganu. Kita kenal pasti mereka, Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan ini semua boleh kenal pasti rakyat dia ataupun pengundi dia yang termiskin yang memerlukan bantuan yang boleh kita berikan bantuan dari segi perumahan.

Yang keduanya, Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan insya Allah, kita dapat menyelesaikan masalah pengangkutan awam, ini jugak aspek yang penting. Aspek pengangkutan awam ada di sini pembinaan Stesen Bas dan sebagainya tapi penyelesaian kepada keperluan rakyat ini perlu kita laksanakan pengangkutan perkhidmatan bas di bandar-bandar seperti Kuala Terengganu dan jugak antara daerah-daerah kita boleh menyelesaikannya dengan baik kalau ada penyusunan yang baik agar rakyat dapat menggunakan perkhidmatan kalau tak percumapun, murah yang boleh kita berikan kepada rakyat yang miskin terutamanya menggunakan perkhidmatan bas di seluruh Negeri Terengganu.

Yang ketiganya, Dato' Yang Dipertua, saya ingin sarankan dalam aspek pendidikan. Kita perlu memberikan tumpuan yang lebih kepada R&D (Research and Development) yang perlu kita berikan dalam konteks Negeri Terengganu ini tumpuan-tumpuan kepada IT telahpun berjalan sebab beberapa tahun yang lepas tetapi R&D dalam pengkhususan di Terengganu ini perlu dipertingkatkan kerana kita tidak boleh semata-mata bergantung semata-mata kepada royalti minyak semata-mata. Sampai bila kita nak bergantung kepada royalti minyak? Kita kena mencari sumber-sumber yang lain untuk kita membangunkan untuk kita menjadikan *buffer* dengan izin, di Negeri Terengganu ini untuk kita berhadapan dengan suasana-suasana perubahan yang berlaku dalam krisis ekonomi yang ada di dalam dunia dan negara dan jugak negeri kita sendiri.

Dan yang terakhirnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin sarankan supaya dalam rangka Bajet yang kita bincangkan dan kita laksanakan ini kita tumpukanlah kepada aspek-aspek kerakyatan. Yang Amat Berhormat ada sebut 'merakyatkan Bajet' ini maka aspek-aspek kerakyatan perlu kita tumpukan dari segi kenaikan harga barang, bagaimana kita nak sungguh-sungguh mengatasinya, jangan hanya dalam bentuk retorik, bagaimana kita nak menurunkan harga barang, bagaimana kita nak mengurangkan bebanan rakyat termiskin yang ada di seluruh Negeri Terengganu ini. Bagaimana untuk kita berikan bantuan-bantuan kepada golongan nelayan, golongan petani secara bersungguh-sungguh dan lebih agresif lagi agar mereka dapat sama-sama menikmati hasil kekayaan yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri. Jadi, saya rasa itulah antara benda yang ingin saya sebutkan dan cadangkan kepada pihak Exco dan Kerajaan Negeri agar kita dapat melaksanakan pembangunan di Negeri Terengganu ini dengan cara yang beramanah dan juga menjuruskan kepada kepentingan rakyat yang menjadi pengundi kepada kita dan memberi amanah kepada kita yang berada di dalam Dewan ini untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Batu Burok. Saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap. Tidak ada Yang Berhormat? Kalau begitu saya menjemput pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan di atas perbahasan yang diucap oleh Manir dan Batu Burok sebentar tadi. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai, pemerhati-pemerhati sekalian. Saya bersyukur kepada Allah Taala kerana petang ini sekali lagi saya mendengar pandangan-pandangan dan juga nasihat, tuduhan dan jugak andaian-andaian. Walau

bagaimanapun saya ingin menyatakan bahawa apa yang dibentangkan oleh Kerajaan ini adalah tidak lain tidak bukan adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat. Dan sebagaimana yang sempat dengar tadi bahawa cadangan-cadangan itu akan kita ambil sebahagiannya saya rasa boleh kita terima pakai dan sebahagian mungkin kita tak pakai. Dan mempersoalkan mengenai ada satu nama yang disebut iaitu Ramli Shagul Hamid tadi, saya nak memaklumkan bahawa beliau adalah merupakan Kumpulan Pertama Petronas yang ditugaskan ke luar negara yang berkhidmat di Iran dan saya mengambil beliau kerana saya yakin beliau bukan sahaja ada kemampuan tapi atas kejujuran beliau sendiri dan saya tak mahu komen mengenai apa yang disebut tadi tapi insya Allah, tunggulah kejutan akan berlaku kepada orang-orang yang pernah melakukan penyelewengan di Negeri Terengganu ini, saya tidak akan biarkan. Sebagaimana saya sebut saya tak takut untuk mengambil tindakan kerana itu bukan berasaskan politik kerana saya serahkan tanggungjawab ini sebagai orang korporat, uruskan secara korporat. Saya takmboh campur tangan, saya katakan bahawa kalau buat bisnes matlamat utama ialah keuntungan. Dan kalau dulu kita tengok di KSB, EPIC dan sebagainya ada 6 orang pengurus sekarang dah tinggal 2. Pengurusan sahaja melibatkan jutaan ringgit setahun dan hari ini mengikut maklumat terakhir, tahun lepas EPIC untung RM34 juta, di akhir Oktober kita telah membuat keuntungan RM39 juta. Sebab itu saya nyatakan bahawa dari segi syarikat-syarikat Kerajaan saya bersedia melakukan perubahan dengan nasihat orang-orang yang pakar di bidang tertentu, saya beritahu saya tak pandai berniaga dan saya tak pernah berniaga, saya bodoh dalam perniagaan ini tapi saya harap mereka ikhlas membantu Kerajaan Negeri dengan penuh amanah, jujur dan bertanggungjawab. Saya matematik lemah, saya akui kerana saya beranak bukan dalam bulan rukyah, bukan bulan hisab, matematik saya lemah tetapi kalau orang tipu tu sekurang-kurang dapat tahulah di sana, sini. Dan saya telah meminta BPR supaya melakukan siasatan secara penuh kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri selama ini kerana bagi saya tak ada maknanya menyembunyikan sampah sarap di bawah permaidani dan akhirnya permaidani yang mahal akan rosak, sampah tidak berguna. Saya jelas begitu juga berlaku ke atas diri saya sendiri dah beberapa kali disiasat oleh BPR dan saya juga penjelasan dilakukan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan di Negeri Terengganu. Di Dewan yang mulia ini saya sebut saya pernah disiasat 3 1/2 oleh BPR, malahan saya pergi Umrah baru-baru ini BPR siasat jugak, seolah-olah saya bawa pegawai saya itu, anak buah saya dua-tiga orang Kerajaan bayar, sedangkan saya yang bayar, inilah hakikat yang berlaku. Sebab itu saya mintak semua sekali kalau perlu disiasat, siasatlah secara terbuka, saya tak takut, ini prinsip kita dan saya dah beritahu kepada Exco-Exco saya kalau nak jadi kaya jangan jadi Exco, jangan jadi Wakil Rakyat, masuk bisnes, saya tak sanggup, saya tak rela berlakunya penyelewengan semasa saya diberi amanah ini, sesiapa saja saya dengan terbuka lakukanlah

yang terbaik atas nama rakyat Negeri Terengganu. Saya tak pernah bercita-cita nak jadi kaya dalam hidup saya, dalam perjuangan saya, cukuplah rezeki yang saya terima. Sebab itu saya nyatakan Dato' Yang Dipertua, soal ini bukan kita pilih bulu, kita tidak pilih siapa, parti dan sebagainya tapi barang siapa melakukan penyelewengan saya mintak mereka mengundur diri secepat mungkin. Sebab itulah dalam soal ini kita mintak bahawa Bajet yang kita sediakan ini, peruntukan tambahan yang kita buat ini supaya dapat digunakan semaksimum mungkin kepada rakyat. Sebab itu saya seringkali menyatakan secara terbuka saya bersedia disiasat, saya bersedia diadili dalam apa jua keadaan dan kedudukan. Dan saya mintak orang lain juga bersedia menerima keadilan yang sama, saya tak mahu bila kena ke orang kita bising, bila kena ke kita, kita senyap sebab itulah saya sebut daripada dulupun saya tak pernah mengambil kesempatan apa-apa hatta sekeping tanahpun saya tak mintak walaupun saya ada hak sebagai Pegawai Tadbir Negeri Terengganu, saya tak pernah ambil sekeping tanahpun. Walaupun orang lain dapat, walaupun saya diberi borang sekalipun saya tak nak, saya kata biarlah bukan saya kata saya kaya tapi cukuplah arwah ayah saya tinggal untuk saya sudah cukup untuk saya, setakat nak buat rumah tu boleh. Saya tak sanggup menerima nesta daripada siapa saja dalam perkara ini dan sebab itulah apa juga tindakan saya walaupun dianggap tidak popular dan saya selalu menimbulkan kontrovesi. Insya Allah, saya katakan tadi syarikat-syarikat Kerajaan ini juga akan wujud kontrovesi, akan wujud kejutan-kejutan baru selepas ini. Tetapi kejutan ini dibuat demi untuk kepentingan rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu. Sekian sahaja Dato' Yang Dipertua. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar penggulungan daripada pihak Kerajaan sekarang ini saya buka kepada undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Rancangan-Rancangan Kemajuan Bekalan Air Negeri Terengganu Bagi Tahun 2009

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2009 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL			
Tajuk Perkara	*Perbelanjaan Negeri*	*Pinjaman Pusat*	*JUMLAH*
Pengurusan Perbekalan Air	586,410.85	-	586,410.85
Pembangunan Bekalan Air	10,000,030.00	72,500,000	82,500,030.00
JUMLAH	**10,586,440.85**	**72,500,000**	**83,086,440.85**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil. 12/2008.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul yang dibentangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Paka, dengan ada sokongan ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya membuka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat perbahasan ke atas Usul yang tersebut. Kepada sesiapa yang berminat, jika ada, saya mengalu-alukan. Sila.

Tidak ada Yang Berhormat. Jika tidak ada maka tidak ada penggulungan, jadi sekarang saya buka untuk undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya alhamdulillah, urusan-urusan Enakmen dan juga Usul telah selesai kita bentang dan telah selesai kita luluskan, kita sekarang dalam sidang pukul 4.25 petang, jadi sebelum kita tangguhkan sidang ini saya nak memaklumkan bahawa sidang kita akan bersidang pada pagi besok pada jam 11.00 pagi bukan 9.30 pagi kerana sebahagian besar daripada kita mempunyai urusan rasmi pagi besok maka kita bersidang pada pukul 11.00 pagi. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan mesyuarat kita pada petang ini sehingga jam 11.00 pagi hari Rabu, 17 Disember 2008 pagi besok. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.25 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 17 DISEMBER 2008

Hari RABU,
17 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 269]

2. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Lisan. [Muka 271]

3. Rang Undang-Undang:

   (i) Enakmen Perbekalan (2009) 2008. [Penggulungan] [Muka 198]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada hari ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Terima kasih.

Kita alhamdulillah telah selesai Enakmen-Enakmen dan juga Usul-Usul, sidang kita ada dua hari lagi hari ini dan besok maka saya nak maklumkan kepada Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat sekalian kita mempunyai masa yang agak cukup dan saya mengharapkan soalan-soalan dan juga jawapan-jawapan yang diberi pada baki Sidang Dewan kita insya Allah akan lebih dan tidak tergesa-gesa dan lebih memberi kepada yang sebenar dan sebetul-betulnya dan insya Allah sampai ke matlamatnya. Jadi, dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat yang mengemukakan Soalan Lisan yang pertamanya Yang Berhormat Hulu Besut. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan satu -

> *Kerajaan Negeri Terengganu telah mengemukakan satu daerah akan ada satu pengeluaran di bawah program "Satu Daerah Satu Industri", apakah langkah-langkah yang dibuat dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan mengikut daerah untuk tahun 2009?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan program 'Satu Daerah Satu Industri' dan apakah langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil dan peruntukan yang disediakan. Jadi, Kerajaan memang memberi penekanan terhadap projek ataupun program-program di bawah 'Satu Daerah Satu Industri' ini ataupun SADSI dan langkah-langkah yang Kerajaan ambil setakat ini ialah:

(i) Menyediakan peruntukan yang secukupnya di bawah Belanja Mengurus untuk mempastikan program-program di bawah SADSI ini berjalan lancar.

(ii) Menyediakan promosi-promosi bagi produk SADSI ini, antara lain program-program kita adakan di bawah Program SADSI ini termasuklah menyertai dalam pameran-pameran dagangan di dalam negara dan di luar negara. Menganjurkan Expo SADSI ini di peringkat negeri, menyertai *Showcase* SADSI di peringkat nasional dan juga kita mengadakan program sendiri seperti Terengganu Showcase secara menjelajah ke bandar-bandar di Malaysia ini termasuklah baru-baru ini kita adakan di Miri.

(iii) Mengadakan program-program latihan dan juga bantuan teknikal kepada pengusaha-pengusaha di bawah program yang kita panggil Bantuan Usahawan SADSI. Di bawah program ini termasuklah kita mengadakan *brochures,* bantuan papan tanda dan *signage*, kita mengadakan pengiklanan untuk pengusaha-pengusaha dan juga cuba mendapatkan Sijil Halal untuk pengusaha-pengusaha.

(iv) Mengadakan Program Inovasi Produk untuk membantu pengusaha-pengusaha dengan kita mengadakan kerjasama dengan IPTA dan sebagainya untuk menyediakan program R&D bagi pengusaha-pengusaha.

Inilah beberapa langkah yang kita ambil untuk membantu pengusaha-pengusaha di bawah Program SADSI ini. Dan jumlah peruntukan yang kita sediakan untuk tahun 2009 adalah berjumlah lebih kurang RM1.05 juta untuk semua daerah dan kita agihkan mengikut daerah-daerah seperti berikut:

Besut	-	RM150,000.00
Setiu	-	RM137,500.00
Hulu Terengganu	-	RM137,500.00
Kuala Terengganu	-	RM200,000.00
Marang	-	RM137,500.00
Dungun	-	RM150,000.00
Kemaman	-	RM137,500.00

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Satu Industri merupakan kraf iaitu seni ukiran dan di Besut terdapat satu Pusat Latihan Ukiran dan sekarang ini saya dapati ada beberapa pelajar yang sedang mengikut latihan. Bila saya berkunjung ke tempat itu saya bertanya apakah selepas ini akan dilakukan oleh mereka? Mereka berkata setakat ini tidak ada apa lagi yang nak mereka rancangkan. Jadi, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk membantu mereka ini selepas mereka tamat kursus ukiran ini di Besut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang untuk Besut ini penekanan diberi kepada ukiran kayu dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Besut itu ialah berkaitan dengan penubuhan DUK (Desa Usahawan Kayu) yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri. Dan memang di situ kita adakan kursus-kursus untuk melatih pengukir-pengukir kayu ini dan sekarang ini di peringkat pertama kita wujudkan latihan-latihan ini dan insya Allah kita dah adakan peruntukan untuk tahun hadapan di mana kursus tambahan ataupun *advance stage* dengan izin, yang akan diadakan dan mereka ini akan dilatih untuk memberi tambahan dari segi latihan kemahiran tadi. Insya Allah setakat ini kita dapati mereka-mereka yang dilatih di sana dapat membuat kerja sendiri dan sebahagiannya telah dapat kerja dengan syarikat-syarikat pengukir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan keduapun tak apalah. Saya ingin mengetahui mengenai industri daripada daerah-daerah lain yang telah diusahakan dengan jayanya. Berapa ramaikah pengusaha-pengusaha yang telah berjaya yang telah diketengahkan oleh pihak jabatan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memberi penekanan bagi setiap daerah itu ada industri masing-masing. Saya tidak ada *figurelah* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau *detail* tu saya perlukan notislah tapi untuk daerah-daerah ini kita memang beri penekanan setiap daerah ada penekanan masing-masing. Setiu misalnya, kita ada SPA mungkin ada dua di Setiu, *detailnya* saya mintak notis.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, bukan tidak puas hati, puas hati dah tetapi daerah-daerah lain tu kalau boleh pihak Kerajaan jelaskan kerana ramai di kalangan orang kampung kerana kita ni bersiaran langsung kadang kala orang kampung tidak tahu daerah-daerah dia ni apa industri yang telah diusahakan dalam program ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Dato' Yang Dipertua, dari segi industri saya ada, misalnya di Besut saya sebut tadi ukiran kayu, makanan tradisional, produk-produk berasaskan padi, kerepek

dan sebagainya. Di Setiu kita ada perkhidmatan urutan tradisional, kita ada pengeluaran cempedak, nenas, labu manis dan mas cotek, ini bagus untuk Y.B. Jabi ni. Di Hulu Terengganu kita ada jagung, ikan kelah dan patin, kita ada Homestay di Kg. Buluh. Di Kuala Terengganu kita ada batik dan songket, kerepok lekor. Di Marang kita ada anyaman, kita ada nira nipah. Di Dungun kita ada buah salak, limau madu. Di Kemaman kita ada otok-otok dan sata. Ini adalah jenis-jenis perniagaan yang telah kita wujudkan tetapi untuk angka beberapa orang itu kita perlu kepada notislah. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak produk yang telah disebut tadi Yang Berhormat. Ada lagi soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan saya adakah perancangan untuk membangunkan infrastruktur secara khusus bagi menjayakan lagi Program Satu Daerah Satu Industri, sebagai contoh Dato' Yang Dipertua, di Kemaman tadi saya difahamkan industri sata, keropok lekor jadi adalah satu perancangan khusus ke arah membangunkan prasarana untuk menjayakan Satu Daerah Satu Industri ini untuk merangkumi seluruh daerah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memang sudah merancangkan saya ingat saya berbisik dah dengan Y.B. Kemasik ni. Yang sebenarnya sekarang ini kita sedang menyediakan Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan, *packaging* dengan izin, di mana produk-produk daripada daerah-daerah ini boleh kita kumpulkan sekarang ini kita dah wujudkan di daerah Dungun dan Besut. Insya Allah tahun depan kita akan wujudkan di Kuala Terengganu dan di Kemaman untuk mengumpulkan semua produk-produk ini dan kita akan membuat *packagingnya* secara selaras dan insya Allah kita boleh pasarkan bagi pihak pengusaha-pengusaha ini. Kita dah buat perhubungan dengan beberapa syarikat besar seperti Giant, seperti Mydin untuk kita *supplykan* kepada mereka. Kita sedang berusaha untuk mendapatkan Carrefour, *supplykan* kepada mereka. Dan di peringkat kita sendiri, YPU sedang nak mewujudkan satu rangkaian seperti 7-Eleven, kita cuba nak buat supaya kita wujudkan di bandar-bandar besar di mana produk-produk ini boleh kita buat sendiri, kita pasarkan sendiri melalui kedai kita sendiri dan yang baki itu kita buat dengan melalui perhubungan dengan syarikat-syarikat besar tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai. Cukuplah hendak bercakap tu sebab semalam Cukai kata takdok soalan untuk dia. Jadi, saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah status terakhir projek perpindahan penduduk Lot 1770 Mukim Chendering dan nyatakan jumlah yang terlibat serta pampasan yang telah diberikan kepada penduduk yang terlibat?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, status terakhir Projek Perpindahan Penduduk Lot 1770 Mukim Chendering. Kerajaan bercadang untuk membina 40 blok rumah flat tiga tingkat mulai tahun hadapan yang mana boleh menampung seramai 120 orang dan flat ini hampir menyamai flat yang terdapat di Pulau Duyung tetapi lebih besar daripada itu dengan anggaran kasar kira-kira 920 kaki persegi dengan tiga bilik tidur, *master bedroom* dengan izin Dato' Yang Dipertua 12' x 10', bilik kedua, ketiga 10' x 10' dan ruang tamunya dengan keluasan 10' dan ketinggian antara lantai ke siling 10'. Pelan baru sahaja disiapkan dan insya Allah pembinaan akan dimulakan awal 2009.

Jumlah rumah yang terlibat dalam Lot 1770 ini ialah sebanyak 125 lot dan 74 daripadanya melibatkan mereka yang menduduki secara haram di tanah tersebut. Kerajaan telah membayar pampasan untuk rumah-rumah mereka berjumlah RM495,500.00. Sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk memindahkan mereka ini ke Kampung Cerung Binjai, Cendering yang mana pampasan kos tanah diambil balik untuk menyediakan rumah yang saya sebutkan tadi berjumlah RM2,586,017.55, kos tambun tanah RM2.1 juta menjadi jumlah keseluruhan perbelanjaan penyediaan tapak ialah RM4,686,017.55. Tanah yang terlibat kira-kira 3.1734 hektar (11 lot) pengambilan balik, tanah Kerajaan 3.5303 hektar jumlah keseluruhan 6.7037 hektar, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Status dan kedudukan mereka-mereka yang berpindah daripada Lot 1770 Mukim Cendering ini untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mereka berada dalam keadaan terumbang-ambing sebab sebahagiannya diarahkan untuk berpindah di Flat YPK. Flat YPK untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat

adalah flat dua bilik dan memang tidak sesuai untuk orang-orang yang berkeluarga. Tambah pulak anak-anak mereka anak-anak yang dah besar dan saya telah mengadakan pertemuan dengan penduduk setempat yang terlibat ini lebih kurang sebulan yang lepas dan mereka menimbulkan yang pertamanya masalah kesesuaian, yang keduanya masalah sosial yang sekarang ini berlaku kerana anak-anak dok boleh duduk di rumah sebab rumah terlalu kecil, jadi menimbulkan macam-macam masalah sosial kepada mereka.

Dan yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan lanjut kerana penduduk telah mengajukan satu surat bertarikh 13hb Julai kepada Yang Amat Berhormat untuk mengadakan pertemuan khusus. Jadi, mereka meminta penjelasan kenapa sampai sekarang masih tidak diaturkan pertemuan dengan Jawatankuasa Bertindak Penduduk yang terlibat di Pantai Pandak ini sendiri. Sekian, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan surat yang disebutkan itu saya tak pernah terima sampai hari ini tapi yang keduanya saya telahpun mengadakan pertemuan dengan mereka baru-baru ini dan saya sedar dan faham terhadap masalah rumah flat dua bilik ini sebab itulah Kerajaan Negeri selepas daripada itu kita tidak ada lagi buat rumah dua bilik, kita buat rumah tiga bilik tidur termasuk rumah kos rendah dan rumah PPRT yang baru. Kalau di Pantai Barat dia sebut rumah tiga bilik sebenarnya bilik yang ketiga bilik utiliti 6' atau 7' tetapi kita rumah tiga bilik tidur, dua bilik air yang kita buat termasuklah rumah yang baru kita buat sebagaimana disebutkan tadi bahawa saiznya sekali saya sebut tadi 12' x 10', 10' x 10', 10' x 10' termasuk dua bilik air. Kita sedar masalah itu sementara mereka dipindahkan ke penempatan sementara di Desa Keluarga Cendering dan sewanya dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan sebab itulah saya mengatakan tadi bahawa insya Allah rumah ini akan dibina tahun 2009 ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan kedua, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Dengan izin, oleh kerana perumahan ini akan dibina pada tahun 2009, jadi kemungkinan besar mengambil masa kemungkinan setahun ataupun setahun setengah yang akan datang. Jadi, dalam jangka masa ini apakah tidak boleh pihak Kerajaan Negeri mengambil beberapa pendekatan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka timbulkan ini mungkin ada keluarga-keluarga yang besar yang boleh kita berikan penempatan baru yang mungkin anaknya 5 – 6 orang yang tinggal di YPK ini kita berikan kemudahan-kemudahan sementara siap perumahan baru yang insya Allah akan dibina oleh pihak Kerajaan ini kerana untuk mengatasi masalah merekalah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebahagian daripada mereka telahpun pindah ke tapak masing-masing, masing-masing ada tapak tetapi yang masih tidak mempunyai tapak dan pertambahan keluarga kita memberi jaminan sekiranya ada permintaan daripada mereka dan masih ada rumah keluarga yang masih kosong kita bersedia untuk menempatkan mereka di rumah berkenaan. Kalau katakanlah dulu mereka tinggal dua keluarga satu rumah tapi kalau dah ada pertambahan dan kalau masih ada kekosongan dan permintaan ada, kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kita pindah kepada soalan yang keempat, Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

> *Dalam membangunkan Program Pendidikan Tinggi Di Terengganu, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membawa masuk universiti-universiti terkemuka ke Terengganu?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terima kasih kepada Wakil Jabi di atas soalan yang dikemukakan. Berkait dengan bagaimana kita nak menarik universiti terkemuka ke Terengganu. Kerajaan Negeri melalui TATIUC dan TESDEC telah mengadakan langkah-langkah yang berikut. TATIUC dalam meningkatkan program pendidikan tinggi di Terengganu, pihak Kerajaan Negeri melalui Kolej Universiti TATI telah mengadakan:

(i) Menjalinkan usahasama dengan universiti luar negara di bidang teknologi dan kejuruteraan seperti:

   (a) Twin University of Belfast Ireland di bidang Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar.

   (b) University of Napier Scotland di bidang Kejuruteraan Pembuatan.

   (c) University of Heriot-Watt Scotland di bidang Kejuruteraan Perisian.

(d) University of Northumbria England di bidang Kejuruteraan Pembuatan.

(e) Swiss-German University di bidang Kejuruteraan.

(ii) Menjalinkan kerjasama dengan industri bertaraf dunia seperti Cooca Roboted GMBF Germany pengeluar robot terkemuka dunia terutama di industri automatif seperti BMW dan Mercedes. Mazad Japan pengeluar mesin CNC.

Di samping itu, adalah dirancangkan pada tahun 2009 dan 2010 TATIUC akan menjalinkan kerjasama dengan universiti di Jepun, New Zealand dan Eropah bagi memantapkan lagi program kejuruteraan yang sedia ada. TATIUC juga sedang mengenal pasti profesor-profesor terkenal untuk dilantik sebagai Penasihat dan Pemeriksa Luar Program. Ini secara langsung akan meningkatkan lagi kualiti dan pengiktirafan terhadap program yang ditawarkan terutama program di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Selain daripada itu, Kolej TESDEC sedang mengadakan kerjasama dengan Universiti Kuala Lumpur dalam bidang Diploma Teknologi Kejuruteraan Automatif dan Diploma Teknologi Kejuruteraan Penyaman Udara. Satu MoU di antara Kolej TESDEC dengan Universiti Kuala Lumpur telahpun diadakan pada 10 September 2008 di Bilik Perjanjian Tingkat 18, Wisma Darul Iman. Kolej TESDEC juga telahpun menjalankan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia bagi Program Bioteknologi Makanan, Jaminan Mutu Pemprosesan Makanan dan Bioteknologi dan Biopharmaceutical. Jadi, itulah di antara program-program yang sedang kita laksanakan dan insya Allah sepertimana yang disebut ataupun yang diminta yang diharapkan oleh Wakil Jabi itu akan dapat kita realisasikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua Dewan. Tahniah kepada pihak Kerajaan, memang kita sudah rasa selesa dah tapi daripada jawapan itu kalau boleh tak ada ke program-program yang berbentuk perubatan yang akan masuk ke Terengganu kita?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Jabi. Sebenarnya setakat hari ini memang ada beberapa universiti-universiti IPTS yang memohon untuk mengadakan Kursus-kursus Perubatan di Negeri Terengganu tetapi masih lagi dalam pertimbangan. Selain daripada itu, sebenarnya pihak UDM sendiripun sekarang ini bercadang untuk mengadakan Program Perubatan, masih lagi dalam perbincangan kerana memandangkan dari segi pihak Kementerian Pengajian Tinggi memohon supaya kita mengenal pasti mana-mana hospital yang boleh

dijadikan sebagai tempat untuk menjalani praktikal. Jadi sekarang ini kita sedang di dalam pertimbangan dan kalau ada keupayaan ataupun ada kemampuan daripada pihak Kerajaan Negeri mungkin kita akan cuba melaksanakan program ini secara usahasama terutama dari segi pembinaan hospital. Dan selain daripada itu, ada sebuah universiti iaitu Sedaya Universiti Kolej yang ada di Bukit Kor sekarang inipun memang menawarkan Kursus Perubatan di mana hospital kita sendiri, Hospital Nur Zahirah sendiri sebagai tempat untuk menjalani praktikal. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kedua? Kita bagi Jabi dulu lepas ni Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kedua, sikit lagi. Kalau boleh dinyatakan di manakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk membina Hospital Universiti yang seperti yang telah dinyatakan oleh Exco tadi?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti yang saya sebut tadi sekarang ini pihak UDM ada bercadang untuk mengadakan program yang saya sebut tadi tapi masih lagi dalam perbincangan sebab kita cuba dari segi untuk mengenal pasti ataupun dari segi penyediaan hospital. Memandangkan untuk kita membina hospital yang berkait dengan perubatan ini memang menelan belanja yang sangat besar sebenarnya dan memang kalau boleh kita memohon daripada Kementerian Pengajian Tinggi agar dapat menyediakan dan kalau perlu mungkin juga Kerajaan Negeri akan buat secara JV, secara usahasama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk kita mengadakan hospital ini dan kebetulan pulak saya rasa sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa insya Allah akan datang bahawa Kuala Nerus akan menjadi sebuah daerah saya rasa ini amat sesuailah kalau dapat dilaksanakan di kawasan ataupun di daerah yang baru itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya sokong tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan tambahan saya berhubung dengan usaha Kerajaan untuk nak bawa masuk universiti-universiti terkemuka ke Terengganu ni, saya dapati Taman Ilmu di Besut sebagai contoh, Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang besar lebih daripada RM400 juta, saya difahamkan masjid telah siap, khutubkhanah, *library* dengan izin, telahpun siap tapi takdok *anchor* pusat ilmu, universiti ataupun sama ada IPTA ataupun IPTS. IPTA mungkin UDMlah pasal antara tempat yang dicadangkan ditetapkan di situ, IPTS semalam disebut hanya International College University of Twintech begitulah lebih kurang. Peruntukan 50 ekar tapi tak buat apa-apapun, jadi apa usaha bila dah ada perancangan Taman Ilmu apa usaha untuk nak tarik universiti-universiti ataupun pusat-pusat pengajian pergi ke Besut selain daripada apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Exco. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Seperti yang saya sebut tadilah bahawa ini adalah beberapa perkara yang saya sebut tadi, sedang kita cuba membawa dari segi usahasama-usahasama daripada universiti luar sekiranya pihak universiti mempunyai kesanggupan untuk mengadakan program bersama dengan kita barulah kita akan tawarkan mereka di tempat-tempat yang saya sebut tadi. Dan untuk makluman tentang Taman Ilmu itu, keluasan Taman Ilmu ini ialah seluas 774 ekar dan sebenarnya perancangan kita ini adalah enam institusi yang kita cadangkan dengan keluasan yang kita cadangkan itu sebenarnya untuk pengetahuan bahawa kita mendapat permohonan yang pertama daripada International College University Twintech ataupun ICUTT ini yang mana keluasan yang kita jangkalah baru saja dalam pertimbangan kita jangka kita akan memberi mereka dalam keluasan sebanyak 60.51 ekar, jadi ada baki 713.49 ekar ini kita jangka ada lima lagi institusi yang boleh kita beri peluang untuk kemasukan dan sebenarnya kalau ikut permohonan daripada University Twintech ini dia memohon untuk mengadakan Program Kejuruteraan Sains Teknologi dan jugak ICT. Jadi insya Allah, saya rasa sekiranya University Twintech ini masuk ke Taman Ilmu setelah siap kerana sebenarnya Taman Ilmu kita ini belum lagi siap, setelah siap insya Allah dia masuk dan saya rasa bila University Twintech ini dah masuk jadi universiti-universiti lainpun saya rasa akan turut sertalah. Dan kalau itupun kita akan beri peluang mengikut sebenarnya kepada keluasan itu kita ada peluang untuk enam institusi swasta yang boleh kita tempatkan di Taman Ilmu itu. Jadi itu sajalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Saya jemput Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pilih soalan yang kedua menjadi soalan yang pertama –

> *Sila nyatakan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang masih mengalami kerugian dan jumlah kerugian terkumpul sejak 2005 hingga kini dan sejauh manakah langkah pemulihan diambil serta keberkesanannya?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara anak syarikat Kerajaan Negeri yang masih lagi mengalami kerugian sejak tahun 2005 adalah sebagaimana berikut:-

(i) Yayasan Terengganu Yayasan Islam Sdn Bhd.
(ii) Golden Pharos Berhad
(iii) Permint Sutera Semai Sdn. Bhd.
(iv) Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
(v) Pemika Sdn. Bhd.
(vi) Terengganu Ashan Iron Sdn. Bhd.

Dan semuanya berjumlah kira-kira RM80 juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kalau bolehlah pasal syarikat-syarikat yang disebut ini sejak tahun 2005 dan angka kerugianpun dah banyak meningkat dah sampai RM80 juta. Apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang berterusan dan berlanjutan begitu lama?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada syarikat-syarikat yang kita dapati tidak berdaya maju kemungkinan besar akan ditutup dan ada setengah syarikat-syarikat yang masih lagi berdaya maju tapi kita perlu tukarkan pihak pengurusan dan ada syarikat-syarikat tertentu yang mungkin kita akan buat sesuatu untuk menjadikannya lebih berdaya saing pada masa depan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak spesifik kepada Yang Amat Berhormat tentang Golden Pharos sebab Golden Pharos ini syarikat yang terkenal, saya kecil-kecil dulupun dengar dah Golden Pharos ni. Dia niaga ratus juta, niaga besar sokmo, jadi apa sebenarnya status Golden Pharos ini? Sebab katanya perniagaannya ada di London, ada di *whole over*

the world perniagaannya tetapi mengalami kerugian dan dia *Public Listed* pulak ni. Jadi kalaulah status macam ni bagaimana kita nak jaga imej kita orang Terengganu ni, malu jugak kita orang Terengganu dengan keadaan *Public Listed Company,* rugi sokmo dan dalam keadaan yang kita kira Golden Pharos ni *niche* dia dengan izin, dengan kayu pembalakan dan sebagainya dalam Negeri Terengganu ni ada lagi benda-benda tu tapi bagaimana boleh berlaku sedemikian, mintak penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana syarikat ini Syarikat *Public Listed* yang ada kepentingan awam, saya tidak dapat menghuraikan lebih lanjut dan apa strategi yang hendak dilakukan tapi dia di dalam salah satu perancangan Kerajaan untuk melakukan sesuatu demi menjamin masa depan syarikat ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada dah Yang Berhormat. Saya teruskan dengan menjemput Wakaf Mempelam untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

> *Apakah terma-terma persetujuan antara Kerajaan Negeri dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) untuk membina empangan kedua dan bilakah kerja pengeluaran kayu balak di kawasan yang terlibat akan mula dijalankan?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Setakat hari ini masih belum ada lagi terma-terma persetujuan ataupun perjanjian antara Kerajaan Negeri dan TNB untuk membina empangan kedua, cuma yang ada hanyalah melalui taklimat dan beberapa mesyuarat di antara Kerajaan Negeri dan TNB. Sementara itu, kerja-kerja pengeluaran kayu balak di kawasan terlibat juga masih belum dijalankan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan telah ada MoU itu yang saya tanya tu, sama ada MoU tu telah di*sign* atau tidak tetapi keluar gambarlah maknanya dalam surat khabar. Cuma saya nak tanyanya cadangan jangkaan pembinaan empangan kedua ni jumlah kawasan dia yang terlibat, jangkaan hasil premium yang Kerajaan Negeri akan perolehi oleh kerana ianya melibatkan *clear felling* maknanya tebang tu tebang sungguh bukan tebang pemilihan bukan pilih-pilih kayu, pakai gomol belaka, jadi takut boleh beri penjelasan sedikit.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih hak tadi MoU tu royalti air saja takdok kena mengena dengan dam kedua ni. Tapi walau bagaimanapun, hasil daripada perbincangan kita dengan pihak TNB dalam usaha untuk membina empangan kedua di mana telah dibuat jangkaan-jangkaan keluasan yang akan terlibat dengan empangan kedua lebih kurang 51,100 hektar tanah dan melibatkan ruangan tasik sebanyak 6,130 hektar dan juga kawasan hutan belantara, hak ni mungkin hak sohor sikit dan mungkin nak tanya hak ni mungkin hak sohor ni lebih kurang 18,676 hektar yang terlibat. Itupun jangkaan kita, ini belum lagi keputusan yang muktamad. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau sekira ditakdirkan insya Allah berjaya antara TNB pun sanggup, hak sebut tadi royalti air tu anggar-anggar berapa Kerajaan Negeri akan dapat macam hak di Kenyir tu dah kita tahu dah walaupun sekarang ini kita saman tapi tak bayar. Dijangka kalau dam yang kedua ini berjaya dilaksanakan jangkaan royalti air yang dikatakan telahpun ada perkiraan tu dijangka berapa Kerajaan Negeri akan dapat?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Setakat hari ini hak yang sedia ada Empangan Kenyir yang melibatkan 400 MW yang digunakan yang kita ada royalti air ni dalam dua perkara iaitu pertama, dari segi pembayaran tahunan untuk Lesen Takungan Air di bawah Perkara 146 – Enakmen Air Negeri Terengganu yang ni kita dapat bayaran royalti tahunan sebanyak RM3.6 juta setahun dan pembayaran tahunan untuk kegunaan air mengikut Enakmen Air Terengganu Perkara 146 juga melibatkan lebih kurang RM8 juta setahun. Jadi, jumlah dalam tempoh tahunan bermula pada 24.8.2007 ialah sebanyak RM11.673 juta, ini adalah merangkumi sehingga tahun 2017 dan selepas daripada 2017, selepas 10 tahun semakan semula akan dibuat. Jadi, untuk empangan yang kedua ini insya Allah kita akan berpandu kepada kriteria-kriteria yang sedia ada dan mungkin kita akan cuba nego dengan pihak TNB mungkin kita akan gandakan jumlah sebab kita nak pitih banyak sikit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita jemput Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Sehingga kini berapakah jumlah tunggakan cukai pintu yang masih belum dikutip oleh pihak PBT seluruh Negeri Terengganu. Sila nyatakan mengikut pecahan PBT?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah tunggakan bagi semua PBT sebagaimana berikut:

1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	-	RM18,646,000.00
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	-	RM9,287,000.00
3.	Majlis Perbandaran Dungun (Kes melibatkan TNB Paka Power Station)	-	RM57,964,000.00
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu (Kes melibatkan Empangan Kenyir & TNB)	-	RM22,796,000.00
5.	Majlis Daerah Besut	-	RM2.275 juta
6.	Majlis Daerah Marang	-	RM1.631 juta
7.	Majlis Daerah Setiu	-	RM254,486.00

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya yang pertama. Berdasarkan kedudukan tersebut kita dapati banyak sebenarnya tunggakan-tunggakan cukai yang masih belum lagi dipungut. Saya ingin tahu dalam pengamatan pihak Kerajaan apakah sebenarnya sebab-sebab cukai tersebut tidak dapat dipungut, apakah sebenarnya kalau boleh di*detailkan* PBT yang teruk sangat tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini melibatkan sikap orang kita sendiri yang tak mahu bayar cukai pintu. Bila berlaku kekurangan dia kata: Cukai Pintu pungut servis tidak beri. Itu yang berlaku tapi sebenarnya kesedaran kita amat rendah. Di Terengganu hanya sekitar 40 - 50 peratus sahaja yang membayar cukai pintu berbanding di Selangor, Lembah Klang lebih daripada 95 peratus yang membayar cukai pintu. Inilah masalah yang kita hadapi sejak dulu dan mungkin selamanya barangkali di Terengganu ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa setiap PBT ini adalah seperti dan apa yang jelasnya adalah sebuah Kerajaan di dalam Kerajaan Negeri maknanya mereka ini ada pentadbir, ada ketua, dia ada Ahli-ahli Wakil Rakyatnya, Ahli-ahli Majlisnya. Jadi, soalan tambahan saya sebenarnya mungkin ada kaitan dengan soal Ahli-ahli Majlisnya yang tak berfungsi, apa pandangan pihak Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dia tidak ada kena mengena dengan Ahli-ahli Majlis Dato' Yang Dipertua. Ini melibatkan orang ramai di atas kesedaran mereka sendiri dengan servis yang diberikan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan Ahli-ahli Majlis tadi, apakah kriteria-kriteria yang digunapakai untuk melantik Ahli-ahli PBT ini? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya ada soalan nombor dua daripada ADUN Tepoh ni tapi saya jawab teruslah. Mengikut Seksyen 10(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171): "Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan kebolehan serta pengalaman mereka yang luas dalam bidang-bidang tertentu dan difikirkan sesuai untuk menjawat jawatan tersebut." Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Ahli-ahli Yang Berhormat kita teruskan dengan menjemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

> *Berapakah saham SATU di dalam Syarikat K-One dan berapakah keuntungan yang dijana setakat ini?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Saham SATU di dalam Syarikat K-One sebagaimana soalan adalah sebanyak RM690,000.00 (RM1/unit) bersamaan 30 peratus dan setakat hari ini 2008 tidak ada sebarang keuntungan yang telah didapati. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Agak-agaknya dah tak dapat untung tu maknanya rugilah kot dan apakah faktor penyebab kerugian agaknya?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Memang rugilah. Faktor zaman deme memerintah dululah, zaman deme memerintah tu masa tu tahun 2003 atas nama Permata Gemalai Sdn. Bhd. dan pada 25 September 2003 pulak ditukar kepada nama Kenyir One Sdn.

Bhd ataupun ringkasnya K-One jadi dokrok nampak saham ni, jadi nampaknya kita tak pakai apa-apa hak ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau tak boleh pakai tu apakah SATU berhasrat untuk keluar daripada Syarikat K-One?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Buat semakan semula Dato' Yang Dipertua? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pekerja Kilang Papan Rapid Skills Sdn. Bhd. di Bandar Al-Muktafibillah Shah yang telah kehilangan pekerjaan ekoran penutupan kilang tersebut. Nyatakan jumlah pekerja yang terlibat serta jumlah pampasan yang diterima dan adakah Kerajaan berhasrat membuka dan mengambil alih semula melalui anak syarikatnya bagi memastikan ianya terus beroperasi?*

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Sura bertanya: Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pekerja Kilang Papan Rapid Skills Sdn. Bhd. di Bandar Al-Muktafibillah Shah yang telah kehilangan pekerjaan ekoran penutupan kilang tersebut dan minta jugak untuk nyatakan jumlah pekerja yang terlibat serta jumlah pampasan yang diterima dan adakah Kerajaan berhasrat membuka dan mengambil alih semula melalui anak syarikatnya bagi memastikan ianya terus beroperasi.

Dato' Yang Dipertua, untuk makluman semua Syarikat Rapid Skills Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat swasta yang berhenti beroperasi kerana menghadapi kerugian besar dan dengan tindakan tersebut seramai 150 orang pekerja syarikat tersebut telah diberhentikan kerja dan telah diberikan pampasan oleh syarikat tersebut mengikut kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta pekerja 1955. Sebuah anak syarikat di bawah Kumpulan Golden Pharos Berhad telah menjalankan kajian *feasibility* untuk mengkaji kemungkinan untuk membuka semula operasi kilang papan tersebut. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Soalan asal tu belum dijawab lagi, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pekerja ini, ini belum dijawab soalan asal lagi. Mintak penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin Wakil Sura dok berapa faham. Ini adalah melibatkan sebuah operasi syarikat swasta jadi Kerajaan hanya menolong dan meminta sebuah anak syarikat di bawah Kumpulan Golden Pharos Berhad untuk menolong dalam masalah inilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Syarikat Rapid Skills Sdn. Bhd ini sepertimana yang dimaklum adalah syarikat swasta, kilang itu asalnya beroperasi atas nama Permint Plywood Sdn. Bhd. anak syarikat kepada Golden Pharos, bila tutup kilang Permint Plywood, disewa oleh Syarikat Rapid Skills ini dan tutup pulak, sekarang minta dikaji semula untuk nak buka balik. Adakah puncanya kerana tak cukup bahan bekalan kayu ataupun sebab-sebab pengurusan, walaupun ini syarikat pasal kita nak buat kajian nak buka balik ni, jangan kitapun tutup, orang lain sewapun tutup sama ada puncanya tak cukup bekalan kayu ataupun kerana masalah pengurusan yang tidak efisien atau macam mana alasan-alasan yang menyebabkan ini berlaku kerana mangsanya adalah pekerja tempatan.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasihlah Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Puncanya memang saya tidak tahu sebab ini satu operasi syarikat swasta, jadi kalau dia rugi nak bukapun atas dia, kalau dia untung nak tutuppun keputusan dia. Jadi, ini susah untuk saya jawablah tapi walau bagaimanapun pada masa dulu memang operasi kilang papan ini ialah di bawah Permint Plywood dan syarikat itu membuat keputusan berdasarkan keputusan perniagaan dan pekerja pada masa itu telah diambil atau diberhenti kerja mengikut Akta-akta yang diperuntukkan jadi pada masa tu memang tidak ada masalah. Jadi, sekarang kerana melibatkan satu syarikat swasta maka kita mintaklah anak syarikat Golden Pharos itu timbang balik macam mana boleh kita tolong anak-anak tempatan kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Bandar. Jelaslah tu Yang Berhormat, kita jemput Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya diminta untuk mewakili Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, tidak ada surat kepada saya, tidak ada makluman kepada saya dan Kuala Berang tidak hadir. Jadi kita jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya pilih soalan nombor 2 -

> *Menurut Belanjawan 2008 sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan bagi membangunkan Pulau Warisan, sila nyatakan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dalam pembangunan tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua, Yang Berhormat Kerajaan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Oleh kerana Wakil Bukit Tunggal pilih soalan nombor dua jadi saya kena jawablah Dato' Yang Dipertua. Kerja-kerja pembinaan di Pulau Warisan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Wakil Bukit Tunggal setakat hari ini kita belum ada apa-apa pembinaan yang kita buat cuma yang kita ada yang telah selesai ialah setakat membentengkan pulau itu yang telah dilaksanakan dan siap pada tahun 2007. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Berhormat Mulia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tahun lepas lulus RM4 juta cuma buat benteng, tahun ini peruntukan RM5 juta diluluskan untuk apa Allahuwa'lam, cuma saya nak tahu berapa anggaran kos keseluruhan Projek Pulau Warisan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kos benteng ke apa yang dimaksudkan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kos keseluruhan anggaran untuk menyiapkannya?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kos benteng lebih kurang RM13.9 juta yang telah dilaksanakan dan sementara itu untuk perancangan masa akan datang, insya Allah kalau sekiranya

bertetapan dengan dasar Bajet kita untuk 'merakyatkan pembangunan' kita akan teruskan kita anggarkan untuk pembangunan di Pulau Warisan ini lebih kurang RM40 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Apa yang kita perhatikan dalam muara Sungai Terengganu ini banyak pulau-pulau buatan manusia ini Pulau Warisan yang terbaru dan yang terakhir saya ingat yang dibina, yang ada satu pulau lagi dekat jambatan tu tak bernama dah lama dan Pulau Pasir yang bertimbun tinggi tu satu hal. Yang kedua tu dibuat satu pulau untuk Teluk Warisan, lepas tu depan Seberang Takir tu ada pulak satu pulau lagi yang dibina. Jadi, adakah yang saya maksudkan di sini dan saya persoalkan ialah terlalu banyak pulau-pulau baru binaan manusia ini, kita di bahagian hulu pulau mengalami banyak perubahan dari segi aliran air dan jugak timbunan lumpur. Kalau dulu di kampung saya yang dipanggil Pengkalan Batu, tempat mandi dan dasar sungainya berbatu dan airnya jernih tapi sekarang dah berlumpur sampai setakat betis. Ini mungkin adakah satu kajian yang dibuat secara terperinci oleh Nahrim ataupun siapa agensi yang terlibat tentang impak kepada pembangunan pulau-pulau yang begitu banyak di muara Sungai Terengganu ini kerana ia mengancam atas kesejahteraan rakyat dan juga punca rakyat untuk mencari rezeki khususnya yang Kuala Berang duk sebut beri bot kecil, ikan dah tidak ada. Sekian, pohon penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, dah Wakil Bukit Tunggal agak-agak cadangan lagu mana tu nak buatnya? Kita mintak cadangan senang kita ikut je. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya bertanya Dato' Yang Dipertua, adakah kajian dibuat sebab ini melibatkan alam sekitar saya mahu Kerajaan adakah telah membuat satu kajian melalui Nahrim ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya, dia faham soalan tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Okey Dato' Yang Dipertua, memanglah kita memang buat kajian, segala apa-

apa projek Kerajaan memang ada kajian, ada perancangan dia untung rugi, keselesaan dan sebagainya itu memang sudah sedia ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau boleh jelaskanlah apakah hasil daripada Nahrim itu?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kan saya royat dahkan kita KIV dulu hak gini-gini, kita tengok kepada bajet kita untuk 'merakyatkan pembangunan'.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Masalah Yang Dipertua, projek dah berjalan kalau kajian masih KIV apa lagi ni?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau nak *detail* kita tunggu soalan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jawapan telah diberi tadi, jika ada cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Tunggal yang baik Kerajaan mengalu-alukan. Saya jemput .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya cadang Dato' Yang Dipertua, kita tukarlah hak nun mari sini, hak ni pergi sanalah, tukarlah .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, sebab tu hari ni pakai songkok tu sebab .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia setuju tu Dato' Yang Dipertua, dia setuju tu. ....(Dewan Gelak) .... Inilah kalau ada cadangan, cadangan nak pecat kot kes ni-lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya mintak Yang Berhormat Wakaf Mempelam tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tarik balik, bergurau aje, saya tarik balik. Jangan berasa hatilah.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya halal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kekgi kita minum air sama-sama, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, saya ingat nak simpan dah sarung boxing tu. Saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

> *Berapakah bayaran sewa yang ditetapkan dan telah dibayar oleh BP Futsal, Pekan Bukit Payong kepada Majlis Daerah Marang?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bayaran sewa yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Marang adalah sebagaimana berikut:

i)	5 tahun pertama	-	RM1,000.00 sebulan
ii)	5 tahun kedua	-	RM1,200.00 sebulan
iii)	5 tahun ketiga	-	RM1,700.00 sebulan

Selepas pada tempoh berkenaan gelanggang berkenaan akan menjadi milik Majlis Daerah Marang. Bayaran yang telah dibayar kepada Majlis Daerah Marang sehingga Oktober 2008 adalah sebanyak RM14,000.00. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Dari bayaran sewa yang telah ditetapkan apakah syarikat ataupun pihak BP Futsal ni berhutang dengan pihak Majlis?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, mengikut rekod tidak ada hutang yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bukit Payong. Kita ada masa lagi Yang Berhormat, saya ingat saya beri peluang untuk soalan kedua kalau Yang Berhormat Batu Burok ingin, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan nombor dua -

Apakah status Projek Taman Rekreasi Masjid Terapung Kuala Ibai dan berapakah jumlah peruntukan serta kontraktor yang terlibat?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan kedua ini iaitu mengenai status Projek Taman Rekreasi Masjid Terapung Kuala Ibai dan berapakah jumlah peruntukan serta kontraktor yang terlibat.

Projek Taman Rekreasi Lagun Kuala Ibai Masjid Tengku Tengah Zaharah adalah di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Jabatan Lanskap Negara sebagai pegawai penguasa projek. Kemajuan fizikal sebenar projek setakat 13 November 2008 adalah sebanyak 62 peratus berbanding jadual 95 peratus yakni lewat 33 peratus. Projek ini sepatutnya dijadualkan siap 19 Mei 2008. Jabatan Lanskap Negara telah mengeluarkan notis untuk penamatan pengambilan kerja kontraktor kepada kontraktor berkenaan pada 30 Oktober 2008 yang lalu di mana projek ini telah dimasukkan ke dalam senarai projek sakit Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kos projek adalah sebanyak RM7,380,870.00 dan kontraktor terlibat adalah Timeless Construction Sdn. Bhd. (pelantikan kontraktor dibuat oleh Jabatan Lanskap Negara). Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Projek yang terbengkalai ini yang disebut sebagai projek sakit ini telah memberi kesan yang hebat kepada penduduk setempat kerana untuk makluman kita semua kitapun maklum bahawa tempat itu adalah tempat rekreasi. Pagi-pagi kebanyakan boleh dikatakan penduduk setempat dan juga Ahli Khariah Masjid Terapung tu dia berekreasi di situ, dia berjogging, dia bawa keluarga dia dan sebagainya tetapi bila terbengkalai begini maka memang tidak dapat pakailah tempat itu, tidak boleh diguna dan berpanjangan perkara ini. Jadi, saya minta secara spesifik bilakah kita boleh selesaikan permasalahan ini khususnya walaupun ia projek Persekutuan tapi Kerajaan Negeri kita ada tanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaian kerana penggunaan awam dan jugak imej kita bagi Negeri Terengganu ini sendiri, pelancong-pelancong boleh dikata tiap-tiap hari berhenti singgah di Masjid Terapung dan berehat di situ. Bila melihat kepada projek sakit macam ini memberi imej yang negatif kepada kita Negeri Terengganu, minta penjelasan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan saya jugak mengucapkan terima kasih kepada Wakil Batu Burok di atas teguran di mana hasrat dan

cita-cita itu sama jugak dengan hasrat saya dan cita-cita saya dan Negeri Terengganu ini untuk mempastikan semua projek-projek yang dilaksanakan di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan hendaklah berjalan lancar dan menepati jadual yang telah ditetapkan. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selepas notis penamatan pengambilan kerja kontraktor yang dikeluarkan itu pihak kontraktor telahpun menjalankan sambungan kerja semula setelah Jabatan Lanskap Negara telah melantik subkontraktor yang baru. Insya Allah saya menaruh harapan dengan subkontraktor yang baru telah dilantik oleh pihak Kementerian tersebut dan kerja-kerja yang terbengkalai itu dapat diteruskan insya Allah pada tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Pengkalan Berangan. Saya beri peluang kepada Rhu Rendang untuk soalan yang pertama barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah rasionalnya Kerajaan menyerahkan pengurusan Asrama Anak Yatim Darul Iman, Pulau Kerengga, Marang kepada PERKAYA?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih saya kepada Wakil Rhu Rendang atas pertanyaannya nak mengetahui tentang Asrama Anak Yatim Darul Iman yang sudah diserah semula kepada PERKAYA.

Memang betul Asrama Anak Yatim Darul Iman telahpun diserahkan semula pentadbirannya kepada PERKAYA tetapi sebelum itu memang kita sudah memberi pertimbangan kepada banyak perkara berkenaan dengan pentadbiran asrama itu. Yang pertamanya, dari segi sejarahnya Asrama Anak Yatim Darul Iman itu pada asalnya ditubuh, dibangun dan diusahakan oleh PERKAYA sendiri melalui dana yang dikumpul hasil derma daripada orang ramai. Jadi, kerana itu apabila ada permohonan semula daripada PERKAYA untuk mentadbir semula asrama itu kita bersetuju dan kita sudah menyerahkan semula kepada PERKAYA. Yang keduanya, Kerajaan yakin atas keupayaan PERKAYA berdasarkan pengalamannya yang mentadbir asrama ini sebelum tahun 2002. Bila mana pada tahun 2002 asrama ini diambil alih oleh Kerajaan semasa pentadbiran PAS. PERKAYA jugak mempunyai pengalaman mentadbir dua buah asrama

lagi untuk anak-anak yatim iaitu satu di Jabi dan satu di Saujana sehingga sekarang. Yang ketiga, Kerajaan mengambil pendekatan yang sama dengan negeri-negeri yang lain di mana semua asrama anak-anak yatim ditadbir oleh NGO dengan bantuan Kerajaan. Yang keempat, untuk melibatkan anak-anak yatim Negeri Terengganu ke peringkat yang lebih tinggi, ke peringkat nasional kerana PERKAYA sebenarnya menjadi peneraju utama dalam Pertubuhan Anak-anak Yatim Malaysia atas nama PEYATIM. Yang kelima, memberi peluang yang lebih kepada anak-anak yatim Negeri Terengganu untuk melanjutkan pelajaran kerana PERKAYA sebenarnya mempunyai sebuah IPTS sendiri iaitu Kolej Teknologi Bestari dan sebuah institusi kemahiran iaitu Institut Kemahiran Bestari di Setiu. Dan akhirnya, sudah pastilah pertimbangan ini dibuat kerana PERKAYA menunjukkan minat untuk mentadbir asrama ini dengan mengemukakan permohonan rasmi kepada Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, memang kita tahu sejarahlah PERKAYA ini, waktu kita memerintah dulupun kita ambil alih kerana kita rasakan masalah anak yatim yang duduk di asrama tersebut ada masalah bila ia ditadbirkan oleh PERKAYA pada waktu itu. Bangunan di Batas Barupun bertahun-tahun sampai sekarang tak siap, antara contohnya. Tetapi saya nak tanyanya tak apalah dah beri balik kepada PERKAYA, saya nak tanyanya bila dah serah balik kepada PERKAYA adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat masih memberikan bantuan, berapa jumlah, apa bentuk bantuan walaupun ianya telahpun diuruskan oleh PERKAYA?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Jawabnya ya. Jabatan Kebajikan Masyarakat masih lagi memberi bantuan kepada asrama itu dengan kadar 50 peratus daripada keperluannya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kita ada empat soalan lagi, saya nak beri peluang kepada semua Yang Berhormat untuk soalan-soalan asal dijawab dan soalan-soalan ini satu soalan tambahan sahaja. Saya jemput Wakaf Mempelam jika nak kemukakan soalan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan kedua. Cuma saya nak betul sedikit soalan tu yang dalam kurungan yang

import tu tersilap eja tak betul tu, jadi saya nak perbetulkan 'import'. Jadi soalan yang kedua -

> *Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mempastikan sumber bekalan makanan sentiasa mencukupi tanpa bergantung kepada bekalan luar (import)?*

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat, dok perbetul saya faham dah tu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang bertanya soalan yang kedua. Berkaitan dengan soalan ini, dalam usaha Kerajaan untuk mengatasi dan juga untuk mempastikan sumber makanan negeri sentiasa mencukupi, satu Pelan Perancangan Agro Makanan Negeri Terengganu telah dirancang yang melibatkan tiga sektor utama iaitu pertanian, penternakan dan perikanan. Sektor pertanian, Kerajaan Negeri memberi tumpuan yang khusus terutamanya kepada tanaman padi yang merupakan tanaman sekuriti bagi negara dan juga Negeri Terengganu. Buat masa sekarang ini insya Allah dengan perancangan-perancangan pembangunan kawasan-kawasan penanaman padi yang telah sedia ada dan juga dengan penambahan kawasan-kawasan penanaman padi yang dijangka kawasan baru yang akan dibuka di Negeri Terengganu. Insya Allah ianya akan dapat menampung dan juga akan meningkatkan pengeluaran padi di Negeri Terengganu ini. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran tahap sara diri di Negeri Terengganu 100 peratus dalam pengeluaran beras menjelang RMK-10 nanti. Perancangan jangka masa pendek daripada pertanian, selain daripada itu Bantuan Teknikal, Program Bumi Hijau, Insentif Hasil dan pembangunan-pembangunan tanah yang terbiar.

Daripada sektor ternakan pula, dalam jangka masa pendeknya Kerajaan merancang untuk memberi kemudahan-kemudahan dan juga bantuan-bantuan kepada penternak-penternak yang sudah sedia ada. Di samping menambah dan juga memberi teknologi-teknologi baru kepada penternak-penternak kita di seluruh Negeri Terengganu ini. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan dalam jangka masa panjang dalam bidang ternakan, kita telah memberi tumpuan yang sebagaimana saya sebut semalam iaitu memberi tumpuan kepada penternakan dan pengeluaran kambing kaprima di Negeri Terengganu yang mana bermulanya projek ini daripada tahun 2006 sehingga 2010. Insya Allah, pada menjelang awal tahun 2009 ini kita akan memulakan memasukkan keseluruhan Lembah-lembah Kaprima kita di seluruh Terengganu yang setakat ini yang kita kenalpasti yang sudah sedia untuk menunggu masuk benih baka-baka kambing tersebut sebanyak empat pusat yang telah saya sebutkan semalam. Di samping itu juga, mempertingkatkan dan juga menerapkan bioteknologi dalam bidang pembiakan lembu dan juga kambing di Negeri Terengganu.

Dalam bidang perikanan, Kerajaan juga bercadang dan juga sedang merancang untuk membangunkan akuakultur secara bersepadu sebagaimana yang kita ketahui yang terdapat di Como, yang terdapat di Tanjung Demong, yang terdapat di Gong Batu dan sebagainya. Di samping itu juga, meningkatkan industri-industri sokongan terutamanya di Pelabuhan Cendering yang akan diperlengkapkan dan juga akan dipertingkatkan berkaitan dengan jeti dan sebagainya Kerajaan juga sedang berusaha untuk menambahkan tukun-tukun di sepanjang pantai di Terengganu ini untuk meningkatkan lagi sumber perikanan di Negeri Terengganu. Di samping dengan memberi kemudahan-kemudahan teknikal dan juga kemudahan-kemudahan kepada nelayan kita di Negeri Terengganu ini kita yakin dan percaya insya Allah, Negeri Terengganu akan cuba mengimbangi import yang berlaku kepada bahan makanan di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, panjang jawapan dia. Cuma ialah tapi hakikat yang berlaku sekarang ini beras import, sayur import, daging import, bahkan ikanpun kita import sekarang ni. Saya nak tanya mudah aje soalannya. Agak-agak dengan apa penjelasan yang diberikan itu bila agak-agak dengan keadaan 1 juta penduduk kita boleh sampai ke tahap sara diri bukan *export*, sara diri, bila agak-agak?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita khabor dah satnikan dalam RMK-10 nanti, insya Allah sebab sekarang ni tahap sara diri Negeri Terengganu, pengeluaran padi kita di Negeri Terengganu setakat ini sudah mencapai 64,490 kilogram setahun. Dan saya nak memberitahu penduduk Terengganu ada dan anggaran beras kita 65 peratus daripada pengeluaran padi. Jadi, 65 peratus lebih kurang 42,000 kalau kita makan beras setengah kilo seorang padan dah, kalau kita makan sekilo tak cukup lagilah, kalau saya harus cukup dah, Yang Berhormat tak cukup lagi. Makna anggaran, dari segi anggarannya tapi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat mana?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Haa .....lebih kuranglah. Jadi, saya nak beritahu masalah kita hari ini sikap kita sendiri kita rasa kita sendiri berbeza Yang Berhormat, kita juga kena memenuhi kehendak penduduk kita, ada orang suka makan jagung je, ada orang suka makan duku aje, Yang Berhormat suka makan epal, makan buah itu, kita kena import, epal bukannya hidup kat kita, kalau hiduppun besar-besar ni je, anggurpun begitu jugak, inilah masalah-masalahnya. Penggantungan kepada import mesti kita lakukan

tapi yang pentingnya pengeluaran makanan dalam negara kita stabil. Kalau Yang Berhormat tahu bahawa kejayaan dalam bidang pertanian di Negeri Terengganu bukan masa ni aje, sebelum pada inipun sudah berlaku kejayaan. Apa yang berlaku dengan duku kita hari ni sudah jadi murah sebab murah tu sebab benda? Lambakan daripada pengeluaran yang terlalu banyak. Tahun ini alhamdulillah, bila pengeluaran kurang sikit jadi harga naik sikit, boleh kita cakap kepada rakyat kita sikit kalau harga murah Yang Berhormat duk bersyarah kepada rakyat pulak. Jadi benda-benda inilah masalahnya, jadi soal bergantung kepada import memang ada benda yang kita bergantung tetapi Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkannya. Kalau tahun ini kita boleh 64,000 pengeluaran padi insya Allah, dua tahun lagi, tahun depan tak boleh lagi, dua tahun lagi kita yakin dan percaya kita boleh meningkatkan dalam tempoh ini hampir 80 persen daripada jumlah yang keluar pada hari ini, soalnya saya janji ada peningkatan Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Jabi. Saya benarkan satu soalan tambahan aje. Saya jemput Tepoh untuk soalan kedua barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Sebenarnya soalan kedua saya telah dijawab sebahagian tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cuma kalau boleh saya nak teruskan kepada soalan tambahan, soalan kedua ni sebab ini peluang untuk saya juga Yang Berhormat.

> *Apakah kriteria yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam urusan pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lah gi-lah Yang Berhormat, sila. Kalau rasa Kerajaan perlu menjawab sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya terus kepada soalan tambahan. Kalau tadi ada sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kriteria pelantikan Ahli-ahli Majlis PBT yang disebutkan bermastautin di dalam kawasan PBT. Soalan sayanya ialah apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan kawasan PBT sebab kawasan PBT ini ada yang melibatkan kawasan operasi dalam erti kata persempadanan dan sebagainya, apakah dia sebenarnya maksud tersebut dan saya nak rangkumkan terus kalau dalam PBT Majlis Bandaraya Kuala

Terengganu, satu Majlis Bandaraya yang cukup besar dia berbeza dengan PBT yang lain, hanya dalam Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ni kalau dilihat di Kuala Nerus hanya seorang wakil sahaja Ahli Majlis untuk satu DUN di Kuala Nerus, kalau PBT lain kadang-kadang dua orang, tiga orang sebab kerana jumlahnya sama. Apakah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak boleh untuk menambahkan bilangan Ahli Majlis untuk sebagai contoh satu DUN itu dua orang. Ni DUN Tepoh sebagai contoh, seorang saja, gok mulai duk berebut dengan orang lain hak cadang jugak tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pelantikan ini berasaskan Akta, kita tak boleh ikut suka kita, kawasan luas kita lantik ramai, kawasan sempit kita lantik sikit, itu tak boleh. Jadi, inilah apa yang dikatakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Dan saya nak beritahu juga bahawa seluruh Negeri Terengganu diwartakan sebagai kawasan PBT dan bezanya dengan kawasan operasi ialah kawasan operasi bila melibatkan pembinaan dan sebagainya mestilah bawa pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih pihak Kerajaan. Saya jemput Ladang, ringkas Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

> *Adakah Sekretariat ECER masih berfungsi dan apakah ianya dibiayai oleh Kerajaan Negeri?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sekretariat ECER Negeri Terengganu masih lagi berfungsi bagi membantu Unit Perancang Ekonomi Negeri dan ECER yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bukan, tak habis lagi jawab tadi tu. Apakah ia dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sekretariat ni?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sekretariat Negeri dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Baru-baru ini ada pertukaran Ketua Pegawai Operasi ECER telah ditukar/dihantar balik oleh Kerajaan Negeri dan tidak ada pengganti nampaknya, apakah ini menunjukkan ketidakseriusan Kerajaan Negeri untuk berfungsi di dalam ECER ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Oleh kerana sebahagian besar penempatan Pegawai Sekretariat ECER ini diambil alih oleh Kerajaan Pusat maka tidak ada keperluan kita untuk melantik CEO, cukup dengan pegawai biasa untuk turut sama membantu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput soalan kedua, jika mahu Bukit Payong. Soalan pertamalah, kedua telah dijawab tadi. Minta maaf Bukit Tunggal dulu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor 1 -

> *Berapa buahkah syarikat maritim yang diarah pindah dari Pulau Duyung Kecil oleh pihak Kerajaan dan di manakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semula industri maritim tersebut supaya peluang pekerjaan penduduk tempatan tidak terjejas?*

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tak pernah mengarahkan mana-mana syarikat maritim untuk berpindah dari Pulau Duyung Kecil jadi saya tak dapat jawab soalan Wakil Bukit Tunggal yang mempunyai kenyataan yang tak benar. Dia bertanya: Berapa buahkah syarikat maritim yang diarah pindah dari Pulau Duyung Kecil oleh pihak Kerajaan dan di manakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semula industri maritim tersebut supaya peluang pekerjaan penduduk tempatan tidak terjejas? Kita tak pernah lagi mengarah siapa-siapa pindah daripada syarikat maritim berpindah dari Pulau Duyung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apa yang saya timbulkan di sini kerana timbul desas-desus di kalangan pihak pengurusan dan juga pekerja-pekerja yang mungkin nasib mereka kerana ada ura-ura untuk dipindahkan mereka dan buktinya saya belum ada tapi ada aduan bahawa kemungkinan mereka ini diarah pindah, pertama di Seberang Takir, yang kedua mungkin di Losong dekat Masjid Kristal, dan di Pulau Kerengga tapi kalau takdok pindah itu, saya harap Kerajaan tidak pindahkan kerana mungkin nasib ramai pekerja tempatan dapat peluang pekerjaan di situ dan memang sayapun mengharapkan supaya

tidak dipindahkan supaya pekerja-pekerja di situ dapat peluang pekerjaan untuk mencari nafkah masing-masing. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, memang itu sikap mereka suka mereka, memang kita tak pernah lagi mengarah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, jawapan telahpun ada. Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil semula imam-imam dan bilal-bilal yang telah ditamatkan perkhidmatan sejak 2004 hingga 2008 dan membayar semula elaun imam dan bilal yang digantung elaun semenjak 2006 hingga 2008?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama ialah mengenai imam-imam dan bilal-bilal yang ditamatkan perkhidmatan dan juga digantung elaun mereka sejak daripada 2006 sehingga 2008. Bagi imam-imam dan bilal-bilal yang telah ditamatkan perkhidmatan sejak tempoh tersebut, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengambil semula mereka dan bagi imam-imam dan bilal-bilal yang digantung elaun sejak 2006 sehingga 2008 sehingga hari ini berdasarkan siasatan dan pemerhatian yang dibuat oleh jabatan, Kerajaan Negeri juga masih tidak bercadang untuk menyambung balik bayaran elaun mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mengenai imam-imam dan bilal-bilal yang digantung elaun, apakah punca ataupun sebab-sebab yang membuatkan mereka digantung elaun, apakah punca-punca dan sebab-sebab itu dimaklumkan kepada mereka dengan cara tepat dan terkini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Punca atau sebab elaun mereka digantung Dato' Yang Dipertua, ialah kerana mereka tidak mematuhi arahan-arahan daripada jabatan dan mereka telah dimaklumkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Batu Rakit. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian alhamdulillah, pada hari ini kita dapat menjawab semua soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-

ahli Yang Berhormat secara lisan ke Dewan kita ini kecuali yang tidak hadir sidang dan saya ucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan dan jawapan-jawapan yang telah diberi oleh pihak Kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita akan menangguhkan sidang ini ke pagi besok dan sebelum kita tangguhkan sidang marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr mudah-mudahan kita mendapat berkat dan perjalanan kita sentiasa dalam ingatan dan direstui oleh Allah S.W.T.

Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pagi besok 18.12.08, hari Khamis, 9.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.25 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 18 DISEMBER 2008

Hari KHAMIS,
18 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 305]
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	[Muka 309]
	(i) Soalan-soalan Lisan.	
3.	Tangguhan	[Muka 336]
4.	Lampiran [Soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	[Muka 339]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sidang kita disambung semula pada hari ini. Sebelum kita memulakan mesyuarat marilah kita dengan ikhlas bersama-sama membaca Surah Al-Fatihah, Surah Ummul Kitab mudah-mudahan kita mendapat berkat di dalam perbincangan dan juga urusan Persidangan kita ini. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, urusan mesyuarat kita pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya memulakannya dengan menjemput Yang Berhormat Wakil Hulu Besut. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan satu -

> *Negeri Terengganu terkenal di Malaysia antaranya disebabkan kecemerlangan pelajar kita dalam keputusan UPSR setiap tahun, apakah langkah yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2009 bagi mengekalkan kecemerlangan pelajar kita ini?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terima kasih kepada Wakil Hulu Besut atas soalan yang dikemukakan berkait dengan kecemerlangan pelajar kita dalam UPSR apakah langkah yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2009 bagi mengekalkan kecemerlangan pelajar kita ini.

Izinkanlah saya dahulu untuk memberikan sedikit huraian tentang kedudukan peperiksaan UPSR pada tahun 2008 ataupun tahun ini. Tahun 2008 adalah merupakan tahun pertama UPSR dilaksanakan untuk Program Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris sepenuhnya. Negeri Terengganu sekali lagi mengungguli pencapaian UPSR dengan 14.41 peratus cemerlang semua A mengatasi semua negeri lain di Malaysia. Dengan pencapaian cemerlang ini Negeri Terengganu sekali lagi telah menjuarai UPSR buat kali kelapan berturut-turut sejak dari tahun 2001. Dan Negeri Terengganu buat pertama kali juga mengungguli

peratusan menguasai atau pencapaian minimum C lulus dengan 68.63 peratus mengatasi negeri-negeri lain. Dan kalau dilihat Negeri Terengganu juga berbanding dengan tempat yang kedua Pulau Pinang hanyalah memperolehi 11.67 peratus ketinggalan hampir 3 peratus ataupun 2.74 peratus daripada pencapaian Negeri Terengganu walaupun kita lihat angka 3 peratus ini nampak saja tidak besar tetapi sebenarnya memberikan sangat besar maknanya kenapa? Kerana Sabah hanyalah mendapat 2.1 peratus keseluruhan A, Sarawak 4.47 peratus dan Wilayah Persekutuan hanya mendapat 4.9 peratus. Jadi, menunjukkan bahawa 2.74 peratus ini kita meninggalkan negeri lain adalah dengan begitu agak tinggi.

Berkait dengan soalan yang ditanya bahawa langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu ialah meneruskan Program Pendidikan Terengganu Terbilang ataupun PPTT akan diteruskan bagi menyalurkan prestasi akademik yang melonjak tinggi. Selain daripada itu, kita jugak akan memperkasakan program pelengkap kepada pemilihan dan penguasaan guru dan murid dalam Program Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Di Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) tetapi ini juga kita kena bergantung kepada keputusan yang akan diambil oleh Kabinet kerana kita sedia maklum bahawa sekarang ini bahawa pihak Kementerian Pelajaran sedang bermesyuarat dalam meja bulat untuk mengambil keputusan sama ada pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris ini perlu diteruskan ataupun tidak untuk tahun hadapan. Selain daripada itu juga, kita akan merapatkan jurang penguasaan guru dan murid antara luar bandar dan bandar dengan mengadakan program-program Jalinan Kecemerlangan *Networking* dengan izin, berteraskan digital seperti yang telah kita laksanakan iaitu Program Skor A yang kita mengadakan kerjasama dengan Guru Akram Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan agensi Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Manir dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Semua kita tahu bahawa pendidikan ini adalah secara langsungnya adalah berada di bawah Kerajaan Persekutuan. Dan secara kebetulan kejayaan-kejayaan cemerlang dicapai oleh murid-murid di Negeri Terengganu pada beberapa tahun yang lepas yang telah disebutkan oleh Wakil Seberang Takir tadi, bolehkah Kerajaan Negeri memberitahu iaitu peranan Kerajaan Negeri secara langsung di dalam mencemerlangkan kelulusan pelajar-pelajar ini?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih di atas persoalan yang ditanyakan, memang kalau kita lihat dan kita perlu akui bahawa dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang sebenarnya kita melihat berlaku amat drastik pada pendidikan di Negeri Terengganu. Pertama sekali di atas peruntukan yang kita berikan kepada Program Pendidikan Terengganu Terbilang yang setiap tahun kita beri bukan nilai yang kecil, kita beri nilai yang agak besar malahan sampai puluhan juta yang secara tak langsung yang ini berlaku lonjakan dan juga lompatan kepada pendidikan negeri kita. Di antaranya yang kita laksanakan ialah Program Skor A, di mana Program Skor A ini kita difahamkan bahawa hanya Terengganu sahaja setakat ini yang menggunakan program ini untuk keseluruhan seluruh negeri sedangkan negeri-negeri lain dia hanya menggunakan kepada sebilangan sekolah sahaja itupun di atas inisiatif sekolah. Tapi dari segi kita, kita melaksanakan keseluruhan di bawah pemantauan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan juga di bawah agensi Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Dan selain daripada itu juga, kita bersama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu juga selalu mengadakan banyak program, program-program dan kursus-kursus yang berkait dengan memperkasakan pendidikan bukan hanya kepada guru tetapi kepada pelajar-pelajar. Dan juga kita memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar kita daripada golongan-golongan yang PPRT ataupun golongan-golongan miskin. Jadi, banyaklah program-program yang kita beri dan selain daripada itu Yayasan Terengganu juga memainkan peranannya yang utama dengan memberikan bantuan termasuk juga biasiswa selain daripada biasiswa Persekutuan yang diterima oleh pelajar begitu juga yang dilaksanakan oleh Yayasan Terengganu memberi bantuan dan biasiswa kepada pelajar-pelajar kita dan salah satunya yang kita nampak yang terbaru yang kita laksanakan yang tidak pernah dibuat sebelum ini walaupun kita dengar baru-baru ini Selangor berura-ura untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 tapi sampai sekarangpun belum menjadi realiti. Tetapi Terengganu dalam keadaan konsep kita kecemerlangan, kita telah memberi peruntukan sebanyak RM1,000 kepada semua pelajar-pelajar Tingkatan 6 Atas yang tidak menerima biasiswa yang menelan belanja yang agak besar RM2.4 juta. Jadi, ini adalah salah satu langkah yang kita beri suntikan dan motivasi kepada pelajar yang kita kena sedia maklum dan kita faham bahawa dalam keadaan sekarang, hari ini pelajar memerlukan satu sumber untuk memberikan mereka, membantu mereka bagi tidak lain tidak bukan untuk membeli barang-barang sokongan bagi memperkasakan pendidikan bagi diri mereka. Dan selain daripada itu juga, saya rasa Terengganu sahajalah sekarang ini telah memberi bantuan persediaan untuk kemasukan ke universiti kepada pelajar-pelajar maknanya tanpa bayar sebanyak RM1,000 kalau pelajar-pelajar kita yang mengikuti ataupun menyambung pelajaran

ke universiti. Ini adalah merupakan langkah-langkah yang kita tidak boleh nafikan bahawa tindakan-tindakan dan strategi-strategi Kerajaan yang telah kita laksanakan dan selain daripada itu juga kita telah banyak terima peruntukan dari segi fizikal di mana kita sedia maklum dan kita sedia faham bahawa dari segi fizikal itu sendiri Kerajaan Negeri Terengganu juga memperuntukkan satu kewangan yang besar untuk menyediakan prasarana dan menyediakan juga dari segi kelengkapan-kelengkapan untuk membantu menyokong kepada pendidikan dan kebetulan juga kita ada dua buah sekolah yang telah membantu mempertingkatkan lagi pendidikan di Terengganu termasuklah Sekolah IMTIAZ dan juga Sekolah Elit dan juga Sekolah Premier. Inilah yang kita sedia maklum dan saya rasa kita semua tidak boleh nafikan bahawa inilah sokongan-sokongan yang telah kita laksanakan bagi memastikan bahawa agenda Kerajaan Negeri Terengganu 'Memperkasakan Pendidikan' itu menjadi teras utama dalam perjuangan kita. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan Hulu Besut dulu, Manir. Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan saya. Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada guru-guru, pelajar, ibu bapa terutamanya PIBG dan juga Kerajaan Negeri yang telah memberi sumbangan untuk menjadikan negeri kita Juara UPSR bagi tahun yang seterusnya. Cuma saya ingin tahu apakah Kerajaan tidak memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar yang agak kurang cemerlang yang pada sayanya agak lemah dari segi akademiknya kerana saya dapati bila di akhir tahun pihak sekolah atau Kementerian hanya memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang saja, pelajar yang lemah yang tidak berpotensi untuk mendapat A seolah-olah dipinggirkan. Jadi, ini mungkin salah satu yang membuat pelajar-pelajar ini rasa kecewa dan akhirnya dia buat kerja-kerja yang agak tidak berdisiplin. Jadi, kalaulah Kerajaan juga memberi tumpuan kepada mereka ini mungkin kita boleh tingkatkan 68 peratus yang mendapat C seminima itu tadi boleh kita tingkatkan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada yang bertanya. Jadi, kalau kita lihat hari ini bahawa kita mendapat dua kejuaraan, yang pertama cemerlang dalam

keseluruhan A dan satu lagi cemerlang mengungguli minimum C. Jadi, kita nampak bahawa kalau kita tidak beri tumpuan dua-dua, perkara ini tak akan berlaku. Jadi, kerana kita beri tumpuan, kedua-dua ini memberikan implikasi kepada kita iaitu kita dapat menjuarai kedua-dua dan insya Allah, bahawa seperti mana yang disarankan itu memang itu adalah merupakan juga strategi dan perancangan yang sedang kita jalankan. Sebab itu sebelum ini saya pernah sebut di dalam Dewan ini bahawa langkah yang kita laksanakan sekarang ini ialah kita juga memastikan bahawa pelajar-pelajar yang berisiko tinggi itu juga diberi perhatian dan juga diberi peluang yang sama dengan pelajar-pelajar yang cemerlang kerana dari segi konsep kita ialah mendemokrasikan pendidikan itu. Jadi insya Allah, dari segi perkara-perkara begini memang dalam perancangan kita tapi sedia maklumlah pelajar-pelajar yang lemah ini kita tidak boleh nak bandingkan dengan pelajar-pelajar yang cemerlang dan kita tidak boleh mengharapkan dalam masa yang singkat kita boleh mendapatkan kejayaan daripada pelajar-pelajar yang sebegini dan kita memerlukan masa dan insya Allah Kerajaan Negeri tidak akan serik-serik dan tidak akan pernah rasa jemu-jemu untuk memastikan bahawa agenda ini kita akan perkemaskan dan agenda kita akan jayakan. Dan satu lagi saya mengambil peluang Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, untuk merakamkan Ucapan Tahniah kepada semua terutama kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, kepada guru-guru yang telah bertungkus lumus menjayakan ataupun telah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri dalam pencapaian kecemerlangan pendidikan kita. Dan juga Ucapan Tahniah kepada semua pelajar dan ibu bapa yang memperoleh kejayaan dalam peperiksaan UPSR baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketiga. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang ketiga. Kejayaan cemerlang berturut-turut pelajar-pelajar di Negeri Terengganu ini bermula tahun 2001 sehingga sekarang, jadi apakah sebab-sebab yang menjadikan ambil caknanya Kerajaan sebelum daripada itu tidak mencapai kejayaan tetapi dia mula berjaya pada tahun 2001. Ini semacam satu pengiktirafan bahawa usaha-usaha secara langsung yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun-tahun itu 2001, 2002 dan 2003 adalah satu usaha yang menjadi contoh kepada Kerajaan yang baru dibina semula pada tahun 2004.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Manir dan tahniah dan terima kasih juga kerana telah memberi pengiktirafan kepada sekolah sekular ini kerana kita sedia faham dan maklum Pembangkang biasanya tak berapa suka kepada sekular-sekular ini tapi alhamdulillah hari ini Wakil Manir telah memperakui tentang kepentingan sekular ini dalam kehidupan kita hari ini. Dan saya memang sedia maklum bahawa pada tahun 2001 itu ialah ketika pemerintahan Kerajaan Pembangkang dalam memerintah Negeri Terengganu tetapi kita perlu akui dan perlu sedar bahawa kerana kepintaran dan tindakan segera yang telah diambil oleh kepimpinan UMNO hari ini dan juga tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan mewujudkan dana khas yang telah menyebabkan kita melihat kejayaan yang kita nikmat pada hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, penjelasan, penjelasan bukan soal.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya jelas dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, dok, penjelasan, penjelasan

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kesan daripada yang saya beritahu ialah kerana yang pertama sekali ialah kerana tindakan Kerajaan Persekutuan telah mengubah daripada royalti menjadi dana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, saya penjelasan saja. Masa tahun 2001, 2002, 2003 tu bukan Dana Khas, duit royalti kitapun dia larikan, dibawa lari tapi kejayaan cemerlang itu berlaku bermula 2001, 2002, 2003.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan saya maklumkan walaupun dilarikan tapi dikembalikan semula kepada rakyat kerana tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan itu juga mengembalikan semula kepada rakyat itu yang kesan kita dapat pada hari ini. Dan yang sebenarnya pada masa itu juga saya nampak hari ini peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pelajaran dan juga dimainkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu di mana kita memberi tumpuan khas yang di mana pada masa itu kita melihat bahawa Kerajaan yang memerintah pada masa itu didapati tidak memberi penekanan kepada pendidikan dan kerana itulah yang telah diambil alih oleh pemimpin-

pemimpin UMNO pada masa itu yang telah mengambil initiatif sendiri, yang telah menggunakan peluang-peluang pada masa itu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Yang Berhormat Manir biar dia perhabis dulu, biar dia jelas.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ..... sehingga hari ini kita dapat melihat kejayaan yang telah tercipta. Jadi, tidak secara langsung kita melihat hari inilah kehebatan pemimpin-pemimpin UMNO dalam merancang dan akhir sekali kita lihat pada hari ini dan insya Allah dengan kepimpinan pemimpin-pemimpin UMNO hari ini bahawa program-program yang sebegini akan diteruskan dan insya Allah kita akan lihat bahawa selepas pada ini kecemerlangan-kecemerlangan lain juga kita akan dapat realisasikan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir, jawapan yang tepat. Saya jemput Manir, soalan kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Berapakah jumlah projek perumahan yang dijangka siap dan dapat diagihkan kepada mereka yang terpilih pada tahun 2008. Nyatakan mengikut daerah?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan pemerhati sekalian. Tiada projek perumahan yang disiapkan dan diagihkan pada tahun 2008. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Apakah kaedah bagi melantik Pengarah serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah (ALP) anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu dan nyatakan jumlah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di antara kaedah yang diguna pakai dan diamalkan untuk pelantikan Lembaga Pengarah sebagaimana berikut:

1. Pengalaman yang luas dalam pengurusan perniagaan.

2. Mempunyai kelulusan yang berkaitan dan wajar di peringkat tinggi.

3. Mempunyai kemahiran yang berkaitan perniagaan.

4. Pelantikan ke dalam syarikat yang bersesuaian dengan kebolehan.

5. Keutamaan kepada rakyat Terengganu yang menepati ciri-ciri di atas.

6. Menetapkan tempoh perkhidmatan dan tertakluk kepada penilaian dari masa ke semasa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebagaimana yang kita maklum dalam Dewan ini semalam saya telahpun mengajukan soalan yang agak spesifik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang pertamanya tentang pelantikan Ramli Saghul Hamid yang saya katakan sepuluh dalam Dewan, bila saya keluar daripada Dewan ada seorang anggota Kerajaan memberitahu bukan sepuluh Yang Berhormat dia kata lebih daripada sepuluh mungkin lima belas dia duduk dalam syarikat ataupun berada dalam *board* syarikat. Yang keduanya, timbul pulak yang bernama Mohd Nor bin Dato' Mohd Awang yang dikatakan banyak jugak duduk dalam anak-anak syarikat ini. Jadi, saya ingin mendapat justifikasi daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kedudukan yang ada ini sebab bila berlaku perubahan pucuk pimpinan daripada Menteri Besar yang lalu kepada Menteri Besar yang ada sekarang berlaku perubahan yang drastik, jadi banyak Pegawai-

pegawai Kerajaan yang terasa agak tersinggung bila mereka tidak lagi duduk dalam anak-anak syarikat ini dan ada jugak di kalangan Ahli-ahli Politik yang menimbulkan persoalan ini. Apa justifikasi katakanlah dua individu ini sampai sepuluh-lima belas justifikasi duduk dalam anak-anak syarikat ini menguasai anak-anak syarikat ini, apakah mereka ini mempunyai suatu yang teristimewa untuk duduk sampai sepuluh-lima belas anak syarikat negeri ini, mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini adalah merupakan proses transaksi, proses peralihan di mana kita akan membuat penyusunan semula dan mereka ini memegang sementara dan selepas ini kita akan mengenal pasti calon-calon yang sesuai untuk dilantik mengisi kekosongan tersebut. Sebagaimana saya nyatakan, kita perlu mencari orang-orang yang berkewibawaan dan berkebolehan. Saya tak mahu apa yang berlaku seperti 'pisang berbuah dua kali'. Sebab itu ini merupakan sementara sahaja sehingga kita kenal pasti calon-calon yang sesuai dan begitu juga Pegawai-pegawai Kerajaan, saya juga tidak mahu mereka terlibat terlalu banyak sebagaimana dulu belasan yang pegang jawatan dalam syarikat. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan, mereka boleh pegang tak lebih daripada lima, sudah tentu mereka akan terasa kalau dulu pegang dua puluh, sekarang pegang lima, empat, tiga, ini proses biasa dan perubahan perlu dilakukan. Yang pasti insya Allah, kita akan mengenal pasti bukan sahaja calon-calon yang berwibawa yang penting ialah yang jujur dan amanah menjalankan tugas. Sebab itu saya sebut semalam, saya ulangi pada hari ini, mereka yang bertanggungjawab melakukan penyelewengan kita akan mengambil tindakan seterusnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kedua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin sedikit penjelasan sebab bila berlaku perubahan yang begini melibatkan kos Yang Amat Berhormat, saya beri spesifiklah bila berlaku perubahan ini anak-anak syarikat terutamanya di GLC sebagai contoh, kalau dulu GLC ini pejabat-pejabat mereka dipindahkan ke Kuala Terengganu, spesifik saya bagi EPIClah, dia pindah dari Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu, beli pulak satu bangunan yang melibatkan RM4 juta lebih beli satu bangunan dekat dengan Dewan kita ni, di seberang jalan aje. Jadi sekarang ini saya mendapat maklumat diarahkan pulak pindah, jadi bangunan itu melibatkan kos yang besar, *renovation,* beli bangunan,

beli satu *property* tiba-tiba dengan perubahan pucuk pimpinan ini diarah pulak pindah. Ini melibatkan suatu yang terhuyung-hayang pegawai-pegawai yang hendak menjalankan tugas dalam anak-anak syarikat ini. Jadi, biarlah polisi itu lebih spesifik dan lebih menjurus serta ada justifikasi apa sahaja yang dilakukan dalam hal ini, mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kalaulah ADUN Batu Burok seorang yang pakar ekonomi mempunyai justifikasi, kita juga mempunyai justifikasi untuk menjimatkan belanja. Kalau dulu kita membeli bangunan katanya RM4 juta dia buat pejabat dan saya rasa pejabat itu tak buruk, sekarang kita pindah ke KSB kerana dalam KSB masih banyak ruang-ruang kosong yang boleh diuruskan secara dekat, dengan komunikasi hari ini tak perlu lagi dah, jadi bangunan EPIC di Kuala Terengganu ini kita akan buat hotel, disewakan dan diuruskan sebagai hotel, tak rugi apa-apa malah memberi pulangan kepada kita dan dalam KSB sendiri banyak ruang-ruang pejabat yang boleh kita gunakan. Begitu juga saya mengarahkan beberapa syarikat lain termasuk perladangan, dulu masa orang putih, masa orang lain uruskan ladang kelapa sawit di TDM, jalan tidak ada, komunikasi payah, musim banjir pakai *Amphibia,* Manager hanya pakai baju putih, seluar putih, stokin panjang warna putih menguruskan ladang kelapa sawit daripada ladang Air Putih, Padang Kubu takdok masalah. Hari ini dengan komunikasi yang canggih, semua ada, kenapa perlu kita duduk di Kuala Lumpur, kenapa kita perlu duduk di Kuala Terengganu, pejabat di ladang ada buat di ladanglah, dok cukup kita perbesarkan di ladang lagi kita boleh menguruskan dengan baik, lebih dekat, tahu apa yang berlaku di ladang. Jangan jadi Pengurus Ladang duduk di Terengganu, mengurus melalui telefon. Ini yang kita buat, susahlah kalau jadi Pengurus Ladang dok duduk di ladang sebab itulah kelapa sawit jadi buruk ni, berpuluh tan jadi buruk bila kilang rosak. Kita hanya bercakap tapi saya tengok, saya sampai ke tapak, saya saksikan sendiri bagaimana buah kelapa sawit jadi buruk di ladang bila kilang rosak, cari pengurus duduk di Kuala Terengganu. Sebab itu saya kata jangan tipu saya, saya bukan berkhidmat melalui telefon, saya pergi sendiri, saya sampai sendiri, saya masuk ladang sendiri. Saya jaga balak, saya tengok sendiri orang curi balak. Ini hakikat yang berlaku saya nak beritahu sebab itu saya katakan saya tak mahu sebut di Dewan yang mulia ini kadang kala bila saya sebut takut jadi lain .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR:

Nanti dulu saya nak jelaskan, nanti dulu Yang Berhormat. Nanti sekejap lagi saya beri, tak habis lagi ni. Macam kelmarin saya sebut bila Wakil Batu Burok bertanyakan GLC dia sebut spesifik Golden Pharos, saya dah beri jawapan. Ini syarikat ada kepentingan awam, saya tak mahu ulas panjang tapi TV3 tunjuk, keluar dalam berita salah lapor, kata Syarikat Golden Pharos nak tutup. Ini saya sedih, TV3 memang nak buat saya gitu sokmo daripada dulu dah, dia ada agenda .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, saya ingat urusan itu saya pohon mempengerusikan mesyuarat pihak media, sila ambil perhatian dan laporan yang dibentangkan dalam berita Media Prima TV3 semalam agak mengelirukan dan saya mengesahkan bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak betul apa yang dilaporkan dan syarikat berkenaan tidak sebagaimana yang dikatakan akan ditutup dan sebagainya. Sila teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya nak jelaskan dalam Dewan yang mulia ini TV3 mempunyai niat jahat terhadap saya termasuk semasa krisis pelantikan saya, dia keluar: BPR siasat ADUN Kijal. Bila MPR keluar kenyataan bahawa Ahmad Said dipilih oleh MPR jadi Menteri Besar keluar dalam Berita Akhir, ADUN Kijal disiasat oleh BPR. Kemudian selepas itu bila Majlis Tertinggi UMNO mengesahkan Ahmad Said, Menteri Besar keluar lagi, dua hari selepas itu saya *warning* dia keluar lagi saya saman. Sedangkan BPR tak pernah siasat saya dalam kes ini dan saya tahu sampai sekarang saya simpan dalam SMS saya, dalam telefon saya, seseorang daripada Kuala Terengganu pukul 12.00 tengah hari menghantar berita itu, fitnah itu kepada TV3 untuk dikeluarkan. Sebab itu saya katakan saya tak mahu bertindak setakat ini kepada golongan yang terlibat tapi kalau terpaksa saya akan bongkarkan satu persatu, saya tidak kira sesiapa. Saya beri jaminan barang sesiapa yang melakukan penyelewengan di bumi Terengganu saya akan bertindak, saya tak rela, tak redha perkara ini berlaku. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir ada soalan tambahan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan, kira tambahan jugaklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya, pasal saya tak berapa jelas tadi Yang Amat Berhormat pergi melihat orang curi balak, itu ke ayatnya atau macam mana saya tak faham tadi. Orang curi balak tu Yang Amat Berhormat pergi tengok? .... (Dewan Gelak) .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak sempat tangkaplah orang curi, jual balak tu tapi semasa saya menjaga balak saya pernah menemui balak-balak yang disimpan di dalam hutan termasuk cengal dan *dark red* meranti disembunyikan untuk dijual di luar dan saya telah membuat tangkapan dan saya telah mengambil gambar saya serah kepada Pejabat Hutan dan sebagainya dan melaporkan kepada Pihak Tertinggi Kerajaan Negeri ketika itu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Manir. Saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi) Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor satu -

> *Apakah hala tuju dan perancangan Kerajaan dalam memperkasakan Sekolah IMTIAZ dari segi kemudahan fizikal dan pembinaan kurikulum?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Wakil Jabi dalam soalan untuk mengetahui hala tuju dan perancangan Kerajaan dalam memperkasakan Sekolah IMTIAZ dari segi kemudahan fizikal dan pembinaan kurikulum.

Jadi untuk makluman sidang hadirin sekalian, bahawa hala tuju dan perancangan Kerajaan dalam memperkasakan Sekolah IMTIAZ dari segi kemudahan fizikal dan pembinaan kurikulum ialah kita hendak memastikan bahawa Sekolah IMTIAZ mempunyai kemudahan fizikal yang serba lengkap adalah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi Ulul Albab. Adalah diharapkan dengan terbinanya Sekolah-sekolah IMTIAZ ini juga nanti bakal melahirkan pakar-pakar atau intelek-intelek yang mahir dalam kedua-dua bidang iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah serta bidang yang masing-masing ceburi. Jadi baru-baru ini kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar yang telah dilahirkan oleh IMTIAZ, yang telah hafal

Al-Quran mengikut data terakhir sebelum cuti sekolah awal November kita telah mendapati bahawa 11 orang yang sudah tamat hafazan 30 juzuk dan 91 orang yang sudah melepasi 20 juzuk ke atas dan yang alhamdulillah lagi kita dapati bahawa pelajar-pelajar ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang dalam Peperiksaan Percubaan SPM baru-baru ini kebanyakannya mendapat *straight* A's ataupun mendapat semuanya A. Jadi, ini kita akan melihat bahawa sudah menampakkan kejayaan yang telah kita cipta. Adalah diharap juga dengan melaksanakan beberapa program kurikulum ini, ianya boleh membantu mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua Sekolah Menengah IMTIAZ. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Salah satu kecemerlangan kurikulum IMTIAZ ialah hafazan Al-Quran yang telah dijelaskan oleh pihak Kerajaan cuma saya ingin dapat kepastian berapa ramaikah pelajar daripada Tingkatan 1 sebelum PMR yang telah khatam Quran yang sudah Hafiz ataupun yang belum ataupun sehingga tamat SPMnya masih lagi belum hafal Al-Quran?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Jabi. Jadi, tentang data itu saya harap dapat diberi notis dulu sebab data itu saya kena dapatkan daripada pihak IMTIAZ. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hulu Besut bangun dulu Yang Berhormat. Sila Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di dalam memperkasakan Sekolah IMTIAZ ini sebenarnya sumbangan Persatuan Ibu Bapa & Guru antara yang memberi sumbangan di dalam memperkasakan Sekolah IMTIAZ ini. Jadi, saya ingin tahu apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memberi bantuan kepada PIBG tak kiralah PIBG IMTIAZ ataupun sekolah biasa kerana sumbangan PIBG ini terlalu besar. Jadi, kalaulah Kerajaan bercadang ataupun Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada PIBG ini sebenarnya boleh mengurangkan sedikit bebanan Y.B.-Y.B. ini kerana PIBG ini akan pergi jumpa Y.B. untuk buat program dan

memperkasakan setiap sekolah. Jadi, sukalah saya cadangkan berilah peruntukan kepada PIBG di setiap sekolah di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Y.B. yang bertanya. Jadi yang sebenarnya yang ini insya Allah kita akan bincangkan dan kita akan perhalusi dan saya rasa kalau tidakpun mungkin peruntukan ini kita akan salurkan melalui Yang Berhormat-Yang Berhormat Kawasan kerana Yang Berhormat Kawasanlah saya rasa boleh memainkan peranan kerana kadang-kadang tu dia masing-masing PIBG sekolah ini dia lain-lain permasalahan yang biasanya timbul. Jadi, kita nampak hari ini bahawa yang lebih mengetahui yang lebih boleh menyelesai ialah Yang Berhormat Kawasan. Jadi, kerana itulah kita rasa kalau kita salurpun insya Allah kita salur melalui peruntukan Yang Berhormat ataupun kita akan salur melalui Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu kerana konsep Kerajaan hari ini ialah mengadakan dari segi perkongsian bijak atau dengan izin, *smart partnership.* Jadi, kita sedia maklum dan kita sedia faham bahawa dengan keadaan kita menggunakan konsep ini bahawa jalinan pendidikan kita akan lebih terserlah dan jalinan pendidikan kita akan lebih cemerlang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya pergi ke soalan tambahan IMTIAZ ini, saya nak mengambil kesempatan ini nak ucap simpati sayalah terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang rasa apabila media main peranan untuk *discredit* dia, itulah yang kami rasa sebelum pada inipun. Jadi harap Yang Amat Berhormat bersabarlah sementara ini .... (Dewan Gelak) .....

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ikhlas Yang Berhormat tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini balik ke soalan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak tanya dulu ikhlas ucapan Yang Berhormat tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ikhlas, ikhlas sebab kami rasa apa yang media buat ke kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi bersabarlah, mudah-mudahan keadilan akan akhirnya tertegak.

Berhubung dengan soalan IMTIAZ ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, IMTIAZ ini asalnya sekolah swasta dan akhirnya semacam diserapkan secara tak langsung *code uncode* kepada Yayasan Terengganu. Daripada dulu yang kita pertikaikan ialah semasa IMTIAZ mula dibuka, diperluaskan tumpang KOSPINT di Serada, itu dah nampak *double standard* dan sekarang ini peruntukan kepada IMTIAZ sahaja RM145 juta macam nak buat universiti. Persoalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa hala tuju Kerajaan, adakah target dia IMTIAZ ini nak ganti peranan Sekolah Menengah Agama Negeri yang dah mula kohor-kohor serah ke orang tu, ke macam mana? Biar ada penjelasan yang agak terperinci. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya tidak menafikan bahawa peranan IMTIAZ bagus, nak melahirkan hafazan, bukan itu yang saya pertikaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat Wakil Kerajaan faham. Saya bimbang Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya tanya ikhlas tak ikhlas tadi sebab Yang Berhormat cakap soal itu ramai dalam Dewan ini ketawa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan, bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa, saya suruh Yang Berhormat berucap, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... bila bercakap saya bersungguh sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Saya takut apa yang diucap itu tak sampai mesejnya kepada pendengar, itu yang saya tanya tadi tu. Saya jemput Seberang Takir menjawab.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam di atas soalan dan saranan yang disebut tadi. Untuk pengetahuan Wakil Wakaf Mempelam dan sidang hadirin sekalian bahawa sekarang ini dan sebenarnya sebelum ini saya dengar Allahyarham Dato' Razali Ismail sedang berusaha ataupun sedang dalam proses untuk menjadikan Sekolah IMTIAZ ini sebagai sekolah kluster dan insya Allah bila saya dapat makluman daripada Kementerian Pelajaran insyaAllah mulai tahun depan empat buah Sekolah IMTIAZ dan

mungkin juga jadi lima termasuk di Kemaman yang akan kita laksanakan itu akan menjadi sekolah kluster. Ini suatu berita baik yang perlu kita sambut kerana dengan izin *niche area* yang akan kita lahir dari IMTIAZ ini adalah tidak ada lagi dalam Malaysia, hanya satu-satunya di Sekolah IMTIAZ itu sahaja. Sebenarnya proses yang hendak kita laksanakan berkait dengan Sekolah IMTIAZ ini dia ada berbeza sedikit dengan Sekolah Agama Kerajaan Negeri kerana kita nak melahirkan bahawa yang Sekolah IMTIAZ ini suatu masa nanti adalah apabila adanya daripada anak-anak kita yang lahir daripada IMTIAZ ini jadi doktor, bukan hanya doktor tetapi juga yang hafaz Quran. Bukan hanya peguam tetapi peguam yang hafaz Quran. Dan baru-baru ini apabila kita beri penganugerahan kepada pelajar-pelajar kita yang hafaz Quran, apabila saya tanya mereka ini berapa keputusan Percubaan SPM yang mereka perolehi, kebanyakannya adalah *straight A.* Dan bila saya tanya apakah cita-cita mereka, kebanyakan memberikan cita-cita dalam bidang-bidang yang profesional seperti doktor, pensyarah, peguam, jurutera dan saya rasa dan saya percaya bahawa 11 orang dan akan diikuti oleh 91 orang lagi, diikuti lagi seramai yang boleh nanti apabila kita lahirkan dalam masa 5 - 6 tahun lagi kita akan keluarkan mereka ini bukan hanya sebagai seorang doktor tapi doktor yang hafaz Quran. Jadi, inilah sebenarnya perancangan dan strategi Kerajaan yang kita nak laksanakan dan insya Allah perkara ini dengan kesungguhan kita, dengan ada jalinan daripada semua pihak bahawa kita akan dapat merealisasikan hasrat Kerajaan ini. Jadi, berkait dengan yang disebut tadi saya rasa tidak timbul soal sekolah ini daripada mana asalnya yang cuma kita nak lihat bahawa untuk pengakhirannya, penghujungnya bahawa sekolah ini akan melahirkan yang kita sebut iaitu Ulul Albab. Inilah yang menjadi cita-cita dan hasrat kepada Kerajaan Negeri, soalnya daripada mana sekolah ini asal, bagaimana kita nak buat saya rasa perkara ini kita tidak payah timbulkan kerana apa yang mustahak hari ini bahawa sekolah ini memang diakui dan Kementerian baik Menteri sekalipun, Menteri Pelajaran sendiri Dato' Seri Hishammuddinpun memang memperakui bahawa sekolah ini memang hebat. Dan insya Allah bahawa apa yang kita laksanakan di IMTIAZ ini akan juga dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di seluruh negara kita. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi saya nampak ada sikit, tadi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan. Daripada jawapan tadi mengenai pelajar-pelajar yang hafaz Quran, berapakah bilangan guru-guru yang dilantik yang sudah ditauliahkan sebagai guru yang hafaz Quran di setiap buah IMTIAZ ini, sebagai nisbahnya antara guru dengan pelajar, itu sahaja?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi setakat hari ini kalau keseluruhan yang kita daftar guru Sekolah IMTIAZ Terengganu ini, kalau kita jumlahkan semua sekali ada lebih kurang 169 orang dan sayapun tidak dapat memberi maklumat tentang nisbah berkait dengan guru yang hafaz Quran tetapi dari segi pelaksanaan kita hari ini dengan keadaan yang kita sediakan hari ini memang pada dasarnya kita rasa mencukupi. Dan insya Allah pada tahun hadapan kita cuba perbesarkan dan kita laksanakan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat apabila kita membawa 14 orang lagi daripada guru-guru Bahasa Arab ini yang kebanyakannya juga adalah yang boleh memainkan peranan. Selain daripada itu, kita akan melihat dari segi keperluan dan insya Allah sekiranya kita mendapati bahawa ada permohonan dan permintaan daripada pihak sekolah maka kita akan tambahkan lagi bilangan guru-guru yang terlibat dengan konsep hafazan kepada pelajar-pelajar. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Saya jemput Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah langkah-langkah pendek dan panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi menyelesaikan masalah muara cetek di seluruh negeri yang menjejaskan aktiviti nelayan?*

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Rhu Rendang yang berkaitan dengan muara sungai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita buat masa ini Kerajaan dalam jangka masa pendek kita korek dan dalam jangka masa panjang kita buat benteng. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana muara sungai ini banyak menjejaskan aktiviti nelayan dan sayapun tak tahu kalau boleh Yang Berhormat Exco beritahu jumlah muara-muara sungai yang terlibat, sebut nama muara-muara sungai yang terlibat yang menjadi sungutan kepada nelayan-nelayan yang terlibat seluruh Negeri Terengganu ini?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat, memang kita menyedari apa yang kita buat inipun kita nak

membela nelayan-nelayan kitalah walaupun kita terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi setiap tahun tapi kita buat jugak kerana ini adalah kepentingan dan keperluan rakyat dan rasa tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat Negeri Terengganu, kepada nelayan-nelayan Negeri Terengganu. Walaupun kita pada setiap tahun dalam Dewan inipun kita sentiasa dihembur oleh Pembangkang bahawa apa yang kita buat membazirlah kadang-kadang tetapi kita terpaksa buat jugak, kita tahu kerana ini adalah kepentingan nelayan-nelayan kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, muara-muara sungai yang telah kita bina pemecah ombak antaranya adalah Muara Sungai Besut, Muara Sungai Kuala Terengganu, Muara Sungai Marang dan juga Muara Sungai Kemaman. Yang kita korek setakat ini, tengah korek lening Muara Sungai Besut, kita sediakan pam dan juga Muara Sungai Kerteh, kerja-kerja pengorekkan sedang dilaksanakan sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, tak ada soalan tambahan, saya jemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Nyatakan jumlah Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri (TCS) yang telah dianugerahkan tanah lot-lot tapak rumah dan lot-lot pertanian dari tahun 1995 hingga 1999, tahun 2000 hingga 2004 dan tahun 2005 hingga kini serta nyatakan lokasi tanah-tanah tersebut?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah Pegawai-pegawai Tadbir Kerajaan Negeri (TCS) yang telah dianugerahkan tanah, lot-lot tapak rumah dan lot-lot pertanian sebagaimana berikut: 1995 - 1999 iaitu semasa Barisan Nasional sebanyak 117, 114 tapak rumah, 3 lot pertanian. Semasa tahun 2000 - 2004 semasa pemerintahan PAS, 29 lot, 28 lot tapak rumah, 1 lot pertanian. Dan semasa tahun 2005 - 2008 semasa Barisan Nasional, sebanyak 58 lot, kesemuanya pertanian. Menjadikannya seramai 204 orang menerima lot-lot anugerah pengurniaan tanah tapak rumah dan pertanian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah kerana kita menghargai dan mengiktiraf peranan dan pengorbanan pegawai-pegawai Kerajaan terutama TCS dalam Kerajaan dulu ke, Kerajaan masa PAS ke, sekarangpun terus-menerus membahagikan lot rumah dan jugak

tanah kepada pegawai-pegawai. Cuma yang saya nak dapatkan penjelasan semacam sekarang ini difahamkan, selain daripada pegawai, rakyatpun kita bahagi tetapi *trend* yang berlaku, polisi yang ada sekarang ini Kerajaan memutuskan hanya nak bahagi sama ada pilih lot pertanian ataupun lot rumah kepada rakyat. Adakah kaedah yang sama untuk pegawai-pegawai Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kaedah yang sama juga digunakan. Kerana sebagaimana yang saya sebut semalam bahawa tanah semakin berkurangan dan terhad dan tanah tak beranak jadi pendemokrasian pengagihan tanah kita bagi satu seorang aje. Walaupun dia rakyat biasa, walaupun dia pegawai/ kakitangan Kerajaan kita bagi satu seorang, dia pilih. Kalau dia ada tapak rumah dah dia boleh mintak pertanian, kalau dia ada tapak rumah, nak tapak rumah jugak boleh tapi satu seorang sahaja kita bagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya sekadar nak tanya, ada tak Wakil-wakil Rakyat jugak diberikan peluang yang sama seperti mana tanah-tanah ini oleh Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat yang saya ingat satu baru kita bagi itupun masa permohonan diluluskan dia dah jadi Wakil Rakyat, dia mohon dulu semasa dia belum jadi Wakil Rakyat, setakat inilah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh dapat penjelasan Wakil Rakyat Barisan ke, Wakil Rakyat PAS?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Setakat ini Wakil Rakyat Barisan Nasional.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan ini pasal kes saya pernah dituduh oleh Wakil Ajil, saya ni pernah dikurniakan tanah oleh Kerajaan. Jadi, sekurang-kurangnya mengesahkan bahawa tidak ada dari kalangan kita yang menerimanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat nak mintak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, kita dah cukup dah. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita jemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

> *Tinjauan ke Kompleks Bazar Warisan mendapati masih ramai peniaga yang belum membuka premis perniagaan masing-masing. Mengapa ini berlaku?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan. Soalan yang dikemukakan ialah berkaitan dengan Kompleks Bazar Warisan yang masih belum dibuka premisnya. Setakat ini kesemua gerai-gerai Bazar Warisan ini telah ditawarkan kepada pemilik-pemilik dan setakat ini daripada 65 lot ini 41 buah telahpun dibuka dan 24 buah masih lagi belum dibuka disebabkan oleh masalah-masalah tertentulah. Ada dua masalah yang timbul di sini, pertamanya masalah dari segi bazar ini masih baru dan kurang laku lagi, jadi disebabkan oleh yang demikian peniaga-peniaga tu masih belum ingin membukalah, kurang laku. Keduanya, disebabkan berlaku kerosakan-kerosakan kecil kepada kompleks ini yang sekarang ni sedang dalam pembaikan oleh kontraktor yang berkaitan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Saya fikir kerosakan kecil itu tidak jejaskan bagi mereka yang ingin membuka lot-lot perniagaan mereka, saya ingat itu bukan sebabnya. Saya difahamkan bahawa ketika memilih peserta-peserta untuk menduduki lot ini ada berlaku ketidaktelusan di dalam pemilihan sebab itulah agaknya mereka yang tidak pernah berniagapun ditawarkan dan sebab itulah agaknya sehingga sekarang mereka tidak berniaga. Apakah betul yang telah disebut oleh orang di pasar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, konsep Kompleks Bazar Warisan ini adalah pada mulanya adalah untuk memindahkan sebahagian daripada mereka-mereka yang berniaga di Pasar Kedai Payang tu yang bahagian di sebelah atas itulah supaya kita pindahkan mereka ke tempat yang lebih selesa. Jadi, *priority* adalah diberikan kepada mereka-mereka yang duduk

di Pasar Kedai Payang itu dan yang bakinya barulah kita buka kepada mereka-mereka yang luar daripada situlah. Jadi, sepengetahuan saya pemilihan ini dibuat secara telus dan mereka-mereka yang ingin berniaga diberi peluang. Seperti saya kata tadilah dari segi ruang ini, tempat berniaga tempat baru jadi memang susah nak laku sikitlah. Kalau kita lihat dulupun Pasar Kedai Payang ni sementara nak lakupun dulu makan masa yang panjang, kalau kita lihat dulu tempat bawah sahaja yang laku yang sebelah atas takdok yang nak naik dulu, saya ingat masa saya remaja-remaja dululah memang orang tak nak naik. Jadi, apa yang berlaku di sinipun sama jugaklah, tingkat bawah semua dah orang buka dah, cuma tingkat atas, tingkat dua, tingkat tiga tu masih belum dibuka sepenuhnya. Pertama, orang nak naik ke atas tu payah sikit, yang kedua tu sebab berlaku kerosakan kecil itulah, atap bocor dan sebagainya tapi dari segi pemilihan yang disebut tadi saya rasa tidak berlaku dan kita beri peluang kepada mereka yang berniaga di Pasar Kedai Payang tu pindah ke sana dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya baru petang kelmarin saya bertemu dengan beberapa orang peniaga di Bazar Warisan yang baru ini dan antara benda yang mereka timbulkan adalah dari segi struktur, tak laku ini adalah dari struktur, inilah yang diberitahu kepada saya semalam kerana bagi mereka tidak *consumer friendly* untuk orang lalu dan masuk apa semua tidak *friendly* dengan izin dalam hal ini, kelmarin baru saya bercakap dengan dia orang. Dan dia orang bagi tahu dia telah berkali-kali memberitahu kepada pihak berkenaan supaya tengok balik dari segi struktur yang ada supaya pelanggan-pelanggan yang lalu ataupun yang nak pergi ke bangunan itu boleh dia kata lebih mesra dengan keadaan dan suasana. Katanya ada tiang-tiang yang tidak sesuai dengan kaedah untuk membawa ataupun mendekatkan pelanggan ke bangunan yang baru ini sendiri. Jadi, saya mintak penjelasanlah daripada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang betullah kita juga mendapat *feed back* yang sama, kita telah mengambil perhatian memang kita sudah meminta pihak kontraktor itu membuat sedikit pindaanlah kepada laluan, kita akan labelkan laluannya dan sebagainya sebab dia *need a mixture* dengan izin, nama lagi kompleks ini Bazar Warisan, jadi Bazar Warisan kita nak memang ada *fasakh* yang menunjukkan dia warisan kita. Jadi, kadang kalanya dia tak boleh nak *compromiselah* antara keselesaan dengan *fasakh* yang menunjukkan warisan ini. Walau

bagaimanapun, memang kita ambil kira tu, kita dah cuba nak labelkan *alley* dia tu dengan izin, supaya lebih mudah kepada peniaga-peniaga memasukkan barang-barang dan sebagainya. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi? Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tadi ada disebut bahawa masih ada peniaga-peniaga yang belum membuka kedai mereka. Apakah pengurusan bercadang untuk memberikan had tempoh untuk mereka kembali berniaga kalau tidak diambil balik. Yang kedua, berapakah sewa bulanan yang dikenakan kepada penyewa-penyewa di situ? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memberi sehingga 31 Disember 2008 ini untuk mereka memasuki tapak kalau tidak mereka akan ditarik balik tawaran itu dan akan ditawarkan kepada orang lain. Dari segi harga itu berpatutanlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau berpatutan itu berapa mo'oh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena tanya Majlis Bandaraya yang itu. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

> *Apakah hasil penyiasatan Jabatan Hutan Negeri Terengganu terhadap laporan pembalakan haram yang berlaku di Hutan Simpan Bukit Bauk pada 15 Januari 2008 sebagaimana laporan media pada 23 Januari 2008?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada 15 Januari 2008, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah menjalankan semakan dan siasatan berhubung kes pembalakan haram di Hutan Simpan Bukit Bauk. Hasil dari siasatan mendapati terdapat tebangan sejumlah 888 pokok, saya ulangi sebanyak 888 pokok di sepanjang laluan jajaran Jalan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2. Di dalam kawasan tebangan tidak terdapat sebarang kayu balak tetapi pihak jabatan telah menemui longgokan kayu balak di kawasan matau Lesen L3008/2007 kepunyaan Perkayuan Seraya Enterprise. Pihak jabatan telah menahan pihak pelesen L3008/2007 dari mengeluarkan kayu-kayu

balak tersebut atas mensyaki ianya datang dari kawasan pencerobohan. Siasatan lanjut telah dibuat oleh jabatan dan atas nasihat Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri, kayu-kayu yang ditahan telah dilepaskan kerana tiada bukit kukuh yang mensabitkan pelesen dengan kejadian pencerobohan. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri masih lagi membuka fail siasatan kes tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak ni satu kes, semalam ataupun dua hari lepas Yang Amat Berhormat sebut ada empat-lima kes. Saya nak mengesahkan selain daripada kes di Bukit Bauk ini adakah Kerajaan sedar di cadangan Empangan Dam Kedua di Tembak dan Petuang Forest Reserve. Belum apa-apa lagi kelulusan, tak keluar apa lagi, balak telahpun dikeluarkan. Adakah pihak Kerajaan dapat mengesahkan aktiviti pembalakan haram jugak berlaku di kawasan yang dicadangkan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menerima *complaint* yang sama dan saya telah mintak laporan daripada Pejabat Hutan, dia menyatakan kawasan Tembak yang ditebang itu dikeluarkan lesen pada tahun 2003 dan satu lagi dikeluarkan lesen pada 2007. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu masa dulu, masih berkuatkuasa lagikah lesen itu? Pasal sekarang ini aktiviti itu berjalan sampai sekarang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Saya dimaklumkan oleh Pejabat Hutan lesen itu masih berkuat kuasa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ada lagi tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Adakah kes ini telah sampai ke peringkat perbicaraan di mahkamah iaitu bagi Bukit Bauk. Yang kedua ialah oleh kerana jalan-jalan yang dilalui daripada Serdang-Keliyu itu sehingga Simpang Kerteh 2, 3 rosak yang sangat teruk oleh kerana pengeluaran balak-balak ini. Saya mengharapkan pihak Kerajaan memberi perhatian serius kerana jalan ini jugak sudah menjadi jalan utama. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tindakan telah diambil di bawah Seksyen 15(1) Akta Pembalakan Negara 1994 sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa ianya

masih di dalam siasatan. Mungkin barangkali Jabatan Hutan tengah siasat nak tengok DNA balak hak curi itu dekat mana sebab mungkin makmal lambat buat keputusan DNA, itu siasatan tak selesai tu. Yang kedua, mengenai jalan yang disebutkan tadi sebagaimana biasalah jalan yang pecah akan dibaiki dan diturap semula dari masa ke semasa dan saya difahamkan kalau masa ini baiki jalan tak ada makna jugak, dokdang dua hari pecah pulak sebab tu dia tunggu kemarau balik baru dia buat, perbetul balik. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Amat Berhormat, sayapun jugak nak buat pembetulan yang disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam tadi sebenarnya kes yang dibangkit oleh Sura ini antara yang dalam lima kes yang telah dibangkit oleh Yang Amat Berhormat sebelum ini. Saya jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

i. Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang akan diambil balik oleh Kerajaan bagi cadangan Pembangunan RKK Tepoh – Batu Enam?

ii. Sila nyatakan juga jumlah rumah kediaman dan bangunan kedai yang terlibat serta jumlah kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam RKK Tepoh – Batu Enam yang dipamerkan baru-baru ini kita belum tahu lagi jumlah sebenar keluasan tanah-tanah yang terlibat dan rumah-rumah yang terlibat kerana dia masih lagi peringkat perancangan dan juga pewartaan akan dilakukan kemudian setelah bantahan-bantahan diterima. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada RKK yang dipamerkan itu di Batu Enam sahaja jumlahnya lebih kurang 79 hektar dan pampasan yang dicadangkan adalah terlalu rendahlah, saya kira-kira kalau pertanian dikira lebih kurang 84 sen sekaki persegi, kawasan perumahan RM3.70 sekaki persegi. Jadi, dengan kadar ini saya kira memanglah tidak mampu untuk pemilik-pemilik asalnya untuk membeli rumah yang dicadangkan sekitar harga RM150,000 hingga RM200,000. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang saya

nampak cukup ikhlas dan telus dalam pentadbiran ini sehinggakan semalam disebut hak kita diambil orang, tak boleh sebut zalim, aniaya mungkin. Kalau balak kita hilang jangan sebut rompak, mungkin hilang tak tahu mana pergi. Betapa bersihnya sikap, inilah yang saya harap daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan sifat inilah saya harap kalau boleh kalau orang termiskin PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) Kerajaan beri rumah percuma itu satu skim yang baik. Apakah untuk golongan yang miskin, ini bukan yang termiskin, orang Batu Enam ini memanglah saya duduk Batu Enam ini memang dah lama di situ, sayapun sebahagian daripada warga Batu Enam dan dah mengenal hati budi dan kemampuan mereka. Mereka memang dan takdok orang dalam dunia ini takmboh rumah molek, takmboh rumah selesa, semua nak tetapi kemampuan yang dia ada hari ini sekadar cukup makan. Nak baiki rumah tak mampu, jadi apatah lagi nak beli rumah baru, bukan tak mahu, mahu sangat tetapi itulah kemampuan mereka. Kalau boleh saya mencadangkan ataupun Kerajaan ada cadangan ataupun tidak, diberikan satu skim khas kepada mereka sama ada rumah dalam bentuk subsidi, kalau harganya RM100,000 beri RM50,000 ajelah ataupun beberapa peratus yang munasabah dengan kemampuan rakyat demi nak 'merakyatkan pembangunan' Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat yang sangat ikhlas saya kata. Saya bukan kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan saya, adakah cadangan satu skim khas untuk golongan yang miskin bukan termiskin, yang miskin yang mereka boleh bayar tetapi tidak boleh bayar dengan sepenuh harga kalau tidak mereka akan dikeluarkan dari kawasan itu? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasihlah. Sebagaimana saya sebut semalam, soal pengambilan balik tanah kita terikat dengan peraturan dan undang-undang iaitu harga dibayar berasaskan kepada harga transaksi yang terakhir yang berada berdekatan di kawasan berkenaan. Yang kedua, sudah tentu perbezaan harga di antara syarat tapak rumah dengan pertanian dan pegawai tidak boleh menentukan harga sewenang-wenangnya kerana ini mungkin menimbulkan fitnah kemudian hari dan sebagainya. Kita diberi peruntukan undang-undang Kanun Tanah Negara memperuntukkan sekira mereka tidak berpuas hati mereka boleh membuat rayuan ke mahkamah, ini kaedahnya Dato' Yang Dipertua. Dan saya rasa kalau Wakil Bukit Tunggal nak penjelasan lanjut bolehlah rujuk kepada Wakil Ladang yang lebih tahu tentang soal ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, saya maksudkan tadi saya dah faham yang ada syarat, ada peraturan dari segi pembayaran balik tapi untuk beli balik semula akan datang, duit dapat tu dapatlah yang mungkin dibayar RM20,000 tapi rumah yang nak dibeli kekgi harganya RM200,000, supaya rumah yang dibina oleh Kerajaan nanti dibuat satu skim khas ataupun subsidi 50 peratus, 20 peratus bergantung kepada keadaan semasa pada ketika itu sebagaimana ada skim PPRT yang boleh beri rumah percuma kepada orang-orang termiskin, orang fakir. Golongan di Batu Enam orang miskinlah saya sebut maknanya nak beli rumah baru memang tak mampu, makan le, cukup. Adakah Kerajaan bercadang untuk fikir ke arah itu bagi membantu bumiputera yang miskin? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekiranya mereka layak mereka boleh memohon rumah PAKR (Perumahan Awam Kos Rendah) di kawasan yang berkenaan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Dipertua, sebenarnya dia takmboh duduk Rumah Awam Kos Rendah tapi dia nak balik asal tempat dia, itu maksud saya supaya dapat balik ke tempat yang dia kena pindah itu bukan nak ke tempat rumah murah, itu tak munasabah. Dia orang berniaga di situ, bekerja di situ, cari makan di situ dan keturunan dia di situ dan tanah pusaka mereka. Ini harus diambil perhatian. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cadangan ya, tak payah dijawablah tu. Ada Tepoh?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, RKK ini RKK Tepoh - Batu Enam, dia ada di Tepoh se, dia ada di Batu Enam. Batu Enam tu dalam DUN Bukit Tunggal, hak Tepoh ni takdok masalah yang nampak Bukit Tunggal ini bermasalah sangat tapi memang betullah ramai penduduk di situ. Hak Tepoh ni nampak takdok masalah sangat jadi kita letak ke tepi dululah hak Batu Enam tu, kita buat dulu hak Tepoh tu biar jadi RKK Tepoh lepas tu baru jadi RKK Batu Enam. Apa kata sebenarnya, hak Tepoh takdok masalah ni, saya mintak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak apa, kita tengoklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih dua-dua Yang Berhormat. Akhir saya jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Nyatakan jumlah rumah-rumah PPRT yang tidak didiami oleh pemiliknya atau dirobohkan bermula tahun 2007 hingga November 2008?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekalian. Terima kasih kepada Wakil Bukit Payong atas pertanyaan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan pada tahun 2007 dan 2008 sejumlah 3,481 buah rumah bina baru dibuat di Negeri Terengganu. Pada 2007 jumlahnya 2,585, 2008 berjumlah 896 dan daripada angka itu 3,481 sejumlah 6 buah rumah tidak diduduki dan tidak ada rumah PPRT yang diroboh mengikut rekod kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya dapat maklumatlah daripada khususnya di Kampung Paya Resak, di DUN Bukit Payong ada satu rumah yang dirobohkan oleh pemiliknya, rumah PPRT yang diberi oleh pihak Kerajaan tapi dia perobohkan dan dia buat rumah lain. Tak apalah yang saya nak tanya apakah tindakan pihak Kerajaanlah terhadap pemilik-pemilik yang tidak mendiami rumah yang dikurniakan oleh PPRT ini, yang sebenarnya kita beri ke dia untuk dia duduk, dia diami dan sebab apa mereka tidak mendiami ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, soal tindakan kepada peserta yang tidak duduk rumah itu, ini bergantung kepada alasannya atau sebabnya. Setengah-setengahnya yang disebut tadi, dia ada 6 buah rumah yang tidak diduduki tadi kerana dia baru dapat kerja di lain jadi terpaksa meninggalkan kampung dan itupun bukan tidak duduk secara berterusan sekali-sekala masa ada keperluan dia jugak balik duduk di kampung dia. Dan di antara alasan yang menyebabkan mereka tidak duduk di rumah yang diberikan tadi, satunya kerana dia mendapat kerja di lain, dan yang keduanya kerana kesempurnaan rumah itu sendiri kerana sebahagiannya ada masalah bekalan air dan api. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, ada rumah yang tidak

didiami kerana masalah bekalan air dan seumpamanya. Lama ke nak siapkan bekalan air sehingga dia boleh duduk ataupun baru berlaku yang membuatkan mereka tidak boleh mendiami?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2008 rumah yang disiapkan melalui peruntukan 2007 memang alasan besarnya kerana masalah bekalan air. Masa itu kos menyambung bekalan air terlalu tinggi di luar daripada kos pembinaan rumah yang sebenarnya, kerana alasan itulah Kerajaan sudah mengkaji semula kos pembinaan rumah-rumah PPRT ini, daripada RM18,000 ke RM33,000. Dan saya menjangka masalah ini mungkin akan dapat di atasi pada tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah berlaku penyelewengan di rumah-rumah PPRT yang tidak didiami oleh pemilik itu iaitu seperti disewakan dan lain-lain? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Setakat ini kita tidak menerima laporan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan daripada Langkap yang memberi jawapan kepada soalan terakhir pada sidang kita pada kali ini. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil penyertaan. Urusan kita seterusnya urusan Tangguhan.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya sukacitanya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang banyak diberikan kepada saya untuk mempengerusikan sidang kita ini dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang mengemukakan soalan, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan jawapan saya ucap tahniah, terima kasih moga-moga apa yang kita

bentang dan apa yang kita sidangkan dalam Persidangan ini akan dapat keberkatan, kebajikan kepada rakyat Negeri Terengganu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacitalah oleh kerana sidang kita ini merupakan sidang terakhir pada tahun 2008 ini dan insya Allah kita akan memasuki tahun baru 2009 tidak berapa lama lagi. Sukacita saya ingin membuat sedikit ulasan pendek di mana dalam sidang kali ini kita menyelesaikan enam Enakmen termasuk Enakmen yang penting Enakmen Perbekalan 2009 dan dua Usul. Dari segi kehadiran Ahli-ahli Dewan sekalian sangat baik kecuali sebelah petang saya nampak banyak kerusi yang renggeh, bukan sekejap tapi lama. Saya harap pada masa akan datang tidak akan berlakulah lagi. Manakala soalan-soalan yang dikemukakan agak menyeluruh dan berkepentingan kepada rakyat dan jawapan-jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan saya rasa sangat berguna untuk rakyat dan tepat, cuma saya memohon kepada rakan-rakan media yang hadir ke sidang kita ini, kita faham tuan-tuan dan puan-puan sekalian memang ingin melaporkan setepat-tepat mungkin akan laporan sidang kita pada setiap sidang. Walau bagaimanapun, kita harap berhati-hati di dalam mengambil apa juga laporan yang kita sidangkan kerana saya difahamkan oleh pihak media yang SMS kepada saya kadang-kadang apa yang saudara laporkan itu dipungut oleh ibu pejabat masing-masing untuk membuat headline dan sebagainya. Jadi, pungutan itu tentu sekali daripada laporan yang tepat, kalau kurang tepat ayat satu, perjelaskan biar jadi luas macam saya, kadang-kadang jadi pengerusi terpaksa saya perjelaskan. Saya minta maaf kadang-kadang ada Ahli Yang Berhormat kata: Bakpe pulak Yang Dipertua cakap banyak dan sebagainya. Tapi kita kena perjelaskan supaya sidang kita ini lebih berkesan dan sebagainya.

Saya juga mengambil kesempatan kadang-kadang bukan kadang-kadanglah dalam sidang ini ada jugak tohmahan terutama di peringkat awal sidang kita barangkali dia tengok Yang Dipertua agak boleh *test* dan sebagainya jadi tohmahan-tohmahan terutama daripada setengah Ahli Dewan kita kepada Ahli Dewan kita. Jadi, sayugialah saya mengambil kesempatan terutamanya saya minta maaf Yang Berhormat Jerteh ataupun Ajil sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berucap dan menjelaskan sejelas-jelasnya, saya memberi peluang kerana kebanyakan tohmahan-tohamah itu didengar tidak berapa enak di luar ataupun dalam Dewan kita ini dan saya yakin sebenarnya tidak sebegitu. Jadi, saya sangat yakin jugak Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili Kerajaan tidak berapa selesa untuk menjawab perkara-perkara yang khusus contohnya. Jadi, saya sangat mengalu-alukan di masa-masa akan datang mana-mana Ahli Yang Berhormat jika ada tohmahan, jika ada perlu penjelasan, saya akan memberi peluang supaya ia lebih menyeluruh dan tidak sebagaimana yang disangkakan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita akan melangkah tahun 2009 dengan

cabaran baru dan saya melihat apa yang kita luluskan di sini dengan program Belanjawan ataupun Bajet Merakyatkan Pembangunan, saya percaya dengan kerjasama jabatan-jabatan Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai maka yang telah diluluskan ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kelulusannya sangat mengkagumkan, paling besar dalam sejarah Terengganu tetapi pelaksanaannya tentu sekali di tangan Ketua-ketua Jabatan sekalian. Jadi, kita harap apa yang dibentang oleh Wakil-wakil Rakyat sekalian akan dilaksanakan dengan terbaik dan mudah-mudahan apabila kita mengulas ataupun membawa ke Dewan ini pada hujung tahun akan datang Bajet atau Merakyatkan Pembangunan melalui RM1.8 bilion ini akan sangat berkesan jangan nanti Yang Berhormat dipersalahkan, Dewan dikatakan tidak berkesan dan sebagainya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah tugas kita di dalam Dewan ini, rakyat lebih penting, negeri kita harap terus cemerlang, semua mesti memainkan peranan dan insya Allah akan tercapai cita-cita, tugasan kebajikan kita semua. Inilah tugas kita sementara diberi tanggungjawab dan amanah oleh Allah S.W.T. dan saya harap kita semua akur akan tugasan ini.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah pesanan yang nak saya sampaikan. Alhamdulillah, kita mengadakan sidang ini dalam tempoh yang dibenarkan dan kita akan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Ini Ucapan Tangguhan Dato' Yang Dipertua ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Orang lain boleh ke Ucapan Tangguhan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini saya terkejutlah sebagai rakan lama, lama pada saya tapi saya lama jugak dengan dia. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengsidangkan Dewan ini dengan seadil-adilnya, maknanya saya sudah beri sejelas-jelasnya supaya bercakap, saya ni bercakap pada hujungnya sahaja Yang Berhormat nak menasihat di atas kerusi ini. Jadi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selamat maju jaya. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya tangguhkan sidang kita ini. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI

MESYUARAT YANG KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 14, 15, 16 17 DAN 18 DISEMBER 2008

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Berapakah jumlah permohonan tanah haram yang masih belum diselesaikan sehingga tahun 2007 mengikut daerah di Terengganu.

JAWAPAN :

DAERAH	PERMOHONAN BELUM SELESAI
Kuala Terengganu	936
Besut	233
Kemaman	382
Dungun	156
Hulu Terengganu	1,947
Marang	304
Setiu	1316
JUMLAH	**5,274**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pelancong luar negara yang datang ke Terengganu pada tahun 2004, 2005, 2006 dan 2007.

JAWAPAN : Jumlah pelancong Luar Negara yang datang ke Terengganu pada tahun 2004 hingga 2007 adalah sebagaimana di bawah:-

Tahun	Jumlah Pelancong Asing
2004	162,826
2005	197,952
2006	238,893
2007	295,084

SOALAN 3 : Di Hulu Besut terdapat dua destinasi pelancongan iaitu LA Hot Spring dan Lata Tembakah. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan tersebut pada tahun 2009 dan berapakah peruntukan yang disediakan.

JAWAPAN : Kedua-dua destinasi pelancongan ini merupakan antara produk pelancongan yang utama di negeri ini dan Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan kepada usaha-usaha pembangunan dan menaik taraf kedua-dua produk ini. Projek-projek yang sedang dilaksanakan bagi kedua-dua produk pelancongan ini adalah sebagaimana di bawah:

a) La Hot Spring

i. Menaik taraf jalan ke La Hot Spring dengan peruntukan sebanyak RM3.4 juta.

ii. Menaik taraf La Hot Spring termasuk membina dewan makan, tambahan chalet, wakaf dan sebagainya dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.

b) Lata Tembakah

Peningkatan kemudahan pelancongan di Hutan Lipur Lata Tembakah termasuk pembinaan sebuah dewan serbaguna, chalet, menara tinjau, wakaf dan sebagainya dengan peruntukan sebanyak RM1.4 juta.

SOALAN 4 : Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi tanah kepada Felda dan Felda telah memajukan dengan tanaman getah dan kelapa sawit tetapi tidak dimasukkan peserta. Berapakah jumlah keluasan tanah terlibat sehingga tahun 2007 mengikut daerah-daerah.

JAWAPAN :

DAERAH	KELUASAN (HA)
Kuala Terengganu	-
Besut	834.14 hektar
Kemaman	3,298.57 hektar
Dungun	1,698.22 hektar
Hulu Terengganu	212.17 hektar
Marang	5,950.11 hektar
Setiu	3,135.66 hektar
JUMLAH	**15,132.87 hektar**

SOALAN 5 : Kejadian bunuh diri banyak berlaku di akhir-akhir ini. Berapakah jumlah bunuh diri dari tahun 2000 hingga tahun 2007 di Terengganu mengikut daerah-daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) dan 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Benarkah adanya penyelewengan pengagihan wang bantuan raya kepada rakyat Terengganu.

JAWAPAN : Setakat ini, pentadbiran Negeri tidak menerima apa-apa laporan atau aduan tentang penyelewengan wang Bantuan Hari Raya.

SOALAN 2 : Bagaimana kedudukan kereta Mercedes Benz yang dibeli oleh Kerajaan Negeri yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

JAWAPAN : Kereta Mercedes Benz tersebut digunakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai kenderaan rasmi.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Berapakah pendapatan isi rumah (HIS) bulanan rakyat Negeri Terengganu bagi tahun 2007 dan perincikan mengikut kaum?

JAWAPAN : Bagi tahun 2007, pendapatan purata bulanan isi rumah (HIS) mengikut kaum di negeri ini ialah seperti berikut:

Etnik	Purata Pendapatan (RM)		
	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Bumiputera	2,429	2,821	2,027
Cina	3,123	3,201	2,553
India	2,503	2,503	-
Lain-lain	5,140	3,940	6,407

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pelaburan asing (FDI) ke Negeri Terengganu dari tahun 2004 - 2008 dan apakah langkah bagi menggalak pelabur asing melabur di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Jumlah pelabur asing (FDI) mengikut kelulusan MIDA bagi Negeri Terengganu tahun 2004 - 2008 adalah:

Tahun	FDI (RM)
2004	20.8 juta
2005	-
2006	2.89 Bilion
2007	1.763 Bilion
2008	0.331 Bilion
Jumlah	**5 Bilion**

Dalam menggalakkan lagi kemasukan pelaburan asing ke Terengganu, Kerajaan Negeri telah menjalankan aktiviti promosi di samping acara-acara yang telah diadakan di Negeri Terengganu seperti Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, World Endurance Championship 2008 dan juga Monsoon Cup. Di samping itu juga, brosher dan juga pamplet diedarkan di tempat-tempat diadakan acara antarabangsa di seluruh negara khususnya bahagian pelancongan.

Kerajaan Negeri melalui UPEN, telah mengadakan pertemuan berkala dengan MIDA dan ECERDC dalam usaha untuk membawa pelabur-pelabur asing melabur di Negeri Terengganu, tidak kira di dalam sektor perkilangan, hartanah, pembuatan atau perhotelan.

SOALAN 3 : Apakah bentuk 'Dasar Perhutanan Negeri Terengganu' serta nyatakan jumlah kelulusan kawasan pembalakan yang diluluskan bagi tahun 2008?

JAWAPAN : Negeri Terengganu tidak mempunyai dasar khusus tetapi segala pengurusan sumber hutan negeri adalah berlandaskan Dasar Perhutanan Negara 1982 (Pindaan 1992) dan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Perhutanan Negara yang bersidang setiap tahun.

SOALAN 4 : Apakah langkah-langkah bagi mengatasi jenayah di seluruh Negeri Terengganu dan apakah kadar jenayah negeri bagi tahun 2004 - 2008?

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Terengganu.**

SOALAN 5 : Berapakah jumlah kes-kes tindakan disiplin yang telah diambil ke atas kakitangan Kerajaan Negeri dari tahun 2004 - 2008 dan bentuk kesalahan yang dilakukan?

JAWAPAN : Kakitangan Kerajaan Negeri yang telah diambil tindakan disiplin semenjak tahun 2004 hingga 2007 adalah sebanyak 64 kes berdasarkan kesalahan yang dilakukan adalah sebagaimana kenyataan di bawah:

TAHUN	JUMLAH KES	BENTUK KESALAHAN	
2004	Tiada	Tiada	
2005	5	2	Kes BPR - Rasuah dan penyalahgunaan kedudukan awamnya dalam menjalankan tugas
		2	Tidak hadir bertugas
		1	Penyalahgunaan dadah
2006	38	22	Tidak hadir bertugas
		1	Penyalahgunaan dadah
		10	Kes BPR - Membuat tuntutan perjalanan palsu
		1	Cuai dalam menjalankan tugas.
		1	Melakukan kesalahan dengan menebang sebatang cengal berperepang 58cm pada ketinggian 65cm dari tanah kopartmen 94, Hutan Simpan Hulu

			Terengganu tanpa kebenaran dan disyaki membawa kayu tanpa cukai dan tidak mempunyai pas pemindah
		1	Kes BPR - Membuat pengukuran secara anggaran sahaja tanpa membuat pengukuran sebenar bagi projek pembinaan naik taraf jalan Lubuk Pandan ke Lubuk Batu.
		1	Tidak mengkreditkan wang pungutan ke bank.
		1	Berjudi
2007	16	11	Tidak hadir bertugas
		2	Penyalahgunaan dadah
		1	Mencuri
		1	Khalwat
		1	Membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadi
2008	5	4	Tidak hadir bertugas
		1	Penyalahgunaan dadah

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah Tadika KEMAS yang baru dibina sepanjang tahun 2008 mengikut pecahan setiap DUN. Pada tahun 2009 nanti berapakah jumlah yang baru akan dibina pula?

JAWAPAN : Jumlah Tabika KEMAS yang baru dibina sepanjang tahun 2008 adalah berjumlah sebanyak 51 buah. Bagi tahun 2009 nanti pula sebanyak 16 buah dijangka akan dilaksanakan.

(A) Berikut adalah jumlah 51 buah Tabika 2008 mengikut pecahan DUN.

1. Parlimen Besut	-	8 Buah
DUN Kota Putera	-	2 Buah
DUN Kuala Besut	-	2 Buah
DUN Jerteh	-	3 Buah
DUN Hulu Besut	-	1 Buah
2. Parlimen Setiu	-	8 Buah
DUN Jabi	-	3 Buah
DUN Langkap	-	3 Buah
DUN Batu Rakit	-	2 Buah

3. Parlimen Hulu Terengganu - 10 Buah

DUN Kuala Berang	-	3 Buah
DUN Telemong	-	2 Buah
DUN Ajil	-	4 Buah
DUN Manir	-	1 Buah

4. Parlimen Marang - 10 Buah

DUN Rhu Rendang	-	2 Buah
DUN Alur Limbat	-	4 Buah
DUN Pengkalan Berangan	-	4 Buah

5. Parlimen Dungun - 7 Buah

DUN Rantau Abang	-	2 Buah
DUN Paka	-	2 Buah
DUN Bukit Besi	-	3 Buah

6. Parlimen Kemaman - 8 Buah

DUN Kijal	-	3 Buah
DUN Cukai	-	2 Buah
DUN Kemasik	-	1 Buah
DUN Air Puteh	-	2 Buah

(B) Berikut adalah jumlah 16 buah Tabika 2009 mengikut pecahan DUN.

1. Parlimen Setiu - 3 Buah

DUN Langkap	-	1 Buah
DUN Batu Rakit	-	2 Buah

2. Parlimen Kuala Nerus - 5 Buah

DUN Tepoh	-	1 Buah
DUN Bukit Tunggal	-	2 Buah
DUN Teluk Pasu	-	1 Buah
DUN Seberang Takir	-	1 Buah

3. Parlimen Kuala Terengganu - 3 Buah

   DUN Batu Burok - 3 Buah

4. Parlimen Marang - 3 Buah

   DUN Alur Limbat - 2 Buah

5. Parlimen Dungun - 1 Buah

   DUN Rantau Abang - 1 Buah

6. Parlimen Kemaman - 2 Buah

   DUN Air Puteh - 2 Buah

SOALAN 2 : Bagaimanakah status pencapaian Program Tahun Pertanian Terengganu yang telah dilaksanakan beberapa tahun lepas terutamanya kejayaan yang dicapai dalam ternakan kambing Kaprima, Pemeliharaan Ikan di Sungai Como, Pembenihan Ikan di Pengkalan Gelap, Setiu dan Fertigasi seluruh Terengganu?

JAWAPAN :

i. Ternakan Kambing Kaprima

Usaha pembangunan program Kaprima Bestari telah berjaya meningkatkan pengeluaran tempatan daripada 7.06% pada tahun 2005 kepada 25% pada tahun 2008. Pengeluaran hasil daging adalah kira-kira 15 tan metrik setahun yang bernilai RM450,000.00.

ii. Pemeliharaan Ikan di Sungai Como

Pada tahun 2007, sejumlah 115,230 tan metrik ikan dari pengangkapan ikan manakala hasil akuakultur pula adalah sebanyak 7,500 tan metrik ikan dituai dengan anggaran purata peningkatan pengeluaran sebanyak 20%.

Pemeliharaan ikan di Sungai Como, Tasik Kenyir seperti Tilapia, Patin dan Siakap telah berjaya diternak dengan kadar penstokkan di antara 500 hingga 1,000 ekor setiap sangkar. Kadar peratus kehidupan ikan yang diternak pula mampu mencecah sehingga 95% terutamanya dari jenis ikan patin.

Pembinaan sangkar tambahan sebanyak 10 blok yang terdiri dari 2,000 unit sangkar sedang dibina dan dijangka disiapkan sepenuhnya sebelum 30 Disember 2008. Setelah beroperasi kelak sangkar tersebut mampu mengeluarkan 3 hingga 5 tan metrik ikan setiap hari.

iii. Pembenihan Ikan di Pengkalan Gelap, Setiu

Pada masa ini, sekurang-kurangnya 20 penguasa terlibat dalam aktiviti pembenihan di kawasan ini dengan keluasan kawasan lebih kurang 36 hektar. Setiap pengusaha tersebut mampu mengeluarkan sehingga 100,000 ekor benih ikan siakap bersaiz 7.5 sentimeter untuk setiap pusingan. Benih-benih ikan tersebut dijual kepada penternak ikan dengan harga antara RM1.20 sehingga RM1.80 seekor.

iv. Fertigasi

Tahun	Bil. Yang Menanam (RM	Hasil (m.t.)	Nilai Pengeluaran	Agensi Pemasaran
2007	178	121.03	404,692.00	TADC, FAMA, MAFC, Swasta
2008	229	450.54	1,349,378.00	TADC, FAMA, MAFC, Swasta

SOALAN : Bagaimanakah status kedudukan terkini program e-Farm dan IQ di peringkat Negeri Terengganu? Apakah langkah yang diambil untuk memajukannya lagi pada masa hadapan?

JAWAPAN : Program e-FARM masih berjalan sebagaimana tujuan asalnya iaitu bagi:-

i) Mewujudkan satu 'talent pool' di kalangan rakyat Terengganu yang berkemahiran tinggi dalam sektor ICT dan industri kreatif.

ii) Menghapuskan pengangguran di kalangan graduan/belia Terengganu dengan memberi kemahiran yang diperlukan dalam industri kepada mereka.

iii) Mewujudkan aktiviti-aktiviti pembangunan yang boleh menjana hasil kepada ekonomi Negeri Terengganu.

Walau bagaimanapun, bermula tahun hadapan Kerajaan Negeri akan mengubah pendekatannya di mana penambahbaikan kepada program akan dibuat. Di antara penambahbaikan yang akan dijalankan ialah:-

i. Pemilihan calon-calon untuk mengikut program e-FARM akan dibuat dengan lebih selektif.

ii. 'Scale down' program e-FARM akan dilakukan di mana program akan lebih fokus kepada industri dan 'market-driven'.

iii. Kontrak kerja yang diwajibkan kepada perantis akan dimansuhkan. Perantis boleh mencari pekerjaan sendiri ataupun ditempatkan di syarikat-syarikat yang berminat mendapatkan kemahiran peserta.

iv. Pembiayaan perantis untuk mengikuti latihan e-FARM akan diubahsuai. Konsep pinjaman akan diperkenalkan.

v. Bantuan akan diberikan kepada perantis untuk menjadi usahawan selepas menamatkan latihan program e-FARM.

SOALAN 4 : Di dalam usaha Kerajaan Negeri memperkasakan pembinaan Modal Insan, apakah perancangan jangka panjang sehingga tahun 2015?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri dalam proses merangka "Blue Print" untuk Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu 2009-2013 iaitu Rancangan Lima Tahun untuk Negeri Terengganu. Secara umumnya perancangan Pembangunan Modal Insan ialah:-

a. Memastikan kecemerlangan pendidikan di semua peringkat diperkukuhkan dengan nilai-nilai Islam Syumul.

b. Meningkatkan keperluan kepada pendidikan dan latihan kemahiran ke arah penawaran tenaga kerja yang berkualiti dan profesional.

c. Memastikan sebuah universiti penuh yang komprehensif dengan penekanan kepada bidang perubatan, kejuruteraan, perundangan, ekonomi, sains dan teknologi, budaya dan warisan dan pengajian Islam.

d. Mempertingkatkan serta memperkukuhkan institusi-institusi pendidikan dan kemahiran yang sedia ada.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk projek fertigasi yang dilaksanakan oleh TRG Sutratani Sdn. Bhd. dan berapakah hasil yang telah diperolehi sehingga kini.

JAWAPAN : Jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk projek TRG Sutratani Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM3,998,000.00. Manakala hasil yang telah diperolehi pada pusingan pertama bagi ketiga-tiga modul adalah sebanyak 120 tan. Bagi perkembangan semasa, proses penanaman pusingan kedua bagi ketiga-tiga modul sedang dilaksanakan dengan tanaman cili di mana jangkaan tuaian adalah pada Februari 2009.

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah pemberian Dana Khas Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 hingga November 2008 mengikut pecahan bulan.

JAWAPAN : Jumlah pemberian Dana Khas Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 hingga November 2008 adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Jumlah (RM)
1.	23 April 2008	500,000,000.00
2.	2 September 2008	50,000,000.00
3.	9 September 2008	450,000,000.00
JUMLAH(RM)		**1,000,000,000.00**

SOALAN : Berapakah jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat hingga kini dan bayaran balik telah dibuat dari tahun 2005 hingga kini mengikut pecahan tahun.

JAWAPAN : Jumlah hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat hingga kini adalah sebanyak RM976,400,355.64

Bayaran balik yang telah dibuat dari tahun 2005 hingga kini adalah seperti berikut:-

Tahun	RM
2005	36,948,497.18
2006	27,116,711.98
2007	24,407,199.50
2008	6,062,572.28
JUMLAH	**94,534,980.94**

Maklumat Tambahan:

Bayaran balik yang telah dibuat dari tahun 2000 hingga 2004 adalah seperti berikut:-

Tahun	RM
2000	37,115,398.89
2001	4,510,634.53
2002	16,829,146.55
2003	6,722,591.44
2004	23,260,093.03
JUMLAH	**88,437,864.44**

SOALAN 4 : Sila nyatakan prestasi TADC (Terengganu Agrotech Development Corporation) sejak ianya mula ditubuhkan sehingga kini.

JAWAPAN : Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. (TADC) ditubuhkan bagi menguruskan projek-projek perikanan dan pertanian sejak tahun 2006. Sepanjang dua tahun beroperasi, TADC telah

mencatatkan keuntungan sebanyak RM61,367.00 dan RM397,776.00 pada tahun 2007. Melalui program pertanian yang diwujudkan ini ia mampu membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan juga mereka yang berstatus PPRT. Langkah yang dimainkan oleh TADC ini adalah bertepatan dengan misi serta objektif Kerajaan Negeri Terengganu agar membasmi kemiskinan ke tahap sifar serta dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Objektif utama TADC adalah untuk menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan tambah nilai yang sedia ada serta mencipta dan mencari peluang baru dalam sektor pertanian diterjemahkan sebagai intrumen bagi memberi peningkatan pendapatan kepada golongan sasar. Selain itu, TADC juga mensasarkan untuk melaksanakan serta menguruskan projek dan program pertanian bagi mencapai objektif untuk membantu golongan miskin serta meningkatkan pendapatan rakyat.

Bagi program pertanian, jumlah semasa yang mendapat faedah secara langsung adalah 208 orang manakala mereka yang mendapat faedah secara tidak langsung adalah seramai 384 orang. Bagi program perikanan perkembangan semasa penglibatan peserta yang mendapat faedah secara langsung adalah seramai 60 orang dan tidak langsung seramai 6 orang.

Manakala bagi prestasi kewangan TADC pada tahun kewangan pertama 2007 TADC mencatatkan pendapatan sebanyak RM30,057,607.00 berbanding RM3,518,320.00 pada tahun 2006 yang merupakan peningkatan sebanyak 88% selaras dengan aktiviti pemasaran TADC, serta peruntukan dari Kerajaan Negeri dan TADC telah berjaya mencatat keuntungan sebanyak RM397,776.00 untuk tahun 2007 berbanding RM61,367.00 tahun 2006.

Bagi prestasi semasa kewangan TADC sehingga Ogos 2008 menunjukkan pendapatan semasa adalah RM4.6 juta.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Mengapakah bayaran kepada kontraktor yang telah selesai menjalankan kerja-kerja di bawah peruntukan Dana Negeri belum menerima bayarannya dan berapakah jumlah bayaran dan jumlah kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor perhutanan di negeri ini.

JAWAPAN : Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor perhutanan di negeri ini. Usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:-

1. Mendapatkan pensijilan pengurusan hutan secara berkekalan yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council (MTCC). Perolehan sijil ini akan membolehkan penjualan produk kayu-kayan dari Negeri Terengganu ke negara-negara Barat. Ini akan menggalakkan pertumbuhan industri perkayuan di negeri ini.

2. Memperkenalkan teknologi pembalakan bawah air dari Kanada di Tasik Kenyir yang menggunakan sistem robotik 'sawfish'.

3. Memelihara sumber hutan negeri:-

   a. Mewartakan kawasan seluas 49,107 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal sebagai Hutan Tadahan Air.

   b. Memelihara kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal jenis Hutan Paya Laut dan mengkoordinasikan pembangunan melalui Jawatankuasa Pembangunan Pulau-Pulau, Sungai dan Pesisiran Pantai Negeri (TREVICOSTA) seperti di Setiu Wetland.

   c. Mengisytiharkan keseluruhan kawasan Hutan Simpan Bukit Bauk seluas 7.596 hektar sebagai hutan perlindungan.

   d. Jabatan Perhutanan Negeri telah menjalankan projek tanaman pesisir pantai dengan tanaman pokok Rhu Pantai untuk memelihara kawasan pantai Negeri Terengganu.

   e. Penubuhan ladang hutan Karas di Hutan Simpan Merchang dan penubuhan Pusat Penyelidikan Karas di kawasan tersebut.

SOALAN 3 : Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dan sejauh manakah kejayaannya untuk mengawal dan mengatasi kenaikan harga barangan keperluan harian di negeri ini.

JAWAPAN : Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu telah terkehadapan dalam usaha mengatasi kenaikan harga barang. Di peringkat Kebangsaan, Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Penurunan Harga Barang pada 11 November 2008 dan di peringkat Negeri Terengganu, Pejabat Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melancarkan kempen yang sama secara besar-besaran pada 30.11.2008. Sebagai makluman, penurunan harga di Negeri Terengganu telah mula dilaksanakan pada 4 November 2008 di mana potongan ke atas 1,200 jenis barangan telah mula dilaksanakan oleh Pasaraya Giant.

Dari segi kejayaannya, ianya boleh disimpulkan sebagai amat berjaya kerana sebanyak 27 pasaraya (Hypermarket, Supermarket, Pemborong dan pembekal di seluruh Negeri Terengganu) telah menyatakan kesanggupan mereka untuk turut serta dalam program ini dan dalam kempen ini sekurang-kurangnya 70% daripada harga barangan dalam premis ini hendaklah diturunkan sepanjang tempoh kempen yang bermula 01.12.2008 hingga 01.02.2009.

SOALAN 4 : Bilakah bayaran insentif tunai kepada nelayan-nelayan yang berdaftar di negeri ini akan mula dibayar dan nyatakan jumlah nelayan serta kos yang terlibat.

JAWAPAN : Bayaran insentif tunai kepada nelayan yang berkelayakan mula dibayar pada 1 Julai 2008. Pembayaran tersebut telah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Seramai 3,598 nelayan berkenaan telah dibayar sejumlah RM200 sebulan kepada mereka yang layak.

SOALAN 5 : Bilakah kawasan baru penanaman padi di Setiu (Tasik Berombak, Putrajaya dan Mak Jintan) hendak dimulakan dan sila nyatakan jumlah keluasan serta kos yang diperuntukkan dan sehubungan dengan itu adakah perkembangan pembinaan Empangan Paya Peda sehingga kini serta nyatakan jumlah kos yang terlibat dan bilakah ianya dijangka siap.

JAWAPAN : Bagi Daerah Setiu, hanya kawasan Mak Jintan termasuk kawasan jelapang akan dibangunkan sebagai kawasan baru penanaman padi. Keluasan yang dicadangkan adalah 800 hektar (2,000 ekar)

dan anggaran kos awal RM36 juta. Tender projek ini akan dimulakan pada awal 2009. Walau bagaimanapun, kawasan Tasik Berombak dan Putrajaya kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan bagi menilai kesesuaian tanah dan kecukupan punca air untuk tanaman padi 2 kali setahun.

Untuk projek Empangan Paya Peda, anggaran kos projek adalah sebanyak RM200 juta. Pada masa ini, kerja-kerja reka bentuk terperinci sedang dijalankan oleh Jurutera Perunding dan dijangka siap hujung tahun ini. Tender untuk projek tersebut dijangka akan dipanggil pada tahun 2009.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Berapakah jumlah permit VESEL (Peralatan Menangkap Ikan Laut Dalam) yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu sehingga kini.

JAWAPAN : Sehingga November 2008, sejumlah 309 permit vesel laut dalam yang bermuatan 70 GRT (gross tonnage) telah dikeluarkan. Bagaimanapun, sehingga ini sejumlah 108 permit telah dibatalkan dan 78 permit dilesenkan dan vesel tersebut beroperasi.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila senaraikan mereka yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang menduduki lebih daripada 10 buah anak syarikat milik Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat di mana Kerajaan Negeri mempunyai saham, termasuk Syarikat Awam.

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Nyatakan perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan mutu kesihatan rakyat khususnya di Daerah Dungun dan adakah terdapat cadangan pembinaan hospital di daerah tersebut.

JAWAPAN :

BIL.	CADANGAN/PROJEK	STATUS
1.	Membina Hospital baru untuk Daerah Dungun	Dalam perhatian projek RMK-9 Kementerian Kesihatan Malaysia
2.	Projek Menaiktaraf Bangunan Unit Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Klinik Kesihatan AMBS (Projek RM5 juta)	Dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada 1 Jun 2009
3.	Projek menyiapkan bangunan Unit X-ray Klinik Kesihatan Ketengah Jaya (Projek RM5 juta)	Dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada 1 Jun 2009
4.	Projek membina Klinik Kesihatan Kuala Dungun	Dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada 1 Mac 2009

5.	Projek Menaiktaraf Klinik Kesihatan i. Klinik Kesihatan Kuala Abang ii. Klinik Kesihatan Paka ii. Klinik Kesihatan Ketengah Jaya iv. Klinik Kesihatan Bukit Besi v. Klinik Kesihatan Jerangau	Dalam proses pembinaan
6.	Projek mendirikan Klinik Kesihatan i. Klinik Kesihatan Kampung Nyior, Paka ii. Klinik Kesihatan Dendang, Jerangau iii. Klinik Kesihatan Bandar 1, Rasau iv. Klinik Kesihatan Batu 7 v. Klinik Kesihatan Paka	Dalam proses perolehan tanah
7.	Projek mendirikan Klinik Desa i. Klinik Desa Gong Pasir, Dungun ii. Klinik Desa Rantau Abang iii. Klinik Desa Lintang, Jerangau iv. Klinik Desa Minda Talong v. Klinik Desa Santong vi. Klinik Desa Kerteh 5 vii. Klinik Desa Serdang	Dalam proses perolehan tanah
8.	Projek-projek penyelenggaraan dan membaik pulih kemudahan hospital dan klinik kesihatan:- i. Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kuala Dungun	Dalam tempoh perbincangan spesifikasi

9.	Projek-projek penyelenggaraan infrastruktur awam (PIA) dan projek infrastruktur asas (PIAS) untuk Klinik Desa • Klinik Desa Jerangau Barat • Klinik Desa Nerang • Klinik Desa Dendang • Klinik Desa Kuala Jengai • Klinik Desa Jongok Batu • Klinik Desa Pasir Raja • Klinik Desa Padang Pulut • Klinik Desa Delong • Klinik Desa Bandar B 1 • Klinik Desa Kampung Nyior • Klinik Desa Durian Mentangau • Klinik Desa Sura • Klinik Desa Padang Jambu • Klinik Desa Tok Kah • Klinik Desa Pulau Serai	Dalam tempoh perbincangan spesifikasi

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah keluaran Melon 'Golden Langkawi' atau Melon lain yang dihasilkan melalui projek Fertigasi Mega, setiap bulan sejak 2006 hingga Jun 2008.

JAWAPAN :

Tahun	Bil. Peserta	Varieti Golden Langkawi		Varieti Glamour	
		Hasil (MT)	Hasil (MT)	Hasil (MT)	Hasil (MT)
2006	Tiada aktiviti penanaman (kerja menyiapkan struktur tanaman bermula November 2006)				
2007					
Mei	20			22.6	62,884.70
Jun	20			22.6	62,884.70
Julai	20			22.6	62,884.70
September	18			20.34	56,596.14
Oktober	16	18.08	56,847		

2008					
April	40			64.9	191,455.00
Mei	50			81	238,950.00
Jun	40			64.9	191,455.00
Julai	51			82.62	243,729.00

SOALAN 3 : Berapakah hasil Melon tersebut yang dieksport ke luar negara dan yang dipasarkan dalam pasaran tempatan.

JAWAPAN : Laporan Jualan Program Fertigasi Mega Bagi Pengeluaran Rock Melon.

TAHUN	**TEMPATAN**		**EKSPORT**	
	RM	**M.T**	**RM**	**M.T**
2007	52,500	2.1	98,986.67	32
2008	706,183.59	220	-	-

SOALAN 4 : Sebutkan jumlah keluasan tanaman limau madu yang diusahakan oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan syarikat-syarikat persendirian di Negeri Terengganu sehingga kini.

JAWAPAN : Jumlah keseluruhan Projek Limau Madu yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan syarikat-syarikat lain di Lembah Limau (Citrus Valley) Kampung Durian Mentangau adalah seluas 1,414 hektar. Keluasan bagi Fasa I yang telah diusahakan ialah 600 hektar. Manakala keluasan untuk Fasa II dan 814 hektar yang akan dibangunkan bermula pada tahun 2009.

SOALAN 5 : Sila nyatakan bilangan kes kejadian rogol, buang anak, khalwat, sumbang mahram yang berlaku di Daerah Dungun sejak tahun 2005 hingga 2008 dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Bilakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan pembinaan 'waterfront' di Kuala Berang, Hulu Terengganu?

JAWAPAN : Pelan Pembangunan projek 'Waterfront' telah disediakan oleh MDHT dengan kerjasama pihak perunding lanskap dan telah dikemukakan kepada Kementerian Pelancongan untuk mendapatkan peruntukan. Pihak kementerian telah memberi maklum balas dengan menyatakan bahawa buat masa ini pihak kementerian tidak mempunyai cukup peruntukan untuk membiayai projek tersebut (anggaran kos RM12 juta). Namun begitu, ianya telah mencadangkan supaya mengemukakan semula untuk pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan secara berperingkat terutamanya untuk kerja-kerja menambak dan membenteng kawasan berkenaan. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri sedang membuat kajian terutamanya untuk merangka skop projek dan jumlah peruntukan yang diperolehi.

SOALAN 2 : Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk menarik pelancong melawat Memorial Batu Bersurat di Hulu Terengganu sempena TMT 2008 dan bilangan kehadiran pelancong tahun 2008 ke tempat tersebut?

JAWAPAN : Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong melawat Memorial Batu Bersurat di Hulu Terengganu, pihak Lembaga Muzium Negeri telah mengambil inisiatif mengeluarkan risalah Memorial Batu Bersurat dalam risalah utama Lembaga Muzium Negeri, mempamerkan maklumat melalui kain rentang dan bunting di lokasi-lokasi strategik di sekitar bandar Kuala Berang, membuat pemberitahuan melalui stesen radio tempatan di samping memberi penerangan dan makluman kepada pengunjung-pengunjung di Kompleks Muzium Negeri berkenaan Memorial Batu Bersurat.

Pelbagai program dan aktiviti juga diadakan di kawasan Memorial Batu Bersurat oleh pihak Lembaga Muzium Negeri dan jabatan-jabatan lain sebagai usaha menonjolkan lokasi ini sebagai tarikan pelancong di Daerah Hulu Terengganu. Ini termasuk majlis perasmian homestay, sebagai salah satu destinasi program jejak warisan dan acara-acara lain di peringkat daerah.

Bersempena dengan sambutan TMT 2008, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan proaktif ke arah menonjolkan produk-produk berunsurkan identiti sejarah dan warisan negeri.

Di bawah pemantauan Sekretariat TMT 2008, maklumat berkenaan Memorial Batu Bersurat di Hulu Terengganu juga telah dimasukkan di dalam risalah Terengganu Travel Guide yang dibuat khas sempena Tahun melawat Terengganu 2008 dan diedarkan dalam Bahasa Inggeris, Mandarin, Arab dan Jerman melalui penyertaan Kerajaan Negeri dalam ekspo-ekspo pelancongan dalam dan luar negara di negara-negara Eropah, Timur Tengah, Asia Tenggara dan Asia Timur.

Mengikut statistik yang diperolehi daripada Lembaga Muzium Negeri, daripada Januari 2008 sehingga November 2008, seramai 3,339 orang pelancong telah direkodkan melawat Memorial Batu Bersurat di Kampung Buluh, Kuala Berang.

Sehingga Oktober 2008, data yang diperolehi daripada UPEN menunjukkan sejumlah 3.1 juta pelancong telah berkunjung ke Negeri Terengganu. Dengan sasaran 3.5 juga pelancong, Kerajaan Negeri amat yakin sasaran tersebut dapat dicapai. Jumlah bilik penginapan juga telah bertambah kepada 7,813 buah bilik berbanding dengan sejumlah 7,175 buah bilik yang direkodkan pada tahun 2007.

Selain daripada itu, Lembaga Muzium Negeri juga bercadang menambahkan bilangan papan tunjuk arah ke Memorial Batu Bersurat, mengadakan usaha sama dengan agensi-agensi pelancongan tempatan mewujudkan pakej pelancongan 'Histro-Eco Tourism' yang merangkumi destinasi-destinasi bersejarah di Hulu Terengganu dan Tasik Kenyir.

Lembaga Muzium Negeri juga bercadang menganjurkan Seminar Batu Bersurat yang dijadualkan berlangsung dari 14 - 15 Mac 2009 sebagai usaha memartabatkan identiti sejarah dan warisan negeri yang menjadi salah satu produk pelancongan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Pusat Tulisan Jawi di Memorial Batu Bersurat di Kuala Berang sebagaimana yang dijanjikan.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri memang mempunyai perancangan untuk pembinaan Pusat Tulisan Jawi. Walau bagaimanapun, projek ini perlu dikaji mengikut keutamaan agihan Kerajaan Negeri dan lokasi projek ini. Keutamaan Kerajaan Negeri adalah untuk melaksanakan projek-projek yang akan memberi kesan langsung kepada peningkatan pendekatan rakyat dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Projek ini akan dilaksanakan apabila tiba masa sebenar belum dapat dimuktamadkan.

SOALAN 4 : Terdapat perbezaan pembangunan yang terlalu begitu ketara di antara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan Majlis Daerah Hulu Terengganu

yang merupakan rangkaian strategik dengan Lebuhraya Pantai Timur 2 dan Lebuhraya Kuala Berang - Simpang Pulai. Apakah pembangunan tersebut selari dengan kehendak Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : Dalam konteks perancangan bandar dan merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Terengganu yang telah diwartakan, tumpuan pembangunan lebih difokuskan kepada kawasan MBKT berbanding dengan kawasan MDHT adalah kerana ianya sesuai dengan peranan dan fungsinya sebagai pusat utama negeri mengikut hirarki Perbandaran Negeri Terengganu. Walaupun demikian, Bandar Kuala Berang tidak diabaikan kerana ianya mempunyai peranan dan fungsinya tersendiri sebagai pusat daerah yang utama bagi kawasan MDHT.

Dengan wujudnya 2 persimpangan rangkaian jalan utama wilayah iaitu LPT 2 dan jalan raya (bukan lebuh raya) Kuala Berang - Simpang Pulai, kedudukan kawasan MDHT mempunyai potensi yang besar di masa hadapan untuk membangun sebagai bandar persinggahan atau bandar transit.

Pembinaan laluan yang memendekkan masa perjalanan dari Pantai Barat dan Negeri Terengganu ini akan membuka banyak peluang ekonominya terutamanya dalam bidang pelancongan.

SOALAN 5 : Usaha-usaha Kerajaan untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan fizikal masjid-masjid daerah di Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan fizikal masjid-masjid daerah di Terengganu.

Di antara usaha-usaha dari sudut pengurusan masjid-masjid di daerah yang dijalankan ialah:-

1. Kursus ICT

   Mengadakan kursus ICT kepada Pegawai/Ahli Jawatankuasa Masjid.

2. Lawatan Berinformasi

Memperkasakan pengetahuan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid dengan memberi pendedahan melalui lawatan berinformasi ke Johor dan Singapura bagi memperoleh ilmu pengurusan masjid-masjid yang berjaya.

3. Menaikkan Elaun Hadir Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Masjid

Memotivasikan Ahli Jawatankuasa Masjid dengan menaikkan kadar elaun hadir mesyuarat dari RM5.00 kepada RM20.00 sekali hadir berkuat kuasa mulai 1.1.2009. Dengan kenaikan kadar ini diharapkan Jawatankuasa Masjid lebih aktif untuk memajukan dan mengimarahkan masjid.

4. Kursus Imamah

Mulai 2008 Kerajaan melalui JHEAT telah mengadakan program latihan Imamah kepada calon-calon yang berminat. Tempoh latihan ini ialah selama dua (2) bulan dengan memberi elaun galakan sebanyak RM250.00 sebulan. Tempat latihan dijalankan di Institut Al-Quran Terengganu. Program ini sebagai persediaan untuk menyediakan calon Imam bagi mengisi kekosongan yang wujud di masjid-masjid di semua daerah.

5. Cadangan Memberi Elaun Galakan Kepada Pengerusi/Setiausaha/Bendahari Masjid

Kerajaan membuat kajian kemungkinan menyediakan elaun khas kepada Pentadbir Masjid bagi menggalakkan mereka lebih peka dan berinovatif dalam mentadbir/mengurus masjid.

6. Penempatan Pegawai Hal Ehwal Islam S41

   Setiap daerah akan ditempatkan seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 sebagai membantu Pegawai Agama Daerah. Fungsi utama pegawai ini ialah memberi tumpuan kepapda pengurusan dalam hal ehwal pentadbiran masjid di daerah.

7. Pusat Latihan Kakitangan JHEAT

   Kerajaan juga akan menubuhkan sebuah Pusat Latihan Kakitangan. Bangunan bekas Sekolah Menengah Agama Batu Rakit, Kuala Terengganu akan dijadikan Pusat Latihan Kakitangan JHEAT. Pusat ini akan menjalankan pelbagai kursus/ latihan kepada pegawai/kakitangan jabatan/ agensi agama di negeri ini termasuklah Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid.

Manakala di antara usaha-usaha yang dijalankan dari sudut pembangunan fizikal masjid-masjid di daerah pula adalah sebagaimana berikut:-

1. Sehingga kini Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM643,200.00 setahun bagi tujuan pembayaran upah membersih tandas dan persekitaran di 134 buah masjid di seluruh negeri. Kadar upah yang diberikan adalah sebanyak RM400.00 sebulan. Selain daripada itu, kontrak pembersihan telah dilaksanakan di tiga (3) buah masjid terpilih iaitu Masjid Abidin (Masjid Negeri), Masjid tengku Tengah Zaharah (Masjid Terapung) dan Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang dengan kos tahunan sebanyak RM98,400.00 setahun.

2. Bagi tujuan pembaikian kecil hampir RM800,000.00 setahun diperuntukkan. Kerja-kerja yang dijalankan termasuklah menukar karpet yang lama, membaik pulih tandas, naik taraf tempat wuduk, membaiki kebocoran kecil atap, mengecap semula, wiring dan lain-lain kerja bersangkutan.

3. Bagi kerja-kerja yang melibatkan amaun kewangan yang besar, peruntukan akan dipohon terus daripada pihak UPEN (Infrastruktur) dan Setiausaha Kerajaan, masing-masing di bawah peruntukan P.02 dan juga B.32 untuk pertimbangan. Terdapat juga keadaan di mana setengah-setengah masjid memperolehi peruntukan terus daripada pihak JKR dan juga Jabatan Pembangunan Negeri.

4. Bermula tahun 2007, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah diluluskan 2 jawatan teknikal baru yang akan bertanggungjawab terus kepada usaha-usaha pembangunan masjid di seluruh negeri. Juruteknik (J27) dan Pembantu Juruteknik (J17) yang masih belum diisi, ini akan membantu Penolong Pesuruhjaya (Pembangunan N41) melaksanakan kerja-kerja perancangan pembangunan untuk semua masjid dalam negeri.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14 HINGGA 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.11.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Berapakah garis kemiskinan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri pada hari ini dan nyatakan :-

a. Berapa kadar kemiskinan Negeri Terengganu sekarang?

b. Berapa ramaikah bilangan keluarga miskin mengikut daerah?

c. Negeri Terengganu berada di kedudukan (ranking) ke berapakah dari segi kadar kemiskinan dalam Negara ini.

JAWAPAN : a) Berdasarkan laporan kadar kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) kadar kemiskinan di Negeri Terengganu sekarang ialah 5.4% miskin dan 0.7% miskin tegar. (Laporan tahun 2007).

b) Jumlah keluarga miskin mengikut daerah sebagaimana yang didaftarkan dalam Sistem eKasih adalah seperti berikut :-

Daerah	Bil Kemiskinan		Jumlah
	Miskin Tegar	Miskin	
Kuala Terengganu	1,327	2,986	4,313
Hulu Terengganu	185	373	558
Besut	840	956	1,796
Marang	505	827	1,332
Dungun	195	345	540
Kemaman	180	453	633
Setiu	527	623	1,150
Jumlah Keseluruhan	**3,759**	**6,563**	**10,322**

c) Negeri Terengganu menduduki ranking negeri ke-4 miskin dari segi kadar kemiskinan Negara.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah bot nelayan yang berdaftar di seluruh Negeri Terengganu dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada nelayan-nelayan di seluruh Negeri Terengganu terutama berhadapan dengan musim tengkujuh?

JAWAPAN : Sejumlah 2,434 unit bot nelayan yang terdiri dari kategori bot tradisional dan juga komersil telah didaftarkan di seluruh Negeri Terengganu iaitu sampan, bot Zon A, B, C dan C2.

Pelbagai bentuk bantuan oleh Kerajaan telah diberikan kepada nelayan yang berkelayakan. Di antaranya ialah:-

i. Bantuan secara terus berbentuk insentif kepada nelayan iaitu elaun sara hidup nelayan sebanyak RM200 sebulan.

ii. Insentif pendaratan ikan sebanyak 10 sen bagi setiap kilogram ikan yang didaratkan.

iii. Program menambah dan mempelbagaikan pendapatan nelayan, peningkatan peralatan nelayan, penjanaan pendapatan nelayan dan lain-lain.

iv. Pelbagai kursus serta latihan kepada nelayan turut diadakan di Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Pusat Pengembangan Perikanan Seberang Takir, Pusat Penyelidikan dan Pengeluaran Ikan Laut, Tanjung Demong, Besut dan lain-lain.

SOALAN 3 : Senaraikan doktor-doktor pakar mengikut bidang yang bertugas di Kuala Terengganu Specialist Hospital dan berapa ramaikah pesakit yang dirawat di hospital tersebut sehingga kini.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berdasarkan usaha-usaha yang diambil oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) pada tahun 2007. Nyatakan:-

a. Jumlah pengeluaran buah Strawberi sehingga kini dari pelaksanaan projek rumah hijau Terengganu di Kampung Bukit Jong, Kuala Nerus.

b. Jumlah pengeluaran, jualan dan pendapatan setiap bulan kilang nira nipah Kampung Kelulut, Marang yang dilaksanakan oleh Koperasi Pekebun Nipah Berhad.

JAWAPAN : a. Pelaksanaan Projek Rumah Hijau Terengganu di Bukit Jong, Kuala Nerus telah dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Zull Design Autotronic pada mulai Mac 2007 bagi Tanaman Strawberi. Projek tersebut yang juga dikenali

sebagai 'Terengganu Green House' ini adalah merupakan projek cubaan bagi penanaman strawberi di kawasan tanah rendah dengan menggunakan kaedah fertigasi.

Pada peringkat pertama, sebanyak 1,200 pokok strawberi telah ditanam dan sebahagian besar daripadanya telah mengeluarkan buah. Namun begitu, pada peringkat kedua didapati pengeluaran buahnya adalah sedikit dan ia tidak menguntungkan untuk dikomersialkan.

Oleh yang demikian, model penanaman strawberi dengan menggunakan kaedah fertigasi telah ditempatkan di Taman Pertanian Sekayu, Hulu Terengganu di bawah penyeliaan Jabatan Pertanian.

b. Jumlah pengeluaran Nira Mocca Julai 2007 - April 2008.

Bil.	Bulan	Kuantiti
1.	Julai 2007	3,093 Botol
2.	Ogos 2007	8,595 Botol
3.	September 2007	6,735 Botol
4.	Oktober 2007	6,055 Botol
5.	November 2007	5,484 Botol
6.	Disember 2007	720 Botol
7.	Januari 2008	2,980 Botol
8.	Februari 2008	-
9.	Mac 2008	2,145 Botol
10.	April 2008	6,648 Botol
	JUMLAH	**42,455 Botol**

Pengeluaran nira tidak dilakukan pada masa sekarang kerana stok nira yang dibotol masih banyak dan pihak syarikat menumpukan kepada proses pengedaran produk dalam pasaran.

c. Rekod Jualan Nira Mocca:-

Bil.	Bulan	Kuantiti /botol	Jumlah (RM)
1.	Julai 2007	2,229	5,572.50
2.	Ogos 2007	900	2,250.00
3.	September 2007	1,977	4,942.50
4.	Oktober 2007	2,837	7,092.50
5.	November 2007	3,535	8,837.50
6.	Disember 2007	351	877.50
7.	Januari 2008	1,111	2,222.00
8.	Februari 2008	6,763	13,526.00
9.	Mac 2008	730	1,460.00
10.	April 2008	1,078	2,156.00
11.	Mei 2008	2,676	5,352.00
12.	Jun 2008	1,131	2,148.90
13.	Julai 2008	1,055	2,004.50
14.	Ogos 2008	3,218	6,114.20
15.	September 2008	741	1,482.00
16.	Oktober 2008	1,265	2,403.50
17.	November 2008	1,857	3,528.30
Jumlah		**33,454 Botol**	**RM71,969.50**

SOALAN 5 : Nyatakan kekerapan penggunaan dan kos sewaan helikopter oleh YAB Menteri Besar dan ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2005 hingga 2007.

JAWAPAN : Tiada pembayaran dibuat bagi kos sewaan helikopter dari tahun 2005 hingga 2007.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 14, 15, 16, 17 DAN 18 DISEMBER 2008 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.12.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Apakah pihak Kerajaan membiayai penerbangan MAS untuk para haji pada tahun ini dan berapakah kos pembiayaan tersebut?

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Nyatakan kos sebenar dan kontraktor yang terlibat dalam pembaikian Masjid Kg. Surau Haji Yaakob?

JAWAPAN :

Tajuk - Kerja-kerja Membaikpulih Masjid di Kampung Surau Haji Yaakob terutama lantai dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya di Kampung Surau Haji Yaakob, Marang, Terengganu

Pemborong - Perniagaan Wahyu Rufaiza
JA-5, Kampung Jerong Surau
Wakaf Tapai, Marang, Terengganu.

Harga - RM61,530.00

Peruntukan - P17 (Bajet 2008)

SOALAN 3 : Berapakah anggaran pampasan yang akan dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri daripada pengambilan segala hak milik Kolej (A) Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang diserahkan kepada pihak Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan bilakah pampasan tersebut akan dibayar?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri masih lagi dalam proses perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dalam pengambilan segala hak milik Kolej Agama Sultan Zainal Abidin yang diserahkan kepada pihak Universiti Darul Iman Malaysia. Perbincangan tersebut memakan masa bagi memastikan Kerajaan Negeri tidak rugi dan tidak terlalu membebankan Kerajaan Persekutuan. Perbincangan ini mengambil pendekatan 'win-win situation'.

Pampasan tersebut akan dibayar setelah perbincangan antara kedua-duanya selesai.

SOALAN 4 : Berapakah kos pembinaan pasar Kampung Laut, Kuala Terengganu?

JAWAPAN : Kos pembinaan Pasar Kampung Laut, Kuala Terengganu adalah berjumlah RM340,900.00.

SOALAN 5 : Berapakah kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan dalam penganjuran Program Kuda Sokmo?

JAWAPAN : Menurut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali 23/2008 pada 3 September 2008, kelulusan telah diberi sebanyak RM3.5 juta bagi penganjuran Kejohanan Endurance Ride di Permatang Seratus, Marang, Terengganu pada 1 dan 2 November 2008 dan Pertunjukan Kuda Kebangsaan 2008 ('Kuda Sokmo' hanya sebagai slogan yang dicipta oleh Pengurus Acara) di Terengganu Equestrian Resort (TER), Kuala Ibai, Kuala Terengganu dari 31 Oktober 2008 hingga 2 November 2008.

Dari peruntukan tersebut, sebanyak RM1 juta telah disalurkan kepada Pejabat Daerah Marang bagi kerja-kerja penyediaan tapak dan kerja-kerja berkaitan. Manakala sebanyak RM2.5 juta lagi disalurkan kepada Royal Terengganu Endurance Stable (RTES) selaku Pengurus Acara bagi kedua-dua acara berkenaan.

Dicetak oleh

Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu.
Tel: 09-666 8611/6652/8601
Faks: 09-666 0611/0063